

**PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA
DI SELANGOR, 1884-1941**

JAYA GANNESAN A/L SELA SUNDAM

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2024

**PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT
INDIA DI SELANGOR, 1884-1941**

JAYA GANNESAN A/L SELA SUNDRAM

**DISERTASI INI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2024

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Jaya Gannesan A/L Sela Sundram**

No. Matrik: **S2113840/1**

Nama Ijazah: **Ijazah Sarjana Sastera**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):
Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat India Di Selangor, 1884-1941

Bidang Penyelidikan: **Sejarah Malaysia**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 29/3/24

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 29/3/24

Nama:

Jawatan

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan perkembangan sosioekonomi masyarakat India di Selangor dengan memberikan penekanan terhadap aspek ekonomi, pendidikan dan kesihatan antara tempoh 1884 hingga 1941. Kehadiran orang India ke Selangor mempunyai kaitan dengan pengenalan ekonomi komersial terutamanya tanaman kopi dan getah. Pembukaan kawasan ladang getah yang dilakukan secara besar-besaran pada awal abad ke-20 telah membawa kepada peningkatan jumlah orang India di Selangor. Kajian ini mempunyai beberapa persoalan. Antaranya ialah sejauh mana penglibatan masyarakat India dalam pembangunan sosioekonomi di Selangor? Persoalan lain ialah apakah keadaan kesihatan dalam kalangan masyarakat India di Selangor? Antara objektif kajian adalah untuk membincangkan penglibatan masyarakat India dalam Pembangunan sosioekonomi di Selangor terutamanya perkembangan pendidikan dan kesihatan dalam kalangan masyarakat India di Selangor. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif dengan berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi daripada kajian arkib dan perpustakaan. Sumber-sumber pertama seperti Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Fail Pejabat Tanah Jajahan (CO 273 dan CO 717), Laporan Tahunan Selangor mengikut jabatan serta dokumen rasmi kerajaan lain telah dirujuk dalam kajian ini. Mengikut data dan maklumat yang diperolehi, kajian ini membuktikan penglibatan orang India dalam pelbagai aspek sama ada ekonomi mahupun sosial. Kajian ini sangat penting dalam menonjolkan kehidupan masyarakat India di Selangor dalam tempoh kajian. Selain itu, kajian ini penting kerana mampu memperjelaskan aspek pekerjaan, pendidikan dan kesihatan orang India di Selangor secara terperinci. Antara hasil dapatan kajian ini ialah wujudnya kepelbagaian dalam melihat aktiviti ekonomi orang India di Selangor. Meskipun buruh ladang merupakan sektor utama, namun didapati, terdapat sektor-sektor lain yang turut melibatkan orang India. Ini bermakna kajian ini menolak pandangan sebelum ini yang meletakkan seolah-olah 100 peratus orang India di Selangor hanyalah sebagai buruh ladang semata. Dapatan lain pula menunjukkan kesukaran-kesukaran yang terpaksa dihadapi oleh kalangan orang India terutama dalam menghadapi ancaman pelbagai jenis penyakit berjangkit. Malahan tekanan mental yang besar juga menyebabkan ada di antara mereka yang mengambil keputusan membunuh diri.

Kata Kunci: Sejarah Selangor, Masyarakat India, Ekonomi, Pendidikan, Kesihatan

ABSTRACT

This study discusses the socioeconomic development of the Indian community in Selangor with an emphasis on economic, educational and health aspects between 1884 and 1941. The presence of Indians in Selangor is related to the introduction of the commercial economy, especially coffee and rubber plantations. The large-scale opening of rubber plantations at the beginning of the 20th century opened the way for an increase in the number of Indians in Selangor. This study has several questions. Among them is the extent of the involvement of the Indian community in social and economic development in Selangor? Another question is what is the state of health among the Indian community in Selangor? Among the objectives of this study is to discuss the involvement of the Indian community in economic and social development in Selangor, especially the development of education and health among the Indian community in Selangor. This study uses a qualitative analysis approach based on data and information obtained from archival and library studies. The first sources such as the Selangor State Secretary's File, the Colonial Office File (CO 273 and CO 717), the Selangor Annual Report by the department as well as other official government documents have been consulted in this study. According to the data and information obtained, this study proves the involvement of Indians in various aspects, whether economic or social. This study is very important in highlighting the life of the Indian community in Selangor during the study period. In addition, this study is important because it explains in detail the employment, education and health aspects of Indians in Selangor. Among the findings of this study is the existence of diversity in looking at the economic activities of Indians in Selangor. Although farm labour is the main sector, it is found that there are other sectors that also involve Indians. This means that this study rejects the previous view that places as if 100 percent of Indians in Selangor are just farm laborers. Other findings show the difficulties faced by Indians, especially when facing the threat of various types of infectious diseases. In fact, great mental pressure also caused some of them to commit suicide.

Keywords: Selangor History, Indian Society, Economy, Education, Health

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana tesis ini telah berjaya disiapkan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia) dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, penulis juga bersyukur kerana segala masalah dan kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan telah berjaya diselesaikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Dr. Azharudin Mohamed Dali, selaku penyelia tesis yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar serta membimbing penulis sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberikan dorongan serta kata-kata semangat kepada penulis bagi menyempurnakan hasil kajian ini. Begitu juga kepada semua kakitangan Jabatan Sejarah, Univerisiti Malaya yang banyak memberikan bantuan yang berharga.

Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga tercinta Sela Sundram Letchumanan (Ayah), Rajamoney Rasaiah (Ibu), Nagammah Sinnasamy (Nenek) serta adik tersayang Kottham Lakshman Sela Sundram yang tidak jemu memberikan semangat dan sokongan fizikal dan mental sepanjang tempoh saya menyiapkan tesis ini. Di samping itu, ucapan terima kasih juga ditunjukkan kepada sahabat-sahabat perjuangan Ahmad Khairol Shafizan bin Johari, Muhammad Aslah Akmal bin Azmi, Muhammad Aslam bin Abdul Aziz, Karthiayini Katigason, Nurfatin Alisa binti Misly, Yogatharani Gunasegaran, Vijayakumari Mathavan, Kavitha R.Kumar, Jegan Nair Sukumaran, Che Rahmah binti Ali, Charukkai Saigran dan Thineswry Ratna Krishnan yang memberikan pertolongan, dorongan dan sokongan moral kalian yang amat bernilai.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
Abstrak	i
Abstract.....	ii
Penghargaan.....	iii
Isi Kandungan.....	iv
Senarai Jadual.....	viii
Senarai Carta.....	x
Senarai Peta.....	x
Senarai Gambar.....	xi
Senarai Lampiran.....	xii
Senarai Kependekan.....	xiii
 BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Persoalan Kajian.....	5
1.3 Objektif Kajian.....	6
1.4 Skop Kajian.....	6
1.5 Ulasan Literatur.....	8
1.5.1 Sejarah Masyarakat India: Ekonomi, Sosial Dan Ekonomi.....	9
1.5.2 Masyarakat India Di Selangor.....	26
1.6 Kepentingan Kajian.....	30
1.7 Kaedah Dan Sumber Penyelidikan.....	31
1.8 Pembahagian Bab.....	34
 BAB 2	
SEJARAH KEDATANGAN	
2.1 Pengenalan.....	37
2.2 Latar Belakang Selangor.....	38
2.2.1 Asal Usul Nama Selangor.....	38

2.2.2 Kedudukan Geografi Dan Ekonomi.....	41
2.2.3 Sistem Pemerintahan.....	42
2.2.4 Masyarakat.....	47
2.3 Penjelasan Mengenai Maksud Masyarakat India.....	49
2.4 Kedatangan Masyarakat India Ke Selangor.....	57
2.5 Cara Kemasukan Masyarakat India Ke Selangor.....	62
2.5.1 Sistem Surat Perjanjian Dan Kontrak.....	62
2.5.2 Sistem Kangani.....	65
2.5.3 Sistem Sukarela.....	69
2.6 Proses Penempatan Masyarakat India Di Selangor.....	73
2.7 Kesimpulan.....	78

BAB 3

PERKEMBANGAN ASPEK PEKERJAAN

3.1 Pengenalan.....	79
3.2 Penglibatan Orang India Dalam Pelbagai Jenis Sektor Pekerjaan.....	80
3.2.1 Sektor Perladangan.....	80
3.2.2 Sektor Perkhidmatan.....	98
3.2.2.1 Perburuhan.....	98
3.2.3 Perkhidmatan Awam Bukan Buruh.....	103
3.2.3.1 Sektor Perubatan.....	105
3.2.3.1.1 <i>Dresser</i> Atau Pembantu Doktor.....	105
3.2.3.1.2 <i>Apothecary</i> Atau Ahli Farmasi.....	108
3.2.3.2 Sektor Pendidikan.....	109
3.2.3.3 Sektor Perniagaan.....	112
3.3 Masalah Dan Cabaran Dalam Kalangan Pekerja India.....	116
3.3.1 Kelewatan Pembayaran Gaji.....	116
3.3.2 Layanan Buruk.....	117
3.3.3 Perselisihan Sesama Sendiri.....	118
3.4 Kesimpulan.....	120

BAB 4

PERKEMBANGAN ASPEK PENDIDIKAN

4.1 Pengenalan.....	121
4.2 Perkembangan Sekolah Tamil Di Tanah Melayu.....	122
4.3 Perkembangan Sekolah Tamil Di Selangor.....	124
4.4 Jenis Sekolah Tamil.....	126
4.4.1 Sekolah Ladang.....	127
4.4.2 Sekolah Kerajaan.....	130
4.4.3 Sekolah Mubaligh.....	135
4.4.4 Sekolah Jabatan.....	137
4.5 Kurikulum.....	144
4.6 Peperiksaan.....	151
4.7 Geran Bantuan.....	154
4.8 Buku Teks.....	159
4.9 Guru.....	159
4.10 Kesimpulan.....	163

BAB 5

PERKEMBANGAN ASPEK KESIHATAN

5.1 Pengenalan.....	165
5.2 Kemudahan Kesihatan.....	166
5.2.1 Pusat Kuarantin Pelabuhan Swettenham.....	166
5.2.2 Hospital Ladang.....	171
5.2.3 Perubatan Tradisional.....	174
5.2.3.1 Kaedah Perubatan.....	175
5.2.3.2 Penggunaan Ubat-Ubat Tradisional.....	177
5.3 Penyebaran Penyakit Berjangkit.....	180
5.3.1 Malaria.....	180
5.3.2 <i>Ankylostomiasis</i> (Penyakit Usus).....	186
5.3.3 Kolera.....	189
5.3.4 Disentri.....	196
5.4 Kes Bunuh Diri.....	199
5.5 Kesimpulan.....	203

BAB 6

KESIMPULAN.....	206
BIBLIOGRAFI.....	218
LAMPIRAN.....	230

Universiti Malaya

SENARAI JADUAL

TAJUK	HALAMAN
Jadual 2.1: Jumlah Bilangan Masyarakat India di Selangor bagi tahun 1921 Mengikut Etnik-Etnik.....	51
Jadual 2.2: Jumlah Bilangan Masyarakat India di Selangor bagi tahun 1921 Mengikut Etnik-Etnik.....	52
Jadual 2.3: Jumlah Populasi Masyarakat India di Selangor.....	60
Jadual 2.4: Bilangan Buruh India yang Dibawa Masuk ke Selangor.....	72
Jadual 2.5: Bilangan Buruh India di Sektor Kerajaan dan Swasta di Selangor.....	73
Jadual 3.1: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Kuala Lumpur, 1921-1938.....	84
Jadual 3.2: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Klang, Selangor, 1921-1938.....	85
Jadual 3.3: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Kuala Selangor, Selangor, 1921-1938.....	87
Jadual 3.4: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Kuala Langat, Selangor, 1921-1938.....	88
Jadual 3.5: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Ulu Selangor, Selangor, 1921-1938.....	90
Jadual 3.6: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Ulu Langat, Selangor, 1921-1938.....	92
Jadual 3.7: Jumlah Upah bagi Penoreh Getah di Selangor, 1926-1936	94
Jadual 3.8: Jumlah Upah bagi Buruh Kerja Lapangan Getah di Selangor, 1926-1936.....	95
Jadual 3.9: Jumlah Upah bagi Buruh Stor dan Kilang di Selangor.....	95
Jadual 3.10: Jumlah Bilangan Buruh India dalam Jabatan Kerja Raya di Selangor, 1929-1937.....	101
Jadual 3.11: Jumlah Bilangan Buruh Kerajaan dalam Sanitary Board di Selangor.....	102
Jadual 3.12: Bilangan <i>Dresser</i> di Jabatan Perubatan, Selangor bagi tahun 1906.....	106

SENARAI JADUAL

Jadual 3.13: Bilangan <i>Dresser</i> di Jabatan Perubatan, Selangor bagi tahun 1909.....	106
Jadual 3.14: Bilangan Guru Tamil yang berkhidmat di Sekolah Inggeris, Selangor 1922-1932.....	111
Jadual 4.1: Senarai Sekolah Tamil di Daerah Klang, 1910-1941.....	126
Jadual 4.2: Jumlah Sekolah Ladang di Selangor.....	128
Jadual 4.3: Bilangan Pelajar di Sekolah-Sekolah Ladang di Selangor.....	128
Jadual 4.4: Bilangan Pelajar di Sekolah Kerajaan Tamil Kuala Lumpur, 1886-1906	132
Jadual 4.5: Jumlah Peljar di Sekolah Kerajaan Tamil Klang, 1904-1929.....	134
Jadual 4.6: Purata Kelulusan Peperiksaan Tahunan Sekolah Kerajaan Tamil, Klang.....	153
Jadual 4.7: Bilangan Sekolah Tamil yang Menerima Geran Bantuan Kewangan.....	155
Jadual 4.8: Jumlah Bilangan Guru di Sekolah Tamil, Selangor.....	162
Jadual 5.1: Bilangan Kes Malaria Dalam Kalangan Orang India di Selangor, 1930-1935.....	181
Jadual 5.2: Bilangan Kes Kolera di Kawasan Ladang, Selangor.....	191
Jadual 5.3: Bilangan Kes Disentri di Selangor 1930, 1933 dan 1935.....	196
Jadual 5.4: Kes Bunuh Diri dalam Kalangan Masyarakat India di Selangor.....	203

SENARAI CARTA

TAJUK	HALAMAN
Carta Pai 2.1: Jumlah Bilangan Masyarakat India di Selangor Bagi Tahun 1921 Mengikut Etnik	51
Carta Pai 2.2: Jumlah Bilangan Masyarakat India Di Selangor Bagi Tahun 1931 Mengikut Etnik.....	52
Carta Bar 4.1: Jumlah Bilangan Guru di Sekolah-Sekolah Tamil, Selangor.....	162

SENARAI PETA

TAJUK	HALAMAN
Peta 2.1 Negeri Selangor Pada Kurun ke-20.....	42
Peta 4.1 Bilangan Sekolah Tamil di Selangor pada tahun 1900-an.....	140
Peta 4.2 Bilangan Sekolah Tamil di Selangor pada tahun 1910-an.....	141
Peta 4.3 Bilangan Sekolah Tamil di Selangor pada tahun 1920-an.....	142
Peta 4.4 Bilangan Sekolah Tamil di Selangor pada tahun 1930-an.....	143

SENARAI GAMBAR

TAJUK	HALAMAN
Gambar 2.1: Buruh Dari India Tiba di Jeti Pelabuhan Swettenham Untuk Bekerja di Ladang Pada Pertengahan Tahun 1900.....	61
Gambar 3.1: Buruh India Yang Bekerja di Ladang.....	83
Gambar 3.2: Buruh India Bekerja di Kilang Getah.....	83
Gambar 3.3: Pengurus Eropah Membayar Gaji Kepada Pekerja Ladang.....	96
Gambar 3.4: Buruh-Buruh India Sedang Membaiki Jalan di Kuala Lumpur.....	100
Gambar 4.1: Sekolah Ladang Seafield, Sungai Way Selangor.....	130
Gambar 4.2: Pelajar dan Guru di Sekolah Ladang Tamil.....	160
Gambar 5.1: Persatuan Nattukottai Chettiar Klang memberikan makanan kepada buruh-buruh India di Jeti Pelabuhan Swettenham.....	170
Gambar 5.2: Hospital Ladang.....	171
Gambar 5.3: Penjual Ubat Tradisional Jalanan.....	175
Gambar 5.4: Risalah Mengenai Kelambu Kantil Sebagai Perlindungan Malaria.....	185

SENARAI LAMPIRAN

TAJUK	HALAMAN
Lampiran 1: Ordinan 1884 Yang Membenarkan Kemasukan Masyarakat India Ke NNMB Secara Rasmi.....	229
Lampiran 2: Borang Kontrak Buruh India.....	230
Lampiran 3: Borang Kebenaran Menjadi Pengrekrut Buruh India.....	231
Lampiran 4: Enakmen Tabung Migrasi Buruh India 1907.....	232
Lampiran 5: Aduan Daripada Penduduk Jaffna Tamil kepada Resident Selangor.....	233
Lampiran 6: Pelan Sekolah Tamil Kuala Lumpur Bagi Tahun 1893.....	234
Lampiran 7: Keputusan Peperiksaan Tahunan Sekolah Kerajaan Tamil Klang Tahun 1912.....	235
Lampiran 8: Sijil Pemberian Geran Kepada Sekolah Tamil.....	236

SENARAI KEPENDEKAN

CIAM	Central Indian Association of Malaya
CO	Colonial Office
DEB	Dasar Ekonomi Baru
Ed.	Editor
F.M.S	Federated Malay States
HCO	High Commissioner's Office
hlm	Halaman
INA	Indian National Army
ISEAS	Institute of Southeast Asian Studies
JMBRAS	Journal of The Malayan Branch Royal Asiatic Society
MAS	Malay Administrative Service
MCA	Malaysian Chinese Association
MCS	Malayan Civil Service
MF	Microfilm
MIC	Malayan India Congress
MISC	Miscellaneous
No	Nombor
NNM	Negeri-Negeri Melayu
NNMB	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
NNS	Negeri-Negeri Selat
NUPW	National Union Plantation Workers
PKM	Parti Komunis Malaya
PP	Peoples Progressive Party
S.B.K	Sanitary Board Klang
SF	Socialist Front
SUK SEL	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
UMNO	United Malays National Organisation
Vol	Volume

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini memberikan perhatian kepada sejarah sosioekonomi masyarakat India di negeri Selangor. Aspek sosioekonomi merupakan antara aspek dalam pensejarahan Malaysia yang sering kali diberikan perhatian oleh kalangan sejarawan. Kajian-kajian sosioekonomi merupakan antara genre sejarah yang mendapat perhatian pengkaji sejarah. Dalam banyak keadaan, kajian-kajian yang dilakukan seringkali menggabungkan politik atau sosial dengan aspek lain seperti tulisan Ishak Saat bertajuk *Sejarah Sosiobudaya Melayu*¹ atau Mahayudin Haji Yahaya bertajuk *Sejarah Politik dan Sosiobudaya Masyarakat Islam*² dan Azmah Abdul Manaf yang menghasilkan *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*.³ Antara penulisan yang menggabungkan aspek sosial dan politik dihasilkan oleh Sivachandralingam Sundara Raja (et al.) bertajuk *Menelusuri Sejarah Sosio-Ekonomi Tanah Melayu Dari Perspektif Baharu*.⁴ Dalam keadaan ini, jelas sekali aspek sosial dan politik merupakan kajian yang seringkali menarik perhatian kalangan sejarawan. Dalam hal ini, John Eatwell, Murray Milgate dan Peter Newman menjelaskan;

Socioeconomics” is sometimes used as an umbrella term for different type’s areas of inquiry. The term “social economics” may refer broadly to the “use of economics in the study of society.”⁵

Dalam kajian ini, aspek sosioekonomi diberikan perhatian. Jika diperhatikan, ruang lingkup sejarah sosial sememangnya cukup luas. Malahan maksud sosial itu sendiri menampakkan keluasan cakupannya. *Kamus Dwibahasa* mendefinisikan sosial sebagai “yang berkaitan dengan pergaulan, aktiviti, kegiatan manusia dalam masyarakat”.⁶

¹ Ishak Saat, *Sejarah Sosiobudaya Melayu*, Shah Alam: Karisma Publications, 2006.

² Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Politik dan Sosiobudaya Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

³ Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Dist., 2014.

⁴ Sivachandralingam Sundara Raja (et al.), *Menelusuri Sejarah Sosio-Ekonomi Tanah Melayu Dari Perspektif Baharu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2020.

⁵ John Eatwell, Murray Milgate, Peter Newman, *Social Economics: The New Palgrave*, New York: W.W. Norton, 1989, hlm. 12.

⁶ “Social”, dlm. *Kamus Dwibahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 1186.

Sejarah sosial dikenali sebagai salah satu bidang sejarah yang mempunyai hubungan dan berkaitan dengan kehidupan seharian serta proses interaksi sebuah masyarakat pada masa tertentu. Pada masa yang sama, sejarah sosial turut dilihat sebagai sebuah sejarah kemasyarakatan yang melibatkan pendekatan multidisiplin, yakni perbincangan sejarah dengan dibantu oleh ilmu sosial lain seperti sosiologi, antropologi, ekonomi, politik, hukum, psikologi dan lain-lain.⁷ Tidaklah dapat dinafikan bahawa sejarah sosial masyarakat tanpa mengira kaum dan agama di Malaysia adalah sesuatu yang menarik untuk dibincangkan.⁸ Dalam masa yang sama, penelitian turut memberi fokus kepada aspek ekonomi. Ekonomi pula menurut *Kamus Dewan* mempunyai cakupan yang luas yang berkaitan dengan asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barangan dan perkhidmatan serta berkaitan dengan buruh, kewangan, sistem atau cara pengeluaran barang, keadaan kekayaan atau kebendaan.⁹ Walau bagaimanapun, keterbatasan yang ada menyebabkan kajian ini hanya dapat memberikan perhatian kepada aspek pekerjaan yang merupakan satu daripada ‘elemen’ ekonomi.

Kajian sosioekonomi dalam konteks masyarakat Tanah Melayu mampu menjadi satu kajian signifikan dalam pensejarahan Malaysia. Oleh itu, kajian ini mampu dilihat sebagai penting dalam sejarah negara ini amnya dan sejarah negeri Selangor khususnya. Penelitian terhadap perkembangan sosioekonomi bagi masyarakat India di negeri Selangor akan menjelaskan betapa masyarakat minoriti ini turut mempunyai perjalanan sejarah yang cukup unik untuk diketengahkan. Kajian yang lebih berfokus ini membolehkan satu penelitian terperinci dilakukan terhadap aspek-aspek sosioekonomi masyarakat India dan penelitian terperinci ini akan secara langsung membolehkan satu pemahaman yang mendalam dapat dilakukan mengenai sejarah masyarakat ini.

⁷ Noor Syazwani, “Samsu Di Selangor: Kajian Terhadap Pembuatan, Pengambilan dan Kawalan, 1900-1941”, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2018, hlm. 1-2.

⁸ Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd, 2001, hlm. X.

⁹ “Ekonomi” dlm. *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hlm. 257.

Masyarakat India merupakan salah satu kaum yang terbesar di negara ini. Mengikut Jabatan Statistik Negara bagi tahun 2020, sebanyak 6.9% daripada rakyat Malaysia adalah masyarakat India. Ini bermakna mereka merupakan masyarakat yang ketiga terbesar di negeri Selangor.¹⁰ Hal ini turut dibuktikan oleh Arasaratnam Sinnappah dengan menjelaskan bahawa sejak sebelum merdeka, orang India merupakan kelompok penting di Selangor;

After the war, and even after independence in 1957, plantations continued to be major crop of the Malayan Economy. Thus 95 per cent of the Indian population in the entire Malaysia-Singapore region continued to be settled in the western part of the Malay Peninsula. The state of Selangor, with about 25 per cent, contains the largest share of Indians,¹¹

Mengikut keterangan daripada Jabatan Buruh dan Tabung Badan Buruh Selatan, proses kemasukan awal masyarakat India ke Tanah Melayu telah bermula sejak sekurang-kurangnya tahun 1787.¹² Dengan pengambilan Singapura daripada Kerajaan Johor-Riau dan Melaka daripada tangan Belanda melalui Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824 telah mendorong British untuk terus menggiatkan lagi proses kemasukan buruh-buruh India ke Tanah Melayu. Oleh itu, kita boleh memahami bahawa kemasukan awal masyarakat India ke Tanah Melayu telah berlaku di Negeri-negeri Selat (NNS). Kebanyakan buruh – buruh India ini diambil untuk bekerja dalam sektor perladangan dan pembinaan. Proses kemasukan buruh-buruh India ke NNS telah dilaksanakan melalui sistem surat perjanjian atau kontrak selama lima tahun.¹³ Selepas kegagalan tanaman kopi, pihak British telah memperkenalkan tanaman komersial baharu iaitu getah di Tanah Melayu pada akhir kurun ke-19.¹⁴ Sebanyak 345 hektar tanah di Tanah Melayu telah

¹⁰ Harbans Kour A/P Jagar Singh, “Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan”, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988/1989, hlm. 1.

¹¹ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, London: Oxford University Press, 1970, hlm. 41.

¹² *Annual Report of the South Indian Labour Fund Board, 1958*, hlm. 38.

¹³ Harbans Kour A/P Jagar Singh, “Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan”, hlm. 3 & 7.

¹⁴ Lim Teck Ghee, *Peasants And Their Agricultural Economy In Colonial Malaya 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 32.

diusahakan dengan pokok getah. Pada masa yang sama, perkembangan perusahaan tayar motokar telah meningkatkan permintaan getah di pasaran dunia pada awal kurun ke-20. Perkara ini telah mendesak pihak British untuk menambahkan pembukaan kawasan tanaman getah serta meningkatkan kemasukan buruh-buruh India ke Tanah Melayu untuk bekerja di ladang getah mulai tahun 1900.¹⁵ Sejak tahun 1901, jumlah buruh India yang dibawa masuk ke Tanah Melayu adalah sebanyak 120,000 orang. Jadi, ini bermakna tahun 1901 amat signifikan kerana migrasi masyarakat India telah dijalankan secara beramai-ramai.¹⁶ Pelabuhan Swettenham (Pelabuhan Klang) memainkan peranan penting sebagai tempat pendaratan masyarakat India di Tanah Melayu serta negeri Selangor.¹⁷

Kemasukan awal masyarakat India secara rasmi ke Selangor berdasarkan Ordinan 1884 yang digubal oleh kerajaan British hanya bermula pada tahun 1884 walaupun pihak British telah meluaskan penguasaan mereka di negeri ini sejak tahun 1874. Hal ini kerana, undang-undang imigran yang sedia ada hanya membenarkan kemasukan buruh-buruh India ke NNS sahaja. Setelah pihak British mendapat kebenaran daripada kerajaan India agar membenarkan kemasukan buruh-buruh India ke Negeri-Negeri Melayu, maka pada tahun 1884 ramai buruh-buruh India telah dibawa masuk ke Selangor. Di negeri Selangor, kebanyakan buruh India telah diambil bekerja di ladang-ladang kopi, tebu, teh, gambir dan lada.¹⁸ Bukan itu sahaja, ada juga buruh-buruh India telah diambil untuk bekerja di sektor kerajaan khususnya dalam Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kereta Api kerana kebolehan mereka dalam kerja-kerja pembinaan jalan raya serta landasan kereta api.¹⁹

¹⁵ Paul D. Wiebe & S. Mariappen, *Indian Malaysians: The View from the Plantation*, Durhan: Carolina Academic Press, 1979, hlm. 10.

¹⁶ A. Rajeswary, *The Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945-1957*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981, hlm. 1.

¹⁷, *Gazetting of Port Swettenham as a port for the landing of Indian Immigrants* bertarikh 11.12. 1907, SUK SEL 6471/1907.

¹⁸ Harbans Kour A/P Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 5-7.

¹⁹ Surat dari Engineer Selangor Government Railway kepada Residen Selangor bertarikh 1.1.86, SUK SEL 2616/86

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertitik tolak daripada beberapa persoalan tentang perkembangan sosioekonomi masyarakat India di Selangor. Persoalan utama ialah apakah sumbangan masyarakat India dalam pembangunan ekonomi di Selangor terutama daripada aspek pekerjaan antara tahun 1884 hingga 1941? Daripada perbincangan ini, satu penilaian terhadap penglibatan masyarakat India dalam kegiatan ekonomi serta sumbangan mereka dalam pembangunan ekonomi di negeri ini secara jelas dan terperinci dilakukan.

Persoalan kedua adalah bagaimanakah perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat India dari tahun 1884 hingga 1941? Untuk menerangkan persoalan kedua, perbincangan akan lebih berfokus kepada cara-cara perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat India di negeri Selangor dengan melihat perkembangan sekolah-sekolah tamil yang menjadi medium penting dalam memulakan serta meluaskan pendidikan dalam kalangan anak-anak masyarakat India serta menyumbang kepada pembangunan sosial.

Persoalan terakhir pula adalah bagaimanakah tahap kesihatan dalam kalangan masyarakat India di negeri ini dari tahun 1884 hingga 1941? Penjelasan dalam aspek ini akan lebih terjurus kepada perkembangan kemudahan kesihatan yang disediakan untuk menjamin kesihatan masyarakat India serta cara-cara masyarakat India melindungi mereka daripada penyakit.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

1. Untuk membincangkan aspek pekerjaan dalam masyarakat India yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi di Selangor dari tahun 1884 hingga 1941.
2. Untuk menganalisis perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat India di negeri Selangor dari tahun 1884 hingga 1941.
3. Untuk menilai keadaan kesihatan dalam kalangan masyarakat India di Selangor dari tahun 1884 hingga 1941.

1.4 SKOP KAJIAN

Kajian ini bermula pada tahun 1884 kerana ia merupakan tahun kemasukan masyarakat India ke negeri Selangor secara rasmi melalui pelaksanaan Ordinan 1884. Ordinan ini membenarkan kemasukan buruh-buruh India ke negeri-negeri Melayu termasuk negeri Selangor. Kajian ini ditamatkan pada tahun 1941 dimana tahun ini menyaksikan permulaan penjajahan tentera Jepun ke atas Tanah Melayu. Maka, tempoh 1884 hingga 1941 merupakan fasa yang sangat penting dalam sejarah pembangunan golongan imigran khususnya masyarakat India di Tanah Melayu. Dalam konteks ini, orang India juga tidak ketinggalan dan turut bersaing bagi memberikan sumbangan yang sangat bernilai melalui sektor ekonomi serta meningkatkan pembangunan sosial mereka di negeri ini. Hal ini menjadi titik tolak kepada perkembangan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat India dalam tempoh tersebut.

Daripada skop tempat atau kawasan kajian, tumpuan diberikan kepada negeri Selangor. Negeri Selangor terletak di bahagian tengah barat Semenanjung Malaysia dan merupakan antara negeri yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Malahan

jumlah orang India di Selangor juga merupakan antara yang paling tinggi di negara ini serta mempunyai sejarah panjang berkaitan dengan kemasukan orang India ke negara ini. Sejak sebelum merdeka, negeri Selangor telah menjadi tumpuan utama buruh-buruh India bermula dari tahun 1884. Kawasan Kuala Lumpur Klang, Kuala Selangor, Kuala Langat, Ulu Langat dan Ulu Selangor turut menjadi kawasan pilihan utama bagi mereka. Penghijrahan kaum India ke negeri Selangor turut bertambah akibat keperluan tenaga buruh di sektor pertanian mahupun sektor perkhidmatan selepas tahun 1884.

Daripada skop perkara pula, tiga perkara penting yang akan disentuh dalam kajian iaitu ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Dalam ekonomi, tumpuan diberikan kepada pekerjaan orang India di Selangor. Penelitian diberikan kepada pengklasifikasian kegiatan pekerjaan yang melibatkan orang India seperti perladangan, pekerjaan awam, perkhidmatan awam, perubatan serta perbankan dan permodalan yang membantu dalam pembangunan sosioekonomi negeri Selangor. Perkara kedua adalah mengenai perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat India dimana perkara ini dibincangkan dengan melihat pertumbuhan pelbagai jenis sekolah Tamil seperti sekolah kerajaan dan sekolah ladang serta jumlah enrolmen bagi sekolah-sekolah tersebut. Perkara ketiga adalah mengenai kesihatan. Perkara ini dijelaskan dari segi konteks perkembangan kemudahan kesihatan bagi masyarakat India, isu-isu kesihatan seperti penyakit serta perkembangan ubat-ubat tradisional masyarakat India. Perlu disebut bahawa ketiga-tiga perkara ini menjadi fokus kajian kerana sehingga kini, tiada kajian yang dilihat memberikan perhatian terhadap aspek-aspek ini. Jika ada sekalipun, kelihatannya hanya dalam aspek pendidikan. Hal ini akan disebut secara terperinci di dalam bahagian ulasan literatur. Selain itu, perlu juga disebut bahawa kajian ini, meskipun menggunakan terma masyarakat India, namun fokus perhatian ditumpukan kepada kalangan orang Tamil serta mereka yang datang dari Selatan India termasuklah Telegu dan Malayali. Selain itu, perhatian juga menyebut mengenai kalangan orang

Tamil Ceylon atau Sri Lanka. Penjelasan mengenai hal ini dilakukan di dalam bab 2 kajian ini.

1.5 ULASAN LITERATUR

Topik penyelidikan ini dipilih mengikut tinjauan yang telah dilakukan ke atas hasil-hasil kajian mengenai sejarah masyarakat India di Tanah Melayu. Setakat ini hanya satu hasil kajian yang telah dibuat tentang sejarah masyarakat India di Selangor manakala dua hasil kajian lagi tentang Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat India Sebelum Dan Selepas Dasar Ekonomi Baru. Kebanyakan kajian tentang masyarakat India di Tanah Melayu telah dilakukan daripada tempoh kurun ke-19 sehingga pertengahan kurun ke-20 sahaja. Bukan itu sahaja, semua kajian ini lebih berfokus kepada tema migrasi, kehidupan di estet, nasionalisme serta kesedaran politik dalam kalangan masyarakat India secara umum dan kurang meneliti aspek perkembangan sosioekonomi masyarakat India di sebuah negeri secara khusus. Kernial Singh Sandhu, Arasaratnam Sinnappah dan Rajeswary Ampalavanar merupakan sarjana yang telah memberikan sumbangan berharga kepada pensejarahan awal masyarakat India di Tanah Melayu manakala Harban Kour dikenali sebagai sarjana penting yang menyumbang kepada pensejarahan awal masyarakat India di negeri Selangor. Kesemua hasil kajian yang dibincangkan telah menunjukkan usaha awal untuk mengenal pasti serta merekodkan sejarah masyarakat India di Tanah Melayu tetapi kebanyakan tidak begitu terperinci kepada sebuah negeri kecuali hasil kajian Harban Kour. Secara keseluruhannya, perbincangan di dalam bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama melihat kepada penyelidikan, kajian dan penerbitan mengenai sejarah masyarakat India secara umum. Bahagian kedua pula melihat kepada kajian dan penulisan mengenai sejarah masyarakat India di Selangor atau sekurang-kurangnya menyentuh mengenai Selangor. Bahagian pertama penting sebagai

satu bentuk latar belakang dan memberi penjelasan umum mengenai sejarah masyarakat India di negara ini terutamanya mengenai kedatangan, pertapakan dan penglibatan mereka dalam pelbagai sektor ekonomi, sosial dan politik. Bahagian kedua pula penting kerana ia memberi penjelasan mengenai sejarah masyarakat India di Selangor iaitu subjek utama kajian ini. Bahagian ini juga penting kerana ia akan memberi gambaran serta *gap* yang ada mengenai kajian ini.

1.5.1 Sejarah Masyarakat India di Tanah Melayu: Ekonomi, Sosial dan Politik

Kernal Singh Sandhu telah menghasilkan dua penulisan yang cukup signifikan dalam pensejarahan masyarakat India di negara ini. Penulisan pertama ialah buku bertajuk *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*.²⁰ Dalam buku ini, beliau telah mengupas tentang kemasukan orang India ke Tanah Melayu sebelum 1957 secara analitikal dan komprehensif. Isu utama yang disentuh oleh penulis dalam bahagian pertama ialah asal-usul dan faktor-faktor imigrasi masyarakat India ke Tanah Melayu. Beliau menerangkan asal-usul masyarakat India serta menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan imigrasi ini berlaku secara besar-besaran dari India ke Tanah Melayu. Hal ini dapat memberi gambaran awal mengenai asal-usul serta faktor-faktor imigrasi masyarakat India ke Tanah Melayu. Kernal Singh Sandhu telah menyambung perbincangan beliau dengan menjelaskan perkembangan corak perubahan, pengagihan dan kependudukan orang India di Tanah Melayu. Beliau juga menganalisis mengenai kehidupan masyarakat India dan sumbangan mereka selepas kedatangan awal sebagai buruh ke Tanah Melayu serta penglibatan dan peranan mereka dalam politik tempatan. Penulis juga telah menerangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India semasa bekerja sebagai buruh di kawasan ladang sebelum kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Secara keseluruhannya, Walaupun kajian ini

²⁰ Kernal Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, Cambridge: Cambridge University Press, 1969.

merangkumi tempoh masa antara 1786 hingga 1957, tetapi ia tetap relevan menjadi rujukan penting untuk kajian ini khususnya dalam meneliti corak imigrasi dan penempatan buruh India serta penglibatan sosioekonomi masyarakat India secara umum sebelum kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Meskipun begitu, cakupan yang luas dengan perhatian diberikan kepada perkembangan di Tanah Melayu menyebabkan penumpuan terhadap Selangor agak terhad.

Selain itu, Kernial Singh Sandhu turut menghasilkan “The Coming of the Indians to Malaya” yang membincangkan pelbagai aspek mengenai sejarah orang India di Tanah Melayu.²¹ Keseluruhannya, penulisan ini memberikan perhatian kepada lima subjek perbincangan yang merangkumi kehadiran masyarakat India ke Tanah Melayu, komposisi masyarakat India, penglibatan orang India dalam ekonomi, bentuk penempatan masyarakat India dan penglibatan orang India dalam politik. Ini bermakna tulisan sepanjang 38 halaman ini membincangkan hampir semua subjek-subjek penting yang berkaitan dengan masyarakat India di Tanah Melayu dari tempoh sebelum merdeka sehinggalah selepas kemerdekaan. Dalam bahagian pertama penulis membincangkan mengenai faktor kemasukan orang India ke Tanah Melayu yang dipengaruhi oleh faktor ekonomi. Sebelum tahun 1874, kehadiran orang India di Tanah Melayu yang bekerja sebagai sepoi dan pembantu domestik telah pun dikesan. Selepas pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1874, perkembangan perladangan dan pertanian yang pesat menggalakkan lagi kemasukan buruh, terutamanya orang India. Kemasukan orang India terganggu atas sebab larangan migrasi dari Kerajaan India, Perang Dunia Kedua dan Pendudukan Jepun namun keadaan ini kembali pulih selepas British kembali ke Tanah Melayu. Perbincangan mengenai komposisi penduduk India di Tanah Melayu terbahagi kepada dua iaitu antara tempoh 1786 hingga 1873, dan antara tempoh 1874

²¹ Kernial Singh Sandhu, “The Coming of the Indians to Malaya”, dlm. K.S. Sandhu and A. Mani, *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapore: ISEAS, 2006, hlm. 151-189

sehingga selepas kemerdekaan. Dalam perbincangan ini, penulis menunjukkan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan komposisi masyarakat India di Tanah Melayu. Sehingga 1930-an, antara faktor penting yang menunjukkan peningkatan dalam populasi dalam masyarakat India adalah kemudahan proses migrasi serta peningkatan dalam perkhidmatan kesihatan hingga membolehkan jumlah kematian dalam kalangan masyarakat India berkurang. Keadaan ini juga menyebabkan masyarakat India yang lahir di Tanah Melayu semakin meningkat sehingga menyebabkan apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, dianggarkan 70% orang India adalah mereka yang dari kalangan “*local born*”. Manakala 25% adalah mereka yang telah menetap di Tanah Melayu lebih dari 10 tahun.

Bahagian ketiga dalam perbincangan adalah mengenai penglibatan masyarakat India dalam pelbagai sektor ekonomi iaitu pertanian, perhutanan dan perikanan, perlombongan, pembuatan dan perindustrian, pengangkutan dan perhubungan, perkhidmatan awam, dan yang terakhir komersial dan kewangan. Sejak 1860-an, masyarakat India merupakan kumpulan penting dalam sektor perladangan sehinggakan pada tahun 1931, masyarakat India menjadi 1/3 daripada jumlah keseluruhan buruh ladang. Ladang kelapa, teh dan kelapa sawit adalah antara ladang yang didominasi oleh masyarakat India. Walau bagaimanapun, penulis mendapati gaji yang dibayar kepada pekerja India lebih rendah berbanding gaji yang dibayar kepada buruh Cina. Dalam bahagian terakhir, penulis melihat kepada penglibatan masyarakat India dalam perkembangan politik di Tanah Melayu termasuk ketika era Perang Dunia Kedua. Ketika itu, aktiviti politik masyarakat India di Tanah Melayu didominasi oleh *Indian National Army* (INA) dan menjadi pengikut Subhas Chandra Bose. Selepas perang berakhir, penglibatan orang India dalam perkembangan politik di Tanah Melayu semakin meningkat. Sejak 1946, perjuangan politik orang India dilaksanakan melalui *Malayan*

India Congress (MIC) dan perjuangan inilah yang telah membawa kepada gabungan dalam kerajaan Perikatan yang dianggotai oleh UMNO dan MCA.

Penulisan ini adalah penulisan yang sangat penting dalam konteks sejarah masyarakat India di Malaysia. Kelima-lima subjek yang dibincangkan secara terperinci mampu memberikan penjelasan dan gambaran penting berkaitan dengan perkembangan masyarakat India di negara ini. Ia disusun dengan teliti dengan dimulakan mengenai kedatangan mereka ke Tanah Melayu, diikuti dengan komposisi penduduk, penglibatan dalam ekonomi, bentuk-bentuk penempatan dan penglibatan mereka dalam perkembangan politik di negara ini. Walau bagaimanapun, penulisan ini tidak menunjukkan sumber rujukan sebagaimana sebuah penulisan sejarah yang sepatutnya. Tanpa menafikan kepakaran penulis dalam subjek ini, ketiadaan sumber rujukan sedikit sebanyak mengurangkan keberkesanan penulisan ini. Penggunaan nota hujung hanya memberikan penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibincangkan di dalam penulisan ini. Ketiadaan sumber rujukan sedikit sebanyak menyukarkan kalangan pembaca yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan dengan hal tersebut. Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, penulisan ini sememangnya sangat penting dan relevan dalam memahami sejarah masyarakat India di negara ini bermula dari kedatangan mereka sejak pada kurun ke-19 sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Adalah jelas masyarakat India tidaklah hanya bertumpu dalam bidang perladangan sahaja kerana bukti-bukti yang ada menunjukkan mereka terlibat dalam bidang lain. Lebih penting lagi, masyarakat India turut memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan politik di Tanah Melayu, meskipun tumpuan asal penglibatan mereka di dalam politik adalah di India, namun secara perlahan-lahan tumpuan mereka beralih ke Tanah Melayu. Malahan gabungan antara parti UMNO, MIC dan MCA kemudiannya menjadi parti yang dominan dalam perkembangan politik di negara ini.

Satu lagi penulisan penting tentang masyarakat India adalah kajian Arasaratnam yang bertajuk *Indians in Malaysia and Singapore*.²² Kajian ini sangat penting dalam membincangkan hubungan India-Tanah Melayu sejak kurun ke-19. Selain soal imigrasi dan penempatan orang India di NNS, Arasaratnam turut menerangkan mengenai proses pembentukan masyarakat India di Tanah Melayu dalam tempoh 1880 hingga 1945 serta diikuti dengan perkembangan politik mereka sejak 1945. Tahap perkembangan pendidikan serta senario politik dalam bab terakhir kajian beliau cukup unik khususnya dalam memahami permasalahan sosioekonomi orang India selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Kajian Arasaratnam dilihat bersifat empirikal terutamanya dalam menilai tahap dan kedudukan sosioekonomi kaum India di bandar dan luar bandar. Masalah sosioekonomi yang dihadapi buruh ladang seperti masalah upah, mutu khidmat kesihatan yang rendah, persekitaran tempat kediaman yang daif serta kualiti kehidupan yang rendah telah dibincangkan secara terperinci. Oleh itu, maklumat-maklumat sebegini sangat bermakna dan berguna untuk menilai kedudukan sosioekonomi masyarakat India di Selangor sebelum tahun 1970-an.

Ampalavanar Rajeswary telah menulis sebuah buku yang bertajuk *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1945-1957*.²³ Hasil kajian ini lebih berfokus dalam membincangkan peranan dan pengaruh politik orang India di Tanah Melayu. Kajian Rajeswary agak komprehensif khususnya dalam menerangkan peranan orang India dalam politik Tanah Melayu dalam tempoh 1945 hingga 1957. Rajeswary juga menganalisis peranan dan tindak balas India terhadap perubahan politik di ambang kemerdekaan Tanah Melayu. Sesungguhnya, orang Tamil merupakan kumpulan majoriti dalam masyarakat India Rajeswary turut memberikan perhatian kepada permasalahan sosioekonomi mereka dalam hasil kajian ini. Menurut Rajeswary, masyarakat India di

²² Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, London: Oxford University Press, 1970.

²³ Ampalavanar Rajeswary, *The Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945-1957*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981.

Tanah Melayu masih dibelenggu dengan masalah-masalah fundamental seperti taraf hidup, pendidikan yang rendah, dan kadar pengangguran serta kemiskinan yang tinggi. Oleh itu, kebajikan dan masa depan golongan kurang bernasib baik ini telah diperjuangkan oleh gerakan buruh seperti *Thondar Padai* dan parti-parti politik berhaluan kiri seperti *Peoples Progressive Party* (PPP) dan *Socialist Front* (SF). Secara keseluruhannya, hasil kajian Rajeswary cukup signifikan untuk mengetahui peranan masyarakat India dalam politik Tanah Melayu. Ketika buku ini sangat-sangat penting untuk mengetahui sejarah politik masyarakat India, namun daripada segi sosioekonomi, buku ini tidaklah begitu signifikan. Dari segi kekurangan, buku ini lebih berfokus kepada aspek politik dalam masyarakat India serta bersifat sangat umum. Walau bagaimanapun, buku tetap menyumbang kepada kajian penyelidikan untuk mengenal pasti aspek-aspek yang perlu dikaji untuk melihat permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat India secara terperinci.

Buku bertajuk *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya* ini adalah hasil daripada penelitian Usha Mahajani berkenaan masyarakat India daripada perspektif sejarah. Buku ini dikategorikan sebagai antara buku wajib-baca untuk mengetahui mengenai sejarah masyarakat India di kedua-dua negara.²⁴ Apabila diteliti akan judul buku in, tema penting yang telah dibincangkan oleh penulis ialah peranan kumpulan minoriti iaitu masyarakat India di Tanah Melayu serta Burma. Isu utama yang dibincangkan Usha Mahajani adalah perubahan kedudukan masyarakat India bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi juga di Burma. Proses migrasi masyarakat India di kedua-dua negara telah bermula sejak kurun ke-19 dan dilakukan oleh pihak British. Perubahan status orang India di kedua-dua negara ini dijelaskan secara berasingan dan ia berkaitan dengan gerakan nasionalis di negara masing-masing. Dalam bab pertama, penulis telah membincangkan mengenai latar belakang masyarakat India di Burma. Bab

²⁴ Usha Mahajani, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, Bombay: Institute of Pacific Relations, 1960.

ini turut memberikan pendedahan kepada pembaca tentang asal usul serta perkembangan masyarakat India di negara ini. Kemudian, perbincangan ini diteruskan kepada pencetus gerakan buruh India di Burma. Tujuan utama gerakan ini dilakukan oleh buruh-buruh India adalah untuk menjamin hak dan kedudukan mereka. Dalam bab kedua, penulis telah menerangkan tentang nasionalisme Burma dan peranan masyarakat India dalam isu ini. Usha Mahajani memulakan perbincangan bab ini dengan menjelaskan pembentukan dan pertumbuhan awal nasionalisme Burma. Kemudian, penulis menyusun pergerakan nasionalisme ini mengikut tahap demi memudahkan pembaca memahami punca dan peranan masyarakat India dalam setiap tahap. Kesan daripada nasionalisme ini telah dijelaskan dalam bab ketiga. Penulis telah menceritakan rusuhan yang berlaku selepas nasionalisme di Burma pada tahun 1930. Semasa membincangkan isu ini, penulis turut menganalisis reaksi kumpulan minoriti khususnya masyarakat India terhadap rusuhan ini. Setelah membaca bab ini, pembaca dapat merealisasikan betapa kesusahan dan penderitaan yang telah dialami oleh kumpulan India semasa rusuhan ini.

Dalam bab seterusnya, penulis mengalirkan tumpuan beliau ke arah masyarakat India di Tanah Melayu. Sebagai permulaan bab ke-empat ini, penulis memberikan penjelasan yang cukup menarik mengenai masyarakat India di Tanah Melayu. Ketika menjelaskan bab ini, penulis telah menyentuh beberapa isu penting iaitu proses migrasi, pertumbuhan komuniti, pertumbuhan dan penglibatan dalam parti politik, peranan dalam nasionalisme Tanah Melayu serta sikap dan tingkah laku komuniti lain terhadap masyarakat India di Tanah Melayu. Pada masa yang sama, penulis turut menjelaskan ketibaan komuniti peniaga India ke Tanah Melayu seperti Gujerati, Marakkayar, Chetti dan Sikh yang menjadi kumpulan asas kepada pertumbuhan awal masyarakat India di Tanah Melayu. Selepas itu, penulis turut membincangkan kedudukan masyarakat India semasa penjajahan Jepun di Tanah Melayu dan Burma. Bab kelima ini melihat sikap dan reaksi yang ditunjukkan oleh tentera Jepun terhadap kumpulan minoriti ini di kedua-

kedua negara ini. Bukan itu sahaja, bab ini turut menjelaskan hubungan negara India dan Burma serta penggabungan mereka bersama Jepun demi mendapatkan kemerdekaan daripada pihak British dan sikap nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu mula berkobar semasa penjajahan Jepun di Tanah Melayu. Dengan melihat kedua-kedua insiden ini, penulis telah mengupas semua insiden ini serta menganalisisnya bagi menunjukkan impaknya terhadap masyarakat India di Burma dan Tanah Melayu. Bab keenam pula membincangkan tentang kedudukan masyarakat India di Burma selepas Perang Dunia Kedua. Semasa perbincangan bab ini, penulis telah menganalisis populasi serta perkembangan sosioekonomi masyarakat India. Selain itu, bab ini turut menjelaskan pertubuhan parti politik dan kelab sosial demi meningkatkan perkembangan sosioekonomi masyarakat India di Burma. Seterusnya, dua bab terakhir telah menerangkan isu sosial dan ekonomi masyarakat India di Tanah Melayu. Kedua-kedua bab ini memainkan peranan yang penting dalam menggambarkan situasi sebenar yang telah dihadapi oleh masyarakat India selepas Perang Dunia Kedua Tanah Melayu. Penulis telah mengutarakan beberapa masalah serius yang pernah dilalui oleh mereka seperti sekolah ladang, kematian buruh India semasa pembinaan landasan keretapi Burma dan Siam serta tempat pekerjaan. Sebagai langkah penyelesaian, mereka telah menubuhkan dan melibatkan diri secara giat dalam bidang politik. Sebagai contohnya, penubuhan *The Malayan Indian Congress* (MIC). Berdasarkan konteks ini, penulis turut membincangkan penubuhan MIC serta peranan dalam menyelesaikan isu-isu utama masyarakat India di Tanah Melayu. Secara kesimpulannya, analisis terhadap gerakan nasionalisme dan kedudukan minoriti di sebuah negara dilihat sebagai satu tugas yang amat sukar kerana ia perlu memandangkan politik yang kian berubah-ubah dengan pantas khususnya di rantau Asia Tenggara. Kekurangan data turut menyebabkan keadaan ini menjadi lebih teruk. Dengan melihat keadaan sebegini, Usaha Mahajani, dalam mengendalikan topik perbincangan ini adalah sangat mengagumkan. Walaupun terdapat

kekurangan fakta dan pembentangan angka yang kurang difahami, pembangunan tema utama, perbincangan isu dengan jelas serta peranan masyarakat India di Burma dan Tanah Melayu telah menjadikan kajian ini cukup signifikan dan perlu dibaca oleh semua lapisan masyarakat.

R. Selvakumaran telah menghasilkan satu karya yang bertajuk *Indian Plantation Labour in Malaysia*.²⁵ Kajian ini merupakan satu lagi kajian komprehensif tentang buruh India di Malaysia. Penulis telah memulakan hasil kajian beliau dengan menjelaskan sistem kawalan buruh yang dilaksanakan di bawah pentadbiran British di Tanah Melayu serta suasana persekitaran hidup buruh masyarakat India di kawasan ladang. Dalam membincangkan impak industri getah ke atas ekonomi Tanah Melayu, penulis telah membandingkan kemajuan ekonomi Tanah Melayu yang tidak seiring dengan peningkatan taraf hidup buruh India yang tinggal di kawasan ladang. Beliau juga mengupas secara terperinci tentang suasana tempat kerja dan persekitaran hidup buruh ladang dalam bab keempat dan kelima. Bab keenam pula ditulis secara kritis dengan menganalisis tentang gerakan buruh dan peranan *National Union Plantation Workers* (NUPW) dalam menangani masalah buruh India di kawasan ladang. Berdasarkan hasil penulisan ini, Selvakumaran berpendapat bahawa walaupun kemajuan ekonomi Tanah Melayu ditunjangi oleh industri getah, namun kehidupan buruh estet yang menjadi tulang belakang dan nadi penggerak kemakmuran ini telah dipinggirkan dan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan. Tambahan pula, kerajaan berpendapat bahawa kebajikan buruh ladang ialah tanggungjawab pengurusan majikan ladang manakala pihak majikan ladang pula berpendapat bahawa kebajikan buruh-buruhnya ini bukanlah fokus utama mereka. Maka disini, buruh-buruh India telah dipinggirkan dalam pembangunan negara. Jadi, hasil penulisan ini Selvakumaran mampu menyumbang untuk penyelidikan ini bagi memahami permasalahan sosioekonomi yang dialami buruh India

²⁵ Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co, 1994.

di ladang serta mengetahui peranan dan perjuangan NUPW dan MIC dalam menangani permasalahan mereka. Meskipun begitu, perbincangan yang menyentuh mengenai Selangor agak terhad.

P. Ramasamy telah menulis satu hasil kajian yang bertajuk “Socio-Economic Transformation of Malaysian Indian Plantation Workers”.²⁶ Hasil kajian ini sangat penting dalam menjelaskan mengenai pola transformasi sosioekonomi dalam kalangan buruh masyarakat India di Malaysia yang tinggal di kawasan ladang. Beliau telah memulakan perbincangan ini dengan menjelaskan struktur sosial masyarakat India di ladang, masalah sosioekonomi buruh India di ladang dan kegagalan *Malaysian Indian Congress* (MIC) dalam menangani bebanan sosioekonomi buruh India ladang serta masalah dan perjuangan kesatuan-kesatuan sekerja. Penulis turut menekankan bahawa kestabilan struktur sosial ladang telah tergugat dengan mogok buruh ladang serta mengaitkannya dengan kebangkitan Parti Komunis Malaya (PKM) yang berjaya memperoleh simpati serta sokongan buruh India pada peringkat awal. Walau bagaimanapun, ia telah dipatahkan oleh pihak British dengan melaksanakan darurat 1948. Penulis turut mendakwa MIC dan NUPW gagal memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah buruh India ladang khususnya isu upah, tempat kediaman yang kurang selesa dan mutu pendidikan yang tidak berkualiti di sekolah-sekolah Tamil di ladang. Walaupun Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan tetapi struktur sosial di ladang ini masih sama malah ia bertambah teruk dengan tindakan kerajaan yang memiliki ladang-ladang menerusi syarikat-syarikat perladangan. Kajian Ramasamy ini bersifat umum tetapi sangat membantu untuk penyelidikan sosioekonomi masyarakat India terutamanya dalam memahami masalah sosioekonomi buruh ladang mahupun perjuangan MIC dan NUPW dalam membantu meringankan permasalahan mereka.

²⁶ Ramasamy Palanisamy, “Socio-Economic Transformation of Malaysian Indian Plantation Workers” dalam. Kernal Singh Sandhu & A. Mani (edt.), *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapore, ISEAS, 1993.

Mavis Puthucheary telah menulis *Indians in the Public Sector in Malaysia*.²⁷ Fokus utama penulisan ini adalah menunjukkan penyertaan kaum India dalam perkhidmatan awam di Tanah Melayu dari tahun sebelum kemerdekaan hingga 1970-an. Penulis telah merujuk sumber- sumber pertama seperti fail dan dokumen rasmi. Selain itu, satu perbandingan dari segi tahap penyertaan dalam sektor perkhidmatan awam orang India dalam tempoh masa sebelum dan selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971 turut dilakukan. Penulisan Puthucheary ini menjelaskan bahawa jenis-jenis pekerjaan profesional dan ikhtisas serta pekerjaan dalam perkhidmatan awam seperti perkeranian, perguruan, pegawai teknik, pegawai-pegawai di Jabatan Buruh, Pos dan Telegraf dan hospital-hospital kerajaan pernah didominasi oleh kaum India. Tetapi, selepas Perang Dunia Kedua, penglibatan mereka dalam sektor perkhidmatan awam telah mula merosot disebabkan oleh beberapa faktor-faktor. Kemerosotan ini telah meninggalkan kesan secara langsung terhadap tahap sosioekonomi masyarakat India. Selain itu, orang India juga kurang diberi ruang dan peluang dalam proses penggubalan polisi-polisi kerajaan. Menurut Puthucheary, kemerosotan ini agak ketara selepas pelaksanaan DEB pada tahun 1971. Dalam hal ini, penulis berpendapat bahawa peranan kerajaan, penyatuan suara politik dalam kalangan orang India adalah sangat penting. Walau bagaimanapun, Puthucheary berpendapat bahawa perbezaan ideologi politik adalah antara halangan utama untuk membina kesatuan entiti politik yang jitu dan kukuh bagi masyarakat India di Malaysia. Oleh itu, dapatan kajian ini amat bermakna terutamanya dalam memahami penglibatan orang India mahupun masalah yang dihadapi oleh mereka dalam sektor perkhidmatan awam.

Kajian Muzaffar Tate yang bertajuk *The Malaysian Indian: History, Problems and Future*²⁸ merupakan satu lagi penerbitan tentang masyarakat India di Malaysia dalam

²⁷ Mavis Puthucheary, "Indians in the Public Sector in Malaysia" dlm. Kernal Singh Sindhu & A.Mani (ed.) *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapore, ISEAS, 1993.

²⁸ Muzaffar Tate, *The Malaysian Indian: History, Problems and Future*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2008.

tempoh antara 1900 hingga 2003. Penulisan Muzaffar tidak terbatas tentang orang India keturunan Tamil sahaja malah ia turut meliputi sejarah dan pola kedatangan orang Telugu, Malayali, Sikh dan Bengali. Dalam membincangkan masalah buruh ladang, Muzaffar telah meneliti masalah upah akibat kesan kemelesetan yang bermula di Amerika Syarikat pada tahun 1929. Isu upah menjadi antara tema penting dalam kajian Muzaffar kerana ia memberi implikasi langsung terhadap taraf hidup dan sosioekonomi masyarakat India. Sebagaimana kajian Selvakumaran dan Ramasamy, Muzaffar juga turut mempersoalkan keberkesanan CIAM, NUPW dan MIC dalam membantu meringankan permasalahan buruh ladang seperti isu kewarganegaraan dan masalah upah. Dalam konteks membicarakan soal politik, Muzaffar telah meneliti kedudukan dan masalah-masalah sosioekonomi orang India berdasarkan era kepimpinan Perdana Menteri Malaysia bermula dari Tunku Abdul Rahman sehingga Dr. Mahathir Mohamad. Seterusnya, dalam membicarakan era kepimpinan Tun Razak sebagai Perdana Menteri Kedua, Muzaffar telah menjelaskan masalah-masalah yang dialami oleh kalangan buruh ladang ekoran tercetusnya peristiwa berdarah, 13 Mei 1969 dan pengenalan DEB. Menurut Muzaffar, walaupun kepimpinan negara dan rancangan-rancangan ekonomi kerajaan silih berganti, kebajikan buruh ladang tetap tidak mengalami perubahan yang ketara. Situasi ini telah menyebabkan kadar kemiskinan dan kadar pengangguran semakin meningkat dalam kalangan masyarakat India berbanding masyarakat lain di Malaysia. Secara keseluruhannya, buku ini merupakan sebuah buku yang bersifat analitikal terutamanya dalam menganalisis sosioekonomi orang India sebelum dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, perbincangan yang dilakukan tidak memfokuskan kepada satu-satu negeri hingga perbahasan mengenai keadaan di Selangor hampir tidak kelihatan.

Janakey Raman Manickam telah menulis sebuah karya yang bertajuk *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in*

Malaysia.²⁹ Buku ini merupakan sebuah karya yang cukup signifikan kerana menceritakan kisah-kisah sebenar yang berlaku dalam kalangan masyarakat India daripada pandangan mereka secara langsung. Pada mulanya, penulis telah menjelaskan mengenai masyarakat India di Malaysia secara umum serta bersambung dengan menyentuh kedatangan orang India di Alam Melayu. Seterusnya, penulis telah membincangkan tentang kedatangan orang India awal serta kehidupan mereka di Tanah Melayu dari tahun 1786 hingga 1940. Dalam konteks ini, penulis memberikan gambaran beberapa peristiwa pahit yang pernah dihadapi oleh mereka. Kemudian, penulis turut menerangkan kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu dari tahun 1941 hingga 1957 serta menggambarkan keadaan sebenar mereka di Tanah Melayu dari segi politik, ekonomi dan sosial dalam tempoh tersebut melalui bab keempat. Dalam bab kelima, penulis telah menganalisis tentang status orang India di Tanah Melayu pada tempoh Pasca Merdeka iaitu 1970-1990 serta menjelaskan impak dasar ekonomi Baru terhadap masyarakat India dari tahun 1970 hingga 1990 dalam bab keenam. Selain itu, penulis turut menerangkan tentang Dasar Pembangunan Nasional serta impaknya kepada orang India dari tahun 1990-2000. Akhir sekali, penulis turut membincangkan tentang impak rancangan Wawasan Nasioanal terhadap masyarakat India serta kedudukan masyarakat India dari tahun 2010 hingga 2020. Oleh itu, kajian Janekey Raman Manikam ini merupakan sebuah hasil kajian yang sangat baik menjelaskan tentang rentetan kisah hidup masyarakat India bermula kedatangan mereka ke Tanah Melayu sehingga tahun 2007. Penulis turut meneliti aspek politik, ekonomi dan sosial. Dalam rentetan kisah ini, penulis juga menceritakan beberapa kisah hidup masyarakat India di negeri Selangor. Maka, hasil penulisan ini mampu menjadi salah satu rujukan penting dalam mengkaji perkembangan sosioekonomi masyarakat India di Selangor.

²⁹ Janekey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma*, Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre, 2009.

Penghasilan terbaharu mengenai sejarah masyarakat India di negara ini dihasilkan oleh Janakey Raman Manickam bertajuk *The Malaysian Indian Forgotten History of the Colonial Era: Sweat, Blood and Tears* dalam bentuk buku bergambar.³⁰ Buku dengan ketebalan 311 halaman ini agak menarik kerana diiringi dengan gambar-gambar berwarna yang sedikit sebanyak mampu memberi kesan tersendiri kepada naratif yang diketengahkan oleh penulis. Perbincangan dibahagikan kepada 13 bab dan menyentuh mengenai sejarah orang India sejak zaman awal. Perbincangan zaman awal meliputi lima bab terawal yang antara lain mengenai pengaruh Hindu dan Buddha di Alam Melayu, serta kehadiran pedagang-pedagang India ke Melaka. Disentuh juga mengenai kehadiran orang India sebelum 1800. Perbincangan merangkumi pelbagai kelompok masyarakat India dan tidak sekadar kalangan orang Tamil sahaja. Bab-bab berikutnya memberikan perhatian kepada kehadiran dan perkembangan masyarakat India ketika era pentadbiran British serta satu bab mengenai zaman pendudukan Jepun. Dalam tempoh ini, perbincangan memberikan perhatian kepada INA. Tiga bab terakhir pula menyentuh perkembangan yang berlaku selepas perang serta era kemerdekaan. Secara keseluruhannya, buku ini disampaikan dengan cukup menarik dan merangkumi pelbagai aspek. Tumpuan bukan sahaja kepada aspek politik tetapi juga sosial dan ekonomi. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai Selangor hampir tidak kelihatan dan, meskipun buku ini menarik dan penting dalam konteks sejarah masyarakat India di negara ini, namun mengenai Selangor agak terhad.

C.E Turner telah menulis sebuah artikel bertajuk “Indian Immigration”.³¹ Topik utama yang dibincangkan dalam artikel ini adalah faktor dan cara penghijrahan masyarakat India ke Tanah Melayu. C.E Turner telah menghasilkan artikel ini berdasarkan pengalaman beliau semasa menghadiri persidangan mesyuarat penghijrahan

³⁰ Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Forgotten History of the Colonial Era: Sweat, Blood and Tears*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2022 (second edition).

³¹ C.E Turner, “Indian Immigration”, *The Malaysian History Society*, Vol.1, December. 1954.

buruh India bagi tahun 1907. Gaya bahasa dan penjelasan beliau lebih bersifat satu catatan peristiwa. Setiap usul yang dibincangkan dalam persidangan tersebut telah menjadi faktor serta cara yang mendorong kepada penghijrahan masyarakat India. Walaupun artikel ini agak pendek, namun ia masih relevan untuk dijadikan rujukan penting untuk mengetahui punca dan cara penghijrahan masyarakat India ke Tanah Melayu.

Penulisan yang amat penting mengenai sosioekonomi masyarakat India dihasilkan oleh Jagathasan Naidu Ramakrishnan telah menulis satu tesis yang bertajuk “Masyarakat India dan Dasar Ekonomi Baru: Satu Kes Kajian Terhadap Penyertaan Ekuiti”.³² Hasil karya ini merupakan satu kajian komprehensif mengenai masyarakat India serta impak Dasar Ekonomi Baru (DEB) kepada mereka. Jagathasan Naidu memulakan kajian beliau dengan membincangkan latar belakang orang India di Malaysia. Dalam konteks ini, beliau turut menekankan bahawa orang India dibawa masuk secara beramai-ramai ke Tanah Melayu sebagai buruh untuk berkerja di ladang getah. Perbincangan diteruskan melalui cadangan yang berpotensi untuk membaiki kedudukan orang India di Malaysia. Di samping itu, penulis telah menganalisis kedudukan orang India mengikut tiga tahap yang berbeza iaitu semasa penjajahan Jepun dari tahun 1941 hingga 1945, selepas pendudukan Jepun dari tahun 1941 hingga 1957 serta selepas kemerdekaan 1957. Dalam setiap tahap itu, penulis mengupas beberapa peristiwa penting sebagai usaha menggambarkan situasi sebenar masyarakat India dalam setiap tahap. Selain itu, penulis turut menilai impak pelaksanaan DEB pada tahun 1971 yang mampu mengubah jurang sosioekonomi rakyat Malaysia. Untuk menjelaskan hal ini, penulis telah membandingkan usaha-usaha yang dilakukan ini dengan impaknya kepada masyarakat India terutama terhadap beberapa aspek penting seperti tahap kemiskinan, peluang pekerjaan dan pendapatan. Dalam bab ketiga, penulis menjelaskan penglibatan

³² Jagathasan Naidu Ramakrishnan, “Masyarakat India dan Dasar Ekonomi Baru: Satu Kes Kajian Terhadap Penyertaan Ekuiti”, Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, 1996.

orang India dalam sektor ekonomi khususnya korporat. Berdasarkan hal ini, beliau menerangkan bilangan penglibatan serta punca-punca kekurangan penglibatan masyarakat India dalam sektor korporat secara kritis. Seterusnya, penulis turut menganalisis keadaan sosioekonomi dan politik serta kemiskinan masyarakat India yang dilakukan dalam bab keempat. Sebagai langkah meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia, penulis turut mengemukakan beberapa langkah yang wajar diberikan perhatian khususnya daripada segi pendidikan, pekerjaan dan penglibatan dalam perniagaan melalui bab kelima. Secara keseluruhannya, perbincangan dalam tesis ini lebih berfokus kepada kedudukan sosioekonomi, penglibatan masyarakat India dalam sektor ekonomi dan politik serta impak DEB kepada masyarakat India.

Satu lagi penganalisis penting mengenai aspek sosioekonomi masyarakat India dihasilkan oleh M. Elangko yang bertajuk “Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat India Sebelum Dan Selepas Dasar Ekonomi Baru (1957-2000)”.³³ Dalam tesis ini, penulis telah membincangkan banyak aspek tentang perkembangan sosioekonomi masyarakat India yang berlaku dalam dua tempoh berbeza iaitu sebelum dan selepas pelaksanaan DEB. M. Elangko telah memulakan hasil kajian ini dengan membincangkan tentang kedudukan sosioekonomi masyarakat India. Dalam konteks ini, beliau membicarakan kehidupan sosioekonomi buruh-buruh ladang serta masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka sepanjang tempoh tahun 1950 hingga 1970. Dalam konteks ini M. Elangko turut meneliti taraf hidup buruh India serta kemudahan yang disediakan demi menjamin kebajikan sosial mereka. Dalam bab ketiga, penulis telah membincangkan tentang DEB serta masyarakat India. Demi memantapkan perbincangan ini, penulis membandingkan pencapaian dasar ini dalam mengubah status sosioekonomi masyarakat India. Beliau menggunakan dua aspek utama iaitu kemiskinan dan pendidikan bagi membandingkan

³³ M. Elangko A/L Muniandy, “Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat India Sebelum Dan Selepas Dasar Ekonomi Baru (1957-2000)”, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, 2015.

hal tersebut. Dalam bab keempat, penulis telah menganalisis peranan MIC dalam memperjuangkan kepentingan masyarakat India secara kritikal bahawa peranan ini semata-mata dapat menjaga kepentingan masyarakat India atau gagal berbuat demikian. Penulis juga menyentuh impak penglibatan MIC dalam sektor perniagaan. Seterusnya, M. Elangko turut menganalisis kedudukan sosioekonomi masyarakat India dalam tempoh tahun 1990 hingga tahun 2000 dengan membincangkan kedudukan ekonomi dan permasalahan sosial masyarakat India selepas DEB. Secara keseluruhannya, kajian ini memainkan peranan penting untuk melihat perkembangan sosioekonomi masyarakat India sebelum dan selepas DEB.

Dalam bidang sosial, sebuah buku yang cukup signifikan dihasilkan oleh Parameswari Krishnan bertajuk *Todi Dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Malaya [sic] 1900-1957* yang asalnya merupakan tesis PhD sebelum diterbitkan dalam bentuk buku.³⁴ Malah lebih menarik, buku ini juga diterbitkan dalam bahasa Inggeris dengan tajuk *Toddy Among Indian Plantation Labour in Malaya, 1900-1957*.³⁵ Penting untuk disebutkan bahawa wujud satu “hubungan” antara orang India terutama kalangan buruh ladang dengan todi. Malah tidak salah untuk menyatakan bahawa kajian ini merupakan sebuah kajian yang “berterus terang” mengenai pembabitan buruh-buruh ladang di Tanah Melayu dengan todi. Buku dengan ketebalan 421 halaman ini dibahagikan kepada enam bab. Bab awal menyebut mengenai kehidupan masyarakat ladang dan tekanan serta pelbagai masalah yang timbul menyebabkan sebahagian mereka menjadikan todi sebagai satu bentuk “*escapism*”. Bab-bab selanjutnya menyebut mengenai pengambilan todi, perniagaan todi dan implikasi yang timbul daripada pengambilan todi ini kepada kalangan buruh India. Data dan maklumat yang ada dalam buku ini menunjukkan betapa eratnya hubungan antara buruh India dengan todi dan

³⁴ Parameswari Krishnan, *Todi Dalam Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Malaya [sic] 1900-1957*, Sabak Bernam: t.p., 2021.

³⁵ Parameswari Krishnan, *Toddy Among Indian Plantation Labour in Malaya, 1900-1957*, Sabak Bernam: n.p., 2021.

pengambilan todi secara berterusan telah membawa kesan besar dalam kehidupan mereka. Meskipun penjelasan mengenai pengambilan todi menjadikan Tanah Melayu sebagai latar, namun agak banyak kes-kes yang melibatkan Selangor dan keadaan ini menyebabkan buku ini sangat penting.

1.5.2 Masyarakat India di Selangor

Dari segi pensejarahan negeri Selangor, satu kajian ini boleh dianggap sebagai kajian yang sangat penting serta amat menyumbang kepada sejarah masyarakat India di negeri Selangor ialah “Sejarah Kedatangan Buruh-Buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan”.³⁶ Kajian ini dihasilkan oleh Harbans Kour A/P Jagar Singh. Hasil tesis ini boleh dianggap sumber penting bagi kajian ini kerana ia merupakan satu-satunya kajian mengenai sejarah masyarakat India di Selangor. Fokus utama kajian ini adalah dua perkara iaitu sejarah kemasukan buruh-buruh India di Selangor dan perbandingan sosioekonomi antara buruh-buruh swasta dengan buruh-buruh kerajaan. Kedua-kedua bahagian telah ditulis dengan cukup komprehensif dan terperinci. Dalam membicarakan tentang sejarah kedatangan buruh-buruh India ke Selangor, Harbans Kour menjelaskan mengenai cara-cara kemasukan serta proses penempatan buruh-butuh India di Selangor. Tulisan secara komprehensif memudahkan pengkaji mendapat gambaran awal tentang sejarah masyarakat India di Selangor. Bukan itu sahaja, penulis turut menganalisis perbandingan sosioekonomi antara buruh India swasta dengan buruh India kerajaan. Bagi menyeragamkan analisis perbandingan ini, penulis telah menetapkan beberapa aspek seperti pendapatan, kesihatan dan lain-lain untuk melihat perbezaan sosioekonomi antara buruh-buruh swasta dengan buruh-buruh kerajaan. Hasil perbandingan ini membolehkan pengkaji mengetahui aspek-aspek yang

³⁶ Harbans Kour A/P Jagar Singh, “Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan”, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988/1989.

wajib dikaji untuk melihat perbezaan sosioekonomi yang ketara telah berlaku dalam kalangan buruh India swasta dan kerajaan.

*Sejarah Masyarakat India di Malaysia*³⁷ merupakan hasil tulisan Azharudin Mohamed Dali dan merupakan sebuah penulisan yang amat menarik. Tulisan beliau boleh dikatakan sebagai satu buku ensiklopedia kecil tentang masyarakat India di Malaysia. Hal ini kerana, hasil kajian ini tidak terbatas tentang orang India keturunan Tamil sahaja malah turut merangkumi sejarah dan pola kedatangan orang Telugu, Malayali, Sikh, Chetti, Chettiyar, India Muslim serta Jawi Peranakan. Antara bab yang penting dan sangat relevan dengan kajian ini dapat dilihat dalam bab ketiga yang membicarakan tentang masyarakat India di Klang. Penjelasan beliau dilihat sangat menarik kerana menghuraikan latar belakang masyarakat India di Klang sejak zaman awal hingga tahun 1941. Selain itu, beliau turut menerangkan situasi buruh India dan pembabitannya dalam gerakan buruh, mogok dan protes yang berlaku pada tahun 1941. Bab ini turut membincangkan rentetan peristiwa gerakan masyarakat India di Klang yang berlaku untuk mendesak pihak British meningkatkan gaji mereka. Selain itu, penulis turut membincangkan mengenai permasalahan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat India dalam bab kesebelas. Beliau telah menyentuh mengenai masalah todi dan samsu yang menjadi pendorong utama bagi masalah sosial masyarakat India. Perbincangan yang dilakukan dalam bab ini boleh disifatkan sebagai masih umum kerana ia hanya menerangkan masyarakat India secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, buku ini memberi sumbangan penting untuk mengenali sejarah dan situasi masyarakat India di Klang serta penglibatan dan sumbangan mereka dalam aspek sosioekonomi.

Parameswari Krishnan menghasilkan sebuah penulisan bertajuk “Perkembangan Masyarakat India” yang memberikan perhatian kepada sejarah masyarakat India di

³⁷ Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2012.

Klang.³⁸ Meskipun ringkas, namun penulisan ini cukup signifikan kerana menjelaskan mengenai sejarah masyarakat India di Klang iaitu antara bandar utama di Selangor. Selain itu, Klang pernah menjadi ibu negeri bagi Selangor sebelum ia ditukar kepada Kuala Lumpur. Malah, Klang juga wujud lebih awal dan lebih makmur sebelum kewujudan Kuala Lumpur hingga ia menjadi tarikan kepada kalangan imigran termasuk orang India. Dalam penulisan ini, Parameswari menjelas mengenai catatan awal mengenai kehadiran orang India ke Klang. Kedatangan mereka lebih ketara sejak penghujung kurun ke-19 dan Klang menjadi tarikan kerana mereka hadir sebagai buruh ladang. Pembukaan ladang seperti Ladang Sungai Renggam, Ladang Bukit Rajah dan Ladang Golden Hope menjadi tarikan utama. Selain mengenai keadaan kehidupan masyarakat ladang, perbincangan juga menyentuh mengenai aspek keagamaan dan menyebut bahawa antara kuil tertua di Klang ialah kuil Sri Nagara Thendayuthapani diikuti dengan kuil Sri Sundararaja Perumal Devasthanam atau turut dikenali sebagai kuil Perumal Klang. Selain itu, perbincangan mengenai perayaan dan pendidikan serta kewujudan masyarakat India di sepanjang Jalan Tengku Kelana yang menjadi pusat perniagaan bagi masyarakat India di Klang. Secara keseluruhannya, penulisan Parameswari memang cukup signifikan dalam menjelaskan mengenai sejarah masyarakat India di Klang. Antara kelemahan ketara ialah tiadanya sumber rujukan yang digunakan dan keadaan ini menyukarkan bagi kalangan pengkaji yang berhasrat untuk melakukan kajian lanjut.

Aspek sosioekonomi masyarakat India di Tanah Melayu bukanlah satu perkara yang tidak pernah dibincangkan oleh para sejarawan. Isu sosioekonomi ini selalu dibahas dalam penulisan-penulisan akademik. Sebagaimana yang telah dijelaskan, mengikut hasil penulisan akademik yang sedia ada, kebanyakan daripadanya lebih berfokus kepada sosioekonomi masyarakat India secara umum dan tidak mendedahkan

³⁸ Parameswari Krishnan, "Perkembangan Masyarakat India", dlm. Azharudin Mohamed Dali (et al.) (eds.), *Sejarah dan Warisan Klang Bandar Diraja*, Klang: Majlis Perbandaran Klang, 2013, hlm. 88-95.

berdasarkan negeri-negeri Tanah Melayu. Antara kajian yang cukup signifikan mengenai Selangor dihasilkan oleh Amarjit Kaur yang bertajuk “North Indians: A Study of Their Economic, Social and Political Activities with special reference to Selangor 1870-1950’s”.³⁹ Hasil tulisan ini lebih menjurus kepada masyarakat India dari India Utara dan mengabaikan masyarakat India dari selatan terutamanya kalangan orang Tamil. Keadaan ini menyebabkan adanya satu lompang besar dalam memahami keadaan masyarakat Tamil yang merupakan kelompok majoriti orang India di Selangor.

Selain tadi, satu lagi bahan yang seringkali dikaitkan dengan orang India adalah samsu. Jika diteliti dalam perkembangan sejarah, pengambilan samsu sebenarnya bukan sahaja dilakukan oleh orang India, tetapi juga oleh orang Melayu dan Cina. Meskipun begitu, memang terdapat bukti yang jelas menunjukkan bilangan orang India yang mengambil samsu agak lebih menonjol berbanding kelompok lain. Hal ini dibuktikan oleh kajian yang dilakukan oleh Nor Syazwani.⁴⁰ Kajian yang dilakukan ini menjadikan Selangor sebagai latar geografi dan jelas menunjukkan pembabitan orang India dengan bahan ini. Sebagaimana tadi, pengambilan samsu telah membawa implikasi besar kepada kehidupan sosial masyarakat India termasuk timbulnya pelbagai masalah kesihatan.

Jika diteliti secara keseluruhannya, didapati bahawa kajian mahupun penulisan tentang masyarakat India di Selangor masih jarang dihasilkan. Misalnya hanya kajian yang dilakukan oleh Harbans Kour yang secara khusus meneliti mengenainya. Azharudin Mohamed Dali dan Parameswari Krishnan pula meneliti mengenai masyarakat India di Klang. Sewaktu membincangkan tentang masyarakat India, kebanyakan hasil kajian serta penulisan lebih bersifat secara umum dan tidak terikat kepada sebuah negeri. Hanya terdapat satu hasil kajian sahaja yang menyentuh sejarah masyarakat India di Selangor

³⁹ Amarjit Kaur, “North Indians: A Study of Their Economic, Social and Political Activities with special reference to Selangor 1870-1950’s”, PhD Thesis, University of Malaya, 1973.

⁴⁰ Noor Syazwani, “Samsu Di Selangor: Kajian Terhadap Pembuatan, Pengambilan dan Kawalan, 1900-1941”, Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2018.

bagi tempoh kajian ini tetapi ia hanya terikat dengan perbandingan sosioekonomi antara buruh India swasta dengan buruh India kerajaan yang berkerja dalam sektor perladangan. Kajian itu juga tidak membincangkan tentang perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat India secara keseluruhannya. Maka, dengan memperlihatkan semua perkara ini, jelaslah kajian ini penting dilakukan untuk menjadikannya pelengkap kepada pemahaman mengenai sejarah sosial dan ekonomi masyarakat India di Selangor secara jelas.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenai sejarah masyarakat India di Selangor sebelum dan selepas kemerdekaan kelihatannya tidak banyak dilakukan oleh kalangan pengkaji sebelum ini. Keadaan ini jelas terlihat melalui tinjauan literatur yang telah dilakukan. Kebanyakan kajian serta penerbitan yang dilakukan sebelum ini bersifat umum merangkumi satu ruang geografi yang lebih luas, merangkumi Tanah Melayu atau Malaysia. Kajian bersifat tempatan seperti di Selangor masih kecil jumlahnya. Dalam keadaan ini, kita menyedari bahawa masih banyak isu tentang masyarakat India tidak diketengahkan. Salah satunya adalah isu sosioekonomi masyarakat India di negeri-negeri Tanah Melayu (dalam kajian ini di Selangor). Jadi, ini bermakna bahawa kajian ini mampu menyumbang kepada pensejarahan Malaysia amnya dan sejarah Selangor khususnya. Kajian ini turut mengukuhkan sejarah lokal masyarakat India di Selangor.

Selain itu, kajian ini juga mengenegahkan satu perkara penting iaitu menunjukkan perkembangan masyarakat India di Selangor. Masyarakat India merupakan masyarakat yang agak unik dan memainkan peranan yang cukup penting dalam pembangunan Tanah Melayu mahupun Selangor. Orang India yang merupakan kelompok minoriti di Selangor seringkali tenggelam dalam naratif sejarah negeri ini, sedangkan sumbangan mereka tidak

kalah pentingnya dengan masyarakat lain. Oleh itu, tanpa adanya kajian sebegini, adalah dibimbangi penglibatan mereka dan sumbangan mereka dalam pelbagai sektor terutamanya ekonomi dan sosial di Selangor akan terus dilupakan. Oleh itu, kajian ini akan mampu memberikan satu penjelasan yang lebih kukuh dan membantu mengenal pasti penglibatan serta sumbangan masyarakat India kepada negeri Selangor.

Di samping itu, kajian ini dapat memberi satu pemahaman sejarah yang penting, bukan sahaja kepada khalayak umum, malah dalam kalangan masyarakat India sendiri. Melalui kajian ini, golongan muda atau generasi baru masyarakat India dapat mengetahui cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh generasi sebelumnya dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kegiatan ekonomi mahupun sosial di Selangor. Kajian dapat menjadi sumber penting dalam mengetengahkan sumbangan masyarakat India kepada pembangunan negeri Selangor. Seterusnya, kajian ini telah dilakukan secara terperinci dengan menggunakan sumber-sumber sejarah iaitu sumber pertama dan sekunder. Oleh itu, hasil kajian ini dapat menjadi rujukan penting kepada pengkaji-pengkaji yang ingin menyambung kajian ini. Kajian isu masyarakat India masih luas dan boleh diterokai dengan lebih mendalam lagi. Rujukan-rujukan yang digunakan dalam hasil kajian ini boleh menjadi panduan penting kepada pengkaji-pengkaji lain.

1.7 KAEDAH DAN SUMBER PENYELIDIKAN

Kajian ini telah dijalankan dengan menepati format yang sering digunakan oleh para sarjana dalam menyempurnakan sebuah penyelidikan sejarah. Menurut Bruce W. Tuckman dalam hasil karyanya "*Conducting Educational Research*" menjelaskan bahawa penyelidikan adalah satu kaedah yang sistematik untuk mendapatkan jawapan terhadap suatu persoalan atau permasalahan. Berdasarkan permasalahan tersebut, pengkaji perlu memilih pendekatan yang paling sesuai untuk mengumpulkan data-data

berkaitannya.⁴¹ Sehubungan itu, pendekatan yang dipilih haruslah menepati objektif kajian. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif. Menerusi pendekatan analisis kualitatif, pengkaji mampu menerangkan keadaan sebenar tentang perkembangan sosioekonomi masyarakat India di negeri Selangor dari tahun 1884 hingga 1941. Dalam kaedah kualitatif, pengkajian sejarah menggunakan pendekatan analisis dokumen dan manuskrip manakala kajian dijalankan di Arkib Negara dan Perpustakaan. Mengikut konteks ini, dua kaedah asas yang kerap kali digunakan iaitu penyelidikan kepustakaan dan penyelidikan arkib. Kajian kepustakaan bermaksud usaha yang dilakukan bagi meneliti dan mengumpul data dan maklumat yang sesuai dan relevan dengan topik yang sedang dikaji. Dalam banyak keadaan, kajian kepustakaan lebih bertumpu kepada sumber-sumber sekunder. Kajian arkib atau *Archival Research* pula dilaksanakan untuk mendapatkan data dan maklumat terutamanya yang masih dalam bentuk mentah yang perlu dianalisis. Sumber pertama ini sangat penting dalam kajian sejarah dan mampu menjadi bukti jelas mengenai satu-satu perkara yang dibentangkan di dalam penulisan ini. Kaedah-kaedah yang digunakan ini membolehkan satu pengumpulan data dan maklumat diperolehi dan kemudiannya dianalisis. Penyelidikan secara ekstensif telah dilakukan di pelbagai lokasi terutamanya Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Perpustakaan Negara serta Perpustakaan Umum Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Arkib Negara Malaysia.

Secara keseluruhannya, kajian ini berasaskan kepada dua sumber iaitu sumber pertama dan kedua. Sumber-sumber ini pula wujud dalam pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk dokumen, mahupun dalam bentuk mikrofilem. Antara sumber pertama terpenting yang menjadi rujukan ialah Laporan Tahunan Negeri Selangor yang merekod pelbagai jenis maklumat penting seperti jumlah kemasukan masyarakat India ke negeri

⁴¹ Bruce W. Tuckman, *Conducting Educational Research*, California: Harcourt Brace Jovanovich, 1978, hlm. 5.

Selangor, jumlah kawasan ladang, jumlah kegiatan ekonomi yang melibatkan masyarakat India, jumlah pendapatan negeri Selangor dan lain-lain. Selain laporan, penelitian turut diberikan kepada fail-fail kerajaan khususnya fail Setiausaha Pejabat Kerajaan Negeri Selangor (SUK.SEL). Fail SUK.SEL telah merangkumi perlbagai jenis maklumat seperti *Annual Report (Indian Immigration)*, *Report on Indian Immigration Department*, *Annual Report on Indian Immigration Department 1903*, *Report & return of Indian Immigrants employed in the state during 1888 (Selangor)*, *Gazetting of Port Swettenham as a port for the landing of Indian Immigrants 1907*, *Transmits Copy of a draft memorandum of the principal alterations in the law regulating Indian Immigration*, *Letter from Selangor Government Railway Engineer to Selangor Residen* dan *Indian Immigration Law-Forwards for comments a memo enumerating the decision come to at a meeting of Residents*

Bukan itu sahaja, Fail Pejabat Tanah Melayu (*Colonial Office File*) yang merangkumi CO 717 (*Malay States, Original Correspondence*) dan CO 273 (*Straits Settlements Original Correspondence*) turut diteliti untuk kajian penyelidikan ini. Fail CO 717 merupakan salah satu fail yang amat penting dalam menjelaskan keadaan hidup buruh di Tanah Melayu serta memberikan satu gambaran awal tentang kehidupan buruh di negeri Selangor. Fail ini amat membantu dalam kajian penyelidikan ini. Di samping itu, dokumen rasmi yang diterbitkan oleh kerajaan turut dijadikan rujukan penting untuk memperoleh data tentang masyarakat India di Selangor. Antaranya, *Annual Report of the Agent of the Government of India in British Malaya*, *Annual Report of the Labour Department*, *Report of the Protected Malay States*, *Selangor Administration Report*, *Report of the Comissioners Appointed to Enquire into the state of Labour in the Straits Settlements and Protecde Native States* dan *Selangor Government Gazette*.

Selain sumber pertama, kajian ini turut berfokus terhadap penggunaan sumber kedua seperti buku, hasil tesis, jurnal, artikel dan kertas-kertas persidangan. Buku-buku yang

dianggap penting dan klasik seperti tulisan K.S. Sandhu, Arasaratnam, A. Rajeswari, dan Usha Mahajani digunakan dan diimbangi dengan tulisan-tulisan lain seperti Harbans Kour, Muzafar Tate, Janakey Raman Manickam, R. Selvakumaran, P. Ramasamy, Parameswari Krishnan dan sebagainya. Perlu juga disebut bahawa bahan-bahan sekunder ini wujud dalam pelbagai bentuk sama ada tulisan-tulisan “*purely academic*” yang sebahagiannya terhasil dalam bentuk tesis dan disertasi atau “*semi-academic*”. Bahan-bahan ini boleh diakses dari Perpustakaan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri Selangor, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Negara Kuala Lumpur. Sebagai tambahan, keratan akhbar-akhbar seperti *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* turut digunakan untuk memantapkan hasil kajian ini.

1.8 PEMBAHAGIAN BAB

Sebagai usaha untuk membincangkan perkembangan sosioekonomi masyarakat India di Selangor, kajian ini telah dibahagikan kepada enam bab. Bab Pertama merupakan bab pengenalan yang meliputi persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian dan ulasan literatur. Setiap persoalan yang dikemukakan dalam bab pertama ini akan dijelaskan mengikut bab-bab yang berikutnya secara mendalam.

Bab kedua membincangkan sejarah kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu dan Selangor dari tahun 1884 hingga 1941. Dalam perbincangan bab ini, pengkaji menerangkan mengenai latar belakang kemasukan masyarakat India bermula di Tanah Melayu dan diikuti dengan negeri Selangor. Seterusnya, bab ini juga mengupas cara-cara kemasukan masyarakat India serta proses penempatan mereka di negeri Selangor. Selepas itu, bab ini turut membincangkan komposisi etnik masyarakat India di negeri Selangor.

Bab ketiga pula akan membincangkan tentang perkembangan aspek pekerjaan masyarakat India di Selangor dari tahun 1884 hingga 1941. Bab ini lebih menjurus kepada

pelibatan masyarakat dalam kegiatan ekonomi seperti sektor perladangan, sektor kerajaan, perkhidmatan awam serta sektor perbankan dan permodalan. Penilaian kepada perkara ini dibuat mengikut bilangan pelantikan, penerimaan upah atau buruh serta kepentingan masyarakat India dalam kerja-kerja tersebut. Dengan ini bab ketiga dapat menunjukkan sumbangan masyarakat India dalam pembangunan sosioekonomi negeri Selangor melalui aspek ini secara jelas.

Bab yang seterusnya iaitu bab keempat yang menganalisis perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat India dari tahun 1884 hingga 1941. Dalam bab ini, hasil kajian akan membincangkan pertumbuhan berbagai-bagai jenis sekolah-sekolah Tamil yang menjadi medium penting dalam memberikan pendidikan awal kepada anak-anak India yang tinggal di kawasan bandar mahupun ladang. Aspek kurikulum serta pelantikan guru Tamil turut diberikan perhatian dalam bab ini. Melalui ini, bab keempat dapat memberikan gambaran yang terperinci tentang perkembangan aspek pendidikan dalam kalangan masyarakat India yang menyumbang kepada pembangunan sosial negeri Selangor pada tahap awal.

Bab Kelima melihat perkembangan aspek kesihatan dalam kalangan masyarakat India dari tahun 1884 hingga 1941. Bab ini menjelaskan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak British untuk menjamin kesihatan masyarakat India. Seterusnya, perbincangan ini akan lebih berfokus kepada penyebaran penyakit-penyakit berjangkit yang memberikan kesan negatif kepada perkembangan mereka di negeri Selangor. Mengikut konteks ini, golongan masyarakat India telah mencipta beberapa ubat-ubat tradisonal sebagai langkah awal perlindungan diri daripada kecederaan dan penyakit sehingga ia menjadi satu amalan biasa hingga sekarang. Dengan bab ini, hasil kajian dapat menunjukkan perkembangan aspek kesihatan dalam kalangan masyarakat secara terperinci.

Bab Terakhir iaitu bab keenam merupakan bab kesimpulan kajian ini. Bab ini mengupas dan menilai perkembangan sosioekonomi masyarakat India di Selangor serta sumbangan mereka kepada pembangunan sosioekonomi negeri Selangor.

Universiti Malaya

BAB 2: SEJARAH KEDATANGAN

2.1 PENGENALAN

Kedatangan masyarakat India ke negara ini merupakan antara peristiwa sejarah yang cukup penting terutamanya dalam sejarah sosial, ekonomi serta politik. Negeri Selangor merupakan antara negeri yang menjadi pusat tumpuan mereka terutamanya kerana pembangunan ekonomi yang cukup pesat sejak pertengahan kedua kurun ke-19. Penjelasan yang terperinci mengenai sejarah kedatangan serta pertapakan mereka di Selangor sangat penting bagi memahami sejarah masyarakat ini secara keseluruhannya. Oleh itu, bab ini membincangkan mengenai sejarah latar belakang negeri Selangor secara ringkas dengan menjelaskan asal-usul nama Selangor, kedudukan geografi serta sistem pemerintahan negeri. Selepas itu, bab ini akan memperlihatkan aspek latar belakang masyarakat India. Perbincangan aspek ini akan lebih berfokus kepada dua perkara iaitu latar belakang masyarakat India di Tanah Melayu sebelum kemudiannya menjurus kepada keadaan di negeri Selangor. Bagi mengukuhkan perbincangan, aspek cara kemasukan masyarakat India serta proses penempatan mereka dijelaskan secara terperinci. Penjelasan mengenai hal ini dirasakan cukup penting kerana perkara-perkara yang disebutkan telah secara langsung mewujudkan satu perkembangan yang telah mengubah struktur masyarakat di Selangor dengan terbentuknya sebuah komuniti yang besar dan orang India menjadi sebahagian daripada komuniti tersebut.

2.2 LATAR BELAKANG SELANGOR

Selangor merupakan sebuah negeri yang wujud pada kurun ke-18 melalui pelantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor yang pertama.¹ Namun ini tidak pula menolak hakikat bahawa nama Selangor telah wujud dan diguna pakai sejak sekurang-kurangnya kurun ke-16 lagi. Perbincangan mengenai latar belakang Selangor ini menyentuh secara sepintas lalu mengenai asal-usul nama Selangor, kedudukan geografi serta sistem pemerintahan.

2.2.1 Asal- Usul Nama Selangor

Selangor merupakan salah satu negeri yang ada di negara ini yang mempunyai sejarah yang menarik. Sehingga kini, terdapat pelbagai versi mengenai asal-usul nama Selangor. Mengikut Yusof Hasan dalam *Jugra dalam Sejarah* menjelaskan bahawa nama Selangor telah diambil berdasarkan nama sungai yang merentasi kawasan utara negeri tersebut. Sungai ini ditumbuhi dengan pohon ‘*Mentagau*’ iaitu sejenis pokok kayu laut yang tumbuh meliar di kuala sungai.² Daripada kata korupsi ‘*Mentagau*’ inilah yang kemudiannya melahirkan kata Selangor.

Berdasarkan Duarte Barbosa, asal-usul nama Selangor berasal daripada perkataan ‘*sara hangor*’ atau ‘*sala langor*’ (sarang burung lang). Nama ‘sarang lang’ ini masih wujud hingga masa kini dalam bentuk sebuah kampung yang terletak berhampiran dengan Kuala Selangor.³ Selain itu, Thomas John Newbold iaitu askar Inggeris yang pernah berkhidmat bersama Syarikat Hindia Timur (SHTI) serta seorang pengembara yang terkenal pada sekitar tahun 1842 juga memberikan satu kisah yang menarik tentang asal-usul nama Selangor. Mengikut beliau, nama Selangor berasal daripada perkataan

¹ Khoo Kay Kim & Paiman bin Keromo (ed.), *Selangor Darul Ehsan: Satu Persepsi Sejarah*, Selangor: Muzium Negeri Selangor Darul Ehsan, 1989, hlm. 11.

² Yusof Hasan, *Jugra Dalam Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Trata, 1983, hlm. 2.

³ Mohamed Roselan Abdul Malek, *Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik di Selangor*, Selangor: Oscar Book, 1998, hlm. 7.

'calang' atau 'kalang' iaitu 'kalang ur'.⁴ Menurut beliau, nama negeri Selangor iaitu 'calanggor' pernah tercatat di dalam peta koleksi British di Muzium London. Newbold turut memberikan gelaran kepada Selangor sebagai 'land of tin' iaitu bumi yang kaya dengan bijih timah.⁵

Dalam *Sejarah Melayu*, terdapat kisah yang menceritakan kisah raja-raja Melayu semasa kerajaan Singapura di bawah pemerintahan Paduka Seri Maharaja pada kurun ke-14, nama "Selangor" pernah disebutkan. Pada masa pemerintahan baginda, ada seorang individu bernama Tuan Jana Khatib telah datang ke Singapura bersama rakan-rakannya. Beliau telah menggunakan perkataan Selangor dalam perbualan beliau seperti "tuan di Bangunan dan di Selangor". Oleh itu, ia membuktikan nama Selangor ini telah pun wujud sejak kurun ke-14. Walaupun, nama Selangor ada disebutkan tetapi lokasinya tidak dinyatakan secara pasti dalam karya ini.⁶ Pada kurun yang sama, istilah 'Kelang'⁷ telah digunakan dalam naskhah *Kekahwin Negarakertagama* pada tahun 1365 yang ditulis oleh Prapancha, seorang pujangga kerajaan Majapahit. Beliau menyatakan Kelang bersama tempat-tempat lain sebagai kawasan taklukan Majapahit tetapi kepentingan 'Kelang' serta hubungannya dengan Selangor tidak dijelaskan dalam hasil karya beliau.⁸

Haji Buyong Adil telah menjelaskan bahawa beberapa buah tempat dalam negeri Selangor seperti Kelang, Jeram, Langat, Jugra dan Selangor telah tertakluk kepada penguasaan Kerajaan Melayu Melaka. Pada zaman Sultan Muzaffar Shah (1445-1458) di Melaka, Tun Perak, anak Bendahara Seri Wak Raja telah dihantar ke Kelang untuk menjadi seorang Penghulu di sana. Sebelum ketibaan Tun Perak di Kelang, penghulu

⁴ Thomas John Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca: Viz, Pinang, Malacca and Singapore, with a History of the Malayan States on the Peninsula of Malacca*, Volume 2, London: J. Murray Publisher, 1839, hlm. 30.

⁵ Ibid., hlm. 31.

⁶ Haji Buyong Bin Adil, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm. 3.

⁷ Ejaan yang lain ialah Klang yang digunakan sehingga ke hari ini.

⁸ Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor: Dari Zaman Prasejarah hingga Kemerdekaan*, Kajang: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005, hlm. 61.

yang sedia ada tidak disenangi oleh penduduk Kelang. Tun Perak pernah menjalankan tugas sebagai penghulu di sana. Atas alasan ini, orang Kelang amat mengalu-alukan kepulangan beliau ke kawasan ini. Selain itu, kawasan Kelang turut dikaitkan dengan satu peristiwa yang menceritakan kebijaksanaan Tun Perak sebagai Penghulu Kelang. Peristiwa ini amat menarik. Pada masa ini, kerajaan Melaka mula menerima ancaman serangan orang Siam. Bagi menghadapi serangan ini, Tun Perak mengumpulkan penduduk 'Kelang' termasuk lelaki dan perempuan untuk membantu kerajaan Melaka. Mereka turut melawan dan mengalahkan tentera Siam. Bukan itu sahaja, Tun Perak bertindak bijak dengan membuat benteng nyalaan obor api di sepanjang pantai 'Kelang' demi mengelak serangan Siam. Namun pada masa tersebut, dua negeri ini tidak mempunyai sempadan yang jelas.⁹

Selepas kemasukan British, barulah persempadan antara negeri-negeri di Tanah Melayu telah dilakukan dan ia berkekalan sehingga sekarang. Sempadan-sempadan bagi negeri Selangor telah dibuat mengikut aliran sungai seperti Sungai Bernam di Utara, Sungai Sepang di Selatan, Selat Melaka di Barat dan Banjaran Titiwangsa. Maka, terbentuklah sebuah kerajaan Selangor yang berkeluasan 5,760 kilometer persegi. Wilayah-wilayah seperti Morib, Jeram, Jugra, Kelang, Bernam dan Lukut telah mula dikenali dan mempunyai penduduk mereka terdiri sebagai jajahan yang tertakluk di bawah kekuasaan Selangor.¹⁰

⁹ Haji Buyong Bin Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 4. Lihat Peta 1 di dalam Lampiran.

¹⁰ J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hlm. 149-150.

2.2.2 Kedudukan Geografi dan Ekonomi

Negeri Selangor berlokasi di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang berada di antara kedudukan Pulau Pinang dengan Singapura. Negeri ini mempunyai keluasan kawasan seluas 3,160 batu persegi. Bahagian utara bersempadan dengan negeri Perak, manakala di bahagian selatannya bersempadan dengan Negeri Sembilan. Selat Melaka terletak di bahagian barat serta negeri Pahang terletak di bahagian timurnya. Garisan Meridian Greenwich berada pada jarak di sebelah timur dan baratnya di antara 101° dan 102° dan di antara $20^{\circ} 35'$ dan $3^{\circ} 55'$ di bahagian utaranya. Negeri ini memiliki tanah berpasir, dan mempunyai beberapa batang sungai yang panjang dan berselirat merentasi negeri seperti Sungai Klang, Sungai Selangor, Sungai Langat, Sungai Semenyih dan Sungai Gombak sebagai sumber air.¹¹ Di samping itu, negeri ini juga berkongsi gunung-gunung dengan negeri Pahang. Pelabuhan Swettenham merupakan pelabuhan penting bagi negeri ini yang menjadi pelabuhan persinggahan bagi kapal-kapal dagang dari seluruh dunia. Pembukaan Pelabuhan Swettenham pada tahun 1900 telah menyokong perkembangan ekonomi di Selangor. Berdasarkan perangkaan bagi tahun 1908, sebanyak 45 kapal kargo telah singgah di Pelabuhan Swettenham.¹² Pelabuhan ini menjadi pintu keluar-masuk barangan utama bukan sahaja untuk Selangor tetapi seluruh jajaran negeri-negeri sebelah Pantai Barat Tanah Melayu.

¹¹ State of Selangor Annual Report for 1948, hlm. 83.

¹² Khoo Kay Kim, "Riwayat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan" dlm. Adnan Haji Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (ed.), *Sejarah: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah Selangor Darul Ehsan, 1992, hlm. 45.

Peta 2.1: Negeri Selangor Pada Kurun ke-20



Sumber: Annual Report on Administration of Federated Malay States for The Year of 1935

2.2.3 Sistem Pemerintahan

Sebelum pengasasan Kesultanan Selangor pada tahun 1766, kawasan-kawasan di sekitar negeri Selangor, seperti Kuala Selangor, Bernam, Jeram, Kelang, Langat-Jugra dan Sungai Raya merupakan kawasan jajahan kerajaan Melaka.¹³ Selepas kerajaan Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, Sultan Mahmud Shah telah berundur ke Johor, kemudian ke Bentan, Pahang dan akhirnya kembali ke Bentan. Pengasasan Kesultanan Johor bermula dengan pelantikan Raja Ali sebagai Sultan Johor yang pertama. Baginda merupakan anak kepada Sultan Mahmud Shah dan Tun Fatimah sebagai Sultan Johor yang pertama. Walaupun tidak berkerajaan di Melaka lagi, pewaris Kesultanan Melaka masih mengekalkan pengaruh dan kekuasaan mereka ke atas Selangor. Penguasaan ini kemudiannya diteruskan oleh Dinasti Keluarga

¹³ Ibid., hlm. 36.

Bendahara yang mengambil alih tampuk pemerintahan Kesultanan Johor-Riau selepas kemangkatan Sultan Mahmud II Mangkat Dijulang (1699). Pada ketika itu Selangor masih di bawah naungan kerajaan Johor. Pada sekitar tahun 1700, Selangor telah menerima pengaruh orang Minang dan Bugis. Mereka telah mendiami di kawasan Klang, Kuala Selangor dan Jugra. Bugis berjaya menguasai politik di Selangor dan Johor selepas tahun 1722 dan mengembangkan pengaruh ke Pahang dan Terengganu. Antara pembesar Johor yang mentadbir Selangor ialah Dato' Ungku Klang yang merupakan salah seorang ahli keluarga Bendahara Johor. Walau bagaimanapun, pengaruh Kesultanan Johor ke atas Selangor mula merosot pada kurun ke-17 seiring dengan peningkatan pengaruh orang Bugis ke atas Selangor pada lewat kurun ke-17. Di Selangor, orang Bugis telah menguasai kawasan Sungai Selangor yang kaya dengan hasil bijih timah. Pada tahun 1700, Dato' Ungku Klang telah menyerahkan cap mohor tanda berkuasa kepada seorang bangsawan Bugis bernama Arung Pasarai dan seterusnya melantik beliau sebagai Yamtuan Selangor. Penyerahan cap mohor ini telah menandakan titik permulaan penguasaan pembesar Bugis ke atas Selangor. Arung Pasarai seterusnya digantikan oleh Raja Siti dan, kemudiannya digantikan oleh Raja Lumu.¹⁴

Kesultanan Selangor telah diasaskan oleh Raja Lumu pada tahun 1766. Raja Lumu merupakan putera kepada Daeng Chelak yang merupakan salah seorang daripada Bugis lima bersaudara yang telah membantu Sultan Sulaiman, putera kepada Sultan Abdul Jalil IV dalam merampas kembali takhta kerajaan Johor-Riau daripada Raja Kechil.¹⁵ Pada tahun 1766, Raja Lumu telah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Selangor oleh Sultan Perak ke-16, Sultan Mahmud Shah di Kota Lumut dengan menggunakan gelaran Sultan Salehuddin. Baginda dianugerahkan nobat dan cap mohor

¹⁴Abdullah Zakaria bin Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor: Dari Zaman Prasejarah hingga Kemerdekaan*, hlm. 95.

¹⁵ Haji Buyong Bin Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 10.

oleh Sultan Perak. Maka, bermulalah Kesultanan Selangor dengan pertabalan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor yang pertama.¹⁶

Tindakan Raja Lumu pergi ke Perak untuk mendapatkan pengiktirafan daripada Sultan Perak sebagai Sultan Selangor dilihat sebagai suatu tindakan bijak yang diambil oleh Raja Lumu bagi membebaskan Selangor daripada pengaruh dan penguasaan Kesultanan Johor. Kesultanan Perak merupakan sebuah kesultanan yang telah pun kukuh dan berasal daripada salasilah Kesultanan Melaka. Ini dilihat sebagai satu usaha daripada Raja Lumu untuk memastikan kebebasan Selangor sebagai sebuah negeri berdaulat mendapat pengiktirafan daripada waris keturunan Kesultanan Melaka. Tindakan ini juga dilihat telah mengukuhkan kedudukan orang Bugis yang telah lama bermastautin di Selangor dan sekaligus menguasai Selangor dari segi ekonomi dan politik.¹⁷ Pemerintahan Raja Lumu (1766-1782) dikenali sebagai Sultan Salehuddin, kekuasaan baginda meliputi kawasan sekitar Langat, Jugra dan Klang. Baginda menjadikan Kuala Selangor sebagai ibu kota kerajaan kerana kawasan ini amat strategik untuk dijadikan sebagai kubu benteng pertahanan kerajaan demi menghadapi serangan Belanda.

Selepas kemangkatan Sultan Salehuddin Shah, baginda digantikan oleh Sultan Ibrahim Shah (1778-1826) dan seterusnya Sultan Muhammad Shah (1826-1857). Keadaan Selangor sentiasa terjamin keselamatan dan keamanan semasa zaman pemerintahan Sultan Ibrahim. Namun keadaan Selangor bertukar menjadi sebaliknya ketika diperintah oleh Sultan Muhammad Shah. Sultan Muhammad telah dilantik sebagai Sultan Selangor yang ketiga pada tahun 1826. Pemerintah baginda sangat lemah kerana tidak mendapat sokongan dan taat setia daripada golongan pembesar

¹⁶ Khoo Kay Kim & Paiman bin Keromo, *Selangor Darul Ehsan: Satu Persepsi Sejarah*, Selangor: Muzium Negeri Selangor Darul Ehsan, 1989, hlm. 12.

¹⁷ J. M. Gullick, *A History of Selangor (1766-1939)*, Petaling Jaya: Falcon Press Sdn Bhd, 1998, hlm.8.

yang memerintah daerah-daerah kecil.¹⁸ Kelemahan ini telah mendorong putera-putera baginda untuk merebut jawatan supaya menjadi Raja Muda Selangor.

Sultan Muhammad mempunyai sikap kurang tegas dalam menjalankan pentadbirannya. Perkara ini menyebabkan berlaku situasi huru-hara di beberapa kawasan penting seperti Kuala Selangor, Lukut dan Klang. Aktiviti pelanunan kerap berlaku di Kuala Selangor sehingga menjadi tempat sarang lanun dan penyamun. Baginda juga telah berhutang wang sebanyak \$170,000 kepada saudagar Cina di Melaka demi membiayai kerja-kerja perlombongan bijih timah di Sungai Klang. Malangnya kerja perlombongan tersebut gagal dijalankan. Pada tahun 1846, Sultan Muhammad telah pergi ke Melaka kali ke kedua selepas tahun 1839. Pada masa ini, saudagar-saudagar Cina Melaka mula menuntut hutang yang belum dilunaskan oleh baginda. Mereka turut mengugut baginda dan akan menangkap baginda serta diadili mengikut undang-undang NNS. Pada waktu ini, Raja Jumaat bin Raja Jaafar yang berasal dari Riau telah membantu Sultan Muhammad dengan menjadi penjamin bagi semua hutang baginda tersebut. Sebagai membalas budi, baginda mengahwinkan puterinya Tengku Nai dengan Raja Jumaat serta melantik beliau sebagai ketua di Lukut.

Di bawah pentadbiran Raja Jumaat, kawasan Lukut menjadi semakin terkenal sebagai pusat perlombongan bijih timah.¹⁹ Dalam masa yang sama, Sultan Muhammad berhadapan dengan konflik politik yang rumit melibatkan kalangan pembesar-pembesar Selangor. Sebelum kemangkatannya, Sultan Muhammad telah bertindak melantik Raja Mahmud sebagai Raja Muda Selangor pada tahun 1853 dengan mengenepikan putera-putera lain. Perlantikan ini tidak dipersetujui oleh semua ahli kerabat diraja kerana beliau masih kecil untuk dianggap sebagai Raja Muda Selangor. Selepas kemangkatan Sultan Muhammad, Raja Abdul Samad telah berjaya mengusir

¹⁸ Yussof Hasan, *Jugra Dalam Sejarah*, hlm. 3.

¹⁹ Khoo Kay Kim, *The Western Malay States, 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, hlm. 72.

adik ipar beliau iaitu Raja Mahmud dan menjadi Sultan Selangor yang keempat.²⁰ Pemerintahan Sultan Abdul Samad berlangsung antara tahun 1857 hingga 1898. Bemula daripada tahun 1857, Kuala Selangor tidak lagi menjadi ibu kota kerajaan Selangor. Sultan Abdul Samad telah menukar ibu kota kerajaan ke Langat kerana kawasan itu ialah kawasan pegangan baginda sebelum itu.²¹

Semasa pemerintahan Sultan Abdul Samad, keamanan negeri Selangor telah mula merosot kerana berlaku banyak penentangan dalam kalangan anak-anak raja dan pembesar Selangor. Situasi ini berlanjutan sehingga membawa perang saudara di Selangor pada tahun 1868.²² Perang saudara ini bermula pada tahun 1868 hingga 1873 atas punca perbalahan antara Raja Abdullah dan Raja Mahadi serta pelantikan Tengku Kudin sebagai Wakil Yam Tuan (Sultan) yang tidak diiktiraf oleh Raja Mahadi. Sultan Abdul Samad tidak mengambil usaha-usaha yang proaktif untuk mengatasi keadaan yang semakin meruncing dalam pentadbiran negeri Selangor. Keadaan pentadbiran dibiarkan sehingga bertambah buruk. Apabila perang saudara tercetus antara Raja Abdullah dengan Raja Mahadi maka ia telah memberikan kesempatan kepada British untuk campur tangan dalam urusan pemerintahan raja-raja Melayu serta menguasai kerajaan Selangor.²³

²⁰ Yussof Hasan, *Jugra Dalam Sejarah*, hlm. 6.

²¹ Khoo Kay Kim, *The Western Malay States, 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*, hlm. 7.

²² Ibid.

²³ Ibid., hlm. 178.

2.2.4 Masyarakat

Bilangan penduduk di Selangor adalah dianggarkan berjumlah kira-kira 6,000 pada tahun 1824. Sebahagian besar terdiri daripada masyarakat Melayu. Penempatan utama bagi mereka di negeri Selangor berlokasi di lembah-lembah Sungai Selangor, Sungai Klang, Sungai Langat dan Sungai Lukut.²⁴ Secara umumnya, masyarakat Melayu boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan pemerintah dan yang diperintah. Golongan pemerintah mempunyai tiga komponen iaitu kerabat diraja, kerabat am dan rakyat. Kerabat diraja dan kerabat am mendapat kedudukan tertinggi manakala rakyat terdiri daripada orang yang mempunyai keistimewaan dengan menduduki jawatan tertentu dan ulama.²⁵ Golongan pemerintah memegang kuasa politik dan mengutip cukai dan ufti serta buruh daripada rakyatnya. Golongan diperintah terdiri daripada rakyat biasa dan hamba. Golongan rakyat dilihat sebagai jumlah terbesar dan boleh dibahagikan mengikut kumpulan seperti kumpulan petani dan pedagang. Hamba merupakan golongan yang paling rendah dalam sistem sosial ini. Terdapat dua jenis perhambaan utama iaitu melalui tawanan perang dan hamba hutang. Hamba tawanan perang adalah golongan yang ditawan dalam serbuan atau lanun serta dijual sebagai hamba manakala hamba berhutang didapati atas sebab hutang dimana dia perlu menjadi hamba yang terpaksa berkhidmat kepada si pemiutang sehingga segala hutang diselesaikan.²⁶

Ekonomi masyarakat Melayu terdiri daripada kumpulan kecil petani yang tinggal di kampung dan mengusahakan kegiatan pertanian, perburuan dan perikanan. Kehidupan mereka lebih berkisar di sekitar sungai, hutan dan kawasan kecil tanah yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Kegiatan ekonomi utama bagi masyarakat

²⁴ Amarjit Kaur, "Perkembangan Ekonomi Selangor: Suatu Tinjauan Sejarah" dalam Adnan Haji Nawang dan Mohd Fadzil Othman (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah. 1992, hlm. 173.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 168.

²⁶ *Ibid.*, hlm. 169.

Melayu di Selangor adalah pertanian. Mereka mengusahakan dua bentuk tanaman iaitu padi sawah dan huma. Tanaman sawah melibatkan penanaman padi di kawasan tanah yang berdekatan manakala tanaman padi huma melibatkan pembersihan hutan untuk satu atau dua musim tanaman. Selepas itu, ia ditinggalkan menjadi hutan semula. Majoriti penanam padi mengusahakan tanaman padi untuk menyara hidup.²⁷ Selain kegiatan penanaman padi, masyarakat Melayu juga menternak binatang seperti kerbau, ayam dan itik demi menambahkan sumber makanan. Binatang ternakan ini biasanya ditenak di persekitaran tempat kediaman mereka. Bilangan binatang ini hanya sekadar cukup untuk keperluan keluarga mereka. Sungai bukan sahaja digunakan sebagai jalan perhubungan malah ia memudahkan masyarakat Melayu mendapat bekalan makanan tambahan terutamanya ikan. Mereka menggunakan alat- alat seperti tali, kail, bubu dan jerat untuk menangkap ikan di sungai.²⁸

Seterusnya, kegiatan perlombongan bijih timah telah lama diusahakan oleh masyarakat Melayu sendiri di Selangor. Pada kurun ke-19, kebanyakan pembesar Melayu Selangor mendominasi dan mengawal kegiatan perlombongan dan perdagangan bijih timah. Antaranya, Sultan Ibrahim di Hulu Selangor, Sultan Muhammad di Lukut serta Raja Abdullah bin Raja Jaafar di Kuala Lumpur dan Ampang. Para pembesar menjadi pembeli tunggal hasil pengeluaran bijih timah di sesuatu kawasan. Harga akan dibayar mengikut harga yang ditetapkan oleh pembesar. Kadang kala, mereka membeli bijih timah dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.²⁹ Masyarakat Melayu menggunakan pelbagai jenis kaedah untuk memperoleh bijih timah. Sebagai contohnya, kaedah empangan, mendulang, melampan, kait air dan kait raga. Mereka

²⁷ *Ibid.*, hlm. 173.

²⁸ Zulkanain Abdul Rahman, "Ekonomi" dalam Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor: Dari Zaman Prasejarah hingga Kemerdekaan*, Shah Alam: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005, hlm. 199.

²⁹ *Ibid.*, hlm. 203.

melakukan kerja-kerja melombong pada waktu tertentu kerana mereka lebih berfokus mengusahakan kegiatan pertanian.³⁰

2.3 PENJELASAN MENGENAI MAKSUD MASYARAKAT INDIA

Masyarakat India merupakan kelompok yang berasal dari India. Majoriti yang datang ke Tanah Melayu terdiri daripada etnik yang berasal dari bahagian selatan negara India iaitu golongan Tamil, Telugu dan Malayali. Kebanyakan daripada mereka berasal dari wilayah Madras, Tiruchirappalli, Visakhapatnam, Chengalpattu dan Tanjore.³¹ Terdapat juga kalangan Chettiar yang terlibat dalam aktiviti memberi pinjaman wang. Pada tahun 1930-an, kalangan Chettiar telah menetap di hampir semua bandar utama termasuk Kuala Lumpur dan Klang. Mereka melakukan aktiviti-aktiviti peminjaman wang serta mengumpulkan harta tanah seperti kawasan ladang dan perlombongan.³² Selain itu, terdapat juga kalangan India yang berasal dari bahagian utara India seperti kalangan Punjabi Sikh, dan Gujerati. Dari Bengal pula turut hadir kalangan Bengali. Walau bagaimanapun, dalam konteks negara ini, kalangan Tamil merupakan golongan yang paling dominan dalam kalangan masyarakat India.³³ Kemasukan golongan Tamil ke negeri Selangor adalah untuk bekerja dalam sektor perladangan dan sektor kerajaan sebagai buruh.³⁴ Golongan Telugu dilihat sebagai golongan kedua tertinggi dalam komposisi masyarakat India. Mereka berasal dari kawasan pantai utara Andhra Pradesh iaitu wilayah Vizianagaram, Visakhapatnam, Srikakulam serta kawasan Godavari Timur dan Chittor. Mereka turut direkrut sebagai buruh dalam sektor perladangan di negeri

³⁰ Amarjit Kaur, "Perkembangan Ekonomi Selangor: Suatu Tinjauan Sejarah" dalam Adnan Haji Nawang dan Mohd Fadzil Othman (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah, 1992, hlm. 174.

³¹ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988/1989, hlm.40.

³² Ummadevi Suppiah dan Sivachandralingam Sundara Raja, *The Chettiar Role in Malaysia's Economic History*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016, hlm. 31.

³³ Janekey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma*, Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre, 2009, hlm.18.

³⁴ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, London: Oxford University Press, 1970, hlm. 14.

Selangor.³⁵ Golongan Malayali telah dikenal pasti sebagai golongan ketiga terbesar dalam kalangan masyarakat India. Mereka berasal dari negeri Kerala dan Puducheri. Orang Malayali turut berhijrah ke negeri Selangor bagi menjalankan tugas-tugas pengurusan dan penyeliaan di kawasan perladangan. Disebabkan penguasaan bahasa Inggeris mereka yang baik, mereka turut menjadi pengurus atau penolong pengurus di ladang.³⁶ Satu lagi kelompok yang turut menonjol di Selangor ialah kalangan Jaffna Tamil. Mereka merupakan golongan Tamil yang berasal dari Sri Lanka atau Ceylon. Mereka turut berhijrah masuk ke Selangor sejak penghujung kurun ke-19 dan terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi di Selangor.³⁷

Perlu dijelaskan bahawa dalam kajian ini, tumpuan utama diberikan kepada kalangan masyarakat India yang datang dari bahagian selatan India dengan keutamaan diberikan kepada kalangan Tamil. Namun begitu, dalam keadaan-keadaan tertentu, kalangan Malayali dan Telugu serta Chettiar turut sama dibincangkan terutama dalam aspek ekonomi yang menonjolkan kedudukan serta penglibatan mereka. Perbincangan mengenai Jaffna Tamil cuba dihadkan kerana isu-isu yang timbul berbangkit dengan asal-usul mereka serta kontroversi yang berlaku. Meskipun pada asasnya daripada sudut bahasa, budaya, keadaan fizikal mereka sama dengan kalangan Tamil yang datang dari Tamil Nadu, serta dikategorikan sebagai India di dalam data penduduk yang ada, namun hal ini menimbulkan kontroversi yang tersendiri. Pada tahun 1928, Sir Hugh Clifford yang merupakan Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu telah bertindak mengkategorikan Jaffna Tamil sebagai India dengan matlamat utama untuk membawa mereka masuk sebagai perwakilan di dalam badan-badan awam.³⁸ Isu ini menimbulkan kritikan daripada kalangan orang India mahupun kalangan Jaffna Tamil sendiri. Keadaan ini menyebabkan pengklasifikasian mereka berubah pada tahun 1931 apabila bancian dilakukan, mereka

³⁵ Janekey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma*, hlm.15.

³⁶ Ibid.

³⁷ Ibid., hlm. 19.


³⁸ Usha Mahajani, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, New York: Vora and Co., 1957, hlm. 102.

diletakkan dalam kategori yang berasingan. Pada tahun 1935, pelantikan orang Jaffna Tamil sebagai wakil orang India di dalam Majlis Negeri Selangor serta usaha mengubah status mereka sebagai India telah menimbulkan bantahan. Meskipun bantahan ini tidak dilayan oleh pihak British, namun kedua-dua kelompok masyarakat ini “hidup secara berasingan” sebagai Jaffna Tamil dan sebagai India. Usha Mahajani menyebut keadaan ini sebagai “ketegangan senyap” yang melibatkan kedua-dua masyarakat.³⁹ Ini bermakna, kajian ini, meskipun ada menyentuh mengenai Jaffna Tamil, namun ia hanya dilakukan secara sepintas lalu sahaja.

Jadual 2.1: Jumlah Bilangan Masyarakat India Di Selangor Bagi Tahun 1921 Mengikut Etnik

Etnik	Jumlah Bilangan
Tamil	116, 595
Telugu	8,633
Malayali	2,824
Jaffna Tamil	4,110
Jumlah	120, 052

Sumber: MF103, Federated Malay States Proceedings of The Federal Council




³⁹ Ibid., hlm. 103.

Jadual 2.2: Jumlah Bilangan Masyarakat India di Selangor bagi tahun 1931 mengikut etnik

Etnik	Jumlah Bilangan
Tamil	140, 008
Telugu	4,411
Malayali	4,401
Jumlah	148, 820

Sumber: A Report on The 1931 Census And On Certain Problems of Vital Statistics



2.3.1 Sejarah Kehadiran Orang India ke Tanah Melayu Sepintas Lalu

Sejarah pengaruh dan kehadiran orang India ke Tanah Melayu telah dikesan sejak sekurang-kurangnya kurun pertama masihi. Kehadiran mereka adalah melalui aktiviti perdagangan dan dalam masa yang sama berlakunya penyebaran ajaran atau idea dalam kalangan masyarakat tempatan. Pengaruh India ke Tanah Melayu serta ke atas rantau Asia Tenggara dapat dirasai dengan kemunculan kerajaan-kerajaan yang berunsur keindiaan terutamanya Majapahit, Sriwijaya dan Langkasuka.⁴⁰ Golongan pedagang dari negara India sering memanggil Kepulauan Melayu ini sebagai '*Suvarrnabumi*' yang membawa maksud '*Semenanjung Emas*'.⁴¹ Pada awal kurun ke-11M, Raja Rajendran Chola 1 telah melakukan satu ekspedisi ketenteraan ke Asia Tenggara sebagai satu usaha untuk

⁴⁰ Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2012, hlm. 1.

⁴¹ D.G.E Hall, *Sejarah Awal Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 3.

mengembangkan pengaruh serta menguasai laluan perdagangan ke China. Dengan bantuan tentera laut yang lengkap, Chola berjaya menakluki kawasan Kedah Tua dan beberapa kawasan di Asia Tenggara terutamanya Bruas dan Srivijaya. Hal ini dibuktikan melalui catatan syair Tamil iaitu karya Pattinappalai yang menjelaskan bahawa Raja Rajendran Chola 1 telah mempunyai satu gelaran khas iaitu “*Kadaram Kondan*” bagi menunjukkan kejayaan baginda menakluki kawasan Kedah Tua.⁴² Pada masa tersebut, Kedah Tua merupakan salah satu kerajaan maritim yang mempunyai pelabuhan entreport. Dengan kejayaan Chola ini, candi-candi Hindu telah dibina di sekitar sebuah kawasan yang dikenali sebagai Lembah Bujang serta menjadikannya sebagai pusat ekonomi dan agama bagi kerajaan Kedah Tua.⁴³

Selain itu, kehadiran orang India turut terpapar dalam aktiviti perdagangan di kerajaan Melaka pada kurun ke-14 dan 15. Malahan, pedagang-pedagang India menduduki kedudukan yang istimewa serta mereka ditempatkan di kawasan petempatan khusus di Melaka. Urusan perdagangan ini bukan sahaja memakmurkan Melaka, namun dalam masa yang sama mengeratkan hubungan antara kedua belah pihak. Malahan, ada juga perkahwinan yang berlaku yang melibatkan kalangan orang India dengan orang tempatan hingga melahirkan Peranakan India iaitu kalangan Chetty.

Fasa kehadiran orang India ke Tanah Melayu memasuki fasa berbeza setelah kehadiran pihak British. Perluasan kuasa pihak British ke atas Tanah Melayu telah membawa perubahan yang ketara dalam struktur ekonomi. Mereka amat memerlukan tenaga buruh untuk bekerja di sektor komersial yang baru diperkenalkan di Tanah Melayu seperti kopi, getah, kelapa sawit dan sebagainya. Sektor-sektor komersial ini tidak mendapat sambutan daripada penduduk tempatan kerana mereka lebih berminat untuk hidup secara kolektif serta mengamalkan ekonomi sara diri terutamanya penanaman padi.

⁴² V.Nadarajan, *Bujang Valley: The Wonder that was Ancient Kedah*, Selangor: Kuan Press Sdn Bhd, 2013, hlm. 27.

⁴³ Ibid., hlm.30.

Oleh itu, pada kurun ke-19, fenomena penghijrahan imigran secara besar-besaran telah berlaku di Tanah Melayu. Salah satu etnik daripada golongan imigran yang terlibat dalam fenomena penghijrahan ini adalah masyarakat India. Pihak British mengimport imigran India untuk bekerja sebagai buruh dalam sektor perladangan.⁴⁴

Sebelum migrasi secara besar-besaran ini berlaku, terdapat beberapa rekod yang menunjukkan bahawa masyarakat India telah pun bermigrasi dari India dan mula menetap di Tanah Melayu. Penemuan rekod-rekod ini sedikit sebanyak menyukarkan para sarjana untuk menetapkan tarikh atau tahun asal yang menjadi titik tolak kepada migrasi masyarakat India di Tanah Melayu. Berdasarkan Jabatan Buruh dan Tabung Badan Buruh India Selatan menjelaskan bahawa proses migrasi masyarakat India ke Tanah Melayu telahpun bermula sebelum tahun 1787 di Pulau Pinang.⁴⁵ Selepas tiga bulan daripada penguasaan British ke atas Pulau Pinang, Francis Light telah meminta Gabenor Jeneral di India untuk menghantar buruh-buruh India ke Pulau Pinang. Hal ini kerana, kos buruh di Pulau Pinang adalah sangat tinggi. Perkara ini dibuktikan oleh Kernial Singh Sandhu dengan menyatakan

Francis Light had requested the Governor-General in Council, India, to send him a 'supply of one hundred coolies, as the price of labour in Penang was enormous.'⁴⁶

Walaupun, permintaan beliau telah ditolak, beliau masih dibekalkan 25 orang pekerja mahir dari Bombay, India pada tahun 1787.⁴⁷ Dari segi keterangan sumber lain pula menjelaskan bahawa kemasukan golongan imigran India ke Tanah Melayu telah bermula sejak tahun 1786 apabila Francis Light dan pengikutnya bertapak di Tanjung Penaga, Pulau Pinang. Mereka diiringi dengan tentera-tentera India yang dikenali sebagai Sepoi.

⁴⁴ Roslina Yunus, Azlizan Mat Enh, Zubaidah VP Hamzah, Mohamad Rodzi Razak, "Pengaruh Ekonomi British di Tanah Melayu: Penglibatan Imigran India Dalam Sektor Buruh di Malaya (1900-1957)" dlm. *Proceedings The 6th International Conference on Social Sciences and Humanities*, Dewan Perdana Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 4-6 April 2017, hlm. 654.

⁴⁵ *Annual Report of the South Indian Labour Fund Board, 1958*, hlm. 38.

⁴⁶ Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, hlm. 47.

⁴⁷ *Ibid.*, hlm.48.

Oleh itu, golongan Sepoi ini dilihat sebagai golongan imigran India pertama yang tiba di Tanah Melayu. Seterusnya, kemasukan buruh-buruh India dipertingkatkan lagi setelah pihak British berjaya menguasai Seberang Perai iaitu Province Wellesley pada tahun 1804.⁴⁸ Selain itu, terdapat juga sebuah sumber yang membuktikan bahawa kewujudan migrasi golongan India ke NNS selain Tanah Melayu iaitu di Singapura telah bermula setelah Sir Stamford Raffles dan William Farquhar tiba di Singapura pada tahun 1819.⁴⁹ Kedatangan mereka telah diiringi oleh seorang peniaga Hindu dari Pulau Pinang yang bernama Naraina Pillay dengan 120 Sepoi dan pengikut lain. Perkara ini dibuktikan oleh Kernial Singh Sandhu yang menjelaskan

In Singapore, other than one Naraina Pillay, a Hindu trader from Penang, and the 120 Sepoys and lascars, and possibly camp-followers, assistants and domestic servants, in Raffles' entourage.⁵⁰

Selepas itu, pihak British berjaya menguasai Singapura dan Melaka dari Belanda melalui Perjanjian Inggeris Belanda pada tahun 1824. Perjanjian ini telah meningkatkan keperluan buruh di Tanah Melayu serta menjadi titik tolak kepada kemasukan buruh-buruh India ke Tanah Melayu. Pada mulanya, keperluan buruh ini diatasi dengan menggunakan hamba serta banduan India yang dibuang negeri ke NNS. Pada tahun 1822, kerajaan India telah menjadikan NNS sebagai tempat pemindahan banduan-banduan India. Mereka dibawa masuk oleh British ke Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh di sektor pembinaan infrastruktur terutamanya pembinaan landasan kereta api, jalan raya dan pelabuhan serta sektor perladangan seperti tebu dan lada hitam. Antara tahun 1832 hingga 1837, seramai 900 orang banduan India telah dihantar ke NNS. Mulai tahun 1840, sektor pertanian kolonial menghadapi krisis dimana sektor-sektor ini amat memerlukan tenaga kerja yang ramai. Pihak British tidak mampu memenuhi permintaan ini dengan

⁴⁸ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 3.

⁴⁹ Roslina Yunus, Azlizan Mat Enh, Zubaidah VP Hamzah, Mohamad Rodzi Razak, "Pengaruh Ekonomi British di Tanah Melayu: Penglibatan Imigran India Dalam Sektor Buruh di Malaya (1900-1957)" hlm. 655.

⁵⁰ Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement*, hlm. 61.

penduduk tempatan. Oleh itu, ramai buruh India telah mula berhijrah ke NNS tanpa sebarang kawalan.⁵¹ Hal ini menyebabkan bilangan kedatangan buruh India ke kawasan tersebut turut meningkat secara mendadak. Perkara ini turut dibuktikan oleh Joginder Singh Jessy dengan menerangkan,

It was estimated that in 1865 there were 12,700 labourers in Singapore, 14,000 in Penang and Province Wellesley, and 1,200 in Malacca.⁵²

Kemasukan buruh-buruh India ini telah dilakukan di bawah sistem surat perjanjian atau kontrak. Kebanyakan buruh di bawah sistem ini telah berkerja di ladang-ladang tebu. Mengikut sistem ini, buruh India harus bekerja selama lima tahun. Kemudiannya, ia telah dikurangkan kepada tiga tahun.⁵³ Bermula 1 April 1867, NNS yang sebelumnya diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan India telah diletakkan di bawah kawalan Pejabat Tanah Jajahan di London. Pemindahan ini menjadi dasar pertama bagi kerajaan India untuk mengimplentasikan langkah-langkah bagi mengawal kemasukan buruh-buruh India ke NNS. Sebelum tahun 1867, kemasukan buruh-buruh India ke NNS tidak dikawal dengan sebarang undang-undang imigran maka hal ini telah membawa banyak implikasi yang buruk kepada golongan buruh India mahupun pihak kerajaan.⁵⁴ Ejen-ejen pengambilan buruh dan pengangkutan sering menyalahgunakan buruh-buruh India. Setelah isu ini menjadi semakin hangat ia telah dibawa ke Parlimen India. Hasil daripada perbincangan di Parlimen, pada tahun 1864, kerajaan India telah mengambil keputusan untuk menghentikan penghijrahan buruh India ke Tanah Melayu secara tersirat. Perkara ini disebut oleh S. Arasaratnam dengan menjelaskan:

⁵¹ Roslina Yunus, Azlizan Mat Enh, Zubaidah VP Hamzah, Mohamad Rodzi Razak, "Pengaruh Ekonomi British di Tanah Melayu: Penglibatan Imigran India Dalam Sektor Buruh di Malaya (1900-1957)", hlm. 655.

⁵² Joginder Singh Jersey, *Malaysia, Singapore and Brunei: 1400-1965*, Petaling Jaya: Longman Malaysia, 1974, hlm. 382.

⁵³ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 4.

⁵⁴ Ibid., hlm. 5.

In 1864, because of reported abuses in recruitment and transport, the emigration of Indian labour to the Straits Settlements was implicitly prohibited by an Act of Parliament⁵⁵

Pada tahun 1873, penghantaran banduan-banduan India ke NNS juga turut dihentikan. Kesannya, Ordinan NNS iaitu nombor satu tahun 1876 dan Akta Kerajaan India nombor lima pada tahun 1877 dikuatkuasakan bagi mengawal pergerakan buruh di NNS sehingga tahun 1884.⁵⁶ Pada tahun 1884, satu rang undang-undang telah diluluskan. Rang undang-undang ini dikenali sebagai Ordinan 1884. Mengikut Ordinan 1884, kerajaan India membenarkan buruh-buruh India masuk ke kawasan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)⁵⁷ apabila rang undang-undang sebelum ini telah disekat.⁵⁸ Maka disinilah titik permulaan kedatangan masyarakat India ke negeri Selangor.

2.4 KEDATANGAN MASYARAKAT INDIA KE SELANGOR

Ramai buruh-buruh India dibawa masuk ke Selangor kerana kosnya murah, sikap mereka yang penuh taat dan patuh kepada pihak atasan, berdisiplin, mudah menyelesaikan diri dalam menjalankan pelbagai jenis kerja serta bersedia untuk berkhidmat walaupun dibayar dengan gaji yang rendah. Perkara ini dinyatakan oleh Janakey Raman Manickam:

The South Indian labourer was preferred because he was malleable, worked well under supervision, and was easily manageable. He was not as ambitious as most of his northern India compatriots and certainly nothing like the Chinese.... He was the most amenable to the comparatively lowly paid and rather regimented life of estates and government departments. He had fewer qualms or religious susceptibilities such as a version to crossing the dreaded kalapani and food taboos... and cost less in feeding and maintenance.⁵⁹

⁵⁵ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 12.

⁵⁶ Roslina Yunus, Azlizan Mat Enh, Zubaidah VP Hamzah, Mohamad Rodzi Razak, "Pengaruh Ekonomi British di Tanah Melayu: Penglibatan Imigran India Dalam Sektor Buruh di Malaya (1900-1957)" hlm. 655.

⁵⁷ Transmits Copy of a Draft Memorandum of The Principal Alterations in The Law Regulating Indian Immigration, 14.11.1884, SUK.SEL. 1783/84.

⁵⁸ States that the transfer of Indian. Coolies out of the Straits Settlements is prohibited, 27.12.1876, SUK.SEL 416/77.

⁵⁹ Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in Malaysia*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm. 42.

Meskipun orang India dikatakan telahpun ada di Selangor sebelum 1884⁶⁰, namun hanya pada tahun 1884 sahaja kemasukan secara besara-besaran berlaku. Perkembangan ini berkaitan dengan lulusnya Ordinan 1884. Walaupun pihak British telah mula meletakkan pengaruhnya di negeri Selangor selepas Perjanjian Pangkor 1874 tetapi undang-undang imigran yang lama tidak membenarkan kemasukan buruh-buruh India ke Negeri-negeri Melayu (NNM). Malah sehingga ke tahap ini, NNS yang bertanggungjawab mengawal kemasukan golongan imigran termasuk orang India ke Tanah Melayu.⁶¹ Oleh itu, pihak British memohon kebenaran kerajaan India bahawa kebenaran perlu diberikan untuk membolehkan kemasukan buruh-buruh India ke NNM. Selepas kerajaan India memberikan kebenaran melalui Ordinan 1884, maka buruh-buruh India telah dibawa masuk ke negeri Selangor.⁶² Permintaan buruh India di Tanah Melayu adalah sangat tinggi untuk semua sektor khususnya sektor perladangan dan kerja raya. Kernial Singh Sandhu menjelaskan:

Other plantation crops like sugar, coffee, tea, and oil palm were about equally demanding with regard to labour requirement, while every mile of railway track or road hacked through jungle, swamp or highland needed hundreds of labours.⁶³

Oleh itu, ramai buruh India telah bekerja di ladang kopi, teh dan lada hitam di Selangor.⁶⁴ Pada tahun 1881, pelabur dan peladang Eropah mula membuka tanaman komersial di negeri Selangor. Tanaman pertama telah dibuka di Ladang Estet Weld Hill, Kuala Lumpur. Di Ladang Estet Weld Hill yang mempunyai keluasaan sebanyak 194 hektar, orang Eropah telah menanam tiga jenis tanaman iaitu kopi, teh dan lada hitam.⁶⁵ Hasilnya,

⁶⁰ Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, hlm. 48.

⁶¹ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 4-5.

⁶² Transmits Copy of a Draft Memorandum of The Principal Alterations in The Law Regulating Indian Immigration, 14.11.1884, SUK.SEL. 1783/84.

⁶³ K.S. Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, hlm. 52.

⁶⁴ Roslina Yunus, Azlizan Mat Enh, Zubaidah VP Hamzah, Mohamad Rodzi Razak, "Pengaruh Ekonomi British di Tanah Melayu: Penglibatan Imigran India Dalam Sektor Buruh di Malaya (1900-1957)", hlm. 656.

⁶⁵ R.N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786-1920: A Historical Monograph*, Kuala Lumpur: Government Press, 1961, hlm. 93.

tanaman ini telah membawa keuntungan yang tinggi kepada mereka. Keuntungan ini bukan sahaja disebabkan oleh hasil pengeluarannya yang mampu dijual dipasaran, tetapi yang lebih penting adalah adanya tenaga manusia (buruh) yang membolehkan operasi ladang berjalan lancar. Daripada sudut inilah kalangan buruh-buruh India menjadi sumber penting dalam sesebuah operasi ladang hingga permintaan untuk mendapatkan buruh India menjadi semakin besar di Selangor.

Pada masa yang sama, keuntungan ini turut menarik ramai pemodal Eropah untuk membuka ladang-ladang di Selangor. Peningkatan jumlah ladang yang dimiliki oleh pemodal Eropah di Selangor dari 16 buah ladang pada tahun 1893 kepada 72 buah ladang pada tahun 1896 telah mendorong peningkatan jumlah pengambilan buruh-buruh India.⁶⁶ Selain itu, kerajaan juga amat memerlukan tenaga buruh yang ramai dan murah untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan infrastruktur di negeri ini. Pada mulanya, pihak kerajaan tidak mengambil sebarang inisiatif untuk membawa masuk buruh-buruh untuk menampung keperluan ini. Sebaliknya kerajaan Selangor hanya bergantung pada buruh-buruh India dan Cina yang dibawa masuk oleh para pengusaha swasta atau majikan swasta. Kerajaan Selangor juga menawarkan gaji yang lebih tinggi untuk menarik buruh-buruh ladang India untuk bekerja dalam sektor ini tetapi tindakan kerajaan ini telah dikritik kuat oleh para pengusaha swasta. Oleh itu, kerajaan Selangor telah mengambil keputusan untuk membawa masuk buruh-buruh India bagi mengisi keperluan mereka selain bergantung kepada buruh-buruh yang ada di Selangor. Bagi tujuan tersebut, kerajaan Selangor telah menghantar seorang ejen ke Nagapatnam pada tahun 1886 untuk merekrut buruh India.⁶⁷ Sinnappah Arasaratnam menjelaskan bahawa,

This spread to Selangor. In the first decade of the twentieth century coffee also had to give way before the phenomenal progress of rubber. From the second decade of the century there were also the labour requirements of governmental undertakings: public works, municipal

⁶⁶ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 6.

⁶⁷ *Ibid.*, hlm. 9.

services, and road and rail construction. For these, the Government recruited on its own directly from India.⁶⁸

Ejen tersebut telah berjaya membawa 500 orang buruh dari Nagapatnam ke negeri Selangor.⁶⁹ Pada tahun 1887, satu skim subsidi kapal wap telah diperkenalkan oleh pihak British. Skim ini merupakan satu usaha proaktif dalam merangsang kemasukan buruh imigran ke Tanah Melayu untuk mengisi keperluan tenaga buruh. Kerajaan NNS, Perak, Selangor dan Johor telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam skim ini. Mereka telah menyumbang sebanyak \$30, 000 dalam skim ini untuk mengurangkan tambang kapal wap antara Nagapatnam dan Pulau Pinang. Kerajaan Selangor telah memberikan sebanyak \$7, 000 pada setiap tahun bagi skim ini dalam memastikan agar bekalan buruh berterusan.⁷⁰ Sebagai balasan untuk sumbangan ini, sebuah firma perkapalan Eropah iaitu *Huttenbach, Liebert and Company* telah bersetuju untuk menjalankan perkhidmatan kapal wap selama dua minggu sekali bagi semua buruh. Tambang perkhidmatan juga telah dikurangkan dari Rs.15 kepada Rs. 8. Melalui skim ini, proses kemasukan buruh-buruh India ke Selangor dapat dijalankan secara lebih tersusun, cepat dan murah. Kehadiran buruh-buruh India ke Selangor adalah sangat penting untuk memenuhi permintaan terhadap tenaga buruh di sektor ekonomi komersial yang diperkenalkan oleh pihak British.⁷¹

Jadual 2.3: Jumlah Populasi Masyarakat India di Selangor

Tahun	Jumlah Ketibaan	Jumlah Bilangan Masyarakat India
1886	1,986	-
1888	3,013	-
1889	3,158	-
1890	3,656	-
1891	3,214	-
1896	8,506	-
1897	9,120	-
1898	7,335	-

⁶⁸ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 14.

⁶⁹ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 9.


⁷⁰ *Selangor Government Gazette*, 3 July 1890, hlm. 526.

⁷¹ Kernal Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, hlm. 61.

1899	6,760	-
1900	13,458	-
1901	9,688	-
1902	8,170	-
1903	7,631	-
1904	11,449	-
1905	15,870	-
1921	-	123,114
1929	-	180,790
1930	-	227,063
1931	-	148,820
1932	-	159,123
1933	-	128,817
1934	-	151,012
1935	-	163,530
1936	-	169,089
1937	-	194,103
1938	-	191,782

Sumber: Annual Report of Selangor, 1886-1938

Gambar 2.1: Buruh Dari India Tiba Di Jeti Pelabuhan Swettenham Untuk Bekerja Di Ladang Pada Pertengahan Tahun 1900.



Sumber: Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian community in Malaysia*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm. 48.

2.5 CARA KEMASUKAN MASYARAKAT INDIA KE SELANGOR

Buruh-buruh India dibawa masuk ke Selangor dengan empat cara. Keempat-keempat cara ini boleh dibahagikan kepada dua sistem iaitu sistem yang dibantu dan tidak dibantu. Dalam sistem yang dibantu, terdapat tiga sistem iaitu sistem surat perjanjian atau kontrak, sistem kangani dan sistem sukarela. Sistem ini telah dibiayai dengan bantuan Tabung Imigrasi India. Tabung ini telah ditubuhkan pada tahun 1907. Dalam sistem yang tidak dibantu, buruh-buruh perlu menanggung segala kos perjalanan mereka dari India ke Tanah Melayu. Ramai buruh yang dibawa masuk ke Selangor adalah terdiri daripada sistem yang dibantu iaitu sistem surat perjanjian atau kontrak, sistem kangani mahupun sistem sukarela.

2.5.1 Sistem Surat Perjanjian atau Kontrak

Cara kemasukan yang pertama ialah sistem surat perjanjian atau kontrak. Berdasarkan sistem ini, pihak majikan yang memerlukan buruh akan menghubungi salah satu daripada dua buah agensi yang terdapat di Nagapatnam iaitu *Messrs Adamson Mc Taggart and Company* atau *Ganapathi Pillai and Company*. Kedua-kedua agensi ini memainkan peranan yang cukup penting dalam membekalkan buruh-buruh India ke Tanah Melayu.⁷² Selain agensi ini, terdapat juga sebuah agensi yang dikenali sebagai *Madura Company*. Agensi ini juga berlokasi di Nagapatnam serta di Madras. Walaupun agensi ini juga terlibat dalam membekalkan buruh-buruh tetapi ia hanya berskala kecil berbanding *Messrs Adamson Mc Taggart and Company* dan *Ganapathi Pillai and Company*.⁷³ Sebelum mengambil buruh-buruh untuk bekerja, pihak majikan harus memohon kebenaran daripada Jabatan Imigrasi. Dalam proses pemberian kebenaran ini, pegawai-pegawai dari Jabatan Imigrasi serta diikuti dengan seorang pegawai kerajaan akan

⁷² Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 32.

⁷³ Kernal Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, hlm. 80.

memeriksa tempat-tempat pekerjaan buruh. Setiap kos perjalanan serta kos lain yang melibatkan buruh-buruh kontrak perlu ditanggung oleh pihak majikan tetapi keadaan ini hanya berlaku sebelum tahun 1907. Mulai tahun 1907, Setiap kos yang melibatkan buruh-buruh kontrak akan dibiayai oleh Tabung Imigrasi India. Pada awalnya, tabung ini telah diwujudkan untuk menanggung kos buruh yang dibawa melalui sistem kangani sahaja.⁷⁴ Dengan ini, para majikan hanya perlu menanggung kos bayaran komisen sahaja yang dikenakan oleh agensi-agensi ini. Biasanya, bayaran ini akan dikenakan sebanyak Rs.25 seorang.⁷⁵

Kebanyakan buruh India yang dibawa masuk ke Selangor berasal dari daerah Madras melalui Pelabuhan Nagapatnam. Selain Madras, mereka turut berasal dari Pondicherry, Cuddalore, Porto Novo, Tranquebar, Karikal dan Nagore.⁷⁶ Buruh-buruh kontrak harus menandatangani satu kontrak yang membolehkan mereka bekerja untuk satu jangka masa tertentu dan kebiasaannya adalah selama tiga tahun. Dalam tempoh itu, buruh-buruh kontrak ini tidak dibenarkan untuk menukar majikan dan pekerjaan asal mereka. Setelah tempoh tiga tahun tersebut tamat maka buruh-buruh kontrak akan dibebaskan daripada majikan dan pekerjaan mereka.⁷⁷ Walau bagaimanapun, perkara ini agak mustahil berlaku kerana pihak majikan seboleh mungkin mengekalkan mereka di ladang tersebut bagi mengelakkan mereka mencari pekerjaan di tempat-tempat lain.⁷⁸ Pada waktu inilah, sesetengah majikan akan melakukan kegiatan *crimping* iaitu menawarkan gaji yang lebih tinggi untuk menarik buruh-buruh dari majikan lain agar datang bekerja dengan ladang mereka. Amalan ini semakin berleluasa dalam kalangan majikan yang menghadapi kekurangan buruh, Hal ini menyebabkan pihak majikan yang membebaskan buruh-buruh kontrak mereka terpaksa menghadapi risiko kehilangan buruh

⁷⁴ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 32.

⁷⁵ Ibid., hlm. 33.

⁷⁶ Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, hlm. 80.

⁷⁷ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 33.

⁷⁸ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 14.

mereka serta menanggung kerugian besar sekiranya terpaksa membiayai kos kemasukan buruh baharu.⁷⁹

Di negeri Selangor, ramai buruh kontrak dibawa masuk untuk bekerja dalam sektor kerajaan. Pada tahun 1900, terdapat kira-kira 325 orang buruh kontrak di Selangor dan semuanya bekerja di Jabatan Kereta Api NNMB.⁸⁰ Walaupun sistem ini menyumbang kepada kemasukan buruh pada tahap awal ke Selangor tetapi ia tetap menerima kritikan. Pada awalnya, sistem surat perjanjian dan kontrak dikritik atas dasar sistem ini yang bersifat 'perhambaan' atau memaksa buruh. Ramai orang mengkritik sistem ini atas faktor tersebut. Para majikan mengkritik sistem ini kerana ketidakstabilan kos dan kadar gaji buruh. Menurut mereka, kadar gaji buruh adalah lebih rendah tetapi kos untuk membawa masuk buruh-buruh ini adalah sangat tinggi serta diikuti dengan kegiatan *crimping* yang berleluasa dalam kalangan majikan yang menghadapi kekurangan buruh. Kedua-kedua hal ini mampu membawa kerugian kepada majikan yang menanggung kos untuk membawa masuk buruh-buruh tersebut.⁸¹

Seterusnya, terdapat juga kritikan luar iaitu kritikan daripada pelbagai pihak di India termasuk kalangan ahli politik yang melihat hal ini sebagai tindakan British yang memaksa orang India. Ketika ini, di negara India, semangat kebangsaan sedang berkobar dan para nasionalis telah mengkritik sistem surat perjanjian dan kontrak dengan lantang kerana sistem ini dilihat tidak berperikemanusiaan dan lebih menonjolkan kepentingan serta keuntungan pihak majikan yang rata-ratanya merupakan orang Eropah. Mereka menganggap sistem ini sebagai satu penghinaan terhadap orang India. Hal ini turut dijelaskan oleh Sinnappah Arasaratnam dengan menyatakan:

As noted above, liberal colonial administrators time and again spoke out against the indenture system as near-slavery. At home in India, the system came under the attack with rise of Indian nationalism.

⁷⁹ Ibid., hlm. 54.

⁸⁰ Report on Indian Immigration Department for 1900, 25.04.1901, SUK SEL. 2580/1901.

⁸¹ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 54

Nationalist opinion seized upon any evidence furnished by colonial critics, and made effective propaganda in the legislatures of India, The indenture of Indian Labourers for service abroad was held to be an affront to India, a disgrace to its citizens.⁸²

Dengan adanya kritikan-kritikan ini, maka sistem surat perjanjian dan kontrak akhirnya dihapuskan pada 30 Jun 1910. Sebarang perjanjian baharu tidak dibenarkan selepas tarikh ini dan perjanjian yang ditandatangani sebelum tarikh tersebut sahaja dibenarkan untuk diteruskan sehingga tempoh perjanjian tamat.⁸³

2.5.2 Sistem Kangani

Cara kemasukan kedua ialah sistem kangani yang dilaksanakan pada tahun 1910 untuk menggantikan sistem surat perjanjian dan kontrak. Majikan-majikan yang ingin memperoleh buruh melalui sistem kangani ini harus mendapatkan borang dari Jabatan Buruh untuk menerima lesen kangani. Dalam borang tersebut, maklumat seperti nama kangani, gaji yang akan dibayar kepada buruh-buruh yang dibawa masuk dan jumlah komisen yang akan diterima oleh seorang kangani bagi setiap buruh yang di bawa masuk harus diisi dengan tepat. Untuk menjadi seorang kangani, seorang individu harus berumur 20 tahun ke atas dan mestilah merupakan seorang buruh dari India Selatan yang pernah bekerja di Tanah Melayu sekurang-kurangnya 3 bulan di bawah majikan yang menghantarnya ke India untuk merekrut buruh. Had jumlah buruh yang dapat dibawa masuk tidak boleh melebihi seramai 20 orang.⁸⁴ Komisen yang akan dibayar kepada kangani turut tidak boleh melebihi dari Rs.10 untuk tiap-tiap kangani. Kangani yang telah di pilih ini akan di hantar ke Pulau Pinang. Di sana, mereka akan diperiksa oleh Penolong Pengelola Buruh yang akan mendaftarkan lesen Kangani. Seterusnya, kangani akan berangkat ke India. Setelah tiba di India, Pesuruhjaya Emigrasi di Nagapatnam atau Avadi

⁸² Ibid., hlm. 14.

⁸³ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 36.

⁸⁴ Ibid., hlm. 37.

akan menyemak serta mengesahkan lesen kangani tersebut. Setelah menyiapkan urusan tersebut, kangani akan menghubungi salah satu daripada dua agensi di sana iaitu *Messrs. Binny and Company* atau *Madura Company* yang merupakan ejen bagi *Syarikat British India Steam Navigation*. Agensi ini akan memainkan peranan sebagai ejen kewangan untuk para kangani yang datang ke sana.

Sebelum majikan menghantar kangani mereka ke India, mereka akan menghubungi salah satu agensi terlebih dahulu supaya agensi tersebut mampu memberikan wang sebanyak Rs.20 kepada kangani untuk digunakan sebagai tambang perjalanan serta perbelanjaan semasa mengambil buruh-buruh di India. Dengan cara ini, para majikan boleh memastikan kangani mereka supaya kangani tidak menyalahgunakan wang yang telah diberikan kepadanya bagi memperoleh buruh di India.⁸⁵ Agensi *Messrs, Binny and Company* atau *Madura Company* juga bertanggungjawab untuk membayar komisen para kangani mengikut jumlah buruh yang dibawa masuk. Agensi-agensi ini juga memberitahu majikan-majikan berkenaan tentang ketibaan kapal-kapal yang membawa buruh-buruh mereka serta jumlah bayaran yang akan dikenakan bagi setiap majikan yang berkenaan. Bayaran ini termasuk, wang pendahuluan serta komisen yang diberikan kepada kangani dan kos perkhidmatan agensi tersebut. Dengan wang pendahuluan yang diperoleh ini, kalangan kangani akan mula mendapatkan buruh-buruh. Lazimnya, kangani akan mendapatkan buruh-buruh dalam kalangan kawan-kawan, sanak saudara mereka di kampung masing-masing. Mereka akan memberikan keterangan palsu untuk menarik lebih ramai buruh-buruh untuk mengikutinya ke Tanah Melayu khususnya negeri Selangor. Terdapat beberapa daerah yang terkenal bagi memperoleh buruh-buruh di India Selatan melalui sistem kangani ini terutamanya Tiruchirappalli, Visakhapatnam, Utara dan Selatan Arcot, Chengalpattu dan Tanjore.⁸⁶

⁸⁵ Ibid., hlm. 39.

⁸⁶ Ibid., hlm. 40.

Setelah selesai mendapatkan buruh yang dikehendaki, kangani akan membawa mereka kepada ketua kampung untuk mendapatkan persetujuan ketua kampung tersebut untuk membawa buruh-buruh ini ke Tanah Melayu. Sekiranya ketua kampung tersebut bersetuju, beliau akan menandatangani nama para buruh yang tercatat di bahagian belakang lesen kangani tersebut.⁸⁷ Buruh-buruh kemudiannya akan dibawa melalui kereta api ke Avadi atau Nagapatnam dan akan menaiki kapal *British India Steam Navigation Company*. Tambang kereta api buruh-buruh ini akan dibayar oleh “*Recruiting Inspector*” Tabung Imigrasi India yang ditempatkan di stesen-stesen kereta api. Kangani akan membayar tambang buruh-buruh ini bagi stesen-stesen di mana seorang pegawai yang berkenaan tidak ditempatkan. Tambang kemudian akan dituntut dari ejen Emigrasi atau Pesuruhjaya Depoh Emigrasi. Biasanya seorang kangani akan mengikut buruh-buruh yang dibawa oleh beliau sehingga ke Selangor tetapi kadang kala beliau akan menghantar mereka hingga ke depoh-depoh di Nagapatnam atau Avadi dan kembali ke kampungnya semula untuk mendapatkan buruh-buruh yang lain. Sebelum menghantar buruh-buruh ini, beliau akan memberitahu majikannya terlebih dahulu tentang buruh-buruh yang diperoleh supaya majikannya dapat mengambil buruh-buruh tersebut setibanya mereka di Tanah Melayu.⁸⁸

Di Selangor, ramai buruh India telah dibawa masuk melalui sistem kangani. Kebanyakan majikan swasta lebih berminat menggunakan sistem ini untuk mendapatkan buruh-buruh India kerana kos yang rendah. Kira-kira $\frac{3}{4}$ daripada kos membawa masuk buruh-buruh melalui sistem surat perjanjian dan kontrak dapat dijimatkan melalui sistem kangani. Pihak British di Selangor juga amat bergantung kepada sistem ini untuk memperoleh buruh. Pada akhir tahun 1913, satu skim telah dilaksanakan bagi mendapatkan buruh India melalui sistem kangani khususnya untuk sektor kerajaan

⁸⁷ Ravindra K. Jain, *South Indians on The Plantation Frontier in Malaya*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1970, hlm. 201.

⁸⁸ Harbans Kour, Jagar Singh, “Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan”, hlm. 41.

terutamanya Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Keretapi NNMB.⁸⁹ Dengan ini, seorang pengawal pengambil kerajaan telah dilantik pada bulan Januari 1914 untuk melawat semua daerah di NNMB dan memilih buruh-buruh yang sesuai untuk dijadikan sebagai kangani dari Jabatan-jabatan kerajaan yang pernah menggunakan buruh-buruh India. Mereka yang dipilih sebagai kangani akan dihantar ke India untuk mendapatkan buruh-buruh bagi sektor kerajaan. Dari 1 Januari hingga 10 Julai, 1914 seramai 71 orang kangani kerajaan telah dihantar ke India bagi tujuan tersebut dan diikuti dengan 923 orang buruh telah dibawa masuk sehingga 31 hari bulan Julai 1914.

Semasa kemelesetan ekonomi pada tahun 1930, pengambilan buruh-buruh telah dihentikan bagi sementara dan kebanyakan daripada buruh-buruh ini telah dihantar kembali ke India akibat daripada pengangguran yang berleluasa di negeri Selangor. Walaupun pengambilan buruh-buruh ini diteruskan pada tahun 1934, namun lesen-lesen kangani yang dikeluarkan telah dihadkan kepada industri-industri yang baharu seperti teh dan kelapa sawit. Oleh itu, bilangan buruh-buruh India yang dibawa masuk ke Selangor melalui sistem kangani telah merosot mulai tahun 1934.⁹⁰

Walaupun sistem ini memberikan sumbangan yang besar dalam memenuhi keperluan tenaga buruh di Selangor, sistem ini juga menerima kritikan sebagaimana dengan sistem surat perjanjian dan kontrak. Sistem kangani ini dikritik atas faktor sikap kangani. Para nasionalis India mengkritik sikap kangani yang memberikan kenyataan palsu tentang keadaan Tanah Melayu. Keterangan yang diberikan kangani sewaktu merekrut buruh terutamanya keadaan di Tanah Melayu diberikan secara berlebihan termasuk kehidupan yang lebih baik, gaji yang tinggi serta kemudahan-kemudahan lain. Sedangkan kenyataannya, keterangan itu hanya merupakan satu usaha kangani bagi mendapatkan persetujuan buruh semata-mata dan keterangan yang sebegini tidak

⁸⁹ Ibid., hlm. 44.

⁹⁰ Ibid., hlm. 45.

digemari oleh kalangan nasionalis India. Ini kerana ia lebih kepada usaha untuk mengeksploitasi buruh-buruh India tersebut.

Lazimnya, buruh-buruh ini akan diletakkan di bawah jagaan kangani. Buruh-buruh ini kadang kala dipaksa oleh kangani serta para majikan untuk bekerja untuk tempoh yang lama serta memotong gaji mereka secara paksa.⁹¹ Amalan-amalan yang tidak sihat telah menyebabkan kerajaan India menghantar seorang wakil ke Tanah Melayu untuk memerhatikan keadaan buruh-buruh India. V.S Srinivasa Sastri yang dihantar oleh kerajaan India untuk menyiasat tentang keadaan buruh-buruh India di Tanah Melayu telah mencadangkan supaya sistem ini dihapuskan.

There were not made aware of the realities-hard labour under difficult conditions in the plantations and meagre wages from which savings was difficult, The lavish going-away party held on management money, with liquor flowing added to the illusion. Critics also paid attention to the tie between labourer and kangany, which continued for a long time and was held to be one of exploitation. Srinivasa Sastri, the Indian liberal leader sent to investigate Indian labour conditions in Malaya, called this the labourer's concealed obligation to the kangany which will act to his disadvantage. He recomend the abolition of recruitment through kangany.⁹²

Kritikan-kritikan terhadap sistem ini serta kedudukan buruh-buruh India di Tanah Melayu semasa kemelesetan ekonomi menyebabkan sistem ini akhirnya dihapuskan pada 15 Jun 1938 serta kerajaan India mengambil keputusan untuk melarang penghijrahan buruh-buruh India.⁹³

2.5.3 Sistem Sukarela

Selain sistem surat perjanjian atau kontrak dan sistem kangani, buruh-buruh India juga berhijrah ke Selangor secara sukarela. Ravindra K. Jain menyebutnya sebagai *Nonrecruited-assisted*.⁹⁴ Sistem ini dilaksanakan bagi membantu buruh-buruh yang ingin

⁹¹ Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, hlm. 100.

⁹² Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 19.

⁹³ Ibid., hlm. 20.

⁹⁴ Ravindra K.Jain, *South Indians on The Plantation Frontier In Malaya*, hlm. 205

berhijrah ke Selangor tanpa bantuan kangani. Mereka hanya perlu mengemukakan surat cuti atau surat baharu atau tiket tambang percuma yang diberikan di depoh-depoh sama ada di Nagapatnam atau di Avadi.⁹⁵ Selepas itu, mereka dikehendaki untuk berada di depoh-depoh tersebut. Pesuruhjaya Emigrasi atau Penolong Pesuruhjaya Emigrasi yang ditempatkan di depoh-depoh kerajaan tersebut akan memeriksa kesihatan buruh serta status hutang. Setelah selesai dan berpuas hati dengan kedua-dua perkara ini, maka buruh-buruh tersebut akan dihantar ke Tanah Melayu.⁹⁶

Kaedah ini sebenarnya telah diperkenalkan pada sekitar tahun 1900, namun sambutan terhadap sistem ini khususnya di Selangor tidaklah begitu menggalakkan. Perkara ini berlaku kerana beberapa faktor termasuklah sistem ini bertentangan dengan kehendak kangani yang akan kehilangan sumber pendapatan mereka jika ia dilaksanakan serta mendapat sambutan kalangan buruh yang ingin datang ke Selangor. Selain itu, faktor lain termasuklah kegagalan buruh berada di depoh-depoh yang ditetapkan kerana kekurangan wang dan keberatan Jawatankuasa Imigrasi India untuk memperkenalkan sebarang sistem yang akan melemahkan sistem Kangani.⁹⁷ Faktor ketiga ini juga sangat signifikan kerana kalangan pegawai mahupun kakitangan yang terlibat dalam urusan ini akan memperolehi sumber pendapatan tambahan daripada gaji yang mereka terima terutamanya daripada kalangan Kangani mahupun daripada firma-firma yang terlibat dalam urusan ini. Maka segala sistem yang berlainan daripada sistem kangani tidak akan diberikan perhatian.

Bagi pihak British pula, adanya sistem yang membolehkan kemasukan sukarela ini turut memberi kelebihan kepada mereka kerana sistem kangani telah menerima kritikan daripada pelbagai pihak termasuk oleh kerajaan India sendiri. Oleh itu, pihak

⁹⁵ Kernal Singh Sandhu, *Indians in Malaya : Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, hlm. 104.

⁹⁶ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 47.

⁹⁷ Ibid., hlm. 47-48.

British melaksanakan beberapa langkah bagi menggalakkan kemasukan buruh India melalui sistem ini kerana kos membawa masuk buruh India adalah lebih rendah berbanding sistem kangani. Antara langkah yang dilaksanakan ialah melakukan pengedaran risalah kepada golongan sasaran. Pada tahun 1916, risalah-risalah yang menerangkan cara-cara untuk memperoleh tambang percuma telah diedarkan kepada buruh-buruh yang ingin berkembali ke India dari Tanah Melayu. Golongan Tamil dan Telugu dilihat sebagai dua golongan dominan yang bekerja sebagai buruh di Tanah Melayu. Oleh itu, Risalah-risalah yang diedarkan ini telah dicetak dalam bahasa Tamil dan Telugu bagi memudahkan pemahaman mereka mengenai hal tersebut.⁹⁸ Usaha pertama ini mula menunjukkan kesan positif apabila usaha ini mendorong bilangan buruh India yang berhijrah ke Selangor melalui sistem sukarela telah meningkat dengan pesat. Ramai buruh India yang pulang ke India untuk bercuti telah menggunakan sistem sukarela ini untuk kembali ke Tanah Melayu. Pada awal tahun 1925, pemberian wang kepada golongan buruh yang menggunakan sistem kemasukan ini telah dilaksanakan. Setiap buruh dewasa dan kanak-kanak akan diberikan sebanyak \$2 dan \$1 masing-masing di depoh kerajaan bagi menanggung kos perjalanan mereka. Mereka juga bebas untuk mencari pekerjaan di tempat yang menawarkan gaji yang lumayan kepada mereka. Jelaslah bahawa usaha-usaha ini telah menambahkan kemasukan buruh India ke Selangor.⁹⁹ Walau bagaimanapun, sistem ini telah dihentikan sementara semasa negara-negara di seluruh dunia menghadapi kemelesetan ekonomi. Selepas zaman kemelesetan ekonomi berakhir, sistem sukarela ini telah disambung semula pada tahun 1934.

Berdasarkan Jadual 2.2, pada tahun 1934, seramai 15,379 orang buruh India telah masuk ke Selangor melalui sistem ini. Jumlah ini agak tinggi berbanding buruh yang dibawa masuk melalui sistem kangani sebanyak 468 orang. Walaupun bilangan buruh

⁹⁸ Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, hlm. 104.

⁹⁹ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 48.

pada tahun seterusnya menghadapi penurunan, bilangan buruh yang masuk ke Selangor melalui sistem ini adalah lebih tinggi daripada bilangan buruh yang dibawa masuk melalui sistem kangani.

Jadual 2.4: Bilangan Buruh India yang Dibawa Masuk ke Selangor

Tahun	Sistem Kangani	Sistem Sukarela	Jumlah Bilangan Buruh
1914	14,325	106	14,431
1915	26,597	258	26,855
1916	32,506	742	33,248
1917	30,111	1,239	31,350
1918	17,280	1,424	18,704
1919	34,379	1,997	36,376
1920	24,003	1,716	25,719
1921	5,145	471	5,616
1922	14,885	1,005	15,890
1923	7,179	1,553	8,732
1924	11,879	2,688	14,567
1925	21,080	5,486	26,566
1926	41,685	6,921	48,606
1927	29,066	8,639	37,705
1928	5,905	3,025	8,930
1929	20,931	7,538	28,469
1930	9,918	3,560	13,478
1931	X	45	45
1932	X	7	7
1933	X	11	11
1934	468	15,379	15,847
1935	3	4,959	4,962
1936	X	922	922
1937	1070	14,073	15,143
1938	X	1,154	1,154

Sumber: Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988/1989.

2.6 PROSES PENEMPATAN MASYARAKAT INDIA DI SELANGOR

Buruh-buruh India yang dibawa masuk ke Selangor akan dihantar ke semua daerah Selangor mengikut keperluan tenaga buruh pihak majikan bagi sektor kerajaan atau swasta.¹⁰⁰ Setelah urusan itu selesai dan dihantar ke ladang yang ditetapkan, mereka akan ditempatkan dalam sebuah berek. Berdasarkan Jadual 3, jumlah bilangan buruh India yang dibawa untuk bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta adalah tinggi pada setiap tahun. Oleh itu, berek-berek telah disediakan oleh pihak majikan kepada buruh masing-masing. Kemudahan tempat tinggal kepada semua buruh yang dibawa masuk adalah diwajibkan untuk semua pihak majikan kerajaan mahupun swasta. Hal ini telah diwajibkan dengan undang-undang Imigrasi India yang diluluskan pada tahun 1901. Dalam Enakmen Imigrasi ini, Fasal 49 telah menyatakan mengenai kewajipan pihak majikan di negeri Selangor untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada semua buruh-buruh India yang bekerja dengan mereka.

Jadual 2.5: Bilangan Buruh India di Sektor Kerajaan dan Sektor Swasta di Selangor

Tahun	Buruh Kerajaan	Buruh Swasta
1912	5,658	66,791
1913	4,148	77,675
1914	2,557	61,573
1915	2,592	63,778
1916	2,602	68,997
1917	x	71,963
1918	2,590	65,803
1919	6,265	77,626
1920	5,051	74,085
1921	7,354	55,009
1922	6,527	54,646
1923	6,764	53,187
1924	6,717	52,793
1925	6,955	62,805
1926	9,552	77,929
1927	10,418	75,103

¹⁰⁰ Sila rujuk Peta 3 dalam bahagian lampiran.

1928	11,950	66,908
1929	11,792	76,532
1930	11,093	55,779
1931	8,751	43,295
1932	7,465	36,853
1933	7,049	38,775
1934	6,956	48,985
1935	7,108	47,290
1936	7,488	48,359
1937	7,794	64,906
1938	8,241	56,826

Sumber: Harbans Kour, Jagar Singh, “Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan”, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988/1989.

Fasal 49 ini juga memainkan peranan yang amat penting dalam menjaga keselamatan buruh-buruh India. Mengikut fasal ini, Pengawas Buruh atau Hakim akan memberikan kuasa kepada pihak Residen untuk mengarahkan pihak majikan untuk mengubah atau membesarkan tempat tinggal buruh-buruh mereka sekiranya tempat tinggal mereka berisiko membahayakan kesihatan buruh-buruh mereka. Perkara ini perlu dijalankan oleh pihak majikan dalam jangka masa yang diberikan oleh pihak Residen. Apabila arahan pembinaan semula ini tidak dilaksanakan maka pihak majikan yang bertanggungjawab akan disyaki bersalah serta mereka akan dikenakan denda yang tidak melebihi daripada \$200.00 dan \$10.00. Denda ini akan terus dikenakan bagi setiap hari jika bayaran tidak dijelaskan.¹⁰¹ Bukan itu sahaja, Pengawas Buruh atau Hakim juga diberikan kuasa untuk menahan pengambilan buruh-buruh baru untuk sektor perladangan atau perkilangan.¹⁰² Keadaan ini membolehkan pihak kerajaan Selangor memastikan pihak majikan yang tidak menghiraukan keselamatan buruh-buruh mereka serta menjamin keselamatan buruh-buruh di Selangor dikenakan tindakan.

¹⁰¹Indian Immigration Law 1901, 13.12.1900, hlm.1, SUK SEL. 7284/1900,

¹⁰² Harbans Kour, Jagar Singh, “Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan”, hlm. 12.

Bagi buruh-buruh kerajaan yang ditempatkan di berek-berek kerajaan, mereka tidak dikenakan sebarang sewa malah mereka diberikan sebidang tanah untuk menjalankan aktiviti bercucuk tanam bagi menampung keperluan mereka.¹⁰³ Berek-berek kerajaan dibina dengan cara pembinaan sendiri iaitu berek-berek ini dibahagikan kepada unit-unit kecil untuk keluarga berasingan serta mempunyai atap genting. Setiap unit ini mempunyai sebuah dapur dan sebuah bilik yang berukuran 10x10 kaki. Bagi melindungi dari penyakit malaria, berek-berek kerajaan akan diperiksa dari semasa ke semasa oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya. Mereka akan memastikan tahap kesihatan buruh-buruh yang tinggal dalam berek-berek ini serta keadaan berek adalah selamat. Seperti berek-berek kerajaan, buruh-buruh swasta juga ditempatkan dalam berek-berek yang disediakan oleh pihak majikan masing-masing. Penempatan buruh-buruh ini akan dikawal melalui kod buruh serta dibina atas perbelanjaan majikan. Reka berek-berek swasta yang lazimnya dijumpai di Selangor adalah berbentuk "*raised line*" di mana berek-berek ini akan disokong dengan tiang batu.¹⁰⁴ Berek-berek swasta telah dibina dengan papan yang panjang dan beratap genting atau zink. Ia dibahagikan dari lantai melalui dinding besar yang tidak terlalu tinggi hingga ke bumbung. Tiap-tiap bilik dalam berek-berek swasta ini didirikan dengan cara "*back-to-back*" agar mempunyai dua deretan yang menghala ke dua hala yang berbeza. Biasanya, berek-berek swasta ini didirikan di atas permukaan tanah dan ia disokong dengan tiang batu.

Mengikut Undang-undang Kod Buruh NNMB 1923, Fasal 162 telah menegaskan bahawa hanya tiga orang dewasa sahaja dibenarkan untuk menetap di sebuah bilik manakala mereka yang berkeluarga harus ditempatkan di bilik yang berasingan.¹⁰⁵ Selain itu, kod buruh ini turut mewajibkan semua majikan swasta untuk memperuntukkan sebidang tanah pertanian yang bersaiz 1/6 ekar kepada buruh-buruh supaya

¹⁰³Indian Labourers in Selangor. Inspection Report, 13.8.1902, SUK SEL. 4495/ 1902.

¹⁰⁴Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 57.

¹⁰⁵ Ibid., hlm. 58.

menggalakkan mereka bercucuk tanam. Jabatan Buruh telah mengedarkan surat pengumuman tentang keperluan pelajaran pertanian kepada kanak-kanak India di ladang. Berdasarkan kod buruh ini, semua pihak majikan perlu memperuntukkan tanah-tanah ini kepada buruh-buruh yang telah bekerja di ladang-ladang mereka secara berterusan selama enam bulan. Pihak majikan turut diwajibkan untuk memastikan tanah-tanah pertanian yang diperuntukkan ini terletak berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Jarak di antara tanah-tanah pertanian yang diperuntukkan dengan tempat tinggal harus tidak boleh melebihi daripada 200 ela. Tujuan usaha ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan pendapatan para buruh yang menerima gaji yang rendah semasa zaman kemelesetan ekonomi.¹⁰⁶ Buruh-buruh India digalakkan untuk menggunakan masa lapang mereka dengan bercucuk tanam di tanah-tanah pertanian mereka. Keadaan ini sangat ketara ketika zaman kemelesetan ekonomi iaitu antara tahun 1929 hingga 1932 apabila masa bekerja buruh turut dikurangkan dan hal ini mampu mendorong mereka menjalankan aktiviti bercucuk tanam. Walau bagaimanapun, rancangan ini hanya memperoleh perhatian daripada buruh-buruh semasa zaman kemelesetan. Sebelum zaman kemelesetan, kenaikan gaji buruh-buruh atas sebab kenaikan harga getah telah menyebabkan para buruh tidak berminat untuk bercucuk tanam. Tambahan pula, harga barang-barang makanan terutamanya sayur-sayuran yang murah juga menjadi salah satu faktor penting kepada kurangnya minat dalam kalangan buruh-buruh untuk bercucuk tanam di tanah-tanah pertanian yang disediakan.¹⁰⁷

Selain menyediakan kemudahan tempat tinggal di berek-berek, pihak kerajaan telah memperkenalkan satu rancangan yang menggalakkan buruh-buruh India menetap terus di Selangor. Jabatan Kereta Api NNMB memulakan rancangan ini pada tahun 1919 di Batu Caves. Dengan rancangan ini, pihak kerajaan akan menyediakan tempat tinggal

¹⁰⁶ Ibid., hlm. 59.

¹⁰⁷ Ibid., hlm. 60.

yang tetap serta tanah-tanah pertanian di Selangor. Buruh-buruh India yang bekerja di kawasan kuari dan Jalan Pahang merupakan golongan pertama yang terlibat dalam rancangan ini.¹⁰⁸ Dalam rancangan ini, Sebanyak 80 buah rumah kembar yang mempunyai dua buah bilik berukuran 12 x 12 kaki didirikan di kawasan ini. Walau bagaimanapun, kemudahan ini hanya diberikan kepada pasangan suami isteri yang bekerja di Jabatan ini sahaja. Setiap keluarga akan diberikan kawasan seluas ½ ekar untuk bercucuk tanam.¹⁰⁹ Sebagaimana dengan sektor kerajaan, sektor swasta turut memperkenalkan sebuah rancangan penempatan bagi buruh-buruh India yang berkerja di ladang-ladang mereka. Namun, sebilangan majikan swasta sahaja menawarkan kemudahan ini. Salah satu daripada penempatan buruh-buruh swasta yang paling berjaya di Selangor adalah di Ladang Permatang, Morib.¹¹⁰ Penempatan yang mempunyai keluasan 63 ekar ini telah dimulakan pada bulan November 1936. Kawasan ini dibahagikan kepada blok-blok yang seluas seekar dan tiap-tiap blok ini dikelilingi dengan parit. Berbeza dengan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan, buruh-buruh swasta di kawasan penempatan ini dikehendaki untuk mendirikan rumah mereka sendiri. Sehingga akhir tahun 1937, terdapat kira-kira 17 buah keluarga yang menetap di kawasan ini dan jumlah mereka terus meningkat kepada 28 buah keluarga pada tahun 1938.¹¹¹ Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh majikan-majikan swasta dan kerajaan seperti menyediakan kemudahan tempat tinggal dan kawasan pertanian untuk bercucuk tanam telah menggalakkan ramai buruh-buruh India untuk terus menetap di Selangor.

¹⁰⁸Proposed Residential Settlement at Batu Caves for Tamil Labourers working in the Quarry and on the Rawang Road, 21 May 1919, SUK SEL. 2410/1919.

¹⁰⁹ Harbans Kour, Jagar Singh, "Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan", hlm. 61.

¹¹⁰ Ibid., hlm. 63.

¹¹¹ Ibid., hlm. 64.

2.7 KESIMPULAN

Bab ini memberikan fokus kepada asal-usul negeri Selangor dan kedatangan orang India ke Tanah Melayu dan Selangor. Asal-usul nama Selangor dapat dilihat melalui pelbagai versi yang menjelaskan mengenainya. Selain itu, kedudukan fizikal negeri Selangor serta sejarah sistem pemerintahan negeri Selangor juga diteliti dengan jelas. Setelah menganalisis semua aspek ini, perbincangan ini lebih berjurus kepada sejarah kemasukan masyarakat India ke Tanah Melayu dan Selangor. Masyarakat India telahpun bertapak di negeri-negeri Tanah Melayu atas faktor perdagangan. Setelah pihak British mula menguasai Tanah Melayu, maka kemasukan masyarakat India telah berlaku secara rasmi. Peningkatan ekonomi komersial di negeri Selangor telah meningkatkan jumlah kemasukan buruh-buruh India ke sini. Lagipun, ramai daripada orang India menganggap Selangor sebagai hub pekerjaan utama bagi mereka. Bagi melancarkan kemasukan masyarakat India ke Selangor, pihak British mengamalkan pelbagai jenis cara kemasukan iaitu sistem perjanjian dan kontrak, kangani dan sukarela. Semua cara ini memberikan impak yang besar kepada peningkatan bilangan orang India di negeri Selangor. Dalam proses penempatan, kebanyakan buruh India telah ditempatkan di kawasan ladang. Mereka mula menjalankan kehidupan mereka di rumah-rumah yang berbentuk berek. Semua berek ini telah disediakan oleh pihak majikan. Kemudahan yang disediakan ini turut menjadi faktor penting yang menggalakkan kemasukan orang India ke Selangor.

BAB 3: PERKEMBANGAN ASPEK PEKERJAAN

3.1 PENGENALAN

Perbincangan mengenai aspek pekerjaan yang akan disentuh secara terperinci di dalam bab ini merupakan antara aspek penting dalam memenuhi maksud ekonomi. Adalah sesuatu yang agak mustahil untuk membincangkan semua aspek ekonomi di dalam bab ini. Oleh itu, pemilihan aspek pekerjaan adalah sesuatu yang paling wajar untuk melihat perkembangan dan penglibatan orang India dalam ekonomi di Selangor dalam tempoh kajian. Secara keseluruhannya, bab ketiga ini membincangkan tentang perkembangan aspek pekerjaan dalam kalangan masyarakat India di negeri Selangor. Sebagai permulaan, bab ini akan membincangkan penglibatan masyarakat India dalam sektor perladangan. Selepas itu, perbincangan akan memberikan tumpuan kepada penglibatan masyarakat India dalam sektor kerajaan. Kedua-kedua topik di atas akan dijelaskan mengikut empat aspek iaitu penglibatan, bilangan buruh, gaji dan signifikan mereka dalam kerja tersebut. Selepas itu, perbincangan akan lebih menumpukan ke atas masalah pekerjaan dalam kedua-kedua sektor ini. Kemudian, bab ini akan melihat perkembangan masyarakat India dalam perkhidmatan awam dengan menganalisis tiga sektor iaitu sektor perkeranian, perubatan dan pendidikan. Perbincangan bagi ketiga-ketiga sektor ini akan lebih terjurus kepada empat aspek utama seperti kelayakan, gaji, bilangan orang serta sumbangan orang India dalam sektor tersebut. Akhir sekali, bab ini akan melihat penglibatan masyarakat India dalam sektor perbankan dan permodalan iaitu dua bidang yang sangat jarang diberikan perhatian oleh pengkaji-pengkaji sejarah sebelum ini. Bab ini sangat penting kerana ia bukan sahaja menjelaskan secara terperinci mengenai penglibatan orang India dalam pelbagai sektor ekonomi di Selangor tetapi secara langsung memaparkan betapa orang India yang selama ini sinonim dengan sektor perladangan, juga terlibat dalam

sektor-sektor lain. Malah, bukti-bukti empirikal yang ada menunjukkan dominasi mereka dalam sesetengah sektor pada era sebelum kemerdekaan.

3.2 PENGLIBATAN ORANG INDIA DALAM PELBAGAI JENIS SEKTOR PEKERJAAN

Orang India yang datang ke Tanah Melayu terlibat dalam pelbagai sektor pekerjaan. Perbincangan berikut ini membincangkan penglibatan orang India dalam sektor-sektor tersebut di Selangor. Aspek ini sebenarnya masih agak jarang diberikan perhatian terutamanya dalam konteks sejarah Selangor kerana perhatian sebelum ini lebih kepada penglibatan orang India dalam sektor perladangan sahaja.

3.2.1 Sektor Perladangan

Pensejarahan masyarakat India di negara ini, terutamanya dalam era sebelum mereka sememangnya tidak dapat lari daripada pertalian dengan sektor perladangan. Malahan, kedua-duanya sangat sinonim hingga wujud satu kerangka naratif popular yang sering digunakan bagi merujuk keadaan masyarakat di Tanah Melayu dalam era tersebut. Kerangka naratif popular yang dimaksudkan ialah “orang Melayu duduk di kampung, orang Cina di lombong dan orang India di ladang getah”. Adakah kerangka naratif popular ini berpegang kepada kebenaran sejarah? Daripada satu sudut, kerangka naratif popular ini ada kebenarannya, namun ini tidak pula menafikan bahawa bukan semua orang India duduk di kawasan ladang. Ini kerana sebagaimana yang dibuktikan dalam bab ini, kalangan orang India turut berada di luar ladang (termasuk di kawasan bandar) serta tidak hanya terlibat dengan kerja-kerja ladang semata-mata. Oleh yang demikian, maka wajar sahaja perbincangan mengenai pekerjaan dalam kalangan masyarakat India ini di Selangor dimulakan dengan penglibatan mereka dalam sektor perladangan. Hal ini juga turut berkaitan dengan kedudukan negeri Selangor yang merupakan antara negeri yang

begitu menonjol dalam sektor ini sejak sekurang-kurangnya pertengahan kedua kurun ke-19.

Perbincangan mengenai penglibatan masyarakat India dalam sektor perladangan ini akan menyentuh mengenai kedudukan mereka sebagai pekerja/buruh serta kadar upah yang diterima. Penelitian terperinci mengenai kedudukan mereka sebagai buruh dilakukan yang melibatkan setiap daerah di Selangor dan perbincangan mengenai kadar upah pula perbincangan melihat kepada *trend* atau perubahan yang dialami oleh kalangan buruh di ladang ini dalam tempoh kajian.

Dalam satu-satu sektor ekonomi, keperluan terhadap buruh atau pekerja sememangnya antara aspek paling kritikal terutamanya di dalam sektor-sektor yang sememangnya bersifat intensif buruh seperti sektor perladangan mahupun perlombongan. Buruh didefinisikan sebagai mereka yang menyumbang tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan. Kemampuan dan kecekapan buruh melakukan tugas yang diberikan akan meningkatkan produktiviti dari segi keupayaan untuk menghasilkan *output* sesebuah perusahaan.¹ Di negeri Selangor, penglibatan buruh dapat dilihat secara jelas selepas kemasukan buruh asing sama ada dari India mahupun China. Jika buruh-buruh Cina ditempatkan di kawasan lombong, buruh-buruh India pula ditempatkan di kawasan ladang. Perkembangan ekonomi komersial khususnya getah telah menarik ramai buruh India untuk bekerja di Tanah Melayu. Negeri Selangor menjadi salah satu hub tarikan ekonomi yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka. Dari segi konteks buruh India, ramai daripada kalangan masyarakat India telah bekerja sebagai buruh di kawasan ladang getah.² Kehadiran buruh-buruh India ke Selangor adalah sangat penting untuk memenuhi permintaan terhadap tenaga buruh di sektor perladangan ini.³

¹Nur Anisa Binti Mohd Fauzi, "Perbezaan Produktiviti Di Antara Buruh Langsung Dan Buruh Tidak Langsung Terhadap Kerja-Kerja Jubin", Laporan Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, June 2018, hlm. 32.


² Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, London: Oxford University Press, 1970, hlm. 14.

³ Kernal Singh Sandhu, *Indians in Malaya : Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, Cambridge: Cambridge University Press, 1969, hlm. 61.

Golongan Tamil dan Telugu menjadi golongan yang sangat dominan dalam sektor perladangan sebagai buruh di Selangor. Peningkatan buruh daripada kedua-kedua golongan ini telah mendorong kepada pelaksanaan skim yang dikenali sebagai skim ujian bahasa. Terdapat satu insiden yang menjadi titik tolak kepada cadangan skim ini. Beberapa ladang di Kuala Lumpur telah menerima kalangan buruh Tamil dan Telugu sebagai pekerja, namun dalam tahap awal ini, kebanyakan majikan yang menguruskan ladang-ladang ini yang terdiri daripada kalangan orang Eropah tidak memahami bahasa Tamil mahupun Telugu. Keadaan ini sedikit sebanyak menimbulkan masalah dan dalam kes di Kuala Lumpur, hampir 200 buruh Telugu telah berhenti daripada bekerja hingga menimbulkan masalah kepada pihak pengurusan. Berikutan itu, satu cadangan skim ujian bahasa telah diutarakan oleh Persatuan *The Incorporated Society of Planters* untuk mengelakkan insiden-insiden sebegini. Skim ini menyebut keperluan kepada kalangan majikan untuk memahami bahasa Tamil atau Telugu bagi membolehkan pihak pengurus berkomunikasi dengan pekerja mereka. Usaha yang proaktif juga dapat mengurangkan isu perselisihan faham antara golongan buruh dengan pihak majikan ladang.⁴ Dalam masa yang sama, peristiwa ini memaparkan kepentingan kalangan buruh-buruh ini dalam sektor perladangan dan masalah yang timbul akan segera diselesaikan bagi membolehkan urusan pentadbiran dan operasi ladang tidak terjejas.

⁴ Report of The Executive of The General Labour Committee, British Malaya on Indian Labour and Labourers, hlm. 23.

Gambar 3.1: Buruh India Yang Bekerja di Ladang



Sumber: Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian community in Malaysia*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm. 52.

Gambar 3.2: Buruh India Bekerja di Kilang, Getah



Sumber: Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian community in Malaysia*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm. 53.

Kepentingan buruh-buruh India dalam sektor perladangan di Selangor dapat diukur melalui jumlah buruh yang terbabit. Penelitian yang dilakukan dalam perbincangan ini adalah berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber primer terutamanya *Annual Report of the Labour Department*. Laporan-laporan ini secara jelas menunjukkan penglibatan besar kalangan orang India dalam sektor perladangan di negeri Selangor. Penelitian terhadap jumlah buruh ini melibatkan daerah-daerah yang ada di Selangor.

Jadual 3.1: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Kuala Lumpur, 1921-1938

Tahun	India	Cina	Jawa	Lain-lain	Jumlah	Peratusan Buruh India
1921	5,332	300	4	2	5,638	94.57%
1924	6,585	985	211	24	7,805	84.37%
1927	10,013	1,085	26	3	11,127	89.99%
1928	8,809	1,273	21	13	10,116	87.08%
1929	9,588	1,247	47	18	10,900	87.96%
1930	6,813	1,134	16	14	7,977	85.41%
1931	4,987	530	1	9	5,527	90.22%
1932	4,128	511	1	6	4,646	88.85%
1935	4,993	489	1	3	5,486	91.01%
1936	5,697	482	1	2	6,182	92.15%
1937	7,370	731	1	8	8,110	90.88%
1938	6,834	330	2	6	7,172	95.29%

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1921, 1924, 1927-1932, 1935-1938

Berdasarkan Jadual 3.1, majoriti daripada kalangan buruh yang bekerja di kawasan ladang di Kuala Lumpur dalam tahun 1921-1938 adalah buruh India. Jika diperhatikan, terdapat empat kategori buruh ladang iaitu India, Cina, Jawa dan lain-lain. Daripada keempat-empat kategori ini, didapati bahawa buruh India merupakan buruh paling dominan. Pada tahun 1921⁵, seramai 5,332 orang buruh India telah direkodkan bekerja di ladang-ladang Kuala Lumpur. Keadaan yang sama turut dilihat dalam tahun 1924⁶

⁵Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for the Year 1921, 03.03.1922, SUK.SEL 1040/1922.

⁶ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1924, 24.02.1925, SUK.SEL 1031/1925.

berjumlah 6,585 orang, 1927⁷ berjumlah 10,013, 1928⁸ berjumlah 8,809, 1929⁹ berjumlah 9,588, 1930¹⁰ berjumlah 6,813, 1931¹¹ berjumlah 4,987, 1932¹² berjumlah 4,128 orang, 1935¹³ berjumlah 4,993, 1936¹⁴ berjumlah 5,697, 1937¹⁵ berjumlah 7370 dan 1938¹⁶ berjumlah 6,834. Meskipun berlaku kadar turun naik, namun dominasi buruh India berterusan. Misalnya, walaupun, bilangan buruh India telah menurun daripada 9,588 orang kepada 4,128 orang pada tahun 1932¹⁷ tetapi angka ini masih lagi mengatasi bilangan buruh lain. Keadaan ini berterusan sehingga sebelum Perang Dunia Kedua. Malah antara tahun 1935 hingga 1938 didapati bahawa jumlah peratusan buruh India melebihi 90% secara berterusan. Pada tahun 1938, 95.29% daripada jumlah buruh ladang di Kuala Lumpur ialah buruh India.¹⁸

Jadual 3.2: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Klang, Selangor, 1921-1938

Tahun	India	Cina	Jawa	Lain-lain	Jumlah Buruh	Peratusan Buruh India
1921	11,586	366	21	16	11,989	96.64%
1924	10,095	18	3	8	10,124	99.71%
1927	19,953	164	33	29	20,179	98.88%
1928	17,319	394	28	23	17,764	97.49%
1929	19,058	233	5	18	19,314	98.67%
1930	13,362	204	-	15	13,581	98.34%
1931	9,555	-	-	-	9,555	100%
1932	6,504	72	-	13	6,589	98.71%
1935	9,656	167	3	19	9,845	98.08%
1936	10,568	168	7	18	10,761	98.21%
1937	13,970	386	-	30	14,386	97.11%
1938	12,139	140	18	6	12,303	98.67%

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1921, 1924, 1927-1932, 1935-1938

⁷ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1927, 25.02.1928, SUK.SEL 496/1928.

⁸ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1928, 23.02.1929, SUK.SEL 440/1929.

⁹ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1929, 05.03.1930, SUK.SEL 515/1930.

¹⁰ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1930, 12.03.1931, SUK.SEL 633/1931.

¹¹ Annual Report of The Labour Department, 1931.

¹² Annual Report of The Labour Department, 1932.

¹³ Annual Report of The Labour Department, 1935.

¹⁴ Annual Report of The Labour Department, 1936.

¹⁵ Annual Report of The Labour Department, 1937.

¹⁶ Annual Report of The Labour Department, 1938.

¹⁷ Annual Report of The Labour Department, 1932.

¹⁸ Annual Report of The Labour Department, 1938.

Trend yang menunjukkan dominasi buruh India sebagaimana yang dapat dilihat di ladang-ladang di Kuala Lumpur turut dapat dilihat di ladang-ladang di daerah-daerah lain di Selangor. Di daerah Klang misalnya, pada tahun 1921¹⁹, jumlah dominasi penuh buruh India dapat dilihat. Malah tahun-tahun 1924, 1927 hingga 1938, jumlah buruh India di ladang di Klang menghampiri 100% dengan kadar yang cukup tinggi. Misalnya pada tahun 1932²⁰, jumlah buruh India ialah 6, 504 sedangkan buruh Cina hanya 72 orang dan lain-lain berjumlah 13 orang. Keadaan yang sama berlaku pada tahun 1935 apabila jumlah buruh India mencapai 9,656 orang dan buruh Cina hanya 167, buruh Jawa berjumlah 3 orang dan lain-lain 19 orang.²¹ Seramai 13,970 orang buruh India telah direkodkan pada tahun 1937²². Walau bagaimanapun, pada tahun 1938²³, bilangan buruh India telah menunjukkan satu penurunan dari 13,970 orang yang dicatatkan pada tahun lepas kepada 12,139 orang. Mengikut Jadual 3.2, jumlah bilangan buruh India yang tertinggi iaitu seramai 19,953 orang telah direkodkan pada tahun 1924²⁴ manakala bilangan buruh India yang terendah seramai 6,504 orang telah dicatatkan pada tahun 1932.²⁵ Dari segi peratusan, Jumlah peratusan sebanyak 100% bagi tahun 1931²⁶ adalah peratusan buruh India yang paling tertinggi dicatatkan manakala 96.64% bagi tahun 1921²⁷ adalah peratusan buruh India yang paling rendah direkodkan. Secara keseluruhannya, buruh India telah mempengaruhi sebahagian besar jumlah buruh yang bekerja di kawasan ladang-ladang di Klang.

¹⁹ Annual Report of The Labour Department Coast District Selangor for The Year 1921, 14.02.1922, SUK SEL 748/1922.

²⁰ Annual Report of The Labour Department, 1932.

²¹ Annual Report of The Labour Department, 1935.

²² Annual Report of The Labour Department, 1937.

²³ Annual Report of The Labour Department, 1938.

²⁴ Annual Report of The Labour Department Coast District Selangor for The Year 1924, 11.02.1925, SUK SEL 790/1925.

²⁵ Annual Report of The Labour Department, 1932.

²⁶ Annual Report of The Labour Department, 1931.

²⁷ Annual Report of The Labour Department Coast District Selangor for The Year 1921, 14.02.1922, SUK SEL 748/1922.

Jadual 3.3: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Estet Kuala Selangor, Selangor, 1921-1938

Tahun	India	Cina	Jawa	Lain-lain	Jumlah Buruh	Peratusan Buruh India
1921	14,796	162	10	66	15,034	98.42%
1924	13,496	85	56	50	13,687	98.60%
1927	17,192	80	50	3	17,325	99.23%
1928	15,345	150	-	3	15,498	99.01%
1929	16,849	96	-	-	16,945	99.43%
1930	13,234	90	30	1	13,355	99.09%
1931	9,441	-	-	-	9,441	100%
1932	6,657	45	-	-	6,702	99.33%
1935	8,600	9	2	16	8,627	99.69%
1936	9,333	71	-	2	9,402	99.27%
1937	12,600	107	5	51	12,763	98.72%
1938	10,306	3	90	-	10,399	99.11%

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1921, 1924, 1927-1932, 1935-1938

Kepentingan dan dominasi buruh India di ladang turut terlihat di daerah Kuala Selangor terutama antara tahun 1921 hingga 1938. Berdasarkan Jadual 3.3, majoriti daripada kalangan buruh yang telah bekerja di kawasan ladang Kuala Selangor ialah buruh India. Pada tahun 1921²⁸, seramai 14,796 orang buruh India telah direkodkan bekerja di ladang-ladang Kuala Selangor. Angka ini telah melebihi buruh lain yang bekerja bersama mereka. Walau bagaimanapun, bilangan buruh India telah menurun secara mendadak daripada 13,234 orang kepada 6,657 orang pada tahun 1932.²⁹ Namun dari sudut peratusan, jumlah penguasaan buruh India masih 99.33%. Seterusnya, bilangan buruh India telah menunjukkan satu peningkatan pada tahun 1935³⁰ apabila bilangan mereka telah meningkat kepada 8,600 orang. Kemudian, buruh India turut menunjukkan peningkatan yang ketara bagi tahun pada tahun 1936³¹ dengan mencatatkan seramai 9,333 orang. Bilangan buruh India terus meningkat kepada 12,600 orang daripada 9,333 orang

²⁸ Ibid.

²⁹ Annual Report of The Labour Department, 1932.

³⁰ Annual Report of The Labour Department, 1935.

³¹ Annual Report of The Labour Department, 1936.

pada tahun 1937.³² Pada tahun 1938³³, bilangan buruh India telah menurun daripada 12,600 orang yang dicatatkan pada tahun lepas kepada 10,306 orang. Mengikut Jadual 3.3 ini, jumlah bilangan buruh India yang tertinggi iaitu seramai 17,192 orang telah direkodkan bagi tahun 1927³⁴ manakala bilangan buruh India yang terendah seramai 6,657 orang telah dicatatkan bagi tahun 1932.³⁵ Jumlah peratusan 100% bagi tahun 1931³⁶ ialah peratusan buruh India yang paling tertinggi dicatatkan manakala 98.42% bagi tahun 1921³⁷ ialah peratusan buruh India yang paling rendah direkodkan. Adalah jelas, berdasarkan angka-angka yang ada ini, kedudukan buruh India di ladang-ladang di Kuala Lumpur, Klang dan Kuala Selangor sememangnya begitu penting. Dominasi mereka ada kalanya mencapai kadar 100%. Keadaan ini turut kelihatan dalam sektor perladangan di daerah Kuala Langat, Ulu Selangor dan Ulu Langat. Di ketiga-tiga daerah ini, ladang-ladang getah turut menunjukkan dominasi buruh India.

Jadual 3.4: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Kuala Langat, Selangor, 1921-1938

Tahun	India	Cina	Jawa	Lain-lain	Jumlah Buruh	Peratusan Buruh India
1921	11,586	366	21	16	11,989	96.64%
1924	12,260	451	90	100	12,901	95.03%
1927	12,360	99	6	43	12,508	98.82%
1928	11,154	100	26	57	11,337	98.39%
1929	12,577	51	6	43	12,677	99.21%
1930	8,925	38	42	46	9,051	98.61%
1931	6,312	-	-	-	6,312	100%
1932	5,246	-	-	-	5,246	100%
1935	6,827	149	2	2	6,980	97.81%
1936	7,322	267	5	4	7,598	96.37%
1937	8,859	239	4	4	9,106	97.29%
1938	7,790	5	1	1	7,797	99.91%

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1921, 1924, 1927-1932, 1935-1938

³² Annual Report of The Labour Department, 1937.

³³ Annual Report of The Labour Department, 1938.

³⁴ Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1927, 27.02.1928, SUK SEL 490/1927.

³⁵ Annual Report of The Labour Department, 1932.

³⁶ Annual Report of The Labour Department, 1931.

³⁷ Annual Report of The Labour Department Coast District Selangor for The Year 1921, 14.02.1922, SUK SEL 748/1922.

Di daerah Kuala Langat, kebanyakan daripada kalangan buruh yang bekerja di kawasan ladang ialah buruh India. Data-data yang ada yang diperolehi daripada Laporan Tahunan Jabatan Buruh menunjukkan antara tahun 1921 hingga 1938, dominasi buruh India adalah antara 95% hingga 100%. Peratusan ini sememangnya sangat tinggi termasuk setelah mengambil kira keadaan ekonomi ketika itu. Pada tahun 1931 dan 1932, 100% buruh ladang di Kuala Langat ialah buruh India, sementara pada tahun 1938, peratusannya adalah 99.91%. Jumlah ini meninggalkan hanya sebahagian kecil sektor perburuhan ladang di Kuala Langat kepada orang lain termasuk Cina, Jawa dan lain-lain. Secara terperinci, pada tahun 1921³⁸, seramai 11,586 orang buruh India telah direkodkan bekerja di ladang-ladang di Kuala Langat. Buruh India telah meningkat daripada 11,586 orang kepada 12,260 orang pada tahun 1924.³⁹ Seterusnya, bilangan buruh India terus menunjukkan satu peningkatan pada tahun 1927⁴⁰ apabila bilangan mereka telah meningkat kepada 12,360 orang. Kemudian, bilangan buruh India telah menurun kepada 11,154 orang dari 12,360 orang pada tahun 1928.⁴¹ Seramai 12,577 orang buruh India telah direkodkan pada tahun 1929.⁴² Walau bagaimanapun, pada tahun 1930⁴³, bilangan buruh India telah menunjukkan penurunan yang agak tinggi dari 12,577 orang kepada 8,925 orang. Angka ini terus mengalami tren penurunan kepada 6,312 dan 5,246 orang buruh India bagi tahun 1931⁴⁴ dan 1932⁴⁵. Selepas itu, bilangan buruh India telah menunjukkan satu peningkatan pada tahun 1935 apabila bilangan mereka telah meningkat kepada 6,827 orang.⁴⁶ Kemudian, bilangan buruh India terus bertambah kepada 7,322 orang dari 6,827 orang pada tahun 1936⁴⁷. Seramai 8,859 orang buruh India telah

³⁸ Ibid.

³⁹ Annual Report of The Labour Department Coast District Selangor for The Year 1924, 11.02.1925, SUK SEL 790/1925.

⁴⁰ Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1927, 27.02.1928, SUK SEL 490/1927.

⁴¹ Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1928, 15.03.1929, SUK SEL 554/1929.

⁴² Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1929, 08.04.1930, SUK SEL 713/1930.

⁴³ Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1930, 09.03.1931, SUK SEL 610/193.

⁴⁴ Annual Report of The Labour Department, 1931.

⁴⁵ Annual Report of The Labour Department, 1932.

⁴⁶ Annual Report of The Labour Department, 1935.

⁴⁷ Annual Report of The Labour Department, 1936.

direkodkan pada tahun 1937⁴⁸. Pada tahun 1938⁴⁹, bilangan buruh India telah menunjukkan penurunan dari 8,859 orang kepada 7,790 orang. Mengikut jadual di atas, jumlah bilangan buruh India yang tertinggi iaitu seramai 12,577 orang telah direkodkan pada tahun 1929⁵⁰ manakala bilangan buruh India yang terendah seramai 5,246 orang telah dicatatkan pada tahun 1932.⁵¹

Dominasi buruh India sebagai buruh ladang turut ketara di daerah Ulu Selangor. Meskipun jumlah ladang-ladang getah di daerah Ulu Selangor tidak sebanyak di daerah lain terutamanya di Kuala Lumpur dan Klang, namun jumlah buruh India dilihat jauh mengatasi buruh-buruh Cina, Jawa dan lain-lain. Antara tempoh 1921 hingga 1938, peratusan buruh India adalah antara 80 hingga 90%. Hanya pada tahun 1932 sahaja, peratusan buruh India di bawah 80% iaitu 78.64%.⁵² Angka-angka ini menunjukkan betapa signifikannya buruh India di ladang-ladang di Ulu Selangor. Secara terperinci, jumlah buruh India di ladang-ladang getah di daerah Ulu Selangor dipaparkan dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Ulu Selangor, Selangor, 1921-1938

Tahun	India	Cina	Java	Lain-Lain	Jumlah	Peratusan Buruh India
1921	5,165	895	19	53	6,132	84.23%
1924	4,857	325	14	50	5,246	92.58%
1927	9,404	781	69	25	10,279	91.49%
1928	7,988	1,046	31	22	9,087	87.91%
1929	8,923	1,471	14	18	10,426	85.58%
1930	7,008	1,222	2	8	8,240	85.05%
1931	4,428	756	14	14	5,212	84.96%
1932	3,314	858	15	27	4,214	78.64%
1935	5,485	437	55	14	5,991	91.55%
1936	5,995	677	8	43	6,723	89.17%
1937	8,462	869	6	51	9,388	90.13%
1938	6,832	784	4	14	7,634	89.49%

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1921, 1924, 1927-1932, 1935-1938

⁴⁸ *Annual Report of The Labour Department*, 1937.

⁴⁹ *Annual Report of The Labour Department*, 1938.

⁵⁰ Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1929, 08.04.1930, SUK SEL 713/1930.

⁵¹ *Annual Report of The Labour Department*, 1932.

⁵² *Ibid.*

Jadual 3.6 pula menunjukkan angka dan peratusan mengenai jumlah buruh India, Cina, Jawa dan lain-lain di ladang-ladang getah di daerah Ulu Langat antara tahun 1921 hingga 1938. Daripada Jadual 3.6 ini, jelas menunjukkan betapa buruh India masih lagi memainkan peranan terpenting di ladang-ladang getah di daerah ini meskipun agak kecil jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain. Kadar peratusan buruh India adalah antara 53% hingga 60%. Kadar peraturasn yang paling tinggi dicatatkan adalah sebanyak adalah 86.17% pada tahun 1921. Di daerah ini, kalangan buruh Cina didapati menyaingi kadar buruh India dan diikuti dengan buruh Jawa. Secara terperinci, pada tahun 1921⁵³, jumlah buruh India adalah seramai 7,193 orang. Jumlah buruh didapati berkurang kepada 3,759 orang pada tahun 1924.⁵⁴ Seterusnya, bilangan buruh India telah menunjukkan satu peningkatan pada tahun 1927⁵⁵ apabila bilangan mereka telah meningkat kepada 4,816 orang. Kemudian, bilangan buruh India terus menunjukkan tren peningkatan dengan mencatatkan seramai 4,867 orang dan 5,615 orang bagi tahun 1928⁵⁶ serta 1929⁵⁷. Selepas itu bilangan buruh India telah berkembali menurun kepada 3,654 orang dari 5,615 orang pada tahun 1930.⁵⁸ Bilangan buruh India terus menurun kepada 2,631 dan 2,214 orang bagi tahun 1931⁵⁹ serta 1932⁶⁰. Walau bagaimanapun, bilangan buruh India telah menunjukkan satu peningkatan pada tahun 1935⁶¹ dengan meningkat kepada 3,179 orang. Kemudian, bilangan buruh India berkurang pada 1936⁶² dengan mencatatkan seramai 3,123 orang. Selepas itu bilangan buruh India telah berkembali meningkat kepada 4,374

⁵³ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1921, 03.03.1922, SUK.SEL 1040/1922.

⁵⁴ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1924, 24.02.1925, SUK SEL 1031/1925.

⁵⁵ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1927, 25.02.1928, SUK SEL 496/1928.

⁵⁶ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1928, 23.02.1929, SUK SEL 440/1929.

⁵⁷ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1929, 05.03.1930, SUK SEL 515/1930.

⁵⁸ Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1930, 12.03.1931, SUK SEL 633/1931.

⁵⁹ Annual Report of The Labour Department, 1931.

⁶⁰ Annual Report of The Labour Department, 1932.

⁶¹ Annual Report of The Labour Department, 1935.

⁶² Annual Report of The Labour Department, 1936.

orang dari 3,123 orang bagi tahun 1937⁶³. Pada tahun 1938⁶⁴, bilangan buruh India telah menurun kepada 4,029 orang.

Jadual 3.6: Jumlah Bilangan Buruh yang Bekerja di Kawasan Ladang Ulu Langat, Selangor, 1921-1938

Tahun	India	Cina	Java	Lain-lain	Jumlah Buruh	Peratusan Buruh India
1921	7,193	1,086	54	14	8,347	86.17%
1924	3,759	1,392	414	247	5,812	64.68%
1927	4,816	2,344	334	66	7,560	63.70%
1928	4,867	2,719	296	193	8,075	60.27%
1929	5,615	3,309	281	253	9,458	59.37%
1930	3,654	2,839	192	173	6,858	53.28%
1931	2,631	1,963	87	88	4,769	55.16%
1932	2,214	1,749	103	71	4,137	53.52%
1935	3,179	1,731	155	155	5,220	60.90%
1936	3,123	2,130	127	148	5,528	56.49%
1937	4,374	2,390	202	190	7,156	61.12%
1938	4,029	2,157	203	106	6,495	62.03%

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1921, 1924, 1927-1932, 1935-1938

Angka dan peratusan yang terdapat daripada Jadual 3.1 hingga 3.6 iaitu jumlah bilangan buruh India, Cina, Jawa dan lain-lain di daerah-daerah Kuala Lumpur, Klang, Kuala Selangor, Ulu Selangor, Kuala Langat dan Ulu Langat. Berdasarkan jadual-jadual tersebut, satu kesimpulan dapat dibuat iaitu, dominasi buruh India di ladang-ladang getah di daerah-daerah di Selangor terutamanya antara tempoh 1921 hingga 1938 adalah sangat ketara. Dengan kekecualian terhadap daerah Ulu Langat, peratusan buruh India secara purata adalah antara 80 hingga 100%. Kadar ini menunjukkan betapa pentingnya buruh-buruh ini dalam sektor perladangan di Selangor dan dalam masa yang sama, betapa besarnya kebergantungan British terhadap buruh India bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengeluaran hasil daripada ladang-ladang getah ini. Meskipun tahun 1930 menunjukkan *trend* penurunan dalam kadar buruh India di semua daerah, namun ia pulih semula dan semakin meningkat selepas tahun 1933. Malahan ia mencapai

⁶³ Annual Report of The Labour Department, 1937.

⁶⁴ Annual Report of The Labour Department, 1938.

kemuncaknya pada tahun 1938. Keadaan ekonomi yang semakin pulih daripada kemelesetan pada tahun 1930 menyebabkan sektor perladangan kembali aktif dan membolehkan ladang-ladang getah baharu dibuka.

Kalangan buruh India yang sebelumnya terpaksa balik ke India kerana kemelesetan juga telah kembali semula dan keadaan ini telah meningkatkan kadar buruh di Selangor. Tahun 1938 sangat penting dalam melihat kadar buruh India di Selangor khususnya dan di Tanah Melayu amnya. Ketika ini jumlah buruh agak terganggu dengan pelaksanaan peraturan baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan India yang melakukan sekatan emigrasi buruh-buruh India. Kerajaan India telah melarang emigrasi buruh-buruh pada 15 Jun 1938.⁶⁵ Langkah ini dilaksanakan atas faktor keengganan majikan membuat pembayaran gaji yang ditetapkan. Kebanyakan majikan tidak bersetuju untuk membayar kadar gaji yang ditetapkan sebelum zaman kemelesetan. Oleh itu, kerajaan India terpaksa mengambil keputusan ini sebagai langkah penyelesaian bagi isu ini. Bukan itu sahaja, tindakan kerajaan India ini juga mempunyai kaitan rapat dengan laporan yang dihantar oleh *United Planting Association of Malaya* pada 29 Mac 1938 yang mencadangkan kerajaan India supaya menghentikan emigrasi buruh-buruh ke Tanah Melayu.⁶⁶ Keadaan ini kemudiannya turut diperkuatkan dengan suasana peperangan yang berlaku di Eropah pada tahun 1939 dan seterusnya serangan Jepun terhadap Tanah Melayu pada bulan Disember 1941.

Satu lagi aspek ekonomi yang penting ialah kadar upah atau gaji yang diterima oleh seorang pekerja. Upah atau gaji boleh disifatkan sebagai satu bentuk “penghargaan” kepada seseorang pekerja yang telah menyelesaikan tugas yang diberikan kepada mereka.

⁶⁷ Penelitian terhadap kadar upah atau gaji yang diterima oleh kalangan pekerja akan turut

⁶⁵ *Annual Report of The Labour Department*, 1938, hlm, 17.

⁶⁶ *Ibid.*, hlm, 20.

⁶⁷ Nailah Hamzah, Noorasiah Sulaiman dan Abu Hassan Shaari Md Noor, “Upah dan Produktiviti Buruh: Satu Analisis dalam Sektor Pembuatan” dlm. *PerkemVI*, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2011, hlm. 320.

memberi indikasi mengenai kepentingan kalangan buruh dalam sektor pekerjaan. Motif utama bagi buruh-buruh India yang sanggup berhijrah dari India ke Tanah Melayu ialah mencari pekerjaan serta memperoleh upah yang lumayan. Perkara upah ini turut diberikan fokus oleh golongan Kangani semasa mereka berusaha untuk merekrut buruh di India.⁶⁸ Oleh itu, upah dikenal pasti sebagai unsur terpenting kepada kalangan buruh-buruh India untuk datang bekerja di Tanah Melayu. Permintaan yang tinggi terhadap buruh di ladang-ladang getah menyebabkan buruh-buruh India datang ke Selangor.⁶⁹ Di kawasan ladang getah, kebanyakan orang India telah bekerja sebagai penoreh getah, buruh stor dan kilang serta buruh lapangan getah. Upah kepada buruh-buruh India berbeza berdasarkan faktor jantina dan tugas mereka.⁷⁰

Jadual 3.7: Jumlah Upah bagi Penoreh Getah di Selangor, 1926-1936

Tahun	Jantina	Jumlah Gaji (sen)
1926	Lelaki	40-50 sen
	Wanita	35-50 sen
1927	Lelaki	45-52 sen
	Wanita	40-50 sen
1928	Lelaki	45-52 sen
	Wanita	40-50 sen
1929	Lelaki	50-80 sen
	Wanita	40-60 sen
1931	Lelaki	30-40 sen
	Wanita	27-40 sen
1932	Lelaki	26-40 sen
	Wanita	24-32 sen
1935	Lelaki	35-45 sen
	Wanita	28-40 sen
1936	Lelaki	40-50 sen
	Wanita	32-40 sen

Sumber: Malayan Statistics dan Annual Report of The Labour Department, 1926-1936

⁶⁸ Harbans Kour, Jagar Singh, "*Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan*", Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988/1989, hlm. 40.

⁶⁹ Noor Syazwani Binti Ishak, "*Samsu di Selangor: Kajian Terhadap Pembuatan, Pengambilan dan Kawalan, 1900-1941*", Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018, hlm. 35.

⁷⁰ *Annual Report of The Labour Department*, 1931, hlm.46.

Jadual 3.8: Jumlah Upah bagi Buruh Kerja Lapangan Getah di Selangor, 1926-1936

Tahun	Jantina	Jumlah Gaji (sen)
1926	Lelaki Wanita	40-50 sen 35-50 sen
1927	Lelaki Wanita	45-52 sen 40-50 sen
1928	Lelaki Wanita	40-45 sen 30-40 sen
1929	Lelaki Wanita	50-55 sen 40-45 sen
1931	Lelaki Wanita	30-35 sen 25-30 sen
1932	Lelaki Wanita	25-40 sen 22-32 sen
1935	Lelaki Wanita	35-45 sen 28-35 sen
1936	Lelaki Wanita	40-50 sen 32-40 sen

Sumber: Malayan Statistics dan Annual Report of The Labour Department, 1926-1936

Jadual 3.9: Jumlah Upah bagi Buruh Stor dan Kilang di Selangor, 1926-1936

Tahun	Jantina	Jumlah Gaji (sen)
1926	-	50-60 sen
1927	-	50-60 sen
1928	-	50-60 sen
1929	-	50-75 sen
1931	-	35-50 sen
1932	-	35-50 sen
1935	Lelaki Wanita	40-50 sen 32-40 sen
1936	Lelaki Wanita	40-50 sen 32-40 sen

Sumber: Malayan Statistics dan Annual Report of The Labour Department, 1926-1936

Pihak majikan akan membayar upah kepada golongan buruh secara harian. Kadang kala, jumlah gaji akan berbeza dalam satu tempoh tertentu. Hal ini kerana, jumlah upah akan ditentukan berdasarkan harga pasaran. Apabila harga getah meningkat di pasaran dunia, maka jumlah upah kepada buruh turut meningkat. Kejatuhan harga getah dalam pasaran menyebabkan pihak majikan mengalami masalah kewangan. Mereka yang mempunyai

bilangan buruh yang lebih akan berusaha untuk mengekalkan kadar upah yang munasabah. Sekiranya, keadaan semakin serius dan tidak terkawal maka pihak majikan terpaksa mengurangkan jumlah pekerja atau mengurangkan kadar upah yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kebanyakan buruh yang memahami situasi ini biasanya akan bersetuju untuk menerima kadar upah yang rendah sehingga keadaan bertambah baik.⁷¹

Gambar 3.3: Pengurus Eropah Membayar Gaji Kepada Pekerja Ladang



Sumber: Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian community in Malaysia*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm. 54.

Pada tahun 1927, semua buruh, tanpa mengira jantina telah dibayar upah yang tidak kurang daripada kadar upah yang ditetapkan. Secara puratanya, semua buruh penoreh getah telah menerima gaji sebanyak 45 sen sehari manakala buruh stor dan kilang telah dibayar sebanyak 50 sen sehari. Dalam kebanyakan kes lain, upah yang jauh melebihi daripada kadar upah yang ditetapkan telah diberikan kepada golongan buruh yang bekerja di kawasan ladang. Bukan itu sahaja, buruh-buruh juga diberikan peluang untuk

⁷¹ *Annual Report of The Labour Department*, 1933, hlm. 14.

menambahkan upah mereka dengan melakukan kerja-kerja lebih masa. Mereka akan dibayar sebanyak 10 sen bagi setiap sejam. Dari tahun 1926 hingga tahun 1929, pembayaran upah kepada semua buruh dalam sektor getah adalah lebih konsisten berbanding awal tahun 1930-an yang merupakan zaman kemelesetan.⁷²

Pada bulan Julai 1930, harga getah telah berkurang kepada 5.13d per lb. Harga ini tidak meningkat sebaliknya terus mengalami penurunan kepada 3.88d per lb pada bulan Disember 1930.⁷³ Pada tahun 1931, harga getah terus jatuh dan mencatatkan harga yang sangat rendah iaitu sebanyak 3.13 d per lb. Kejatuhan harga getah ini telah memaksa pihak majikan untuk mengurangkan kadar pembayaran upah yang ditetapkan. Buruh-buruh India yang bekerja di ladang getah pada tahun 1931 terpaksa menerima upah yang rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 1932, keadaan bertambah buruk apabila harga getah di pasaran dunia semakin jatuh lagi kepada 2.41 d per lb iaitu kadar terendah sejak tahun 1930. Keadaan ini telah menyebabkan kebanyakan majikan tidak mampu membuat pembayaran upah, malah sebahagian ladang terpaksa di tutup bagi mengurangkan kos.⁷⁴ Menyedari situasi di Tanah Melayu amnya dan di Selangor khasnya semakin meruncing, maka usaha-usaha dilakukan bagi mengawal keadaan termasuklah dengan melakukan Perjanjian Sekatan Getah Antarabangsa atau *International Rubber Regulation*.⁷⁵ Keadaan hanya pulih seperti sebelum zaman kemelesetan sekitar tahun 1935. Seperti mana yang dijanjikan oleh pihak majikan apabila harga getah mencecah 7d per paun maka upah buruh akan ditambahkan. Perkara ini akhirnya tercapai dan pihak

⁷² *Malaya: Malayan Statistics*, 1929, hlm. 167. Zaman Kemelesetan atau *The Great Depression* membawa kesan besar kepada keadaan ekonomi di seluruh dunia pada sekitar tahun 1930-an. Zaman kemelesetan ini berpunca daripada kejatuhan pasaran saham di Amerika Syarikat pada 29 Oktober 1929. Peristiwa ini dikenali sebagai *Wall Street Crash*. Kemelesetan ekonomi ini telah memberikan impak yang buruk kepada negara-negara perindustrian dan pengekspor bahan mentah. Perdagangan antarabangsa telah bertambah rumit serta pendapatan persendirian, harga barang dan hasil cukai juga mula merosot secara mendadak. Hal ini telah menyebabkan harga getah jatuh dengan banyak, satu keadaan yang tidak pernah berlaku sebelumnya. Lihat Nadaraja Kannan, "Kemelesetan Ekonomi Dunia, 1929- 1933: Kesan sosioekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu", Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Mei 2002, hlm. 91.

⁷³ *The Indian Pioneer*, 8 August 1930.

⁷⁴ *Annual Report of The Labour Department*, 1933, hlm. 13.

⁷⁵ Nadaraja Kannan, "Kemelesetan Ekonomi Dunia, 1929- 1933: Kesan sosioekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu", hlm. 97.

majikan menambahkan kadar upah secara puratanya 40 sen bagi buruh lelaki manakala 35 sen kepada buruh wanita.⁷⁶

3.2.2 Sektor Perkhidmatan Kerajaan

Dalam bahagian ini, perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama adalah perbincangan mengenai kalangan orang India yang terlibat dalam perkhidmatan kerajaan sebagai buruh. Kedua pula kalangan orang India yang terlibat dalam perkhidmatan kerajaan sebagai kalangan professional termasuk kerja-kerja perkeranian, perubatan dan pendidikan.

3.2.2.1 Perburuhan

Selain sektor perladangan, orang India turut menjadi buruh dalam perkhidmatan kerajaan terutamanya dengan jabatan-jabatan kerajaan seperti *Sanitary Board*, Kereta Api dan Kerja Raya. Sebagaimana buruh-buruh ladang, buruh-buruh dalam perkhidmatan kerajaan turut dibawa masuk dengan menggunakan sistem kontrak. Walau bagaimanapun, keadaan mereka agak berbeza dengan keadaan buruh-buruh ladang yang terikat dengan sistem ladang yang ditetapkan, hidup di kawasan perumahan yang disediakan oleh pihak ladang. Bagi kalangan buruh ini, mereka akan tinggal di kuarters yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Di antara jabatan-jabatan kerajaan yang ada, orang India didapati agak menonjol sebagai buruh dalam Jabatan Keretapi. Perlu juga untuk disebut bahawa, selain buruh, orang India yang terlibat di dalam kerja-kerja membina landasan dan kerja-kerja penyelenggaraan, terdapat juga kalangan orang India yang terlibat dengan kerja-kerja teknikal. Menjelang tahun 1900, terdapat kira-kira 325 orang buruh kontrak India di Selangor yang diambil bekerja di Jabatan Kereta Api.⁷⁷ Perkara ini menjadi titik tolak

⁷⁶ *Annual Report of The Labour Department*, 1935, hlm. 29.

⁷⁷ SUK SEL. 2580/1901, Report on Indian Immigration Department for 1900, 25.04.1901.

penting kepada peningkatan kemasukan buruh India dalam sektor kerajaan negeri Selangor.

Selain Jabatan Keretapi, kalangan orang India turut mengisi pekerjaan dengan Jabatan Kerja Raya. Mereka terlibat dalam kerja-kerja membina jalan raya di Selangor. Jalan kereta api dan jalan raya merupakan infrastruktur penting yang menjadi keutamaan pentadbiran British di Selangor. Untuk “membuka” Selangor kepada eksploitasi ekonomi secara menyeluruh, maka satu jaringan sistem perhubungan dan pengangkutan perlu dilakukan. Ketiadaan jalan darat yang baik sebelum kedatangan British ke Selangor sedikit sebanyak menyukarkan usaha ini. Ini kerana masyarakat tempatan lebih banyak bergantung kepada jalan air sebelumnya. Oleh yang demikian, dalam memastikan hal ini berlaku, maka buruh-buruh yang murah diperlukan. Buruh-buruh India menepati kriteria tersebut. Selain itu, mereka mempunyai kemahiran dalam melakukan kerja-kerja lasak. Perkara ini disebut oleh K.S.Sandhu yang mengatakan;


They preferred Madrasis for all works on such projects road and railway constructions. The State Engineer Selangor, for instance had no doubts that the Madrasis were specially adapted for road making and were the best Metal Breakers.⁷⁸

Perkembangan pesat bandar-bandar di Selangor menyebabkan satu sistem pentadbiran bandar diwujudkan seperti *Sanitary Board Kuala Lumpur* yang ditubuhkan pada tahun 1890 dan menjadi ikutan kepada bandar-bandar lain kemudiannya. Badan ini sebenarnya bertanggung jawab menguruskan bandar dan pelbagai aspek yang berkaitan dengan perkembangan di bandar dikendalikan oleh badan ini termasuk dalam hal-hal berkaitan dengan kebersihan dan kesejahteraan bandar. Kalangan buruh diambil untuk melaksanakan pelbagai tugas sama ada dalam mengutip dan menguruskan sampah,

⁷⁸ Kernal Singh Sandhu, *Indians in Malaya : Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, hlm. 57.

pembentukan dan sebagainya. Pada tahap awal, buruh-buruh Cina digunakan, namun kemudiannya, buruh-buruh India diambil di dalam menjalankan tugas ini.⁷⁹

Gambar 3.4: Buruh-Buruh India Sedang Membaiki Jalan di Kuala Lumpur



Sumber: Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian community in Malaysia*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm 55.

⁷⁹ Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, 'Sanitary Board' Kuala Lumpur: Peranan dan Pentadbiran, 1890-1914, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2001, hlm. 5.

**Jadual 3.10: Jumlah Bilangan Buruh India dalam
Jabatan Kerja Raya di Selangor, 1929-1937**

Tahun	India	Cina	Jawa	Lain-lain	Jumlah	Peratusan Buruh India
1929	2,427	39	74	184	2,724	89.10%
1930	2,725	15	68	236	3,044	89.52 %
1931	2,415	15	98	215	2,743	88.04 %
1932	1,882	49	115	138	2,184	86.17 %
1934	2,118	17	221	167	2,523	83.95 %
1935	2,201	17	209	165	2,592	84.92 %
1936	2,455	20	193	185	2,853	86.05 %
1937	2,496	22	154	254	2,926	85.30 %

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1929-1937

Kepentingan dan penglibatan besar orang India sebagai buruh dengan pelbagai jabatan kerajaan di Selangor dipaparkan dalam Jadual 3.10. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.10 ini, jelas dominasi buruh India terutamanya dalam tempoh tahun 1929 hingga 1937 apabila menguasai antara 83% hingga 89% jumlah buruh jika dibandingkan dengan buruh Cina, Jawa dan lain-lain. Kadar peratusan tersebut sememangnya cukup besar dan menjadi bukti paling nyata mengenai kedudukan orang India dalam “sejarah perburuhan” di Selangor.

Jadual 3.10 menunjukkan jumlah buruh India dalam jabatan kerja raya di Selangor. Kepentingan dan kedudukan buruh-buruh India dalam jabatan-jabatan kerajaan semakin ketara apabila meneliti jumlah buruh secara terperinci termasuk di *Sanitary Board* di Selangor. Jadual 3.11 memaparkan hal ini yang menunjukkan jumlah buruh di *Sanitary Board* di Selangor antara tahun 1930-1938. Kadar peratusan antara 86% hingga 94% membuktikan dominasi buruh-buruh India dalam perkhidmatan *Sanitary Board* ini.

Jadual 3.11: Jumlah Bilangan Buruh Kerajaan dalam *Sanitary Board* di Selangor, 1929-1938

Tahun	India	Cina	Java	Lain-lain	Jumlah	Peratusan Buruh India
1929	1,400	70	7	34	1,511	92.65%
1930	1,498	70	7	38	1,613	92.87 %
1931	1,511	54	4	38	1,607	94.02 %
1932	1,376	49	6	51	1,482	92.85 %
1934	1,288	47	8	83	1,426	90.32 %
1935	1,266	47	3	105	1,421	89.09 %
1936	1,246	45	6	129	1,426	87.38 %
1937	1,216	42	2	141	1,401	86.80 %
1938	1,484	48	78	108	1,718	86.38 %

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1929-1938

Selain *Sanitary Board* di Selangor, Jabatan Kereta api dan Jabatan Kerja Raya juga merupakan antara jabatan yang memperlihatkan dominasi buruh-buruh India. Sebagai antara negeri paling awal yang membangunkan sistem perhubungan termasuk sistem kereta api dan jalan raya, maka jelas sekali keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan buruh sangat tinggi. Buruh-buruh diperlukan untuk membersihkan kawasan, menebang hutan, membuat jalan raya dan jalan kereta api serta tugas-tugas penyelenggaraan.⁸⁰

Pemberian upah kepada buruh-buruh India yang bekerja dalam sektor perkhidmatan awam adalah berbeza dengan buruh-buruh yang terlibat dalam sektor perladangan. Mereka akan menerima upah dari 27 sen hingga 35 sen sehari secara maksimum. Bagi golongan lelaki, mereka akan diberikan upah yang tidak kurang daripada 27 hingga 35 sen sehari sahaja. Upah asas buruh wanita pula ialah 20 sen hingga 30 sen sehari sahaja.⁸¹ Jabatan *Sanitary Board* negeri Selangor pula membayar upah sebanyak 40 sen sehari kepada semua buruh India. Pembayaran ini turut tertakluk kepada

⁸⁰ Lihat Lampiran 1 yang menunjukkan dominasi buruh-buruh India di Jabatan Keretapi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Perlu dijelaskan, berbanding negeri-negeri Perak, Pahang dan Negeri Sembilan, kadar pembangunan sistem keretapi dan jalan raya di Selangor adalah lebih baik. Meskipun angka-angka yang ditunjukkan adalah mengenai NNMB, namun sebahagian besarnya adalah merujuk kepada Selangor.

⁸¹ Terms to the offered to Kanganies who are sent to recruit Tamil Coolies for the Public Work Department, 10.06.1910, SUK SEL 2691/ 1910

komitmen kerajaan dalam sesebuah projek. Buruh-buruh India yang bekerja di jabatan kereta api akan diberikan upah dari 20 sen hingga 35 sen sehari.⁸²

3.2.3 Perkhidmatan Awam Bukan Buruh

Selain kalangan buruh yang bertugas di jabatan-jabatan kerajaan, terdapat juga kalangan orang India yang bekerja sebagai kakitangan awam dalam pelbagai kapasiti di Selangor. Mereka diambil di dalam skim *Malayan Civil Service* (MCS).⁸³ Meskipun demikian, pengambilan orang India (serta orang Asia lain) untuk menjawat jawatan-jawatan di dalam skim ini menerima bantahan termasuk oleh kalangan pegawai-pegawai British sendiri yang merasakan bahawa tindakan mengambil orang Asia (India, Cina dll) merupakan satu tindakan tidak bijak dan pegawai-pegawai Eropah tidak berminat untuk bekerja setaraf dengan orang Asia ini. Hal ini turut disebut oleh Residen Jeneral bagi NNMB Frank Swettenham yang menyatakan pengambilan kakitangan bukan Eropah akan menjejaskan kecekapan pentadbiran kerajaan.⁸⁴

Perkembangan ini menyebabkan pentadbiran British memperkenalkan satu lagi skim iaitu *Higher Subordinate Class Scheme* kemudiannya ia dikenali sebagai *Malay Administrative Service* (MAS) pada tahun 1910. Skim ini memberikan keutamaan kepada orang Melayu untuk diambil menjawat jawatan-jawatan bawahan termasuk kerani Gred III di dalam perkhidmatan awam. Pada masa yang sama, jawatan ini juga dibuka kepada orang bukan Melayu.⁸⁵ Selain kerani Gred III, terdapat juga jawatan-jawatan lain termasuk yang mengendalikan kerja-kerja teknikal, pengajaran sekolah, penyeliaan perubatan serta kerja-kerja pentadbiran. Semua jawatan ini turut terbuka kepada semua

⁸² *Annual Report of The Labour Department*, 1935, hlm, 30.

⁸³ High Commissioner's Office File, Minutes of Conference of Residents, 422/1904.

⁸⁴ Surat drpd. Governor Anderson to Lyttleton, 17.08.1904, C.O.273/300

⁸⁵ Rajakrishnan Ramasamy, *Sojourners to Citizens: Sri Lankan Tamils in Malaysia, 1885-1965*, Michigan: The University of Michigan, 2008, hlm. 82.

orang, tanpa mengira keturunan.⁸⁶ Maka di sini, orang India dapat menduduki jawatan bawahan dalam sektor-sektor kerajaan.

Isu mengenai pengambilan penjawat awam daripada kalangan orang Asia (India, Ceylon dan Cina) bagi menjawat jawatan-jawatan yang lebih tinggi menjadi isu hangat yang dibahaskan oleh pelbagai pihak. Ini termasuklah perbahasan di dalam mesyuarat Majlis Perundangan pada tahun 1924. Isu ini telah dibahaskan oleh tiga orang ahli majlis iaitu Tan Cheng Lock, Nambyar dan Tenssensohn. Ketiga-tiganya menegaskan betapa adalah satu kerugian kepada kerajaan kerana enggan menerima mereka yang mempunyai kebolehan, namun disekat daripada diambil bekerja di dalam kerajaan.⁸⁷

Setelah mendengar semua perbahasan ini, pihak pentadbiran British masih mengekalkan syarat-syarat yang sedia ada dan tidak mengubahnya. Mereka tetap berpegang teguh dengan rang peraturan yang diimplentasikan pada tahun 1904 atas alasan untuk mengekalkan kesaksamaan dan keseimbangan kaum dalam pentadbiran kerajaan. Ini bermakna, di dalam pentadbiran kerajaan di seluruh NNMB adalah berdasarkan ketetapan yang sedia ada. Tan Cheng Lock melahirkan rasa kecewanya dan ini disiarkan di dalam artikel yang diterbitkan oleh *The Straits Times*:

The position is the since 1904 rule has been those candidates for the cadet branches of the Malayan Civil Services, must be European descent, and the Government replies yesterday indicated that there is no intention of changing the rule. According to Mr. Tan Cheng Lock and those supported him this is a matter of keen disappointment.⁸⁸

Meskipun begitu, bagi jawatan-jawatan peringkat rendah termasuk kerani, *dresser* dan seumpamanya, kalangan orang Asia (India, Ceylon dan Cina) didapati terus diambil sebagai kakitangan kerajaan. Dalam jawatan kerani di jabatan-jabatan kerajaan misalnya, penguasaan orang India sebenarnya agak menonjol.

⁸⁶ Ibid., hlm. 84.

⁸⁷ *Malay Mail*, 16 April 1924.

⁸⁸ *The Straits Times*, 15 April 1924.

3.2.3.1 Sektor Perubatan

Satu lagi sektor penting yang memperlihatkan penglibatan kalangan orang Tamil ialah perubatan. Meskipun begitu, dalam sektor ini, perbincangan tidak melihat kepada kalangan yang memegang jawatan sebagai doktor sebaliknya lebih kepada kalangan yang menjawat jawatan seperti *dresser* (pembantu doktor) mahupun *apothecary* (pegawai farmasi).

3.2.3.1.1 *Dresser* atau Pembantu Doktor

Orang India terutama orang Tamil memainkan peranan yang besar dalam sektor perubatan di negeri Selangor terutamanya sebagai *apothecary* atau pegawai farmasi dan *dresser* atau pembantu doktor. Dalam tempoh sebelum merdeka, kebanyakan jawatan ini dipegang oleh orang Tamil. *Dresser* atau pembantu doktor melakukan rawatan kecederaan ringan serta membantu doktor semasa pembedahan di hospital. Mereka akan bekerja di hospital kerajaan serta hospital ladang. Walau bagaimanapun, penglibatan mereka dapat dilihat secara lebih menonjol di hospital ladang kerana hospital ladang tidak mempunyai doktor yang tetap. Walaupun *dresser* perlu bekerja di bawah arahan doktor yang berdaftar tetapi mereka bertanggung jawab merawat pesakit sewaktu ketiadaan doktor yang hanya akan datang secara berkala di hospital ladang.⁸⁹

Pelantikan *dresser* telah dibahagikan tiga gred iaitu gred I, dan II iaitu jawatan berpencen dan gred III iaitu pelantikan yang tidak berpencen. Setiap pemohon jawatan *dresser* mesti berumur 16 hingga 23 tahun sahaja. Mereka juga perlu lulus dalam peperiksaan darjah tujuh bagi melayakkan diri mereka ke jawatan ini. Golongan *dresser* yang berada dalam tahap percubaan selama 12 bulan layak untuk memohon ke gred III melalui peperiksaan yang dihendalkan oleh *State Surgeon*. Bagi *dresser* yang berada dalam gred III pula, layak untuk naik ke gred II dengan kenaikan gaji selepas

⁸⁹Bill for The Registration of Dresser and Hospital Assistants, 11.6.1937, SUK SEL 621/1937.

menghabiskan tempoh pekerjaan mereka selama 12 bulan dalam gred tersebut tetapi mereka harus lulus dalam peperiksaan fizikal terlebih dahulu. Bilangan jawatan dalam gred I di setiap negeri adalah terhad. Sekiranya ada kekosongan, ia akan diisi dengan golongan *dresser* yang bergred II. Dalam mengisi jawatan ini, pertimbangan akan dilakukan mengikut merit dan golongan *dresser* tidak akan dinaikkan pangkat ke Gred I jika mereka tidak lulus peperiksaan pertama untuk menunjukkan bahawa mereka mempunyai kelayakan yang diperlukan. Mereka yang bekerja sebagai *dresser* bergred III akan menerima gaji sebanyak \$ 480 hingga \$ 660. Gaji bagi golongan *dresser* bergred II adalah sebanyak \$ 720 hingga \$ 1,140 manakala golongan *dresser* gred I akan memperoleh gaji sebanyak \$ 1,200 hingga \$ 1,800. Bagi golongan *dresser* yang masih berada pada tahap percubaan juga diberikan gaji sebanyak \$ 360. Semua gred *dresser* kecuali *dresser* percubaan menikmati kenaikan gaji sebanyak \$ 60 setahun dengan syarat utama iaitu lulus peperiksaan yang diperlukan di bawah skim perubatan serta tempoh perkhidmatan mereka.

Jadual 3.12: Bilangan *Dresser* di Jabatan Perubatan, Selangor bagi tahun 1906

Kaum	Gred I	Gred II	Gred III	Percubaan Gred III	Jumlah
Tamil	10	6	10	-	26
Cina	-	4	-	-	4
Melayu	-	-	-	-	-
Eurasian	8	8	3	1	20

Sumber: Selangor Establishment List 1906, SUK.SEL 1765/1906.

Jadual 3.13: Bilangan *Dresser* di Jabatan Perubatan, Selangor bagi tahun 1909

Kaum	Gred I	Gred II	Gred III	Percubaan Gred III	Jumlah
Tamil	5	11	12	2	30
Cina	-	8	-	-	8
Melayu	-	3	-	-	3
Eurasian	4	16	1	3	24

Sumber: Dressers Selangor Medical Department, SUK.SEL 2219/1909.

Jadual 3.12 dan 3.13 merupakan senarai jumlah *dresser* di Jabatan Perubatan di Selangor pada tahun 1906 dan 1909. Kedua-dua jadual menunjukkan tren yang sama iaitu kalangan *dresser* terdiri daripada dua kelompok utama iaitu kalangan Tamil dan Eurasia (Serani). Orang Cina dan Melayu hanya memenuhi jumlah kecil sebagai *dresser*. Pada tahun 1906, daripada 50 orang *dresser*, 26 adalah Tamil, 20 adalah Serani dan hanya empat orang Cina. Pada tahun 1909 pula, daripada jumlah 65 orang *dresser*, 30 adalah Tamil, 24 adalah Serani, lapan Cina dan tiga Melayu. Daripada sudut gred pula, pada tahun 1906, daripada 26 orang *dresser* Tamil, 10 adalah *dresser* gred I, enam di gred II dan 10 di gred III sementara pada tahun 1909, daripada jumlah 30 orang *dresser* Tamil, lima orang di gred I, 11 orang di gred II dan 12 orang di gred III. Selain itu, terdapat dua orang di gred percubaan. Adalah jelas, dua kelompok masyarakat ini iaitu Tamil dan Serani begitu menonjol sebagai *dresser*.⁹⁰

Penglibatan orang Tamil dalam jawatan *dresser* dilihat sebagai satu perkara yang cukup signifikan. Sebahagian besar yang datang ke Selangor memohon sebagai *dresser* telah sedia mempunyai pengalaman dan merupakan lulusan Kolej Perubatan Madras, India.⁹¹ Setelah menamatkan pelajaran, mereka terus memulakan latihan perubatan dalam jabatan perubatan dengan berkhidmat di premis-permis kesihatan termasuk hospital dan klinik untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun. Selepas itu, barulah mereka akan memohon jawatan pembantu hospital di negeri Selangor. Dengan adanya kelulusan serta pengalaman, peluang mereka untuk diterima bekerja sebagai *dresser* cukup besar terutamanya di hospital ladang.⁹²

⁹⁰ Satu analisa yang lebih terperinci sebenarnya dapat dilakukan untuk melihat dominasi Tamil dan Serani sebagai *dresser* ini sekiranya terdapat maklumat yang lebih baik. Malangnya, usaha untuk mendapatkan kadar atau jumlah pada tahun-tahun lain menemui kegagalan.

⁹¹ Kolej Perubatan Madras telah ditubuhkan pada tahun 1835 yang pada asalnya merupakan sebuah kolej perubatan swasta yang didirikan oleh Dr. William Mortimer. Lihat "Truth & Legend of the Madras Medical College", dlm. <https://www.timesofindia.com>, diakses pada 1 Julai 2023.

⁹² Thillaiapalam Selvaratnam and Sinnapoo Apputhurai, *Legacy of the Pioneers: 125 Years of the Jaffna Tamils in Malaysia*, hlm., 49.

3.2.3.1.2 *Apothecary* atau Ahli Farmasi

Selain *dresser*, orang Tamil turut ketara dalam memegang jawatan sebagai *apothecary* atau ahli farmasi. Bagi kalangan Tamil mereka merupakan lulusan Kolej Perubatan Madras, India. Di Selangor, mereka bukan sahaja ditempatkan di hospital kerajaan tetapi juga di hospital ladang dan bukan sekadar terlibat dengan ubat-ubatan semata-mata, malah turut bertindak merawat pesakit.

Mereka yang bekerja sebagai *apothecary* dibahagikan kepada dua kelas iaitu kerajaan dan bukan kerajaan. *Apothecary* kerajaan akan menerima gaji sebanyak \$100 manakala *apothecary* bukan kerajaan akan menerima \$150 pada waktu pelantikan mereka. Selepas itu, gaji mereka akan dinaikkan mengikut tempoh perkhidmatan mereka. Golongan kerajaan yang telah menghabiskan tempoh perkhidmatan melebihi 3 tahun akan diberikan gaji sebanyak \$150 manakala golongan bukan kerajaan akan menerima sebanyak \$200. Kedua-kedua kelas *apothecary* boleh menikmati kenaikan gaji sehingga \$ 150.⁹³

Sebagaimana *dresser*, kalangan *apothecary* turut penting dalam sejarah perubatan di negara ini. Dalam konteks negeri Selangor, kedudukan mereka pastinya lebih ketara kerana perlu menangani jumlah pesakit yang lebih besar termasuk di hospital ladang. Hospital di Selangor termasuk hospital ladang tidak dapat beroperasi dengan baik tanpa adanya kalangan pembantu seperti *dresser* dan *apothecary* ini. Sementara di hospital ladang pula, peranan mereka semakin penting kerana kehadiran doktor yang berkala dan mereka perlu menangani kes-kes kesihatan sewaktu ketiadaan doktor. J.H.M Robson pernah menyebut mengenai kepentingan mereka dalam tulisannya. Malah beliau telah mengemukakan dua kes mengenai kepentingan golongan ini dalam melakukan rawatan kepada pesakit, termasuk dalam kes-kes kecemasan sewaktu ketiadaan doktor. Kes

⁹³Scheme for Assistant Surgeon, Apothecaries and Dressers, 18.7.1904, SUK SEL 4536/1904.

pertama melibatkan seorang lelaki yang cedera ditembak dalam satu kes rompakan. Beliau telah dibawa ke hospital namun ketiadaan doktor menyebabkan seorang *apothecary* Tamil yang bertugas membuat pemeriksaan dan mendapati bahawa peluru yang ditembak di perut lelaki tersebut telah menembusi badannya dan tersekat di bahagian punggung. Menyedari keadaan kritikal, beliau telah melakukan pembedahan kecil dan berjaya mengeluarkan peluru tersebut. Kemahiran dan kecekapan *apothecary* tersebut berjaya menyelamatkan nyawa pesakit.⁹⁴

Kes kedua pula melibatkan seorang lelaki yang cedera parah kerana ditetak dengan senjata tajam. Beliau merupakan seorang mandur namun perselisihan faham dengan salah seorang pekerjaanya menyebabkan beliau diserang dan ditetak hingga menyebabkan beliau mengalami kecederaan yang sangat parah. Beliau telah dibawa ke hospital oleh pihak polis dan ditangani oleh seorang *apothecary* yang bertugas. Ketiadaan doktor ketika itu menyebabkan beliau membuat rawatan segera kerana keadaan pesakit yang kritikal. Malahan, kekurangan kakitangan menyebabkan beliau terpaksa memohon bantuan seorang anggota polis untuk membantunya merawat pesakit. Luka di bahagian kepala dan badan dijahit dengan cermat dan kemas dan telah membantu menyelamatkan nyawa pesakit.⁹⁵

3.2.3.2 Sektor Pendidikan

Kalangan orang India turut memainkan peranan sebagai guru di sekolah-sekolah vernakular serta sekolah Inggeris. Kewujudan sekolah-sekolah aliran Tamil terutama di kawasan ladang di Selangor sememangnya memerlukan guru-guru Tamil bagi menggalas tugas di sekolah tersebut. Selain itu, kalangan guru-guru India turut mengajar di sekolah-

⁹⁴J.M.Gullick (ed.), *J.H.M. Robson, Records and Recollections 1889-1934*, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2001, hlm. 78-79.

⁹⁵ Ibid., hlm. 77-78.

sekolah aliran Inggeris. Kelulusan yang baik yang mereka miliki yang kebanyakannya diterima sama ada di India atau di Sri Lanka melayakkan mereka memegang jawatan sebagai guru.

Guru Tamil di sekolah vernakular boleh dibahagikan kepada empat kelas iaitu kelas I, II, III dan IV. Guru kelas I akan menerima gaji sebanyak \$360 setahun atau \$30 sebulan mengikut pengalaman dan tempoh pekerjaan mereka. Mereka akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang mempunyai kadar kehadiran sebanyak 80 dan ke atas. Guru-guru kelas II pula akan menerima gaji sebanyak \$270 setahun atau sebanyak \$22.50 sebulan. Untuk melayakkan diri ke kelas II ini, guru-guru yang dalam kelas III harus mempunyai rekod perkhidmatan lima tahun ke atas. Selain itu, mereka juga harus mempunyai sijil perguruan yang memuaskan bagi tiga tahun yang terakhir mereka. Guru-guru kelas III menerima gaji sebanyak \$216 setahun. Mereka harus berkhidmat selama lima tahun serta mempunyai sijil perguruan yang memuaskan bagi tiga tahun terakhir. Guru-guru India yang berada dalam kelas IV akan menerima gaji sebanyak \$180 setahun. Semua guru di sekolah vernakular merupakan guru-guru yang tidak berpencen. Kenaikan pangkat dalam semua kelas akan bergantung pada merit, prestasi dan kecekapan mereka menjalankan tugas. Bagi guru yang mempunyai prestasi yang kurang memuaskan, mereka bukan sahaja akan diturunkan ke kelas yang lebih rendah, malah gaji mereka juga akan dikurangkan sejajar dengan kelas mereka.⁹⁶

⁹⁶Proposed Scheme for Training and The Salaries of Vernacular School Teacher, 5.7.1913, H.C.O 1070/1913

Jadual 3.14: Bilangan Guru Tamil yang berkhidmat di Sekolah Inggeris, Selangor 1922-1932

Tahun	Bilangan Guru
1922	54
1923	55
1925	70
1926	78
1927	71
1931	79
1932	84

Sumber: Annual Report of Education Department, Selangor, 1922-1932

Kebanyakan pemegang jawatan guru di sekolah-sekolah Tamil serta sekolah Inggeris ialah guru-guru India.⁹⁷ Apabila sekolah-sekolah Inggeris ditubuhkan, keperluan guru amat diperlukan bagi menjadi guru di sekolah-sekolah ini. Pihak British mendapati terdapat kalangan Tamil yang mempunyai kelulusan serta kebolehan dalam bidang ini dan mereka diambil untuk mengisi ruang-ruang kosong yang ada. Sekolah-sekolah Inggeris di Selangor juga mengambil kalangan Tamil sebagai guru. Misalnya di Victoria Institution yang merupakan antara sekolah Inggeris utama di Kuala Lumpur mempunyai kalangan guru Tamil yang besar jumlahnya.⁹⁸ Kisah Ramalingam Thambipillay merupakan satu daripada sekian banyak kisah mengenai guru India di Selangor. Ramalingam Thambipillay telah mendapat pendidikan di Victoria Institution. Selepas menamatkan persekolahannya, beliau telah diterima sebagai seorang guru pada 1 Januari 1898. Bermula sebagai guru pelatih, beliau kemudiannya telah berjaya meningkatkan kariernya dan menjadi guru kelas I pada 1 April 1924. Berikutnya, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Guru Besar Victoria Institution serta turut terlibat dengan pelbagai aktiviti kesukarelawanan.⁹⁹ Beliau telah bersara pada 10 Julai 1932 setelah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan selama 34 ½ tahun. Daripada 34 ½ tahun, Ramalingam Thambipillay menghabiskan 32 tahun sebagai guru di Victoria Institution. Atas

⁹⁷Placing of English School Teachers on the Pensionable Establishment, 24.1.1938. SUK.SEL 260/1938

⁹⁸ Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in Malaysia*, hlm. 21.

⁹⁹Presentation of Imperial Service Medal to Mr. R. Thambipillay, 11.10.1932, SUK. SEL 2362/ 1932.

sumbangan beliau, pihak kerajaan telah menganugerahkan Pingat Perkhidmatan Diraja pada 11 Oktober 1932 bagi mengenang segala jasa-jasanya.¹⁰⁰ Kisah Ramalingam Thambilippay merupakan segelintir daripada kisah seorang guru India yang berjaya mencapai kedudukan yang cukup cemerlang dalam perkhidmatannya.

3.2.3.3 Sektor Perniagaan

Selain sektor-sektor yang dibincangkan sebelum ini, bahagian terakhir ini melihat kedudukan serta penglibatan orang India dalam perniagaan. Meskipun jumlah serta penglibatan mereka tidak sebesar orang Cina, namun sebilangan orang India sememangnya terlibat dalam aktiviti ini. Daripada sekian banyak kalangan orang India yang terlibat dalam perniagaan, aktiviti kalangan Chettiar pasti yang paling menarik perhatian. Kalangan Chettiar dikenali kerana aktiviti mereka dalam memberi pinjaman wang. Pengenalan dasar *laissez faire* atau kebebasan ekonomi membolehkan kalangan Chettiar menjalankan perniagaan tanpa sebarang bentuk campur tangan telah membolehkan mereka meningkatkan aktiviti pemberian pinjaman mereka sehingga menjadi salah satu golongan India yang paling dominan dalam ekonomi Tanah Melayu serta ekonomi Selangor.¹⁰¹

Pada tahap awal, Chettiar menjalankan aktiviti pinjaman wang dalam skala kecil. Mereka mengumpulkan wang modal melalui dua sumber. Pertama adalah sumber dalaman yang diperolehi daripada ahli-ahli dalam komuniti Chettiar sendiri serta pelaburan wang yang dilakukan di Madras, Burma dan negara-negara Asia lain. Sumber kedua iaitu sumber luaran apabila mereka mendapat pinjaman wang dari bank-bank British mahupun daripada kalangan korporat Cina serta wang keuntungan pelaburan

¹⁰⁰Ibid.

¹⁰¹ Ummadevi Suppiah dan Sivachandralingam Sundara Raja, *The Chettiar Role in Malaysia's Economic History*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016, hlm. 31.

dalam bidang perladangan di Tanah Melayu.¹⁰² Melalui dua sumber ini, golongan Chettiar berjaya mengumpulkan wang modal sebanyak \$10,000 serta menubuhkan sebanyak 71 syarikat yang berlokasi di NNMB serta NNS. Daripada 71 syarikat ini, 52 telah ditubuhkan di daerah Klang, Selangor.¹⁰³

Sejak awal tahun 1930-an, kalangan Chettiar telah mengambil berapa usaha-usaha dalam memodenkan aktiviti pinjaman kewangan mereka dalam keadaan ekonomi yang merundum termasuk mewujudkan sebuah bank. Usaha ini berjaya membuahkan hasil pada tahun 1930 iaitu Rajah Sir Annamalai Chettiar telah berjaya menubuhkan sebuah bank yang dikenali sebagai *Chettinad Bank Limited* di Kuala Lumpur. Pada asalnya, Rajah Sir Annamalay Chettiar yang berasal dari India telah berdagang di Selangor dan tempat-tempat lain di bawah firma atau nama S.R.M.M.A Annamalay Chettiar. Hasil daripada pemindahan semua modal daripada aktiviti pinjaman serta ladang-ladang getah miliknya telah mendorong beliau untuk membuka sebuah bank. Bank ini telah didaftarkan di bawah " *The British and Foreign Companies Enactment, 1912*" yang premis perniagaannya terletak di Holland Road, Kuala Lumpur. Secara keseluruhannya, modal bank bernilai sebanyak \$354, 500.¹⁰⁴ Ketika ini, jumlah ini merupakan satu jumlah yang besar.

Golongan Chettiar mempunyai ramai pelanggan yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat seperti Melayu, Cina serta golongan India yang lain. Mengikut konteks ini, masyarakat Cina dikenal pasti sebagai golongan yang banyak meminjam daripada golongan Chettiar di negeri Selangor. Dari tahun 1850 hingga 1920, orang Cina amat aktif dalam sektor perlombongan bijih timah di Selangor. Dasar ekonomi komersial yang diimplentasikan oleh pihak British telah menggalakkan orang Cina untuk

¹⁰² Ibid., hlm. 17.

¹⁰³ Resolution Passed At A General Meeting At Nattukkottai Chettiars, 5.5.1930, SUK SEL 2549/1930

¹⁰⁴ Enquires What Stamp Duty Is Payable on Certain Transfers To Be Excuted By Raja Sir Annamalay Chettiar, 17.06.1930, SUK.SEL 1230/1930

melibatkan diri mereka dalam sektor perlombongan. Empat per lima daripada pendapatan ekonomi negeri Selangor telah diperoleh daripada aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh kapitalis Cina.¹⁰⁵ Aktiviti-aktiviti ini turut membantu orang Cina untuk mengumpul wang modal yang mencukupi untuk membolehkan mereka melabur dalam sektor perlombongan bijih timah.

Walau bagaimanapun, ketidakstabilan harga bijih timah di pasaran dunia kerap kali menjadi masalah kepada kalangan pengusaha Cina ini. Apabila harga bijih timah jatuh, mereka mengalami kerugian yang teruk dan dalam keadaan ini, mereka kerap kali membuat pinjaman daripada kalangan Chettiar:

That your humble petitioners have left their homes in China and have come this state to carry out mining operations. That your humble petitioners have borrowed money from the Chetties.¹⁰⁶

Antara tokoh-tokoh pengusaha Cina yang meminjam wang daripada Chettiar termasuklah Yah Ah Loy. Beliau merupakan seorang pengusaha yang terkenal dalam sektor perlombongan dengan berjaya mendapatkan konsesi perlombongan di Kuala Lumpur. Apabila Yah Ah Loy memerlukan bantuan kewangan, beliau membuat pinjaman wang daripada K.V.A.L. Alaggapa Chetti. Beliau menandatangani nilai kewangan sebanyak \$ 15,000 dengan menggunakan surat pajakan dan memperoleh wang pinjaman sebanyak \$2,000 dari kerajaan negeri Selangor pada tahun 1892.¹⁰⁷ Semasa Yap Ah Loy menghadapi krisis kewangan akibat ketidakstabilan harga bijih timah, beliau telah melakukan pinjaman wang dengan menggadaikan pajakan perlombongan beliau kepada golongan Chettiar.¹⁰⁸

¹⁰⁵ Emily Sadka, *The Protected Malay States, 1874-1895*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016, hlm. 332.

¹⁰⁶ Letter from a group of businessmen and clan business owners to the British Resident of Selangor, 14.5.1897, Chinese MISC 2642/1897

¹⁰⁷ A letter from Alagappa Chitty to the Selangor Government, 20.1.1892, Chinese MISC 478/1897

¹⁰⁸ Ummadevi Suppiah dan Sivachandralingam Sundara Raja, *The Chettiar Role in Malaysia's Economic History*, hlm. 83.

Segelintir orang India juga berjaya muncul sebagai kalangan peniaga dan pengusaha yang berjaya. Antaranya ialah Tamboosamy Pillai. Setelah bersara daripada jawatan kerani di Pejabat Perbendaharan Negeri Selangor pada tahun 1889, beliau mula melibatkan diri dalam sektor perlombongan. Sebagai langkah awal, beliau mengambil alih sebuah syarikat perlombongan iaitu New Rawang Tin Company yang ditubuhkan pada 26 August 1887. Penglibatan Tamboosamy Pillai dalam sektor perlombongan ini telah mendorong Loke Yew untuk menjalinkan persahabatan sesama mereka dan persahabatan ini menjadi titik tolak penting kepada konsep perkongsian modal.¹⁰⁹

The sum he received each year from the Selangor Government were substantial, including as much as \$ 450 000 in 1902. Moreover, his partner Thamboosamy Pillai- with his coffee estates around Klang and large tracts of real estate in Kuala Lumpur.¹¹⁰

Pada tahun 1918, Loke Yew dan Tamboosamy Pillai telah memiliki tanah perlombongan sebanyak 6,024 hektar bersama 13, 459 buruh serta 1,603 bersama 565 buruh masing-masing di kawasan mukim Ulu Klang.¹¹¹ Pada tahun 1893, Loke Yew, Thamboosamy Pillai, Wong Chi Sew dan Kiong Oh Joo turut memohon sebanyak 100 hektar tanah perlombongan di Simpah, Kuala Lumpur.¹¹² Pada tahun 1901, kedua-kedua rakan baik ini terus mengekalkan kerjasama mereka dengan memohon 75 hektar tanah lombong di Serendah.¹¹³ Bukan itu sahaja, Tamboosamy Pillai turut memperkenalkan beberapa orang Chettiar di Selangor kepada Loke Yew untuk memudahkan beliau meminjam wang atas tujuan pelaburan modal.¹¹⁴ Hasil daripada hal ini, Loke Yew dapat berkenalan dengan seorang Chettiar yang juga agak terkenal iaitu S.A.S. Chellapa Chetty. Beliau merupakan seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan ahli Lembaga Kebersihan

¹⁰⁹ Ibid.

¹¹⁰ Rajeswary Ampalavanar Brown, *Capital dan Entrepreneurship in South East Asia*, London: Palgrave Macmillan, 1994, hlm. 86.

¹¹¹ Renewal of Mining Rights of MS. 367 Ulu Klang Execution of the Estate of Loke Tew and K. Tamboosamy Pillai, 6.3.1918, SUK.SEL 1099/1918.

¹¹² Recommend an Application from Loke Yew, Thamboosamy Pillai, Wong Chi Sew dan Kiong Oh Joo for 100 acres mining rights in Kuala Lumpur, 19.6.1893, Chinese Secretariat 3616/93.

¹¹³ Application of Messers. Cumming, Loke Yew and Tamboosamy Pillai for mining rights at Serendah, 4.12.1901, SUK.SEL 7020/1901.

¹¹⁴ Rajeswary Ampalavanar Brown, *Capital dan Entrepreneurship in South East Asia*, hlm. 86.

Kuala Lumpur. Konsep perkongsian modal bersama Tamboosamy Pillai dan persahabatan dengan Chettiar tidak hanya menambahkan konsensi lombong malah ia turut menyokong Loke Yew untuk melabur dalam sektor lain seperti pengurusan kereta api, perladangan getah dan urbanisasi.¹¹⁵

3.3. MASALAH DAN CABARAN KALANGAN PEKERJA INDIA

Kalangan pekerja India yang terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi di Selangor turut mengalami dan berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran. Berikut merupakan beberapa masalah dan cabaran tersebut.

3.3.1 Kelewatan Pembayaran Gaji

Antara masalah dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh kalangan pekerja India di Selangor terutama kalangan buruh ladang adalah kelewatan majikan membuat pembayaran gaji sebagaimana yang sepatutnya. Masalah ini merupakan masalah yang kerap kali diadukan kepada pihak berkuasa di Selangor. Banyaknya aduan yang diterima menyebabkan pihak berkuasa melakukan lawatan pemeriksaan bagi memantau keadaan tersebut. Misalnya, pada tahun 1927, sebanyak 144 lawatan pemeriksaan telah dijalankan di ladang getah serta 14 lawatan khas telah dilakukan di kawasan ladang yang berlokasi di Selangor. Kedua-kedua lawatan pemeriksaan ini dilakukan oleh Penolong Pengawal Buruh Daerah Klang. Daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 567 kes aduan telah dilaporkan di Pejabat Buruh Klang pada tahun 1927. Daripada 567 kes aduan, 414 kes iaitu kes aduan adalah tidak membayar gaji kepada buruh.¹¹⁶

Antara faktor penting yang telah dikenal pasti ialah sikap pihak majikan yang sentiasa menangguhkan pembayaran gaji. Kebanyakan majikan sering kali melewatkan

¹¹⁵ Ummadevi Suppiah dan Sivachandralingam Sundara Raja, *The Chettiar Role in Malaysia's Economic History*, hlm. 84.

¹¹⁶ Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1927, 27.02.1928, SUK SEL 490/1927.

pembayaran gaji sebagai alasan untuk memastikan buruh-buruh yang sedia ada tidak lari dan mencari pekerjaan di ladang lain. Selain itu, terdapat juga kes dimana majikan telah menyimpan gaji buruh-buruh mereka dalam tempoh yang lama. Walaupun tindakan mereka ini bertentangan dengan kod buruh dan kehendak para buruh tetapi mereka tetap melakukannya atas kepentingan mereka sendiri. Bagi kes aduan gaji ini, pejabat buruh akan menyelesaikan kes ini dengan berunding bersama pihak majikan yang terlibat. Sekiranya kes gaji tidak mampu diselesaikan secara perundingan maka ia akan dibawa ke mahkamah.¹¹⁷

3.3.2 Layanan Buruk

Ramai buruh India yang bekerja di ladang getah sering kali merasa tidak puas hati dengan pihak pengurusan ladang atas layanan buruk yang diberikan. Terdapat kalangan pengurusan yang meletakkan buruh seolah-olah “hamba” yang perlu mengikut dan mematuhi peraturan ketat yang dikenakan. Peraturan-peraturan di ladang adalah kuasa pihak ladang sepenuhnya dan dalam hal ini pihak berkuasa tidak mempunyai sebarang kuasa untuk campur tangan. Dalam keadaan inilah kalangan majikan melakukan penderaan fizikal termasuk tidak memberi rehat yang cukup kepada kalangan buruh. Mereka terpaksa memulakan kerja pada awal pagi dan hanya dibenarkan untuk balik ke rumah pada lewat petang. Adakalanya kerana kesalahan kecil, mereka akan dikenakan tindakan disiplin termasuk tidak dibayar gaji.¹¹⁸ Keadaan ini menyebabkan kehidupan di ladang memberi tekanan (*stress*) yang cukup besar kepada kalangan buruh hingga akhirnya mereka terpaksa mendapatkan “elemen luaran” bagi menghilangkan tekanan tersebut termasuk mengambil todi, samsu dan sebagainya.¹¹⁹

¹¹⁷ Harbans Kour, Jagar Singh, “Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan”, hlm. 68.

¹¹⁸ Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, hlm. 110.

¹¹⁹ Ibid., hlm. 111.

3.3.3 Perselisihan Sesama Sendiri

Perselisihan antara sesama pekerja bukanlah satu perkara yang asing terutama dalam kalangan buruh ladang. Perselisihan melibatkan kelompok yang berbeza terutamanya kalangan buruh Malayali dan Tamil, termasuk Jaffna Tamil sering kali membawa kepada kepada pertelingkahan yang lebih besar. Perlu untuk dijelaskan bahawa kalangan buruh Malayali dan Tamil ada kalanya diambil bekerja di satu-satu ladang. Selain di ladang, mereka juga bekerja sebagai buruh dengan jabatan-jabatan kerajaan termasuk di Jabatan Keretapi. Pada 15 Mei 1918, pihak berkuasa di Sentul menerima aduan mengenai perselisihan dan pergaduhan melibatkan beberapa kumpulan yang merasa tidak puas hati dengan tindakan-tindakan seorang kerani bernama Sivasampoo. Kumpulan yang terdiri daripada orang Jaffna Tamil telah menyerang Sivasampoo hingga menyebabkan beliau mengalami kecederaan. Malah rumah dan harta benda miliknya turut dirosakkan. Selepas kejadian ini, beberapa orang yang disyaki dengan kes ini telah ditangkap oleh polis di bengkel pusat kereta api Sentul. Tindakan kumpulan Jaffna Tamil ini telah menyebabkan keluarga serta kalangan orang Malayali yang menyokong Sivasampoo bertindak balas dengan melakukan gangguan kepada kalangan Jaffna Tamil. Mereka turut menggunakan senjata tajam hingga mengancam keselamatan kalangan Jaffna Tamil di Sentul.¹²⁰ Oleh kerana keadaan menjadi semakin tidak terkawal, pihak berkuasa telah bertindak dan melakukan siasatan. Penyiasatan yang dilakukan mendapati, perselisihan berlaku melibatkan kedua-dua kumpulan ekoran rasa tidak puas hati kalangan Jaffna Tamil yang kedudukan mereka lebih baik (kerana menjawat jawatan di dalam pengurusan bengkel keretapi di Sentul) terhadap kalangan Malayali yang merupakan kalangan buruh. Rasa kurang senang dan tidak puas hati sesama mereka akhirnya membawa kepada pergaduhan apabila seorang pekerja Malayali telah dipukul oleh ketua stesen kereta api yang merupakan seorang Jaffna Tamil. Maka, kedua-dua golongan telah bertindak balas

¹²⁰Strike between Indians and Jaffna Tamils at Central Workshops, 15.5.18, hlm.1. SUK SEL 2087/1918

sesama mereka. Akhirnya, kes ini berjaya diselesaikan dengan tindakan pihak polis. Mereka menangkap pihak-pihak yang menjadi punca kepada kekacauan termasuk orang Malayali dan Jaffna Tamil. Ketua stesen telah dikenakan saman atas kesalahannya yang memukul seorang buruh.¹²¹

Selain kes tersebut, terdapat pelbagai kes lain yang turut melibatkan pergaduhan dan perselisihan melibatkan Jaffna Tamil dan kalangan India Tamil. Walaupun kedua-dua etnik ini berkongsi tradisi dan budaya yang hampir sama tetapi perpisahan mengikut pekerjaan telah merenggangkan hubungan kedua-dua pihak. Dalam keadaan di Selangor, kalangan orang India Tamil lazimnya bekerja sebagai buruh dalam sektor perladangan getah mahupun kerajaan. Mereka sentiasa dipantau oleh golongan atasan khususnya pengurus ladang dan kerani. Pada masa itu, ramai orang Jaffna Tamil yang menduduki jawatan kerani di jabatan kerajaan dan buruh. Mereka selalu memberikan layanan yang buruk terhadap buruh-buruh India Tamil di tempat kerja. Oleh sebab ini, pertembungan antara kedua-dua etnik tidak dapat dielakkan.

Satu insiden yang berlaku di lokasi yang sama iaitu pusat bengkel kereta api Sentul telah menunjukkan pertembungan antara kedua belah pihak. Kejadian berlaku pada 23 April 1919. Seorang kerani Jaffna Tamil bernama S. Somasundram telah ditemui mati dibunuh di tempat kerja. Tuduhan pembunuhan ini telah dibuat oleh kerani-kerani Jaffna Tamil ke atas buruh-buruh India Tamil. Berdasarkan keadaan ini, pihak polis telah menangkap beberapa orang Tamil yang disyaki mempunyai kaitan dengan kes ini. Tindakan ini telah meningkatkan kemarahan golongan buruh Tamil hingga mereka bertindak balas. Mereka mula mengancam dan mengganggu kalangan Jaffna Tamil. Pada pandangan buruh-buruh Tamil, mereka tidak berpuas hati dengan tindakan serta tuduhan golongan kerani. Mereka menganggap tuduhan dan tangkapan polis ini dibuat semata-

¹²¹ Ibid., hlm. 2.

mata untuk memalukan golongan mereka. Selain itu, tindakan-tindakan yang dilakukan oleh kalangan Jaffna Tamil turut menjejaskan kehidupan buruh India Tamil apabila pelbagai usaha dilakukan agar mereka tidak dapat datang bekerja. Keadaan ini boleh menyebabkan kalangan buruh diberhentikan kerja yang pasti menjejaskan kehidupan mereka.¹²²

3.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perbincangan bab ini menjelaskan mengenai perkembangan masyarakat India dalam aspek pekerjaan di negeri Selangor. Penglibatan masyarakat India dalam sektor perladangan merupakan sesuatu yang telah sinonim dengan orang India. Kehadiran mereka dalam jumlah yang besar sememangnya bagi memenuhi tuntutan pekerjaan di sektor perladangan dan ini bersesuaian dengan keadaan di Selangor yang sememangnya mempunyai jumlah ladang yang agak besar. Penurunan harga getah akibat kemelesetan ekonomi telah memberi impak besar kepada bilangan dan upah buruh-buruh India di negeri Selangor. Buruh-buruh sektor kerajaan juga memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi di Selangor. Dari segi perkhidmatan awam, golongan Tamil India dan Jaffna Tamil menjadi golongan dominan. Lagipun, pengaruh orang Jaffna Tamil adalah agak tinggi berbanding Tamil India dalam sektor perkhidmatan awam. Kedua-kedua golongan ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam sektor perkeranian, perubatan dan pendidikan. Akhir sekali, golongan Chettiar menjadi golongan yang penting dalam sektor perniagaan terutama sebagai pemberi pinjaman wang. Dengan ini, bab ini menunjukkan penglibatan masyarakat India dalam pembangunan ekonomi.

¹²² Affray among Indian and Ceylon Tamils at Sentul: Petition by Ceylon Tamils for Protection, 25.4.1919, SUK SEL 1962/1919

BAB 4: PERKEMBANGAN ASPEK PENDIDIKAN

4.1 PENGENALAN

Bab keempat ini membincangkan tentang perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat India di negeri Selangor. Penjelasan tentang perkembangan pendidikan ini akan lebih terjurus kepada perkembangan sekolah-sekolah Tamil yang menjadi medium penting dalam memulakan serta meluaskan pendidikan dalam kalangan anak-anak masyarakat India. Bab ini menjelaskan secara sepintas lalu mengenai latar belakang sekolah Tamil di Tanah Melayu diikuti dengan perbincangan mengenai perkembangan pendidikan Tamil di Selangor. Perbincangan secara terperinci selanjutnya memberikan tumpuan kepada penubuhan sekolah Tamil di Selangor yang terbahagi kepada empat kategori. Penubuhan sekolah-sekolah ini merupakan satu keperluan untuk pendidikan anak-anak orang India yang berada di Selangor dan dalam masa yang sama merupakan satu usaha menarik kehadiran buruh-buruh India ke Selangor. Bahagian terakhir bab ini membincangkan mengenai kurikulum dan guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah ini. Bab ini sangat penting bukan sekadar mengenai perkembangan pendidikan tetapi lebih penting lagi adalah menonjolkan kehidupan kalangan orang India di Selangor dalam lingkungan yang berbeza sama ada di kawasan ladang mahupun di kawasan bandar. Penjelasan mengenai hal ini semakin mengukuhkan pemahaman yang sedia ada mengenai sejarah masyarakat India di Selangor khususnya kalangan orang Tamil dalam tempoh 1884 sehingga era Perang Dunia Kedua.

4.2. PERKEMBANGAN SEKOLAH TAMIL DI TANAH MELAYU

Aspek pendidikan merupakan salah satu komponen penting dalam memahami sejarah sosial. Maka tidaklah menghairankan jika satu-satu kajian mengenai sejarah sosial akan menjadikan aspek pendidikan sebagai antara aspek yang akan diberikan perhatian. Kalangan sarjana telah bersetuju betapa pendidikan merupakan antara elemen penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan negara.¹ Pendidikan penting dalam membentuk sebuah negara dan masyarakat ke tahap yang lebih baik daripada segi politik, sosial, ekonomi dan budaya. Hal ini turut dilihat sebagai keperluan asas yang penting dalam setiap individu. Menurut Plato, seorang ahli falsafah Yunani, pendidikan adalah satu proses yang membina seorang individu yang berakhlak mulia.² Amar al-Shaibani yang merupakan sarjana Islam pula berpendapat bahawa pendidikan adalah satu persiapan manusia bagi kehidupan dunia dan akhirat.³ Ini bermakna, pendidikan itu penting bukan sahaja daripada sudut memberikan ilmu pengetahuan kepada kalangan pelajar tetapi juga merupakan satu tuntutan sosial yang sangat signifikan dalam membangunkan masyarakat dan negara. Ini juga bermakna pendidikan merupakan satu tuntutan yang perlu dipenuhi dan pelaksanaannya perlu meliputi semua orang.

Jika diteliti sejarah pendidikan di negara ini, didapati ia telahpun berlangsung sejak sekian lama. Sebelum kehadiran kalangan imigran India dan Cina, pendidikan di Tanah Melayu sepenuhnya adalah pendidikan agama Islam dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya sama ada dilaksanakan secara formal (sekolah pondok dan madrasah) mahupun informal. Namun begitu, dengan kehadiran orang Cina dan India yang jumlahnya cukup besar, maka sistem pendidikan yang ada turut berubah. Orang Cina menyediakan pendidikan yang berteraskan negara Cina sementara pendidikan orang

¹ Lihat Syed Omar Syed Agil dan Alwi Mohd Yunus, *Budaya Ilmu dan Kecemerlangan Bangsa Melayu: Ke Arah Negeri Selangor Sebagai Destinasi Ilmu*, Kuala Lumpur: INMIND, 1997.

² D. F. Swift, *The Sociology of Education: Introductory Analytical Perspectives*, London: Routledge & Kegan Paul, 1969, hlm. 3.

³ Ibid., hlm. 19.

India pula dilaksanakan bertunjangkan negara India. Dalam kalangan masyarakat India, pendidikan Tamil menjadi sangat penting dan ini berlaku kerana jumlah orang Tamil yang jauh lebih besar di Tanah Melayu.

Aspek pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan sosial masyarakat India di Tanah Melayu. Sekolah-sekolah Tamil menjadi medium utama untuk merencanakan aspek pendidikan dalam kalangan masyarakat India. Sejarah perkembangan sekolah-sekolah Tamil di Tanah Melayu telah bermula di NNS. Malah jika ditinjau lebih dalam, boleh dikatakan pendidikan Tamil dalam bentuk tidak formal telah diajarkan di Melaka sejak sekian lama. Hal ini dijelaskan oleh Munshi Abdullah (1796-1854) yang menyatakan mengenai perkara itu.

My father sent me to a Tamil Teacher to study a language known as Tamil. Our ancestors in Malacca used to send their children of high birth. This language was useful for the transaction of business as in adding and subtracting money and in general accounting. In those days in Malacca there were lots of Tamil Merchants. Many in Malacca prospered through trade. Therefore, the names of Tamil merchants were glorified. All of them had their children to study Tamil.⁴

Petikan di atas jelas merujuk kepada kewujudan *Thinnai Palli* di Melaka sebelum tahun 1800. *Thinnai Palli* yang bermaksud sekolah verandah⁵ iaitu pembelajaran yang dilakukan di hadapan rumah guru. Dalam sistem pembelajaran ini, guru biasanya terdiri daripada golongan Brahmin yang akan mengajar murid-muridnya dengan hanya menggunakan senaskah buku sebagai rujukan.

Sekolah verandah yang dijalankan oleh Doraisamy Pillai telah menarik perhatian pihak British. Doraisamy Pillai dikenali sebagai seorang saudagar serta pelombong bijih timah yang berjaya di Kuala Lumpur.⁶ Dalam sekolah beliau, jumlah murid adalah

⁴ Danapaul Saveri Dass, "Tamil Education in West Malaysia and Singapore 1860-1970", Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972, hlm.19.

⁵ Beranda.

⁶ Lynelle Tham, *Doraisamy Pillay, Underrated Indian Community Leader, Free Malaysia Today*, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/top-lifestyle/2022/10/25/doraisamy-pillay-underrated-indian-community-leader>, (Diakses pada 17 Ogos 2023)

sebanyak 30 orang murid.⁷ Perjalanan sekolah ini menjadi titik tolak penting kepada pihak British dalam mengimplentasikan rancangan pembinaan sekolah Tamil bagi memberikan pendidikan secara formal dan teratur.⁸ *Penang Free School* merupakan sekolah pertama yang mempunyai pendidikan Tamil. Pada tahun 1821, sebuah bangunan sekolah Tamil ditubuhkan dan menjadi sekolah Tamil terawal dalam bentuk formal. Walau bagaimanapun, sekolah ini hanya beroperasi sehingga tahun 1823.⁹

4.3 PERKEMBANGAN SEKOLAH TAMIL DI SELANGOR

Perkembangan pendidikan Tamil di negeri Selangor telah bermula pada tahun 1886. Sekolah Ladang Lunderston merupakan sekolah Tamil yang pertama ditubuhkan di Selangor. Ketika penubuhannya, sekolah ini mempunyai 20 orang pelajar. Mereka telah dibimbing oleh seorang guru yang boleh mengajar dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan Tamil.¹⁰ Pada tahun 1912, berikutan pembukaan ladang getah dan peningkatan kemasukan buruh India ke Selangor telah menyebabkan pihak British memberikan perhatian kepada kebajikan anak-anak buruh di kawasan ladang. Oleh itu, Kod Buruh 1912 telah diluluskan di NNMB, dan Selangor sebagai salah sebuah negeri yang terangkum di dalamnya turut melaksanakan kod undang-undang ini. Berdasarkan Kod Buruh 1912, pihak majikan perlu membina sebuah sekolah Tamil di kawasan ladang mereka jika ladang itu mempunyai sepuluh orang kanak-kanak yang berumur antara 7 hingga 14 tahun.¹¹ Tahap ini dilihat sebagai tahap penting dalam sejarah perkembangan pendidikan Tamil di Selangor yang memperlihatkan penglibatan pihak berkuasa di dalam pelaksanaannya.

⁷ Tamil Vernacular Education, 23.6.1903, SUK SEL. 3493/ 1903.

⁸ Saraswathi Chilliath, "Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka", Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003/2004, hlm. 69.

⁹ Danapaul Saveri Dass, "Tamil Education in West Malaysia and Singapore 1860-1970", hlm. 20.

¹⁰ Selangor Administration Report, 1886.

¹¹ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 179.

Pada masa yang sama, sekolah Tamil turut didirikan di kawasan bandar bagi memenuhi keperluan pendidikan anak-anak pekerja India yang bekerja dengan jabatan-jabatan kerajaan. Penubuhan sekolah Tamil di kawasan bandar merupakan satu alternatif yang disediakan oleh pihak berkuasa kepada anak-anak pekerja yang tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris yang kosnya lebih mahal.¹² Keadaan ini juga yang menyebabkan kebanyakan anak-anak pekerja India tidak menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris. Hal ini sedikit berbeza dengan kalangan Jaffna Tamil yang lebih memberatkan pendidikan Inggeris untuk anak-anak mereka dan kebanyakan mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. Di Kuala Lumpur, sekolah Inggeris yang penting pastinya Victoria Institution.

Secara keseluruhannya, taburan penubuhan sekolah-sekolah Tamil adalah tidak seimbang kerana ia sangat dipengaruhi oleh kepadatan buruh-buruh India di sebuah daerah. Daerah yang paling banyak mempunyai sekolah-sekolah Tamil ialah daerah Kuala Selangor dan Klang, diikuti dengan Kuala Lumpur dan Kuala Langat.¹³ Bagi daerah Klang, sekolah ladang Tamil yang pertama ialah Sekolah Tamil Highland Estate yang hari ini dikenali sebagai Bukit Tinggi. Sekolah ini dibuka pada tahun 1910 diikuti oleh Sekolah Tamil Simpang Lima yang dibuka pada tahun 1913. Jadual 4.1 merupakan jadual senarai sekolah Tamil di Klang antara tahun 1910 hingga 1941.

¹² Danapaul Saveri Dass, "Tamil Education in West Malaysia and Singapore 1860-1970", hlm. 27.

¹³ Saraswathi Chillianah, "Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka", hlm. 70.

Jadual 4.1: Senarai Sekolah Tamil di Daerah Klang, 1910-1941

Nama Sekolah	Tahun
Highland Estate	1910
Simpang Lima	1913
Seaport	1920
Pirmor Estate, Batu Tiga	1920
Jalan Watson, Pelabuhan Klang	1920
Seafield, Batu Tiga	1922
North Hummock Estate	1923
Jalan River Side (Jalan Tepi Sungai)	1925
Eaton Estate, Batu Tiga	1927
Jalan Acob Estate	1930
Sungai Rengam, Batu Tiga	1937
Jalan Meru	1938
Emerald Estate	1940
Bukit Kemuning Estate	1940
Midland Estate	1940
Wallambrose Estate, Kapar	1940

Sumber: Haji Zainuddin Bin Leman, "Perkembangan Sekolah-Sekolah", dlm. *Sejarah dan Warisan Klang Bandar Diraja*, Klang: Majlis Perbandaran Klang, 2013, hlm. 68.

4.4 JENIS SEKOLAH TAMIL

Terdapat empat jenis sekolah Tamil yang telah ditubuhkan di Selangor iaitu sekolah ladang, sekolah mubaligh, sekolah kerajaan dan sekolah jabatan. Sekolah ladang merupakan sekolah yang dibina untuk anak-anak buruh yang bekerja di ladang. Sekolah kategori ini merupakan jumlah sekolah yang paling banyak di Selangor. Sekolah mubaligh pula merupakan sekolah yang diuruskan oleh misi keagamaan atau persatuan. Sekolah ladang dan sekolah mubaligh turut dikenali sebagai sekolah yang menerima bantuan geran atau bantuan kewangan. Seterusnya, sekolah kerajaan yang dikendalikan oleh pihak kerajaan. Lazimnya, sekolah- sekolah kerajaan akan dibina atas keperluan buruh-buruh India yang bekerja dalam sektor awam. Akhir sekali, sekolah jabatan yang merupakan sekolah Tamil yang ditubuhkan oleh sebuah jabatan kerajaan demi keperluan buruh-buruh mereka sahaja seperti Jabatan Kebersihan di Klang dan saiznya lebih kecil jika dibandingkan dengan jenis-jenis sekolah yang lain.¹⁴

¹⁴Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the Year 1938, hlm., 179.

4.4.1 Sekolah Ladang

Sekolah ladang merupakan sekolah yang ditubuhkan di kawasan perladangan. Kod Buruh 1912 telah menjadi faktor utama yang membawa kepada pembentukan sekolah-sekolah ladang. Pelaksanannya ini dilihat sebagai satu perkembangan penting apabila kerajaan India dilihat memberikan tekanan yang kuat ke atas kerajaan Tanah Melayu supaya menyediakan kemudahan pendidikan kepada anak-anak buruh India. Atas permintaan kerajaan India, Kod Buruh 1912 telah memberikan tanggungjawab kepada pihak majikan untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada kanak-kanak di ladang. Pada tahap awal, kebanyakan majikan enggan untuk melaksanakan peraturan yang tertera di dalam kod ini kerana mereka perlu mengeluarkan wang serta menyediakan pelbagai kemudahan. Walau bagaimanapun, mereka melihat kewajipan ini boleh dijadikan sebagai satu daya penarik untuk mendapatkan tenaga buruh hingga menyebabkan pengurusan ladang bersetuju untuk mendirikan sekolah di kawasan ladang mereka. Kod ini turut menjelaskan bahawa pihak majikan harus mendirikan sebuah sekolah di setiap ladang berdasarkan dua kriteria iaitu bilangan kanak-kanak dan tahap umur mereka. Sekiranya ladang tersebut mempunyai sepuluh atau lebih kanak-kanak, maka sebuah sekolah harus dibina. Umur yang ditetapkan sebagai umur bersekolah pula ialah 7 hingga 12 tahun.¹⁵

Selepas kod ini diluluskan, jumlah sekolah-sekolah ladang telah meningkat di Selangor. Sekolah-sekolah ini telah berfungsi sebagai insituti pendidikan yang penting kepada anak-anak buruh yang bekerja di ladang. Bagi memenuhi keperluan tersebut, pihak pengurusan ladang perlu menubuhkan sebuah bangunan sekolah dengan saiz yang sesuai berdasarkan jumlah pelajar. Pihak pengurusan ladang juga mempunyai kuasa untuk memilih guru bagi membolehkan sekolah tersebut beroperasi. Kos pengurusan termasuk gaji guru adalah dibayar oleh pihak ladang. Dalam hal ini, bagi mengurangkan

¹⁵ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 179.

kos, pihak pengurusan ladang lazimnya hanya akan mengambil kalangan buruh termasuk kangani dan kerani ladang untuk menjadi guru. Satu-satunya pemantauan yang ada dilakukan oleh pengawal buruh akan memastikan agar pihak majikan telah menubuhkan sekolah untuk anak-anak buruh di ladang mereka.¹⁶ Pemantauan oleh Jabatan Pendidikan hanya dilakukan sekiranya pihak pengurusan ladang memberikan kebenaran.¹⁷ Di sekolah-sekolah ladang, lazimnya bahasa yang digunakan ialah Tamil, Telugu, Malayalam dan Punjabi dan keadaan ini juga berdasarkan kepada kelompok majoriti yang ada di ladang tersebut. Kalangan ibu bapa tidak dikenakan sebarang bayaran di sekolah ini kerana sepenuhnya ditanggung oleh pihak ladang.¹⁸ Di sesetengah ladang, pihak majikan menyediakan keadaan pembelajaran yang baik termasuk menyediakan pakaian seragam sekolah untuk murid-murid mereka.¹⁹

Jadual 4.2: Jumlah Sekolah Ladang di Selangor

Tahun	Bilangan Sekolah Estet
1924	145
1926	171
1927	184
1928	198
1929	206
1930	198

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1924-1930

Jadual 4.3: Bilangan Pelajar di Sekolah-Sekolah Ladang di Selangor

Tahun	Purata Pendaftaran	Purata Kehadiran
1924	4,583	-
1926	5,410	-
1927	6,023	-
1928	6,701	-
1929	6,839	-
1930	6,573	-

Sumber: Annual Report of The Labour Department, 1924-1930

¹⁶Ibid.

¹⁷Hours of Study of Tamil Schools in Estates, 1915, SUK SEL 2625/ 1915.

¹⁸Annual Report on Education in the Federated Malay States for the Year 1931, hlm. 28.

¹⁹ Ibid., hlm. 30.

Majoriti sekolah Tamil yang terdapat di Selangor adalah jenis sekolah ladang. Buruh-buruh India yang tinggal di kawasan ladang akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini. Pelaksanaan kod buruh telah menyebabkan pihak majikan menyediakan sebuah sekolah di ladang mereka bagi kemudahan pembelajaran anak-anak buruh.²⁰ Walaupun, pendidikan di sekolah ladang tidak diwajibkan, tetapi ramai ibu bapa bersedia menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Pihak majikan menyediakan kemudahan di sekolah ladang, termasuk bangunan yang sesuai, menyediakan bahan-bahan pengajaran termasuk buku teks serta melantik guru-guru bagi membolehkan proses pengajaran dilaksanakan.²¹ Jadual 4.2 dan 4.3 menunjukkan jumlah sekolah ladang di Selangor antara tempoh 1924 hingga 1930 serta jumlah pelajar di sekolah-sekolah tersebut. Jumlah pelajar yang terlibat adalah antara 4,583 orang hingga 6,839 dan jumlah ini dikira sebagai jumlah yang cukup tinggi.

Sekolah ladang berhadapan dengan cabaran yang tersendiri. Jumlah bilangan pelajar serta kehadiran mereka ke sekolah dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk faktor luaran seperti kemelesetan ekonomi.²² Keadaan ini jelas berlaku pada tahun 1930 apabila berlaku kemelesetan ekonomi dunia. Situasi yang tidak menentu ini bukan sekadar mempengaruhi pekerjaan kalangan buruh, malah turut mempengaruhi keadaan sosial di ladang termasuk sekolah ladang. Kalangan pengusaha ladang, dalam usaha untuk mengurangkan kerugian telah mengurangkan pekerja serta mengehadkan jumlah buruh. Selain itu, sekolah-sekolah ladang juga menerima kesannya apabila ia ditutup bagi mengurangkan perbelanjaan.²³ Malahan, terdapat juga sesetengah pengusaha ladang yang terus menutup sekolah ladang meskipun keadaan ekonomi telah bertambah baik.²⁴ Satu lagi cabaran besar adalah tindakan ibu bapa yang tidak membenarkan anak-anak mereka

²⁰ *Federated Malay States Annual Report on Education in the F.M.S For the Year 1915*, hlm., 7.

²¹ *Annual Report on Education in the Federated Malay States for the Year 1931*, hlm. 14.


²² Nadaraja Kannan, "Kemelesetan Ekonomi Dunia, 1929-1933: Kesan Sosioekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu", Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Mei 2002, hlm. 91.

²³ *Annual Report on Education in the Federated Malay States for the Year 1931*, hlm. 28.

²⁴ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 181.

ke sekolah, sebaliknya diperlukan untuk membantu mereka bekerja bagi menambahkan pendapatan keluarga.²⁵ Hal ini didorong oleh pihak majikan yang memberikan bayaran sebanyak 10 sen kepada kanak-kanak di bawah umur yang bekerja di ladang.²⁶

Gambar 4.1: Sekolah Ladang Seafield, Sungai Way Selangor



Sumber: Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian community in Malaysia*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm 54.

4.4.2 Sekolah Kerajaan

Sekolah kerajaan telah didirikan dan diuruskan oleh pihak kerajaan. Tujuan utama sekolah ini ditubuhkan ialah untuk memberi kemudahan pembelajaran kepada anak-anak buruh yang bekerja di bawah sektor kerajaan terutamanya Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kereta Api, Lembaga Kebersihan dan lain-lain.²⁷ Penubuhan sekolah-sekolah ini juga ialah untuk memenuhi perkara-perkara yang ada di dalam Kod Buruh 1912 yang

²⁵ Ibid., hlm. 180.

²⁶ *Malaya: Malayan Statistics*, 1929, hlm. 167.

²⁷ *Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the Year 1938*, hlm. 179.

mewajibkan majikan perlu menyediakan kemudahan pendidikan bagi anak-anak pekerja mereka. Meskipun demikian, penubuhan sekolah Tamil kerajaan di Selangor sebenarnya telah bermula sejak awal iaitu sejak sebelum Kod Buruh 1912 diwujudkan lagi. Masyarakat India melihat sekolah kerajaan merupakan kemudahan yang penting kerana anak-anak mereka boleh memperolehi bukan sahaja pendidikan percuma, namun dalam masa yang sama turut menerima pelbagai kelebihan. Ini kerana, pembiayaan sekolah ditanggung sepenuhnya oleh pihak kerajaan, kurikulum, guru serta pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan Pendidikan. Malah jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah Tamil yang lain, sekolah kerajaan ini dilihat lebih selesa dan tersusun.²⁸ Meskipun begitu, jumlah sekolah Tamil kerajaan ini tidak sebanyak sekolah ladang yang dapat ditemui dengan mudah dan lebih merata, hampir di setiap daerah di Selangor. Sementara sekolah Tamil kerajaan pula lebih banyak bertumpu di kawasan bandar.

Sekolah kerajaan Tamil yang pertama di Selangor ialah Sekolah Kerajaan Kuala Lumpur yang ditubuhkan pada tahun 1886. Cadangan untuk mendirikan sekolah Tamil kerajaan telah diutarakan oleh H.Conway Belfield. Beliau merupakan seorang Nazir sekolah. Atas permintaan masyarakat India yang bekerja di Kuala Lumpur, maka sebuah sekolah diwujudkan. Semasa sekolah ini ditubuhkan, purata pendaftaran yang direkodkan adalah seramai 20 orang pelajar. Selepas itu, purata pendaftaran ini meningkat kepada 23 orang pelajar pada tahun 1889. Setelah itu purata kehadiran yang direkodkan adalah seramai 36 orang pelajar. Seterusnya, angka ini telah meningkat kepada 42 orang pelajar.²⁹ Kemudian angka ini terus merosot kepada 26 orang pelajar sahaja. Kejatuhan bilangan pelajar ini dikaitkan dengan pembukaan Sekolah Methodist yang turut menawarkan Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran tambahan dalam pembelajarannya. Oleh itu, Sekolah Kerajaan Tamil Kuala Lumpur telah di tutup pada tahun 1907.³⁰

²⁸ Saraswathi Chillian, "Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka", hlm. 69.

²⁹ Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1906, SUK SEL 1161/ 1907.

³⁰ Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1907, SUK SEL 1158/ 1908.

**Jadual 4.4: Bilangan Pelajar di Sekolah Tamil Kerajaan Kuala Lumpur,
1886-1906**

Tahun	Jumlah Pelajar	Purata Kehadiran
1886	20	-
1889	23	-
1890	13	-
1904	43	36
1905	51	42
1906	34	26

Sumber: Annual Report of Education Department Selangor, 1886, 1889, 1890, 1904-1906

Sekolah Tamil berikutnya ialah Sekolah Tamil Klang.³¹ Sekolah Kerajaan Tamil Klang telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan pada tahun 1903. Sekolah ini dibina atas permintaan buruh-buruh India yang tinggal dan bekerja terutamanya dengan jabatan-jabatan kerajaan di Klang. Mereka menjelaskan bahawa kawasan Klang telah mempunyai sebuah sekolah vernakular Melayu dan sekolah Inggeris tetapi kedua-dua sekolah ini tidak mengajar bahasa Tamil. Bukan itu sahaja, mereka juga menekankan bahawa kawasan ini mempunyai seramai 50 orang kanak-kanak yang memerlukan kemudahan pendidikan. Setelah mempertimbangkan semua permintaan serta alasan yang diberikan, pihak kerajaan telah bersetuju untuk membina sebuah sekolah kerajaan Tamil di Klang.³² Apabila Sekolah Tamil Kuala Lumpur di tutup, maka Sekolah Tamil Klang merupakan satu-satunya sekolah Tamil kerajaan yang ada di Selangor setidak-tidaknya sehingga tahun 1927.³³

Pada tahun awal, kehadiran pelajar India ke Sekolah Tamil Klang agak memuaskan dengan purata kehadiran yang direkodkan pada tahun 1904 adalah seramai 31 orang.³⁴ Selepas itu, angka ini telah berkurang kepada 28 orang bagi tahun 1905.³⁵ Seterusnya, angka ini terus merosot kepada 25 orang pelajar pada tahun 1906. *Trend*

³¹Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1904, SUK SEL 1031/ 1905.

³²Tamil School at Klang, 1903, SUK SEL. 3875/ 1903.

³³Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1907, SUK SEL 1158/ 1908.

³⁴Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1904, SUK SEL 1031/ 1905.

³⁵Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1905, SUK SEL 1254/ 1906.

penurunan ini tidak memuaskan pihak kerajaan Selangor apabila mereka meningkatkan bahawa sekolah ini telah dibuka atas permintaan penduduk Tamil di Klang. Oleh itu, pihak kerajaan bercadang untuk mengabungkan sekolah ini bersama sekolah Anglo-Chinese School Klang pada tahun 1906.³⁶ Walau bagaimanapun, cadangan tidak dilaksanakan kerana sekolah Tamil ini telah merekodkan pencapaian yang baik dalam peperiksaan tahunan. Perkara ini dibuktikan oleh H.G.R Leonard selaku ketua pemeriksa sekolah Tamil dengan menyatakan bahawa “...*I can report very favourably on the general proficiency of the whole school*”.³⁷

Selepas itu, sekolah Tamil Klang terus menunjukkan prestasi yang cukup baik dalam setiap peperiksaan tahunan. Setelah pihak kerajaan melihat prestasi sekolah ini, satu cadangan telah dikemukakan iaitu menggantikan bangunan yang sedia ada yang agak usang dengan bangunan baharu yang lebih baik. Cadangan ini telah dipersetujui dan sebuah bangunan baharu telah dibina pada tahun 1910.³⁸ Pada tahun 1911, sekolah kerajaan Tamil Klang telah berpindah ke bangunan yang baharu.³⁹ Dengan adanya bangunan baharu yang lebih baik, kemas dan selamat, maka jumlah pelajar yang mendaftar telah meningkat. Pada tahun 1917, seramai 65 orang telah mendaftar di sekolah ini. Namun jumlah ini menurun kepada 54 orang pelajar bagi tahun 1918. Secara purata, kehadiran pelajar adalah sekitar 60 orang namun kemudiannya menurun kepada 49 orang pelajar. Penurun berlaku kerana adanya kontroversi yang berlaku. Sebahagian ibu bapa enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah apabila mengetahui adanya anak-anak yang berkasta rendah di sekolah. Mereka tidak mahu anak-anak mereka bergaul bersama dengan mereka yang dianggap bertentangan dengan pegangan agama dan sosial yang ada. Walau bagaimanapun, usaha untuk memperhalusi kontroversi ini tidak berjaya, sebaliknya, pada tahun 1918, bilangan pelajar di sekolah ini telah meningkat dan

³⁶Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1906, SUK SEL 1161/ 1907.

³⁷Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1907, SUK SEL 1158/ 1908.

³⁸Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1910, SUK SEL 747/ 1911.

³⁹Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1911, SUK SEL 1505/ 1912.

berdasarkan keadaan ini, maka ada kemungkinan kontroversi ini telah berjaya diselesaikan dengan baik.⁴⁰

Jadual 4.5: Jumlah Pelajar di Sekolah Kerajaan Tamil Klang, 1904-1929

Tahun	Purata Pendaftaran	Purata Kehadiran
1904	39	31
1905	35	28
1906	33	25
1907	35	26
1910	41	34
1911	35	30
1912	43	36
1913	43	36
1914	44	41
1915	54	50
1916	63	57
1917	65	60
1918	54	49
1919	61	56
1920	62	58
1921	64	57
1922	71	65
1923	78	70
1925	84	63
1927	95	79
1928	95	76
1929	65	46

Sumber: Annual Report of Education Department Selangor, 1904-1929

⁴⁰ Annual Report on Education in Federated Malay States for the Year 1918, SUK SEL 1569/ 1919.

Pada tahun 1927, kerajaan Selangor telah membina dua lagi sekolah Tamil iaitu *Port Swettenham Tamil School* dan *The Town Tamil School* di Klang.⁴¹ Perjalanan sekolah Tamil kerajaan agak berbeza dengan sekolah Tamil ladang. Pertama, keadaan di sekolah Tamil kerajaan adalah lebih baik jika dibandingkan dengan sekolah ladang. Ini kerana, sekolah kerajaan dibiayai melalui peruntukan kerajaan sementara sekolah ladang, sepenuhnya dibiayai oleh majikan dan peruntukan kewangan agak terhad hingga bergantung kepada situasi ekonomi. Kedua, sekolah kerajaan dipantau secara lebih baik oleh Jabatan Pendidikan berbanding sekolah ladang. Gaji guru-guru di sekolah kerajaan adalah lebih baik berbanding guru-guru sekolah jenis lain. Gaji permulaan mereka adalah \$5.00 dan kenaikan hingga \$45.00.⁴² Mulai tahun 1929, negeri Selangor telah mempunyai lima buah sekolah kerajaan. Pada tahun yang sama, dua buah sekolah kerajaan Tamil telah di buka di Kuala Lumpur iaitu Sekolah Tamil Sentul dan Batu Caves.⁴³ Pada tahun 1925, sekolah kerajaan Tamil, Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur telah didirikan. Selain Kuala Lumpur, kawasan Klang turut melihat satu lagi pembinaan sekolah baru iaitu Sekolah Tamil Pelabuhan Swettenham. Sekolah ini dibina atas permintaan buruh-buruh Jabatan Kereta Api.⁴⁴ Jadi, semua perkara ini telah menyebabkan sekolah Tamil Klang ini mencatatkan bilangan pelajar yang tidak seimbang.⁴⁵

4.4.3 Sekolah Mubaligh

Sekolah Mubaligh merupakan sekolah yang ditubuhkan oleh golongan mubaligh yang terlibat dalam misi keagamaan. Mereka akan menguruskan sekolah secara sepenuhnya. Lazimnya, sekolah-sekolah jenis ini akan dibina di kawasan bandar seperti sekolah kerajaan. Berbeza dengan sekolah ladang dan sekolah kerajaan, yuran minima sebanyak \$1 dikenakan kepada ibu bapa dan keluarga yang menghantar anak-anak mereka ke

⁴¹ Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1927, SUK. SEL. 239/ 1928.

⁴² Danapaul Saveri Dass, "Tamil Education in West Malaysia and Singapore 1860-1970", hlm. 70.

⁴³ Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1929 SUK SEL 434/ 1930.

⁴⁴ Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1925 SUK SEL 914/ 1926.

⁴⁵ Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1927 SUK SEL 239/ 1928.

sekolah ini.⁴⁶ Ini bermakna, dalam keadaan ini, hanya kalangan keluarga yang mempunyai kadar pendapatan yang tinggi yang akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah ini. Kalangan buruh yang mempunyai pendapatan rendah sukar untuk menghantar anak mereka ke sekolah ini.

Di negeri Selangor, terdapat dua golongan mubaligh iaitu mubaligh Kristian dan Hindu. Mubaligh Kristian dipelopori oleh mazhab Methodist. Mereka mendirikan sekolah seperti *Anglo Tamil School Kuala Lumpur* dan *Methodist Mission Anglo-Tamil School*. Sekolah-sekolah ini telah menjadikan bahasa Tamil sebagai salah satu mata pelajaran pengajaran mereka meskipun bahasa pengantar sekolah ini adalah bahasa Inggeris.⁴⁷ Biarawati yang mempunyai kelayakan serta pengalaman mengajar bahasa Tamil di India akan dijadikan sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah ini. Sekolah Mubaligh Kristian turut menerima bantuan daripada pihak kerajaan.⁴⁸ Dengan adanya bantuan kewangan ini, jumlah sekolah Anglo-Tamil telah meningkat di antara tahun 1920 hingga 1924. Pada tahun 1920, sekolah Anglo-Tamil di Selangor berjumlah 20 buah dan jumlah ini terus meningkat kepada 24 buah pada tahun 1923.⁴⁹ Jumlah bilangan pelajar yang mendaftar di sekolah-sekolah ini juga meningkat dari tahun ke tahun. Misalnya, pada awal pembukaan, sekolah mubaligh hanya mempunyai jumlah pelajar seramai 42 orang sahaja. Pada tahun 1901, jumlah ini bertambah kepada 67 orang dan sebanyak 158 orang pada tahun 1905.⁵⁰

Mubaligh Hindu pula dipelopori oleh pertubuhan-pertubuhan yang berorientasikan Hindu seperti *Ramakrishna Mission* dan *India Samarasa Sanmarga Sangam*. Pertubuhan *Ramakrishna Mission* telah mendirikan sebuah sekolah Tamil di Kuala Lumpur iaitu Sekolah Tamil Vivekananda di Brickfields. Sekolah ini ditubuhkan

⁴⁶Saraswathi Chillian, "Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka", hlm. 47.

⁴⁷ Ramesh Kandasamy, "Sejarah Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor dari 1906 hingga 1950an", Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001/2002, hlm. 14.

⁴⁸ Ibid., hlm. 19.

⁴⁹ Ibid., hlm. 18.

⁵⁰Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1905, SUK SEL 1254/ 1906.

pada tahun 1914⁵¹ dengan pelajar pertama berjumlah 21 orang. Pada tahun 1915, bilangan pelajar telah meningkat dengan jumlah seramai 87 orang.⁵² Pertubuhan Hindu *India Samarasa Sanmarga Sangam* pula menubuhkan sebuah sekolah Tamil di Jalan Klang.⁵³ Lazimnya, sekolah-sekolah Mubaligh Hindu mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat India di Selangor. Ini kerana, sekolah-sekolah ini menawarkan beberapa subjek dalam bahasa Tamil. Selain itu, sifat keperibadian golongan sami Hindu yang sememangnya dihormati oleh masyarakat India turut menjadi daya penarik penting kepada perkembangan sekolah-sekolah ini. Selain itu, sekolah ini turut menjalankan kerja-kerja kebajikan dengan membantu masyarakat India termasuk mengutip dan mengedarkan derma kepada mereka yang memerlukan dan mengadakan kelas-kelas agama Hindu kepada kalangan pelajar.⁵⁴ Sekolah-sekolah Mubaligh Hindu akan membawa tenaga pengajar dari India dengan gaji ditanggung sepenuhnya oleh misi keagamaan tersebut. Perjalanan sekolah-sekolah yang diuruskan oleh mubaligh adalah lebih sistematik dan tersusun berbanding dengan sekolah-sekolah jenis lain.⁵⁵

4.4.4 Sekolah Jabatan

Di antara pelbagai jenis sekolah Tamil yang wujud di Selangor, Sekolah Jabatan merupakan jenis sekolah yang tidak banyak diketahui. Sehingga ke hari ini, kajian-kajian yang ada mengenai sekolah Tamil di Selangor, tidak banyak yang menyentuh mengenai sekolah jenis ini. Malahan pada tahap awal kajian ini dilakukan, pengkaji juga beranggapan bahawa Sekolah Jabatan merupakan Sekolah Kerajaan, namun penelitian selanjutnya mendapati bahawa kedua-duanya merupakan entiti yang berbeza. Perkembangan Sekolah Jabatan juga agak menarik kerana dua sebab. Pertama, Sekolah Jabatan ini hanya diketahui terdapat di *Sanitary Board* Klang sahaja dan kedua, pada

⁵¹ Saraswathi Chilliiah, "Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka", hlm. 76

⁵² Ibid., hlm. 77.

⁵³ Ibid., hlm. 78.

⁵⁴ Ramesh Kandasamy, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor dari 1906 hingga 1950an*, Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001/2002, hlm. 14.

⁵⁵ Ibid., hlm. 15.

tahap awal penubuhannya, sekolah ini lebih merupakan satu inisiatif individu. Individu yang dimaksudkan ialah seorang kaki tangan *Sanitary Board*, Klang iaitu Solamalai Mandore. Pada tahun 1927, Solamalai Mandore telah mengumpulkan anak-anak pekerja *Sanitary Board* Klang yang tidak bersekolah dan sering kali didapati berkeliaran tanpa penjagaan dan kawalan. Beliau telah mengambil keputusan untuk mengajar mereka membaca dan menulis di *Sanitary Board*, Klang.⁵⁶

Usaha yang dilakukan oleh Solamalai Mandore ini kemudiannya mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk pihak pengurusan *Sanitary Board*, Klang yang turut menyokong tindakan beliau. Keadaan bertambah menarik apabila pihak pengurusan *Sanitary Board* Klang, sebagai majikan kepada kalangan pekerja India, serta sebagai usaha memenuhi tuntutan Kod Buruh 1912 telah memberikan kerjasama agar satu usaha lebih tersusun dapat dilakukan kepada kalangan anak-anak pekerja ini. Oleh yang demikian, pada bulan Oktober 1929, K. Chinniah dan isterinya telah diberi tanggung jawab untuk mengendalikan sekolah ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana keduanya tidak mempunyai asas latihan pendidikan dan lebih bersifat “penjagaan” maka, sekolah ini tidaklah mencapai kemajuan besar. Namun begitu, keadaan mula berubah pada tahun 1937 apabila T. Govindasamy yang merupakan guru pelawat telah membuat satu laporan khas kepada pihak pengurusan *Sanitary Board* termasuk J. V. Neave yang merupakan Pengurus di jabatan tersebut. Laporan ini telah memberi kesan besar kepada perkembangan sekolah ini apabila cadangan-cadangan yang dikemukakan di dalam laporan telah diluluskan termasuk membina sebuah bangunan khusus untuk tujuan pembelajaran yang lebih baik kepada kalangan pelajar. Bangunan baharu sekolah ini telah dirasmikan pada 17 Oktober 1938. K. Chinniah masih melaksanakan tugas beliau sebagai guru dan dibantu oleh K.S Maniam yang menggantikan isteri K. Chinniah yang masih kekal sebagai pengajar sambil kerja jahitan iaitu antara aktiviti yang diajar kepada

⁵⁶ Report on Sanitary Board Tamil School Klang, 30.11.1945, S.B.K. 20/45.

pelajar-pelajar perempuan di sekolah ini. Daripada bersifat informal, sekolah ini kemudiannya telah berubah menjadi sebuah sekolah formal sebagaimana sekolah-sekolah lain. K. S. Maniam turut diberikan latihan perguruan selama dua tahun di kelas perguruan di Klang.⁵⁷

Perubahan yang berlaku telah menyebabkan sekolah ini mula menarik perhatian masyarakat India di Klang hingga menyebabkan jumlah pelajar meningkat. Kini, kalangan pelajar bukan sahaja terdiri daripada anak-anak pekerja Sanitary Board semata-mata, malah beberapa jabatan kerajaan yang lain turut mendaftarkan anak-anak mereka ke sekolah ini termasuklah Jabatan Kerja Raya. Keputusan peperiksaan akhir sekolah ini juga menunjukkan tahap memuaskan. Murid-murid telah dibekalkan dengan pakaian seragam dan kebersihan mereka serta kekemasan sekolah telah dijaga dengan baik. Selain pakaian, mereka juga diberikan buku dan kepingan papan batu bagi keselesaan pembelajaran. Selain itu, sebuah padang juga telah disediakan di hadapan sekolah yang bukan sahaja berfungsi sebagai taman permainan tetapi juga tempat bersukan kepada kalangan pelajar. Pelbagai aktiviti sosial termasuk sukan dan pelbagai upacara kesenian dan nyanyian dijalankan di padang sekolah tersebut. Daripada segi pencapaian, Sekolah Jabatan ini merekodkan prestasi yang baik dengan memenangi pelbagai piala dan anugerah dalam pertandingan sukan sekolah Tamil peringkat daerah.⁵⁸

⁵⁷ Ibid.


⁵⁸ Ibid.

Peta 4.1: Bilangan Sekolah Tamil di Selangor pada tahun 1900-an



Sumber: Disesuaikan daripada Annual Report on Administration of Federated Malay States For The Year of 1935

Peta 4.2: Bilangan Sekolah Tamil di Selangor pada tahun 1910-an




Sumber: Disesuaikan daripada Annual Report on Administration of Federated Malay States For The Year of 1935

■ Sekolah Kerajaan
 ■ Sekolah Ladang
 ■ Sekolah Mubaligh
 ■ Sekolah Jabatan

Sumber: Disesuaikan

Peta 4.4: Bilangan Sekolah Tamil di Selangor pada tahun 1930-an



Sumber: Disesuaikan daripada Annual Report on Administration of Federated Malay States
For The Year of 1935

4.5 KURIKULUM

Perbincangan mengenai sejarah pendidikan orang India di Selangor ini tidak akan lengkap tanpa menyentuh mengenai aspek kurikulum sekolah. Namun begitu, kurikulum yang dibincangkan di bahagian ini menjurus kepada kurikulum di Sekolah Kerajaan kerana usaha untuk mendapatkan kurikulum di sekolah-sekolah jenis lain (Ladang, Mubaligh dan Jabatan) tidak berhasil. Meskipun demikian, kurikulum ini juga terpakai di sekolah ladang yang berhasrat untuk melaksanakannya. Kurikulum bermaksud satu rancangan pendidikan yang dilaksanakan oleh sesebuah insituti pendidikan atau sekolah bagi mencapai matlamat pendidikan. Lazimnya, kurikulum ini adalah satu rancangan atau program pengajaran yang merangkumi pelbagai aspek termasuk pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai, kebudayaan dan kepercayaan masyarakat. Hal ini perlu dirancang secara teliti agar matlamat pendidikan itu tercapai.⁵⁹

Dalam melihat sejarah perkembangan pendidikan Tamil di Selangor, didapati pada tahap awal, tiada satu dasar yang jelas mengenainya hingga kurikulum pendidikan Tamil juga agak kabur. Meskipun telah ada Kod Pendidikan 1874 yang menyediakan satu rujukan sukatan kepada sekolah-sekolah Melayu dan Tamil di Tanah Melayu tetapi pendidikan Tamil tidak diberikan perhatian.⁶⁰ Ini kerana pendidikan Tamil masih merupakan sesuatu yang bersifat “foreign” dan bukan keutamaan pihak berkuasa. Walau bagaimanapun, pendidikan Tamil telah menjadi semakin penting sejajar dengan kemasukan orang India yang semakin bertambah di Tanah Melayu dan Selangor yang menjadi antara negeri utama yang mempunyai orang India yang besar jumlahnya turut memberikan perhatian kepada hal ini. Perkembangan pendidikan Tamil telah menyebabkan pihak British menyediakan satu sukatan pelajaran yang digunapakai di sekolah kerajaan. Ia juga menjadi panduan umum kepada sekolah-sekolah Tamil yang

⁵⁹ Ross Linn Neagley & Norman Dean Evans, *Handbook for Effective Curriculum Development*, Englewood Cliffs: Prentice Hall, 1967, hlm. 35.

⁶⁰ Danapaul Saveri Dass, “Tamil Education in West Malaysia and Singapore 1860-1970”, hlm.86.

lain meskipun penerapannya adalah berbeza di setiap jenis sekolah. Sukatan pelajaran yang dilaksanakan bertujuan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam usaha menyediakan sukatan pelajaran ini, pihak British telah menjalankan satu kajian tentang pendidikan di sekolah-sekolah Tamil. Sebagai hasilnya, satu sukatan pelajaran yang baharu telah berjaya disediakan pada tahun 1908. Sukatan Pelajaran tersebut dikenali sebagai *Education Code for The Straits Settlements and Federated Malay States*. Dalam sukatan pelajaran ini, pendidikan di sekolah-sekolah Tamil akan berlangsung daripada darjah 1 hingga darjah 5 sahaja. Kemahiran membaca dan menulis serta mata pelajaran matematik dan geografi diajar sejak darjah 1. Dalam tahap ini, pengajaran matematik menekankan kepada penguasaan kemahiran asas seperti tambah dan tolak yang tidak melebihi dari tiga digit.⁶¹ Dengan kemahiran ini, pelajar-pelajar yang pergi ke peringkat yang seterusnya akan mengimplementasikan ilmu dalam pengiraan mata wang, berat dan sukatan.⁶² Mata pelajaran geografi pula hanya diajar kepada pelajar-pelajar darjah 3 hingga 5 sahaja. Fokus utama mata pelajaran ini adalah geografi fizikal keadaan Tanah Melayu, pengetahuan asas tentang geografi India dan pelabuhan-pelabuhan Asia yang berdekatan dengan Tanah Melayu. Pelajar juga didedahkan dengan benua, lautan, pulau dan sungai serta pergunungan di dunia.⁶³ Sukatan pelajaran 1908 dilihat sebagai sukatan pelajaran terawal dalam memberikan panduan yang penting bagi sekolah-sekolah Tamil di Tanah Melayu yang juga digunapakai di Selangor. Walau bagaimanapun, sukatan yang terlalu luas menyebabkan satu pengubahsuaian dilakukan terutama dalam usaha menerapkan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) yang dilihat tidak berjaya dicapai melalui sukatan pelajaran ini.⁶⁴

⁶¹ "Education Code for The Straits Settlements and Federated Malay States", approved by His Excellency The Governor and High Commissioner, June 1908, hlm 14.

⁶² Ibid., hlm. 15.

⁶³ Ibid., hlm. 16.

⁶⁴ Ibid., hlm. 14.

Oleh sebab itu, pihak British telah melaksanakan satu sukatan pelajaran yang baharu pada tahun 1936. Dalam sukatan pelajaran 1936, sekolah-sekolah Tamil menawarkan pendidikan dari tahap pra-sekolah (tadika) hingga darjah 5 kepada pelajar-pelajar India. Penekanan diberikan kepada kemahiran 3M.⁶⁵ Selain itu, bahasa Tamil, Malayalam dan Telugu boleh digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah. Hingga tahap ini, bahasa Inggeris atau Melayu tidak di ajar di sekolah Tamil. Semua sesi pengajaran telah dijalankan dalam bahasa Tamil.⁶⁶ Kemahiran 3M telah diajar kepada pelajar-pelajar India mulai tahap awal. Kemahiran membaca memberikan penekanan dalam mengenali huruf abjad, pembentukan perkataan yang melibatkan perkataan sukar serta dua, tiga atau empat perkataan senang dan membaca frasa atau ayat.⁶⁷ Seterusnya, kemahiran ini akan berkembang ke tahap yang lebih tinggi dengan membolehkan pelajar untuk membaca buku yang disediakan serta *Panchathanthram*.⁶⁸ *Panchathanthram* merupakan koleksi cerita yang bertemakan lima strategik kehidupan manusia. Buku ini dihasilkan oleh Vishnu Sharma yang merupakan pendeta India sejak 200SM.⁶⁹ Kemahiran menulis pula dilaksanakan dengan menekankan kemahiran asas termasuk membimbing para pelajar untuk menulis perkataan dengan betul. Proses pengajaran kemahiran ini bermula dari tahap awal. Proses ini dimulakan dengan meminta pelajar menulis perkataan secara praktikal dengan menyusun manik, bijirin dan kayu nipis. Selepas itu, mereka dikehendaki menyalin perkataan tersebut pada pasir atau papan tulis. Seterusnya, para pelajar akan mula menulis ayat-ayat pendek yang tidak melebihi enam patah perkataan daripada buku teks dalam papan tulis di darjah 1. Kemahiran ini akan diteruskan pada tahap-tahap berikutnya. Di darjah dua, pelajar akan mula menulis petikan-petikan kecil.⁷⁰

⁶⁵ "General Regulations for Indian Vernacular Schools in The Straits Settlement and Federated Malay States", issued by the Education Department, 1936, hlm. 8.

⁶⁶ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 183.

⁶⁷ *Ibid.*, hlm. 7.

⁶⁸ *Ibid.*, hlm. 8.

⁶⁹ Paul Waldau & Kimberley Patton, *A Communion of Subjects: Animal in Religion, Science, and Ethics*, New York: Columbia University Press, hlm. 186.

⁷⁰ "General Regulations for Indian Vernacular Schools in The Straits Settlement and Federated Malay States", issued by the Education Department, 1936, hlm. 8.

Bagi darjah 3 hingga 5, tahap kesukaran petikan akan ditingkatkan secara berperingkat. Para pelajar perlu menulis petikan-petikan mengikut tahap kesukaran yang ditetapkan oleh sukatan pelajaran dalam darjah masing-masing.⁷¹

Akhir sekali adalah kemahiran mengira yang dilaksanakan melalui mata pelajaran matematik. Proses pengajaran kemahiran ini mula diterapkan sejak tahap awal. Pada tahap ini, para pelajar harus mengetahui angka 1 hingga 50 mengikut contoh-contoh yang sesuai. Selepas mengetahui angka-angka tersebut, mereka perlu memanipulasikan nombor 1 hingga 20. Manik, bijirin dan kayu kecil digunakan untuk membentuk angka-angka tersebut. Seterusnya, para pelajar turut diberikan pendedahan tentang aspek tambah dan tolak berdasarkan angka-angka yang diajar dalam mata pelajaran ini. Aspek tambah digunakan hingga angka nombor 10 dan had jumlahnya hingga nombor 50 manakala aspek tolak digunakan hingga angka nombor 10. Dalam tahap ini juga para pelajar dikehendaki untuk belajar sifir 1 dan 2. Setelah para pelajar memasuki darjah 1, mereka dibimbing untuk mengetahui angka nombor hingga 999. Aspek tambah dan tolak digunakan untuk mengira wang yang tidak melebihi jumlah had \$1. *Mental Arithmetic* dalam aspek tambah dan tolak bagi angka nombor hingga 50 serta sifir 1 hingga 6 turut diajar kepada para pelajar darjah 1. Seterusnya, pelajar-pelajar di darjah 2 akan mula mempelajari angka nombor hingga 9,999. Mereka juga diberikan pendedahan dalam aspek pecahan serta diikuti dengan tambah dan tolak pecahan tersebut. Pengiraan wang tempatan dilanjutkan hingga jumlah yang tidak melebihi \$10. Para pelajar turut dikehendaki mengetahui sifir 1 hingga 12. Mereka juga diajar mengenali kalendar. Dalam darjah 3, para pelajar harus menguasai hingga angka nombor 100,000. Mereka juga dididik untuk mengenali pengiraan yang merangkumi wang, timbangan berat dan panjang serta keuntungan dan kerugian. Pengiraan pecahan juga dilanjutkan kepada pengiraan tambah, tolak dan pendaraban pecahan-pecahan tersebut. Bukan itu sahaja, bentuk segi

⁷¹ Ibid., hlm. 9.

empat, bulat, titik, garisan lurus, garisan melengkung telah diperkenalkan dalam tahap ini.⁷² Setelah masuk ke darjah 4, para pelajar diajar mengetahui hingga nombor 1,000,000 iaitu 1 juta. Dalam aspek pengiraan pula, mereka dibimbing untuk mengira wang tempatan dan wang India serta ukuran dan berat. Satu perkara yang dilihat sebagai unik iaitu para pelajar dalam tahap ini akan mempelajari cara-cara mengira penukaran wang tempatan iaitu wang NNS kepada wang India. Perkara ini dilihat sebagai satu perkara yang penting dan telah diberikan pendedahan awal kerana perhatian masyarakat India di Tanah Melayu masih lagi terhadap India dan penekanan ini turut dilaksanakan dalam sukatan pelajaran di sekolah Tamil. Angka perpuluhan, bentuk oblong, segi tiga dan sudut turut diperkenalkan untuk para pelajar darjah 4. Akhir sekali, pelajar-pelajar darjah 5 diajar menguasai angka nombor hingga 10,000,000 iaitu 10 juta. Pengiraan L.C.M (*Least Common Multiple*) dan G.C.M (*Greatest Common Measure*) serta *Mensuration Formula* iaitu pengiraan keluasan bentuk turut diperkenalkan dalam darjah ini.

Selain daripada kemahiran 3M, mata pelajaran Geografi, Pengetahuan Am, Lukisan serta Puisi juga merupakan antara subjek-subjek yang diajar di sekolah Tamil ini. Mata pelajaran geografi mula diajar daripada darjah 1. Dalam tahap ini, para pelajar akan mendengar cerita-cerita yang dibaca oleh guru dari buku *First Year in Geography Part 1*. Pada tahap awal ini, mereka diberikan pendedahan tentang pengetahuan tumbuhan-tumbuhan serta buah-buahan tempatan. Idea mengenai arah dan jarak juga diperkenalkan dalam tahap ini. Setelah pelajar-pelajar naik ke darjah 2, mereka akan mempelajari tentang haiwan liar dan domestik. Selepas itu, mereka turut mengetahui konsep bukit, pergunungan, tasik, sungai, pulat, selat, tanjung dan sebagainya dengan membentuk satu model di atas dulang pasir semasa aktiviti memperkenalkan persekitaran sekolah. Kemudian, cara-cara penggunaan perkhidmatan pos dan penghantaran telegram, bungkusan serta mesej telefon secara teratur turut diajar dalam darjah ini. Guru-guru juga

⁷² Ibid., hlm. 10.

akan membaca *First Year in Geography Part 2*.⁷³ Di darjah 3, pengajaran bermula dengan guru membaca dari buku *First Year in Geography Part 1 dan 2*. Selepas itu, para pelajar dikehendaki untuk menghasilkan model berdasarkan pengajaran tersebut. Di darjah 3 menyaksikan para pelajar perlu meneliti beberapa aspek baharu seperti peta, bentuk muka bumi, penggunaan kompas dan perancangan lawatan kereta api serta putaran bumi. Di Darjah 4, pengajaran akan berfokus kepada aspek bentuk muka bumi mengikut peta Tanah Melayu. Sistem komunikasi seperti jalan raya, kapal wap dan kereta api serta perjalanan ke India dan Ceylon juga diperkenalkan. Selain itu, para pelajar juga mempelajari daya graviti, musim, gerakan bumi, kutub serta bilangan kaum di Tanah Melayu dalam tahap ini. Dalam darjah 5, pengajaran geografi akan menjadi lebih khusus kepada geografi dunia. Buku teks bertajuk *Geography of the Madras Presidency* telah digunakan untuk memudahkan sesi pengajaran di tahap ini.⁷⁴

Selain Geografi, mata pelajaran lukisan turut di ajar di sekolah dengan syarat guru yang membimbing mata pelajaran perlu terlatih dan mempunyai sedikit sebanyak kemahiran dalam lukisan. Sesi pengajaran lukisan ini hanya dilaksanakan bagi pelajar-pelajar yang berada di kelas atasan iaitu darjah 3 hingga 5. Mata pelajaran lukisan akan menekankan lukisan objek sebenar. Ia berkemungkinan besar hanya merangkumi lukisan ingatan serta lakaran yang menggambarkan cerita di kelas. Pelajar-pelajar akan dilatih untuk melukis objek-objek yang mempunyai sudut yang lurus seperti tingkap, landasan kereta api, tangga dan meja serta sebagainya. Selain objek bersudut lurus, mereka juga diberikan pendedahan tentang lukisan objek yang bersudut garisan melengkung seperti bola, telur, buah-buahan dan daun. Kertas, penyusunan manik dan kayu serta pemodelan tanah liat merupakan antara kaedah-keadah yang digunakan oleh para pelajar bagi melukis sebuah objek semasa sesi pengajaran mata pelajaran ini.

⁷³ Ibid., hlm. 11.

⁷⁴ Ibid., hlm. 12.

Pengetahuan Am merupakan satu mata pelajaran yang bertemakan perkara kehidupan harian manusia. Mata pelajaran ini merangkumi Pendidikan Kesihatan, Perkebunan dan Pendidikan Moral serta *Nature Study*. Dalam Pendidikan Kesihatan, para pelajar akan mempelajari kebersihan diri, pakaian, makanan dan tempat kediaman. Subjek Perkebunan memberikan pendedahan tentang komposisi tanah, cara-cara menanam tumbuh-tumbuhan serta kegunaan baja. Setelah pelajar-pelajar memasuki darjah 3, mereka akan mempelajari tentang kepentingan aktiviti bersenam dan berehat. Mereka turut diberikan pendedahan tentang penyebaran penyakit dan faktor penyebaran serta cara-cara mengelakkan penyakit. Akhir sekali, para pelajar akan mempelajari Pendidikan Moral dan kelakuan baik. Kaedah yang digunakan untuk menjalankan sesi pengajaran Pengetahuan Am adalah secara bercerita.⁷⁵ Kanak-kanak India akan mula hadir ke sekolah pada usia 5, 6 atau 7 tahun. Setelah mencapai umur sembilan atau sepuluh tahun, mereka tidak lagi pergi ke sekolah kerana kebiasaannya mereka akan membantu ibu bapa mereka. Selain itu, ibu bapa yang tinggal di kawasan bandar akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil untuk mengetahui pendidikan asas dalam bahasa ibunda selama satu atau dua tahun. Selepas itu, mereka akan terus menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris hingga menjejaskan bilangan pelajar di sekolah Tamil.⁷⁶

⁷⁵ Ibid., hlm. 13.

⁷⁶ Saraswathi Chillian, "Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka", hlm. 49.

4.6 PEPERIKSAAN

Peperiksaan merupakan satu platform yang amat sesuai untuk menguji kebolehan atau potensi seseorang individu.⁷⁷ Peperiksaan memainkan peranan yang cukup penting dalam meningkatkan kedudukan sekolah dalam menyediakan pendidikan yang baik. Sekolah Tamil juga tidak ketinggalan dalam perkara ini terutamanya di Sekolah Kerajaan. Jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah Tamil yang lain, penekanan terhadap peperiksaan merupakan antara agenda yang diberikan perhatian dalam perjalanan sekolah. Sekolah lain seperti Sekolah Ladang pula lebih merupakan satu tanggung jawab pihak ladang kepada anak-anak buruh hingga hal-hal berkaitan dengan peperiksaan bukanlah suatu keutamaan. Hal yang sama juga pada Sekolah Jabatan, meskipun ujian atau peperiksaan turut dilaksanakan. Meskipun begitu, peperiksaan menjadi penting kerana ia turut termasuk di dalam usaha mendapatkan geran atau bantuan kewangan daripada kerajaan dan sekolah yang menunjukkan pencapaian baik dalam peperiksaan yang diadakan berkemungkinan akan memperolehi geran tersebut. Hal mengenai geran akan dibincangkan di bahagian selanjutnya.

Peperiksaan tahunan merupakan antara “peristiwa” penting dalam kalender persekolahan. Pencapaian sekolah akan direkodkan dan akan dianalisis bagi menentukan kedudukan sekolah. Antara sekolah Tamil yang merekodkan keputusan yang cemerlang di Selangor adalah Sekolah Kerajaan Tamil Klang. Pada tahun 1907, seramai 26 calon dalam semua peringkat/darjah telah menunjukkan kefasihan dalam subjek membaca serta mencapai keputusan baik dalam subjek menulis. Secara keseluruhannya, pegawai pendidikan yang memeriksa sekolah ini telah memberikan komen-komen yang sangat baik dan hasil daripada keputusan ini membolehkan pihak sekolah menerima bantuan kewangan yang membolehkan sebuah bangunan baharu dibina.⁷⁸ Pada tahun 1911,

⁷⁷ Abdullah Sani bin Yahaya, *Mengurus Sekolah*, Batu Caves: PTS Professional, 2003, hlm. 256.

⁷⁸ Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1907, SUK SEL 1158/ 1908.

Sekolah Kerajaan Tamil Klang telah beroperasi di bangunan baharu tersebut.⁷⁹ Sekolah ini terus menunjukkan prestasi yang baik. Pada tahun 1923, sekolah ini berjaya mencatatkan bilangan pelajar yang paling tinggi lulus dalam peperiksaan iaitu seramai 51 orang pelajar daripada 59 pelajar yang didaftarkan. Selain peperiksaan tahunan, rekod kecemerlangan turut dipamerkan dalam peperiksaan sijil tamat sekolah. Biasanya, peperiksaan ini akan diambil oleh pelajar-pelajar darjah empat sebagai peperiksaan tamat pengajian di sekolah. Daripada 6 orang pelajar yang hadir untuk peperiksaan ini, seramai 5 orang telah lulus dan menerima sijil. Mata pelajaran matematik dikenal pasti sebagai mata pelajaran yang lemah manakala purata kelulusan mata pelajaran lain adalah memuaskan. Kerja-kerja jahitan juga mencapai tahap memuaskan sebagaimana yang dilaporkan oleh penilai J.H. Dennett yang merupakan guru wanita Sekolah Maxwell Road. Beliau telah dilantik untuk menilai kerja-kerja jahitan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar perempuan sekolah ini.⁸⁰

Tahun 1927 adalah tahun yang cukup istimewa kepada Sekolah Kerajaan Tamil Klang. Ini kerana, sekolah ini telah merekodkan kelulusan penuh dalam peperiksaan tahunan pada tahun tersebut. Daripada 85 orang pelajar yang menduduki peperiksaan, kesemuanya telah lulus. Bukan itu sahaja, pelajar-pelajar sekolah ini juga terus memaparkan prestasi yang amat cemerlang dalam peperiksaan sijil tamat persekolahan. Seramai 3 orang pelajar telah mengambil peperiksaan ini dan semua pelajar telah lulus dan diberikan sijil tamat sekolah. Seterusnya, kerja jahitan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar perempuan di sekolah turut dipuji. Seorang penyelia wanita dari sekolah perempuan Melayu telah menjalankan penyeliaan kerja jahitan di sekolah ini. Setelah menyelesaikan penyeliaan, beliau membuat satu laporan dan menyatakan, *“This school has made much progress. The primary children are making fair progress. Standard II*

⁷⁹Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1911, SUK SEL 1505/ 1912.

⁸⁰Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1923, SUK SEL 951/ 1924.

*garments are quite satisfactory. Knitting and crochets are neat and careful.*⁸¹ Jadual 4.8 merupakan jadual kelulusan peperiksaan tahunan Sekolah Kerajaan Tamil Klang antara tahun 1921-1929.

Jadual 4.6: Purata Kelulusan Peperiksaan Tahunan Sekolah Kerajaan Tamil, Klang

Tahun	Bilangan Calon	Bilangan Lulus	Purata Kelulusan
1921	60	52	87%
1922	54	54	100%
1923	59	51	86%
1925	56	56	100%
1926	62	62	100%
1927	85	85	100%
1929	46	43	93%

Sumber: Annual Report of Education Department of Selangor, 1921-1929

Selain Sekolah Kerajaan Tamil Klang, Sekolah Kerajaan Tamil, Loke Yew Road, Kuala Lumpur yang juga dikenali sebagai Sekolah Kerajaan Tamil Kuala Lumpur juga mencatatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan. Sekolah ini mula beroperasi sekitar tahun 1924. Selepas setahun beroperasi, sekolah ini menunjukkan prestasi yang cukup memuaskan dalam peperiksaan. Daripada 63 orang pelajar, seramai 51 orang telah lulus dalam semua subjek.⁸² Pada tahun 1929, dalam peperiksaan, kebanyakan sekolah Tamil di Selangor telah berjaya mencapai keputusan yang memuaskan. Daripada lima buah sekolah, empat buah sekolah berjaya meningkatkan prestasi mereka. Sekolah Kerajaan Tamil Klang terus mengungguli kedudukan sebagai sekolah terbaik. Daripada 46 orang pelajar yang terlibat, 43 orang pelajar telah lulus dalam peperiksaan akhir tahun darjah empat. Sekolah Kerajaan Tamil Kuala Lumpur, Sentul dan Port Swettenham turut mencatatkan keputusan yang baik pada tahun tersebut.⁸³

⁸¹ Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1928, 30.01.1928, SUK SEL 239/ 1928.

⁸² Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1925, 12.2.1926, SUK SEL 914/ 1926.

⁸³ Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1929, 20.2.1930, SUK SEL 434/ 1930.

4.7 GERAN BANTUAN

Geran merupakan bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada sekolah untuk membantu kewangan pihak sekolah dalam pembangunan dan aktiviti. Sekolah yang menerima geran kewangan ini boleh menggunakannya dalam program-program yang telah diatur termasuk untuk membayar gaji guru dan pekerja sekolah. Dalam keadaan ini, Sekolah Ladang dan Mubaligh merupakan antara sekolah yang menerima faedah daripada skim ini.⁸⁴ Walau bagaimanapun, skim geran ini tidak ditawarkan secara automatik kepada semua sekolah, sebaliknya sekolah yang berhasrat untuk mendapatkan geran ini perlu membuat permohonan dan perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.⁸⁵ Pemberian geran akan dijalankan secara berperingkat bagi setiap tahun. Geran bagi setiap sekolah akan ditentukan berdasarkan gred. Pegawai Nazir sekolah bertanggungjawab untuk memeriksa setiap sekolah dan memberikan gred berdasarkan hasil pemeriksaan tersebut. Gred yang diberikan berdasarkan beberapa kategori termasuk berkaitan dengan kakitangan, bangunan sekolah, peralatan dan lain-lain.

Selain aspek ini, keputusan peperiksaan adalah antara aspek yang diambil kira dan diberikan perhatian dalam proses pemberian gred bagi setiap sekolah. Geran ini diberikan berdasarkan tiga kategori iaitu Gred I, Gred II dan Gred III. Jumlah bantuan kewangan yang ditawarkan kepada sekolah yang berada dalam Gred I adalah lebih tinggi berbanding sekolah yang berada dalam Gred II dan III. Pemberian geran ini juga merupakan satu bentuk ganjaran dan insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan terhadap usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak sekolah yang terlibat. Ini bermakna, sekiranya pihak sekolah berhasrat untuk mendapatkan Gred I bagi sekolah mereka, maka usaha-usaha yang sepatutnya perlu dilakukan. Malah daripada sudut lain, ia juga dianggap sebagai satu “pertandingan” yang sihat yang akhirnya akan memberi faedah yang besar kepada

⁸⁴ *Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States For The Year 1938*, hlm., 44.

⁸⁵ *Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1914, 17.2.1915*, SUK SEL 0995/ 1915.

sekolah dan pelajar. Dengan berada dalam gred yang rendah akan sedikit sebanyak menyukarkan perjalanan kewangan sekolah. Di negeri Selangor, hampir kesemua Sekolah Ladang telah menerima geran tetap mengikut bilangan kelulusan dalam peperiksaan kerajaan.⁸⁶ Melalui bantuan ini, Sekolah-sekolah Ladang dapat membina bangunan sekolah baharu, memberikan gaji yang secukupnya kepada kakitangan serta menaiktarafkan suasana pembelajaran di dalam mahupun di luar kelas. Selain itu, pemberian geran juga dilakukan mengikut purata kehadiran murid. Pemberian ini akan dibayar kepada sekolah yang mengambil usaha yang serius untuk memenuhi syarat. Jika pendaftaran dipalsukan atau amalan penipuan dijalankan, pemberian geran ini boleh dikurangkan atau ditarik balik mengikut budi bicara Pegawai Nazir Sekolah.

Jadual 4.7: Bilangan Sekolah Tamil yang Menerima Geran Bantuan Kewangan

Tahun	Gred I	Gred II	Gred III
1914	11	20	10
1916	13	26	22
1919	24	36	11
1920	49	31	7
1921	36	34	8
1922	40	35	16
1923	32	40	28
1924	41	33	44
1925	69	57	23
1926	77	37	39
1927	87	52	25
1928	83	49	40
1929	48	62	38
1930	46	71	55
1931	33	53	44
1932	45	30	17
1933	26	43	9

Sumber: Annual Report of Education Department of Selangor, 1914-1933

Berdasarkan Jadual 4.7, bilangan sekolah Tamil yang telah menerima bantuan geran adalah agak rendah bagi tahun 1914 dan 1916 serta 1919. Isu utama keadaan ini berlaku adalah kerana tindakan pengurus ladang. Ini kerana berdasarkan Kod Buruh 1912,

⁸⁶Grants in Aided Tamil Schools In Selangor for the Year 1919, SUK SEL 897/ 1920.

pengurus ladang hanya diperlukan untuk menyediakan sekolah bagi tujuan pembelajaran anak-anak buruh ladang masing-masing. Oleh sebab ini, mereka hanya bertindak mendirikan sekolah untuk mematuhi peraturan ini serta menggunakannya sebagai usaha bagi meningkatkan kemasukan buruh-buruh di ladang mereka. Majoriti pengurus ladang tidakpun memberikan perhatian yang secukupnya terhadap pengurusan sekolah Tamil serta kualiti pendidikannya. Hal ini terdapat dalam laporan tahunan pendidikan bagi sekolah-sekolah Selangor bagi tahun 1914 yang menyenaraikan 72 buah sekolah di kawasan ladang. Bagi memastikan perjalanan Sekolah Ladang berada dalam keadaan baik, maka satu surat pekeliling telah dihantar yang menyatakan hasrat pihak kerajaan untuk melakukan pemantauan. Walau bagaimanapun, bilangan balasan yang diterima daripada pengurus ladang agak mengecewakan. Bilangan jumlah balasan hanyalah sebanyak 47 sahaja. Daripada 47 balasan itu, 29 orang pengurus ladang amat berminat supaya sekolah Tamil diperiksa dan dipantau oleh pihak kerajaan, manakala 18 orang pengurus telah mengatakan bahawa mereka tidak berminat tentang pemeriksaan ini. Baki 25 orang pengurus tidak menghantar sebarang balasan sama sekali, walaupun peringatan telah dihantar kepada mereka.⁸⁷ Laporan ini merupakan bukti jelas mengenai keadaan yang berlaku di Sekolah Ladang di Selangor. Sebahagian ladang tidak berminat sama sekali dengan pendidikan di ladang mereka dan bukan merupakan keutamaan. Keadaan ini secara langsung telah memberi kesan yang kurang baik terhadap sekolah-sekolah Tamil di kawasan ladang.⁸⁸ Keadaan ini jugalah yang menyebabkan hanya sebahagian ladang yang berminat untuk memohon geran yang disediakan oleh kerajaan.

Satu lagi isu yang menentukan sama ada sesebuah sekolah memenuhi kriteria untuk diberikan geran ialah isu kedatangan. Bagi Sekolah Kerajaan, hal ini bukanlah isu yang besar kerana kehadiran pelajar dipantau dengan baik oleh pihak sekolah. Namun hal

⁸⁷ Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1914, 17.2.1915, SUK SEL 0995/ 1915.

⁸⁸ Ibid.

ini menjadi isu kritikal bagi Sekolah Ladang. Antara kriteria yang perlu dipenuhi oleh sekolah bagi memohon geran adalah kadar kehadiran pelajar yang memuaskan. Bagi Sekolah Ladang yang mempunyai jumlah pelajar yang kecil, serta kadar kehadiran pelajar yang kurang daripada 75%, maka permohonan untuk mendapatkan geran merupakan usaha yang sangat sukar.

Pada tahun 1917, sebanyak 28 sekolah ladang merekodkan purata kehadiran di bawah 30 orang pelajar manakala hanya sebanyak 20 sekolah mempunyai jumlah pelajar melebihi 30 orang. Bukan itu sahaja, guru-guru kelas juga tidak memberikan perhatian terhadap perkara ini dengan menyemak kehadiran mereka secara tetap. Masalah lain ialah menepati masa pembelajaran yang sangat longgar, bukan sahaja dalam kalangan pelajar, malah turut melibatkan kalangan guru. Pelajar juga tidak menyertai aktiviti pembelajaran mengikut masa yang ditetapkan dalam jadual waktu. Golongan guru pula enggan datang ke kelas pada masa yang tepat sebaliknya sering kali lewat datang ke kelas. Isu-isu ini menjejaskan peluang permohonan geran mereka kepada pihak kerajaan.⁸⁹

Di samping itu, kelayakan guru turut menjadi salah satu isu penting dalam hal ini. Kebanyakan guru di sekolah-sekolah Tamil tidak terlatih dan bertauliah mahupun pengalaman dalam mengendalikan pelajar dan proses pembelajaran. Sebahagian besar guru terlibat asalnya adalah kerani atau kangani. Malah, ada juga yang asalnya merupakan buruh di ladang. Tanpa kelulusan dan pengalaman, pasti sukar bagi mereka memberikan perkhidmatan pendidikan yang baik kepada pelajar. Namun hal tersebut bukanlah keutamaan pihak pengurusan ladang kerana mereka diambil semata-mata untuk “menjaga” kalangan pelajar di sekolah semasa ibu bapa mereka bekerja.⁹⁰ Namun di sebalik kesukaran serta pelbagai masalah yang dinyatakan, masih ada beberapa pengurus ladang seperti Ladang Kelanang, Brafferton, Merton, Kundang, Sungai Buloh, dan Ulu

⁸⁹Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1917, SUK SEL 886/ 1918.

⁹⁰Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1914, 17.2.1915, SUK SEL 0995/ 1915.

Buloh yang telah menunjukkan minat mereka untuk menyediakan sekolah Tamil yang baik termasuk memohon geran yang ditawarkan oleh pihak kerajaan.⁹¹

Selepas tahun 1920, bilangan sekolah Tamil yang menerima geran telah menunjukkan peningkatan. Faktor penting yang mendorong peningkatan ini adalah perubahan pemikiran pengurus ladang. Pada mulanya, kebanyakan pengurus ladang melihat pendidikan untuk anak-anak ladang sebagai memenuhi kehendak kerajaan sahaja. Walau bagaimanapun, lama-kelamaan, tanggapan ini mula berbeza. Mereka menyedari bahawa pendidikan adalah aspek sosial yang penting dan kalangan buruh ladang turut menitik beratkan pendidikan kepada anak-anak mereka. Oleh sebab itu, mereka mula mengambil langkah yang lebih proaktif untuk meningkatkan keadaan sekolah di ladang mereka. Antara tindakan yang dilakukan ialah melakukan penambahbaikan terhadap kemudahan seperti bangunan, perabot dan peralatan agar proses pengajaran di sekolah masing-masing.⁹² Hasil daripada inisiatif ini, kebanyakan sekolah Tamil di kawasan ladang telah mempunyai bangunan sekolah baru yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Perkembangan-perkembangan ini telah menyebabkan permohonan geran bagi sekolah Tamil meningkat dan jumlah yang turut menerima geran juga bertambah. Dengan adanya geran ini, maka keadaan Sekolah Ladang bertambah baik. Geran yang diterima membolehkan kini pihak ladang mendapatkan guru-guru yang terlatih dan mempunyai pengalaman dari India atau Ceyon. Walaupun, kebanyakan sekolah Tamil di ladang terpaksa ditutup pada tahun 1930 akibat kemelesetan industri getah, namun pihak pengurusan ladang telah mengambil keputusan untuk membuka semula sekolah-sekolah tersebut setelah keadaan bertambah baik.⁹³

⁹¹Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1921, 7.2.1922, SUK SEL 642/ 1922.

⁹²Grants to Aid Tamil School of Selangor 1927, SUK SEL 292/ 1928.

⁹³Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1922, 28.2.1923, SUK. SEL. 1179/ 1923.

4.8 BUKU TEKS

Kebanyakan buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah Tamil di Selangor diperolehi dari India atau Ceylon.⁹⁴ Hal ini sejajar dengan pendidikan Tamil yang masih berpaksikan India. Bagi mendapatkan buku-buku ini, pihak sekolah atau pihak pengurusan ladang akan menghantar satu senarai buku teks yang diperlukan kepada Malaya Publishing House, Singapura yang bertindak sebagai ejen bagi urusan mendapatkan buku-buku teks tersebut. Kos pengimportan buku teks dari India atau Ceylon ditanggung sepenuhnya oleh pihak sekolah/pengurusan ladang. Pembelajaran menjadi lebih baik dengan adanya bekalan buku teks yang mencukupi. Pihak sekolah memastikan bekalan buku teks mencukupi dan diterima oleh setiap pelajar. Walau bagaimanapun, pihak sekolah/pengurusan ladang tidak mampu untuk membeli buku teks secara kerap, maka satu usaha dilakukan termasuklah dengan mewujudkan stok buku teks. Guru-guru sekolah Tamil untuk menjaga dan menyelenggarakan buku teks. Melalui ini, pihak sekolah dapat menjimatkan kos pengimportan dan penggantian buku teks.⁹⁵

4.9 GURU

Sebelum tahun 1937, tidak ada sebarang inisiatif yang dilakukan oleh mana-mana pihak untuk melatih guru-guru bagi mengajar di sekolah Tamil.⁹⁶ Lazimnya, guru-guru akan dibawa daripada India atau Ceylon termasuk di Sekolah Ladang serta Sekolah Kerajaan.⁹⁷ Pihak pengurusan sekolah atau pihak pengurusan ladang akan memilih guru-guru yang bersesuaian untuk mengajar di sekolah-sekolah Tamil ini. Ketika pihak pengurusan ladang berkuasa penuh untuk mendapatkan guru, di Sekolah Kerajaan, Nazir sekolah

⁹⁴ Danapaul Saveri Dass, "Tamil Education in West Malaysia and Singapore 1860-1970", hlm. 86.

⁹⁵ *Annual Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1931*, hlm. 30.

⁹⁶ *Annual Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1933*, hlm. 51.

⁹⁷ *Annual Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1931*, hlm. 14.

kerajaan akan bertanggung jawab dalam pemilihan tersebut dan dibantu oleh Jabatan Tenaga Kerja.⁹⁸

Gambar 4.2: Pelajar dan Guru Di Sekolah Ladang Tamil



Sumber: Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian community in Malaysia*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm. 57.

Guru-guru di sekolah Tamil di Selangor telah dibahagikan kepada empat kategori iaitu golongan guru yang telah melakukan kerja pengajaran sebagai kerjaya mereka, dan sedikit atau tidak tahu berbahasa Inggeris. Kategori kedua adalah guru lelaki yang dibawa dari India atau Ceylon. Mereka berpendidikan Inggeris dan hanya menjadikan kerjaya sebagai guru sebagai pilihan terakhir. Meskipun kurang komited berbanding kategori pertama, namun prestasi kerja mereka adalah memuaskan. Kategori yang ketiga pula merupakan guru lelaki, berpendidikan Inggeris dan mempunyai sedikit pengalaman

⁹⁸ Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States For The Year 1937, hlm., 30.

mengajar di sekolah-sekolah Tamil. Prestasi kerja mereka kurang memuaskan jika dibandingkan dengan kategori pertama dan kedua. Kategori keempat pula terdiri daripada kaki tangan ladang terutamanya kerani dan kangani. Mereka tidak mempunyai latar belakang pendidikan mahupun pengalaman dan prestasi kerja mereka tidak memuaskan. Dengan adanya pengklasifikasian ini, maka pihak pengurusan sekolah/ladang akhirnya dapat menentukan tahap atau kategori guru-guru di sekolah yang ada. Walau bagaimanapun, sehingga adanya satu program atau usaha khusus untuk melatih guru-guru sekolah Tamil secara khusus di Tanah Melayu, maka kebergantungan penuh masih berlaku terhadap guru-guru dari India atau Ceylon ini. Selain itu, tanpa adanya sebarang latihan, maka adalah sukar untuk mendapatkan guru-guru terlatih tempatan yang boleh ditempatkan di sekolah-sekolah Tamil di Selangor.⁹⁹ Perubahan hanya berlaku pada tahun 1937 apabila kerajaan negeri mengambil inisiatif untuk memberikan latihan kepada guru-guru Tamil di Selangor. Satu kelas latihan mengajar untuk melahirkan guru-guru bagi ditempatkan di sekolah-sekolah Tamil telah diadakan. Program latihan ini menawarkan kursus selama dua tahun yang bermula pada bulan April dengan jumlah enrolmen seramai 45 orang.

Atas faktor latar belakang pendidikan dan kebolehan, 29 orang termasuk dua orang wanita telah dipilih daripada 45 orang yang didaftarkan dalam kursus ini. Kehadiran yang tetap dan kemajuan yang memuaskan telah ditunjukkan oleh pelatih di sepanjang kursus ini berjalan. Akhirnya, daripada jumlah 29 orang, 21 orang telah berjaya menamatkan kursus ini pada hujung tahun 1938. Selepas itu, kursus baharu telah dimulakan pada bulan Januari 1938 dengan 38 orang pelajar. Kursus ini telah berkembang dan permintaan yang besar turut direkodkan pada tahun 1939 apabila menerima sebanyak 29 orang. Kejayaan kursus ini kemudiannya telah membolehkan satu program yang sama dilakukan bukan sahaja di Selangor tetapi turut melibatkan beberapa lokasi lain termasuk

⁹⁹ Ibid., hlm., 47.


di Bukti Mertajam dan Province Wellesley pada tahun 1939.¹⁰⁰ Perlu untuk dijelaskan bahawa hal ini merupakan antara aspek yang tidak pernah diketengahkan sebelum ini yang menunjukkan adanya usaha untuk melahirkan guru-guru terlatih di Tanah Melayu yang akan ditempatkan di sekolah-sekolah Tamil. Satu kajian yang lebih mendalam wajar dilakukan bagi meneliti aspek ini.

Jadual 4.8 Jumlah Bilangan Guru di Sekolah-Sekolah Tamil, Selangor

Tahun	Sekolah Kerajaan	Sekolah Estet
1934	10	100
1935	10	159
1936	10	187
1937	12	206
1938	15	236

Sumber: Annual Report of Education Department of Selangor, 1934-1938

Carta Bar 4.1: Jumlah Bilangan Guru di Sekolah-Sekolah Tamil, Selangor



Sumber: Annual Report of The Education Department, 1934-1938

¹⁰⁰ *Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States For The Year 1938*, hlm. 76.

4.10 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perbincangan bab ini dapat mengenal pasti perkembangan aspek pendidikan dalam masyarakat India. Empat jenis sekolah yang terdiri daripada Sekolah Ladang, Kerajaan, Mubaligh dan Sekolah Jabatan telah memainkan peranan yang cukup penting dalam mendidik anak-anak buruh India di Selangor. Pelaksanaan Kod Buruh 1912 serta pendidikan percuma di Sekolah Ladang dan Sekolah Kerajaan telah merencanakan lagi pembukaan sekolah-sekolah Tamil, bukan sahaja di kawasan ladang tetapi juga di kawasan bandar. Perbincangan di dalam bab ini turut menyentuh mengenai pelbagai aspek yang berkaitan dengan sejarah perkembangan pendidikan Tamil di Selangor yang merangkumi aspek kurikulum, peperiksaan, geran, buku teks mahupun guru-guru yang terlibat.

Perbincangan turut menyentuh mengenai pencapaian sekolah-sekolah Tamil. Daripada sudut ini, pelajar-pelajar sekolah Tamil didapati telah merekodkan keputusan cemerlang dalam pelbagai bidang termasuk peperiksaan tahunan serta peperiksaan tamat sekolah. Perhatian khusus diberikan kepada Sekolah Kerajaan Tamil Klang yang merupakan sekolah Tamil terbaik di Selangor diikuti dengan Sekolah Tamil Kerajaan Kuala Lumpur. Meskipun pencapaian sekolah-sekolah lain agak kurang jelas (tiada rekod yang ditemui mengenainya), namun dapat disimpulkan bahawa pencapaian sekolah-sekolah ini agak lebih rendah daripada kedua-dua sekolah yang disebutkan. Satu lagi aspek yang tidak kurang pentingnya adalah daripada sudut perolehan geran. Daripada penilitian yang dilakukan, didapati bahawa kebanyakan sekolah Tamil di Selangor telah menerima geran bantuan kerajaan dalam bentuk geran gred I atas pengurusan sekolah yang baik. Hal ini turut meningkatkan bilangan sekolah-sekolah Tamil di negeri ini. Sukatan Pelajaran 1936 telah menjadi panduan utama kepada guru-guru India untuk menjalankan sesi pengajaran yang lebih sistematik. Lagipun, sukatan ini amat membantu golongan pelajar untuk mengetahui dan menguasai kemahiran 3M serta mata pelajaran

lain. Penubuhan kursus latihan perguruan di negeri Selangor pada tahun 1937 telah memberikan impak positif yang membantu melahirkan golongan guru tempatan yang terlatih. Hal ini turut menjimatkan kos pengimportan guru dari India atau Ceylon. Bukan itu sahaja, pihak majikan yang amat prihatin terhadap pendidikan kanak-kanak ladang mereka telah menyediakan bangunan sekolah yang sempurna, baju seragam sekolah serta buku teks.

Universiti Malaya

BAB 5: PERKEMBANGAN ASPEK KESIHATAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang aspek kesihatan dalam kalangan masyarakat India di Selangor. Perbincangannya memberikan perhatian khusus kepada tiga perkara penting. Pertama ialah mengenai kemudahan kesihatan yang menganalisis mengenai pusat kuarantin, hospital ladang dan kemudahan perubatan termasuklah perubatan tradisional. Kedua adalah mengenai penyakit-penyakit yang sering kali mengancam tahap kesihatan kalangan orang India terutamanya buruh-buruh ladang serta kaedah-kaedah perubatan bagi mengatasinya dan perkara ketiga ialah tindakan bunuh diri dalam kalangan masyarakat India terutamanya kalangan buruh ladang. Tindakan bunuh diri dianggap sebagai sejenis penyakit mental yang mempunyai kaitan dengan tekanan perasaan yang sering kali dialami oleh kalangan buruh.

Bab ini sangat penting dalam melihat kehidupan masyarakat India terutamanya di kawasan ladang di Selangor. Perlu disebutkan bahawa kesejahteraan dan kebahagiaan buruh-buruh India di Selangor bukan sahaja diukur atau dilihat berdasarkan kepada kemampuan mereka memperolehi pendapatan yang lebih baik berbanding keadaan mereka di India, tetapi juga dilihat berdasarkan tahap kesihatan mereka sama ada fizikal mahupun mental. Keadaan ini sebenarnya menjadi lebih kritikal kepada masyarakat India di Selangor yang berada dalam lingkungan yang sama sekali berbeza dan asing. Oleh yang demikian, dengan meneliti aspek kesihatan ini, pastinya akan membantu pemahaman yang lebih jelas mengenai keadaan kehidupan mereka di Selangor.

5.2 KEMUDAHAN KESIHATAN

Kemudahan kesihatan yang dimaksudkan dalam perbincangan ini merujuk kepada adanya fasiliti yang membolehkan kalangan orang India di Selangor memperoleh akses perubatan termasuk adanya pusat kesihatan dan hospital yang membolehkan mereka mendapatkan rawatan atau menentukan tahap kesihatan mereka. Selain itu, kemudahan kesihatan turut dikaitkan dengan keupayaan orang India untuk memperoleh ubat-ubatan yang diperlukan bagi membantu mereka mengubati penyakit mereka. Dalam keadaan ini, bahagian ini membincangkan tiga perkara penting iaitu pusat kuarantin yang merupakan pusat menapis dan menentukan tahap kesihatan seseorang, kemudahan hospital terutamanya hospital ladang yang memberi rawatan kepada kalangan buruh yang sakit dan ketiga adalah kemudahan perubatan. Perbincangan mengenai hospital ladang sememangnya akan secara langsung menyentuh mengenai kemudahan ubat-ubatan ini, namun bagi masyarakat India termasuk kalangan buruh di ladang, satu lagi jenis perubatan yang diamalkan ialah perubatan tradisional. Perubatan tradisional atau *Ayurveda* ini sangat signifikan dan sehingga kini, aspek ini jarang diberikan perhatian apabila menyentuh mengenai aspek kesihatan dalam kalangan orang India. Malah tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa perbincangan mengenai aspek ini dalam kajian ini merupakan sesuatu yang baharu dan sangat penting dalam memahami sejarah sosial masyarakat India di Selangor.

5.2.1 Pusat Kuarantin Pelabuhan Swettenham

Kesihatan kalangan imigran yang datang ke Tanah Melayu sememangnya menjadi aspek yang sangat dititikberatkan oleh pihak berkuasa Tanah Melayu. Dalam usaha mendapatkan buruh-buruh dari India, mereka yang secara terang-terangan mempunyai penyakit atau kecacatan fizikal yang mampu menghalang mereka daripada melakukan kerja-kerja di Tanah Melayu tidak dibenarkan untuk diambil sebagai buruh atau datang

ke Tanah Melayu. Sememangnya setiap individu akan menjalani pemeriksaan kesihatan di India sebelum dibenarkan menaiki kapal untuk datang ke Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, ada di antara mereka yang berjaya melepasi pemeriksaan kesihatan ini atau penyakit yang mereka hidapi tidak dapat dikesan ketika itu, atau mereka memperolehinya sewaktu dalam perjalanan dari India ke Tanah Melayu. Keadaan ini menyebabkan satu tapisan lain (tapisan dan pemeriksaan kedua) perlu dilakukan sebaik sahaja mereka tiba di Tanah Melayu. Dalam keadaan inilah pusat kuarantin menjadi sangat penting. Secara umumnya, pusat kuarantin ini ditubuhkan bagi memastikan buruh-buruh yang akan bekerja di ladang-ladang di Tanah Melayu (termasuk Selangor) tidak mengidap penyakit-penyakit merbahaya yang boleh menjangkiti orang lain, atau tidak mempunyai masalah kesihatan yang mampu menghalang mereka melakukan kerja-kerja berat di ladang.

Bagi negeri Selangor, sejarah yang berkaitan dengan kuarantin buruh-buruh India ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah sebelum tahun 1906, dan kedua adalah selepas 1906. Sebelum tahun 1906, orang India yang ingin pergi bekerja di negeri-negeri sebelah utara Tanah Melayu iaitu ke Kedah, Pulau Pinang dan Perak wajib hadir di Pulau Jerejak, Pulau Pinang yang merupakan pusat kuarantin untuk melakukan pemeriksaan kesihatan. Bagi orang India yang akan bekerja di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Johor pula diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di pusat kuarantin di Pulau St. John, Singapura. Di pusat-pusat kuarantin ini, mereka bukan sahaja akan menjalani pemeriksaan kesihatan tetapi akan dikuarantin selama tujuh hari sebelum dibenarkan untuk pergi bekerja di ladang-ladang yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, apabila kemasukan buruh-buruh India semakin meningkat, pusat-pusat kuarantin yang sedia ada tidak lagi mampu menampung mereka. Kesesakan berlaku dan keadaan ini menimbulkan pelbagai masalah pengurusan. Pada masa yang sama, situasi ini diburukkan lagi dengan tekanan daripada Persatuan

Pengurus Estet (P.A.M) yang menginginkan agar kemasukan buruh-buruh dapat dipercepatkan. Ini kerana, kelewatan mendapatkan buruh akan menjejaskan operasi ladang dan hal ini merugikan mereka. Perkembangan-perkembangan ini menyebabkan satu usaha dilakukan iaitu untuk membuka satu pusat kuarantin yang baharu yang mampu menyelesaikan masalah tersebut. Dalam keadaan inilah, pelabuhan Swettenham menjadi pilihan.¹ Pelabuhan Swettenham merupakan sebuah pelabuhan terbesar yang berlokasi di daerah Klang, Selangor. Pelabuhan ini telah mula dibina oleh pihak British pada tahun 1896.² Sebagai penghargaan kepada Residen British di Selangor yang bertugas pada masa tersebut iaitu Sir Frank Swettenham, pelabuhan ini dipanggil sebagai pelabuhan Swettenham. Pelabuhan ini siap dibina dan dirasmikan pada tahun 1901.³

Kedudukan Pelabuhan Swettenham yang strategik menyebabkan pusat kuarantin imigran dibina di sini pada tahun 1906.⁴ Dengan pembukaan pusat ini, kalangan buruh yang akan bekerja di Selangor akan mendarat di Pelabuhan Swettenham dan seterusnya akan ditempatkan di pusat kuarantin ini.⁵ Pada tahun 1911 pula, sebuah kem tetap dibina di Pelabuhan Swettenham dan keadaan ini membolehkan satu usaha yang lebih tersusun dilakukan dalam memastikan kalangan buruh baharu terutamanya buruh India dan Cina yang masuk ke Selangor tidak mempunyai masalah kesihatan. Pusat ini mempunyai empat bahagian iaitu kem utama, kem limpahan, wad kolera dan hospital. Setiap bahagian dipisahkan dengan pagar yang dikawal ketat selama 24 jam. Jarak antara satu bahagian dengan bahagian yang lain adalah kira-kira 13 hingga 16 meter. Pembinaan yang sebegini rupa adalah untuk memastikan buruh-buruh India tidak boleh melarikan diri serta mengawal penyebaran penyakit berjangkit ke luar daripada pusat kuarantin. Kem utama berfungsi sebagai kem penempatan buruh termasuk buruh India yang baru mendarat.

¹Quarantine Camp at Port Swettenham, 19.07.191, SUK SEL 3543/1911.

² *Annual Report of Selangor State Administration*, 1896.

³ *Annual Report of Federated Malay States*, 1901.

⁴ *Annual Report of Selangor*, 1906.

⁵ Gazetting of Port Swettenham as a port for the landing of Indian Immigrants, 11.12. 1907, SUK.SEL 471/1907

Mereka akan ditempatkan di kem utama ini selama seminggu dan dalam tempoh ini, mereka akan melalui saringan kesihatan dan vaksinasi. Kem ini mampu menampung bilangan buruh seramai 3000 orang pada satu-satu masa. Antara kemudahan yang disediakan adalah berek-berek bagi menempatkan buruh dengan mempunyai ruang tidur yang selesa. Sejumlah 840 orang boleh ditempatkan pada berek-berek ini. Dalam keadaan apabila jumlah buruh yang baharu datang terlalu besar jumlahnya dan tidak lagi mampu ditampung oleh kem ini, maka mereka akan dihantar ke kem limpahan untuk sementara sebelum dipindahkan ke kem utama.

Bangunan hospital terletak di luar kem kuarantin namun jarak antara keduanya hanyalah sejauh 13 meter. Hospital ini turut mempunyai kuarters kakitangan hospital, pejabat dan farmasi serta kemudahan asas perubatan. Buruh-buruh India yang baru tiba di pelabuhan Swettenham akan terus diberikan suntikan antibiotik di hospital ini dan dihantar ke kem utama. Penyebaran wabak kolera di pusat kuarantin Pelabuhan Swettenham telah menyebabkan pembinaan wad kolera.⁶ Wad ini dibina khas untuk menempatkan serta merawat buruh-buruh India yang mengidap kolera. Penyebaran ini lazimnya berpunca daripada jangkitan kuman pada makanan dan minuman yang dibekalkan di atas kapal serta persekitaran kapal yang kurang bersih. Kedua-kedua punca ini telah menyebabkan penyebaran penyakit kolera dalam kalangan buruh India sebelum mereka mendarat. Setelah melalui ujian dan didapati mereka positif dengan penyakit tersebut, mereka akan diasingkan di wad khas.⁷

Meskipun pengurusan pusat kuarantin adalah sepenuhnya di bawah kuasa pihak kerajaan, namun dalam masa yang sama, ini tidak bermakna, pihak-pihak yang lain termasuk individu yang ingin membantu dihalang daripada memberikan bantuan dan sumbangan. Antara golongan yang banyak membantu pihak pengurusan pusat kuarantin

⁶Quarantine Camp at Port Swettenham, 19.07.1911. SUK.SEL 3543/1911.

⁷Outbreak of Cholera at The Quarantine Camp, Port Swettenham, 28.5.1924. SUK.SEL. 2175/ 1924.

ialah golongan Chettiar. Mereka telah memberi sumbangan bagi memastikan kebajikan buruh-buruh India yang baru datang tidak terabai. Mereka membekalkan makanan kepada kalangan buruh yang berada di pusat kuarantin ini. Bagi memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi, mereka sering melakukan lawatan ke pusat kuarantin ini untuk melihat keadaan dan persekitaran serta persediaan makanan. Daripada segi persediaan makanan, mereka memeriksa kualiti bahan makanan seperti beras, sayur-sayuran serta kebersihan tempat penyediaan makanan.⁸ Bantuan serta sokongan yang diberikan oleh golongan Chettiar ini telah memudahkan perjalanan pusat kuarantin. Selepas tempoh tujuh hari, dan setelah kalangan buruh ini didapati tidak mempunyai masalah kesihatan, maka mereka akan dibenarkan untuk keluar daripada pusat kuarantin dan menuju ke destinasi mereka.

Gambar 5.1: Persatuan Nattukottai Chettiar Klang memberikan makanan kepada buruh-buruh India di Jeti Pelabuhan Swettenham



Sumber: Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian community in Malaysia*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2012, hlm. 49.

⁸Remarks made by The Visitors Quarantine Camp Port Swettenham, 24.01.1938 SUK.SEL 244/1938.

5.2.2 Hospital Ladang

Ketika pusat kuarantin merupakan kemudahan kesihatan ketika kalangan buruh-buruh baharu datang ke Selangor, setelah berada di Selangor dan memulakan kerja mereka sama ada di kawasan ladang mahupun sebagai buruh dengan jabatan-jabatan kerajaan, masalah kesihatan yang mereka alami akan dirujuk kepada hospital yang ada. Bagi kalangan yang bekerja di luar ladang, mereka akan merujuk masalah mereka kepada hospital kerajaan yang diwujudkan terutamanya di kawasan bandar. Antaranya termasuklah Pauper Hospital (General Hospital) yang dibina pada tahun 1889 merupakan antara hospital yang menjadi tumpuan kalangan orang India di Selangor untuk mendapatkan rawatan.⁹ Walau bagaimanapun, bagi kalangan buruh yang bekerja di ladang yang akses dengan suasana luar ladang agak terhad, maka pihak majikan menyediakan hospital ladang.

Gambar 5.2: Hospital Ladang



Sumber: Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Forgotten History of the Colonial Era: Sweat, Blood and Tears*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2022 (2nd Edition), hlm. 164.

⁹ J. M. Gullick (ed.), *J.H.M. Robson: Records and Recollections 1889-1934*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2001, hlm. 6. Lihat juga John Gullick (ed.), *Selections from the Selangor Journal*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2007, hlm. 420-433.

Hospital ladang merupakan salah satu kemudahan kesihatan yang disediakan untuk golongan imigran yang tinggal di kawasan ladang. Kewujudan hospital ladang merupakan antara kelebihan yang dimiliki oleh kalangan buruh ladang dan pembinaannya adalah bagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Enakmen Imigresen 1884. Enakmen ini mewajibkan semua majikan ladang untuk menyediakan kemudahan perubatan untuk pekerja-pekerja mereka terutamanya yang berada di kawasan yang tidak mempunyai hospital kerajaan.¹⁰ Syarat ini kemudiannya diperkukuhkan dengan pelaksanaan Enakmen Imigresen India 1904 yang menyatakan

Section 53 of the Enactment imposes on the employer the duty of providing hospital accommodation, medical attendance and medicines; and Section 56 imposes on the Resident General, the kind of hospital accommodation, the description of medical attendance and kinds and quantities of medicines to be provided.¹¹

Kod Buruh 1912 juga menyentuh mengenai kemudahan perubatan kepada kalangan buruh. Kedua-dua undang-undang telah menyebabkan pihak majikan untuk menyediakan kemudahan kesihatan yang secukupnya untuk menjamin kesihatan pekerja mereka. Walau bagaimanapun, jika diperhatikan secara mendalam didapati bahawa sokongan dan tindakan majikan ladang untuk membina hospital ladang bukan sekadar untuk memenuhi peraturan-peraturan yang ada tersebut. Ini kerana pihak majikan turut mempunyai perkiraan lain. Bagi pihak majikan, adalah lebih menguntungkan untuk membina hospital di kawasan ladang kerana ini membolehkan mereka memantau keadaan buruh-buruh mereka yang sakit dan ditempatkan dihospital tersebut. Ini kerana mereka enggan menanggung risiko kehilangan buruh yang melarikan diri ketika mendapatkan rawatan di hospital kerajaan. Terdapat sesetengah pesakit melarikan diri untuk bekerja di majikan lain yang menawarkan gaji yang lumayan. Jika ini berlaku pasti akan

¹⁰ *Selangor Government Gazette*, Regulation of Estate Hospitals, 30.08.1894.

¹¹ Memorial from United Plantation Association, Selangor for Hospital Accommodation for Estate Coolies, 15.4.1907, C.O. 273/177.

menimbulkan masalah kepada operasi ladang tersebut. Selain itu, jarak perjalanan juga menjadi satu cabaran kepada pihak majikan untuk menghantar buruh mereka ke hospital kerajaan. Kebanyakan hospital kerajaan terletak di kawasan bandar. Jarak perjalanan antara hospital kerajaan dengan kawasan ladang yang jauh menyebabkan sering kali berlakunya kematian pesakit semasa perjalanan ke hospital kerajaan.¹²

Di atas latar belakang ini, maka pihak majikan bersetuju untuk membina hospital ladang di ladang mereka. Daripada segi kemudahan, Akta 1884 mewajibkan hospital ladang menyediakan dalam nisbah lapan katil untuk setiap 100 pesakit lelaki dan bilangan yang sama untuk wanita. Selain itu, katil-katil yang berasingan perlu disediakan antara pesakit lelaki dan pesakit wanita. Penginapan berasingan juga perlu disediakan dalam kadar satu katil kepada setiap 100 pesakit untuk digunakan dalam kes-kes khas seperti kes disentri dan cirit-birit. Dua sut pakaian hospital perlu disediakan untuk setiap katil. Selimut dalam nisbah tiga untuk setiap dua katil dan satu bantal juga disediakan bagi keselesaan pesakit di hospital ini. Ubat-ubat harus disimpan mengikut senarai lampiran ubat serta peralatan yang diperlukan untuk diberikan kepada pesakit. Setiap hospital ladang dikendalikan oleh seorang *Apothecary* yang dibantu oleh seorang atau dua orang *Dresser*. Mengikut peraturannya, *Apothecary* harus tinggal di kawasan berdekatan dengan hospitalnya dan bertanggungjawab dengan semua rawatan yang dijalankan terhadap pesakit. Bukan itu sahaja, beliau perlu sentiasa memastikan hospital ini berada dalam keadaan yang bersih serta membekalkan ubat-ubatan yang sesuai kepada pesakit. Pada masa yang sama, hospital ladang ini juga diletakkan di bawah penyeliaan pegawai perubatan kerajaan mengikut daerah lokasinya.¹³

¹² K.S. Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, Cambridge: Cambridge University Press, 1969, hlm. 171.

¹³ Selangor Government Gazette, Regulation of Estate Hospitals, 30.08.1894.

Berdasarkan keadaan, secara umumnya, kalangan buruh ladang di Selangor menerima dan boleh mendapatkan rawatan di hospital ladang sekiranya mereka jatuh sakit. Pemeriksaan dijalankan dan seterusnya ubat-ubatan diberikan. Ini bermakna berbanding dengan kalangan yang berada di luar ladang, kalangan buruh ladang menerima keistimewaan ini. Walau bagaimanapun, tidak semua buruh ladang menerima sepenuhnya sistem perubatan moden yang disediakan di hospital ladang ini. Sebahagian daripada kalangan buruh ladang yang tidak terdedah dengan perubatan moden sebaliknya memilih perubatan tradisional termasuk *Ayurveda*.

5.2.3 Perubatan Tradisional

Sebahagian orang India termasuk kalangan buruh-buruh ladang yang masih agak skeptikal kepada perubatan moden berpegang kepada perubatan tradisional, terutamanya untuk mengubati penyakit-penyakit “biasa” atau ringan seperti demam, sakit kepala dan seumpamanya. Hal ini agak menarik untuk diberikan perhatian kerana penelitian mengenainya masih agak jarang dilakukan. Walau bagaimanapun, penelitian lanjut mendapati bahawa orang India di Selangor turut menggunakan perubatan tradisional apabila ditimpa penyakit. Perbincangan mengenai hal ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mengenai kaedah perubatan dan mengenai ubat-ubatan tradisional yang kerap kali diambil oleh kalangan orang India untuk mengubati penyakit mereka.

Salah satu aspek yang tidak kurang menariknya adalah wujudnya kalangan penjual ubatan tradisional secara bergerak atau menjualnya di kaki lima dan pasar. Penjual ubat bergerak ini menjadi antara “dokter” yang menjadi pilihan kalangan orang India terutamanya kalangan buruh ladang untuk mendapatkan ubat-ubatan yang mereka perlukan.

Gambar 5.3: Penjual Ubat Tradisional Jalanan



Sumber: Janakey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Forgotten History of the Colonial Era: Sweat, Blood and Tears*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2022 (2nd Edition), hlm. 92.

5.2.3.1 Kaedah Perubatan

Umumnya, terdapat dua kaedah perubatan tradisional yang sering kali digunakan oleh orang India iaitu *Ayurveda* dan *Siddha*. *Ayurveda* merupakan satu kaedah perubatan tradisional yang berasal dari kawasan Kerala, India dan telah lama diamalkan oleh masyarakat India sejak lebih 3,000 tahun dahulu. Istilah *Ayurveda* berasal daripada perkataan Sanskrit, *Ayur* yang membawa makna kehidupan serta *Veda* bererti sains atau pengetahuan. Mengikut konsep *Ayurveda*, ketidakseimbangan atau tekanan akan menyebabkan penyakit dalam kehidupan seseorang. *Ayurveda* yang diamalkan akan membantu seseorang untuk mengurangkan kebimbangan dan meningkatkan daya ketahanan badan terhadap penyakit serta meningkatkan keharmonian kehidupan dan keseimbangan antara badan, minda, roh, serta alam sekitar.¹⁴

Penggunaan perubatan *Ayurveda* dalam kalangan masyarakat India di negeri Selangor telah dimulakan pada tahun 1927 secara meluas selepas pembukaan Dewan

¹⁴ Max Ande, *Ayurveda. An Ancient Medical System*, Munich: GRIN Verlag, 2015, hlm. 3.

Perubatan *Ayurveda* Langka di Kuala Lumpur. Dewan ini berfungsi sebagai sebuah klinik yang menawarkan rawatan tradisional ini kepada semua lapisan masyarakat di negeri Selangor. Inisiatif awal pembukaan pusat perubatan *Ayurveda* di Kuala Lumpur sebenarnya telah dimulakan oleh kerajaan Ceylon setelah mendapati kalangan orang India dan Ceylon yang berada di Tanah Melayu turut berminat untuk menggunakan kaedah perubatan ini, meskipun mereka turut sama menggunakan perubatan barat. Usaha dilakukan bagi memberikan kesedaran mengenai faedah dan kepentingan menggunakan kaedah perubatan ini. Malahan, bagi pengamal *Ayurveda*, perubatan ini dipercayai lebih berkesan berbanding kaedah perubatan barat.¹⁵

Selain *Ayurveda*, kalangan masyarakat India di Selangor turut mengambil kaedah pengubatan *Siddha* yang juga merupakan antara kaedah perubatan tradisional. Perubatan ini telah dicipta oleh Agasthiyar yang merupakan seorang sarjana Hindu yang sangat berpengaruh dalam pelbagai jenis bidang seperti keagamaan, bahasa dan perubatan di India. Mengikut legenda Tamil, perubatan *Siddha* ini berasal dari Tanah Comaria atau Lemuria yang merupakan sebuah benua besar dan luas yang bermula dari Semananjung India Selatan hingga ke laut Pasifik. Terdapat kepercayaan dalam kalangan orang India bahawa kaedah perubatan ini telah diperkenalkan di Tanah Melayu sejak sekurang-kurangnya abad ke-7. Kepercayaan ini terhasil melalui satu penemuan artifak yang terdapat di Bukit Batu Pahat, Lembah Bujang, Kedah. Catatan sejarah yang lebih jelas menunjukkan bahawa perubatan *Siddha* di Tanah Melayu (Selangor) telah berlaku pada tahun 1870-an. Periya Thambi yang merupakan seorang individu yang tergolong dalam tradisi Yogi Sivaraja dari Tamil Nadu telah menyebarkan ajaran perubatan *Siddha* tersebut. Beliau juga merupakan cucu kepada Annasamy, yang berkhidmat sebagai pengamal perubatan *Siddha* kepada kerabat diraja di istana Tanjai di Kumbakonam, India Selatan. Beliau memberikan perkhidmatan perubatan *Siddha* kepada semua orang. Selain

¹⁵ "Ayurvedic Medicine: An Ancient System", *The Malayan Medical Journal*, Vol. 2, No.3, 1927, hlm. 114.

itu, beliau turut melatih dan mengajar kaedah perubatan ini kepada kira-kira 50 orang pelajar termasuk anaknya sendiri. Hasil daripada didikan inilah, anak beliau iaitu Ganapathy, turut mengembangkan perubatan ini. Selain daripada *Ayurveda* dan *Siddha*, misi Ramakrishnan yang merupakan misi keagamaan Hindu juga turut terlibat dalam memberikan perkhidmatan perubatan kepada kalangan orang India terutamanya di kawasan Kuala Lumpur dan Brickfield. Perkhidmatan perubatan dan kesihatan ini dilakukan melalui *Vivekananda Ashram*. Pusat ini mengajar senaman yoga dan meditasi mengikut prinsip *Siddha*.¹⁶

5.2.3.2 Penggunaan Ubat-Ubat Tradisional

Meskipun ubat-ubatan moden boleh diperolehi daripada hospital sama ada hospital kerajaan atau hospital ladang, namun orang India di Selangor masih tetap mengambil ubat-ubatan tradisional bagi merawat pelbagai penyakit terutamanya penyakit yang ringan. Ubat-ubatan sama ada daripada perubatan *Ayurveda* atau *Siddha* digunakan kerana bahan-bahan untuk menyediakan ubatan tersebut mudah diperolehi serta mudah disediakan. Penggunaan ubat-ubatan ini turut digunakan sebagai persediaan awal sebelum seseorang pesakit di hantar ke hospital. Biasanya ubat-ubatan ini terdapat dalam bentuk serbuk, air atau minyak.

Salah satu ubat tradisional yang kerap kali digunakan oleh orang India ialah *Kashayam* yang merupakan air rebusan campuran herba, akar tumbuhan, sayur-sayuran dan halia sebagai antara bahan-bahan utama. *Kashayam* merupakan perubatan *Ayurveda* dan ia mudah untuk disediakan. Untuk menyediakannya, bahan-bahan campuran herba, akar tumbuhan, halia serta sayur-sayuran akan ditumbuk dan direbus. Setelah mendidih air rebusan tersebut akan ditapis sebelum boleh diminum. Fungsi *kashayam* berbeza mengikut kepada bahan yang digunakan. Ini bermakna, dianggarkan terdapat antara 10

¹⁶ M. Rajantheran, Sarjit S. Gill, Balakrishnan Muniapan, K. Sillalalee and S. Manimaran, "A Critical Analysis Of Siddha Tradition In The Context Of Malaysian Hindu Culture", *Life Science Journal*, Vol. 11, No.7, 2014, hlm. 27-32.

hingga 20 jenis *kashayam*. Secara umumnya, *Kashayam* mampu memberikan perlindungan awal terutamanya kanak-kanak. Kanak-kanak yang mengalami sakit perut, demam, atau selesama akan diberikan ubat ini. Orang India percaya bahawa *kashayam* dapat meningkatkan imuniti badan. Selain itu, *Kashayam* turut digunakan sebagai ubat luka serta mampu melawan kuman. *Kashayam* mampu mempercepat proses pemulihan kecederaan.¹⁷ Bagi kalangan pekerja ladang yang sememangnya melakukan kerja-kerja berat dan tidak terlepas daripada kecederaan, maka adanya ubat ini mampu mengurangkan kesakitan terutamanya luka atau cedera kecil.

Selain *Kashayam*, antara ubatan lain yang turut digunakan oleh orang India di Selangor ialah *thailam* yang merupakan minyak herba dan ubatan ini berasal daripada perubatan *Siddha* dan *Ayurveda*. *Thailam* dihasilkan menggunakan sayur-sayuran, kelapa, halia dan tumbuhan margosa. Minyak yang diekstrak daripada campuran bahan-bahan ini turut digunakan untuk keperluan harian. Fungsi utama *thailam* adalah sebagai minyak urutan. Apabila seorang mengalami kekejangan otot selepas bekerja di ladang, mereka akan menggunakan ubat tradisional ini. *Thailam* dipercayai mampu mengurangkan sakit sendi dan otot serta membantu dalam mengurangkan kekejangan. Ia mampu menghilangkan ketegangan pada otot dan mengurangkan bengkak dan keradangan otot. Pada masa yang sama, *thailam* turut digunakan sebagai tonik rambut untuk mengurangkan keguguran rambut serta menambahkan pertumbuhan rambut dengan pantas.¹⁸ Seterusnya ialah *choornam* yang merupakan sejenis ubat tradisional dalam bentuk serbuk. Dalam resipi *Ayurveda*, *choornam* boleh disediakan dengan campuran sayur-sayuran, buah-buahan, herba dan ubi serta kulit kayu. Semua bahan ini akan dikeringkan dan ditumbuk halus untuk dijadikan serbuk. *Choornam* biasanya diberikan kepada pesakit bersama dengan madu atau minyak sapi atau kedua-duanya.

¹⁷ Frederick C. Colley, "Traditional Indian Medicine In Malaysia", *JMBRAS*, Vol. 51, No.1, 1978, hlm. 77-109

¹⁸ *Ibid.*, hlm.78.

Antara manfaat utama *choornam* adalah mampu menyeragamkan proses penghadaman serta mengurangkan gangguan penghadaman seperti senak, gastrik dan keasidan perut. Oleh itu, *Choornam* dilihat sebagai ubat tradisional yang biasa digunakan dalam kehidupan harian di rumah-rumah orang India.¹⁹ Satu lagi ubat tradisional yang turut digunakan oleh orang India ialah *lehyam*. Antara bahan membuat *lehyam* ialah susu, gula, madu, dan minyak sapi. *Lehyam* merupakan ubat yang menjadi pilihan lelaki kerana dipercayai mampu memberi kekuatan dan kelebihan ketika mengadakan hubungan seksual. *Lehyam* dipercayai dapat meningkatkan tenaga, mengurangkan keletihan dan mengekalkan stamina badan secara semula jadi. Selain itu, ia turut menjamin kekuatan otot dan tenaga seksual serta mengatasi gejala tekanan dan kebimbangan. Pengambilannya akan meningkatkan kecerdasan minda serta mendorong minda untuk bertindak dengan lebih aktif. *Lehyam* turut diambil oleh golongan wanita dalam bentuk tonik terutamanya selepas bersalin. Ini kerana *lehyam* dipercayai dapat menguatkan serta membersihkan rahim mereka.²⁰ Masyarakat India di Selangor telah menggunakan ubat-ubat tradisional ini sebagai perlindungan awal daripada penyakit kronik. Mereka turut memilih ubat-ubat ini berdasarkan penyakit mereka. Bagi melancarkan proses ini, remedi ubat-ubat tradisional dari India akan dipaparkan di beberapa kedai runcit yang berlokasi di Kuala Lumpur. Ada juga sesetengah kedai runcit telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan katalog yang mengandungi senarai penyakit bersama dengan cadangan ubatan tradisional untuk merawat penyakit. Maka, Perkara ini amat memudahkan golongan masyarakat India yang tinggal di Selangor untuk memilih ubat-ubat tradisional yang sesuai untuk rawatan serta menggiatkan lagi penggunaan ubat-ubat ini dalam kalangan masyarakat mereka.²¹

¹⁹ Ibid., hlm. 81.

²⁰ Ibid., hlm. 82.

²¹ Ibid., hlm. 84.

5.3 PENYEBARAN PENYAKIT BERJANGKIT

Perbincangan berikut ini melihat kepada aspek penyakit berjangkit yang dihadapi oleh kalangan orang India di Selangor. Perbincangan memberikan perhatian kepada empat jenis penyakit berjangkit yang serius yang sering kali menjangkiti orang India terutamanya yang bekerja di kawasan ladang. Penyakit tersebut ialah malaria, *Ankylostomiasis*, kolera dan disentri (cirit-birit). Penyakit-penyakit ini dilihat sebagai “penyakit fizikal” iaitu mereka yang dijangkiti dengan penyakit ini akan mengalami perubahan secara fizikal.²²

5.3.1 Malaria

Antara penyakit yang sering kali mengancam kesihatan orang India di Selangor adalah penyakit malaria. Malahan jika dibandingkan dengan penyakit-penyakit lain, kadar kematian yang disebabkan oleh penyakit ini adalah cukup tinggi. Dianggarkan kira-kira 50% daripada kadar kematian orang India adalah disebabkan oleh penyakit ini.²³ Malaria tergolong dalam mikro-organisma genus *Plasmodium*. Lazimnya, penyakit malaria merebak daripada seorang individu ke individu lain melalui gigitan nyamuk *Anopheles*. Simptom-simptom malaria ialah demam panas, sakit kepala, kekejangan otot serta muntah. Kadang kala, penyakit malaria boleh menyebabkan penyakit lain seperti *anemia* dan *jaundis* atau *disentri* dan *ankylostomiasis*.²⁴ Penyakit malaria merupakan antara jenis penyakit yang dapat ditemui secara mudah di hospital-hospital ladang di Selangor dan jumlah pesakit yang direkodkan di hospital ini terutamanya dalam kalangan orang India adalah lebih tinggi berbanding di hospital kerajaan. Apabila seorang pekerja ladang dihidapi penyakit ini, maka dia tidak akan mampu bekerja untuk 3 hingga 4 hari atau sehingga dia benar-benar pulih semula. Keadaan ini akan sedikit sebanyak

²² Istilah ini digunakan untuk membezakannya dengan penyakit mental yang membawa kepada gangguan mental termasuk bunuh diri yang akan dibincangkan di dalam bahagian selanjutnya.

²³ Proposed Experiment by Dr. Watson for Prevention of Estate Coolies From Malaria, 25.9.1906, SUK.SEL. 5559/1906.

²⁴ Annual Report on The Health Department for 1911, 23.3.1912, hlm. 10, SUK.SEL. 1549/1912.

menjejaskan operasi di ladang. Keadaan ini menyebabkan usaha untuk memastikan malaria dapat diatasi merupakan antara perkara penting yang dilakukan oleh pihak pengurusan ladang.

Jadual 5.1: Bilangan Kes Malaria Dalam Kalangan Orang India di Selangor, 1930-1935

Tahun	Bilangan Kes	Bilangan Kematian
1930	6, 957	281
1932	8, 523	223
1933	10, 730	210
1935	3, 515	71

Sumber: Annual Report of Medical Department Selangor, 1930, 1932-1935

Mengikut Jadual 5.1, bilangan kes malaria dalam kalangan orang India adalah sebanyak 6,957 orang. Daripada 6,957 orang yang dijangkiti dengan penyakit ini, seramai 281 orang telah meninggal dunia pada tahun 1930.²⁵ Selepas itu, bilangan kes penyakit malaria meningkat kepada 8,523 orang pada tahun 1932. Walaupun bilangan kes menunjukkan peningkatan tetapi bilangan kematian akibat penyakit telah berkurang kepada 223 orang bagi tahun tersebut. Pada tahun 1933, bilangan kes penyakit malaria masih meningkat hingga mencapai 10,730 orang, tetapi bilangan kematian berkurang kepada 210 orang.²⁶ Pada tahun 1935, satu perubahan yang ketara telah berlaku apabila bilangan kes penyakit Malaria menurun kepada 3,515 orang serta bilangan kematian juga berkurang kepada 71 orang.²⁷ Daripada data-data ini, jelas menunjukkan bahawa malaria sememangnya merupakan penyakit merbahaya dan kalangan buruh-buruh India terutamanya di kawasan ladang agak terdedah dengan serangan nyamuk yang menjadi punca penyakit ini.

²⁵ Annual Report of Medical Department Selangor for the Year 1930, 25.2.1931, SUK. SEL. 507/1931.

²⁶ Annual Report of The Medical Department Federated Malay States for 1933, hlm. 29.

²⁷ Annual Report of The Medical Department State of Selangor for the Year 1935, hlm. 32.

Malaria sememangnya telah diklasifikasikan sebagai penyakit merbahaya yang meragut sebanyak 35 hingga 45 peratus nyawa buruh India di NNMB secara keseluruhannya.²⁸ Kalangan buruh-buruh India dilihat lebih berisiko dan terdedah kepada penyakit ini jika dibandingkan dengan buruh-buruh lain termasuk buruh Cina. Cara hidup dan disiplin buruh Cina yang lebih baik jika dibandingkan dengan buruh India dilihat sebagai antara faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Bagi kalangan buruh Cina, mereka didapati lebih berdisiplin termasuk kerap minum air panas termasuk teh yang dianggap mampu membantu memulihkan tenaga mereka. Minum air panas mampu mengurangkan risiko penyakit malaria. Selain itu, mereka juga menggunakan kelambu pada waktu malam. Keadaan ini agak kurang diberikan perhatian oleh kalangan buruh India. Meskipun kelambu disediakan termasuk sewaktu mereka berada di hospital, namun mereka enggan untuk menggunakannya. Malah kebanyakan buruh-buruh India turut tidak memasang kelambu sewaktu tidur di rumah mereka.²⁹ Semua perkara ini telah mendorong kepada peningkatan kes malaria dalam golongan buruh India. Selain faktor ini, terdapat beberapa faktor lain yang turut mempengaruhi penularan wabak malaria terutama dalam kalangan orang India.

Faktor utama yang menyebabkan buruh India mudah terdedah kepada penyakit malaria adalah daya tahan imun yang rendah jika dibandingkan dengan buruh Cina atau Jawa. Sebagaimana yang disebutkan, cara hidup dan disiplin orang India didapati agak kurang berbanding buruh Cina dan Jawa. Makanan dan minuman yang disediakan disediakan dengan lebih baik. Bagi buruh Cina dan Jawa, penyediaan makanan dikhususkan kepada individu tertentu dan mereka akan makan secara bersama. Ini agak berbeza dengan buruh India yang memasak secara bersendirian. Ramai daripada mereka hanya mempunyai sedikit pengetahuan dalam menyediakan makanan secara teratur.

²⁸ Lihat penelitian secara terperinci mengenai keadaan malaria di Negeri-negeri Melayu Bersekutu antara tahun 1896-1914 dalam Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008, Bab 3.

²⁹ *Annual Report of The Agent of the Government of India in British Malaya for the Year 1916*, hlm.75.

Kadang kala, mereka cuai dan tidak terlalu mengambil kira mengenai kualiti bahan makanan yang digunakan dalam masakan mereka. Hal ini telah mendorong golongan buruh India untuk mengambil makanan yang tidak sihat sehingga fizikal dan daya tahanan imun mereka menjadi lemah. Keadaan ini menyebabkan mereka mudah terdedah kepada penyakit.³⁰

Selain itu, buruh-buruh India juga didapati kurang mengambil ubat kuinina iaitu satu-satunya ubat bagi penyakit malaria. Ubat ini berfungsi untuk menghapuskan parasit yang ada di dalam badan serta menghalangnya daripada berkembang. Bekalan kuinina yang terhad menyebabkan hanya mereka yang menghadapi demam berpanjangan akan memperolehnya. Selain itu, sebahagian buruh India pula didapati enggan untuk disuntik dengan kuinina.³¹ Faktor persekitaran yang kotor dan dipenuhi sampah termasuk bekas-bekas makanan, botol dan tin-tin lama termasuk yang dibuang di longkang menyebabkan longkang bertakung dan ini menjadi tarikan kepada pembiakan nyamuk. Bukan itu sahaja, najis-najis dari haiwan ternakan mereka khususnya ayam dan kambing juga tidak dibersihkan dengan teratur. Perkara ini telah mengundang bau busuk di sekitar mereka secara berpanjangan. Oleh sebab ini, kesejahteraan hidup serta kesihatan buruh India terus merosot dan mudah terdedah kepada penyakit.³²

Dalam masa yang sama, meskipun hospital-hospital ladang seharusnya memberi rawatan kepada mereka yang menghidapi penyakit malaria, namun dalam banyak keadaan, hospital-hospital ladang ini tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi. Selain itu, terdapat juga kaki tangan yang kurang berpengalaman dalam menangani masalah serius seperti malaria. Mereka hanya mengetahui mengendalikan masalah kecederaan ringan dan tidak serius. Doktor pula hanya akan melawat hospital-hospital ladang ini secara berkala hingga rawatan yang sepatutnya kepada pesakit yang mengidap

³⁰Annual Report on The Health Department for 1911, 23.3.1912, hlm. 11, SUK.SEL. 1549/1912.

³¹ Ibid., hlm. 12.

³² Ibid., hlm. 13.

malaria tidak dapat dilakukan dengan sempurna.³³ Selain itu, kesukaran memusnahkan nyamuk *anopheline* merupakan antara faktor yang menyebabkan penyakit ini kerap berlaku di kawasan ladang. Pembiakan nyamuk ini biasanya berlaku di kawasan sungai dan paya. Usaha penghapusan pembiakan nyamuk ini adalah agak sukar kerana kedua-dua tempat pembiakan nyamuk ini adalah tempat sumber air. Kedua-dua kawasan ini memainkan peranan penting dalam memberikan sumber air penting kepada penduduk kawasan ladang. Air ini digunakan untuk aktiviti kehidupan seharian penduduk. Penyemburan minyak penghapusan nyamuk ke atas sumber-sumber air ini akan menjejaskan kualiti sumber air serta kesihatan penduduk. Oleh sebab ini, penyemburan minyak penghapus nyamuk atau yang disebut sebagai *dichloro-diphenyl-trichloroethane* (DDT) tidak dilakukan di kedua-dua tempat ini serta mengiatkan pembiakan nyamuk *anopheline*.³⁴

Menyedari betapa seriusnya ancaman malaria terhadap kalangan penduduk ladang, maka usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa untuk menangani masalah ini. Antara tindakan yang dilakukan adalah dengan menubuhkan sebuah Lembaga Penasihat Malaria pada tahun 1911 di Kuala Lumpur, Selangor.³⁵ Langkah awal adalah dengan menyebarkan maklumat mengenai bahaya penyakit malaria kepada penduduk. Satu pameran khas mengenai pencegahan malaria diadakan di Kuala Lumpur pada 31 Julai 1925 dan berlanjutan selama empat hari. Seramai 70,000 orang telah menyertai pameran ini. Captain K.B Williamson, Pegawai Penyelidikan Malaria telah membentangkan usaha-usaha yang dirancang untuk mencegah wabak malaria. Antara aspek penting yang diberikan penekanan adalah mengelakkan air bertakung termasuk memastikan longkang dan parit tidak mengandungi sampah sarap yang menghalang aliran air. Usaha pendedahan juga dilakukan di kawasan sasaran utama iaitu di kawasan ladang.


³³Annual Report of The Agent of the Government of India in British Malaya for the Year 1916, hlm. 16.

³⁴Annual Report on The Health Department for 1911, 23.3.1912, hlm. 14, SUK.SEL. 1549/1912.

³⁵Minutes of Meeting of The Malaria Advisory Board, 5.12.1911, SUK.SEL. 5577/1911.

Sememangnya saluran air sangat penting kepada penanaman getah, dan hal ini jugalah yang menarik perhatian nyamuk pembawa virus malaria untuk bertelur dan seterusnya menyebabkan masalah malaria. Bagi memastikan saluran air di kawasan ladang tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk, maka usaha pembersihan perlu dilakukan secara berterusan. Kaedah-kaedah terbaharu dalam menghalang penyebaran malaria juga dilakukan termasuk mempromosikan penyembur minyak (DDT). Penyembur minyak ini terdiri daripada dua jenis produk iaitu produk kimia dan produk semula jadi. Produk ini dilihat mampu mengawal pembiakan nyamuk dan sangat sesuai dilaksanakan di kawasan ladang. Bukan itu sahaja, risalah-risalah yang menjelaskan tentang penyakit malaria turut diedarkan. Risalah ini turut ditulis dalam bahasa Tamil, English, Cina dan Melayu (tulisan jawi).³⁶

Gambar 5.4: Risalah Mengenai Kelambu Kanti Sebagai Perlindungan Malaria



Sumber: Report of The Malaria Advisory Board For The Year 1925, 15.9.1926, SUK SEL 4615/1926.

³⁶ Report of The Malaria Advisory Board for The Year 1925, 15.9.26, hlm. 4, SUK.SEL. 4615/1926.

Selain itu, pembekalan dan pemasangan langsir nyamuk dan kelambu turut dilakukan. Demi mengurangi kes-kes malaria dalam kalangan buruh India, pihak kerajaan telah melaksanakan satu usaha yang proaktif iaitu membekalkan langsir nyamuk kepada mereka secara percuma. Walau bagaimanapun, kalangan buruh India didapati enggan memasangnya di rumah mereka. Keadaan ini menyebabkan satu arahan lebih tegas dikeluarkan terutamanya kepada majikan ladang agar memasang langsir nyamuk di semua bangunan di mana buruh-buruh India ditempatkan pada waktu malam. Perkara ini telah dibuktikan dalam laporan tahunan persidangan perubatan yang diadakan pada tahun 1901 yang menjelaskan

Such buildings need not be expensive; and employers had expressed their willingness to put them up could they only be assured that the health of their coolies would gain by their adoption.³⁷

5.3.2 *Ankylostomiasis* (Penyakit Usus)

Ankylostomiasis adalah salah satu penyakit yang menjadi ancaman kesihatan serius kepada golongan buruh India di Selangor terutama yang bekerja di ladang. Jangkitan cacing parasit iaitu cacing *ancylostoma duodenale* dalam badan mengakibatkan penyakit ini. Setelah dijangkiti dengan cacing *ancylostoma duodenale*, parasit kemudiannya tersebar ke anggota badan lain terutamanya usus kecil. Cacing-cacing *ancylostoma duodenale* yang berada di dalam bahagian usus kecil akan meningkat dari segi jumlahnya dan lama kelamaan akan merosakkan anggota lain. Lazimnya, mereka yang menghidap penyakit ini akan mengalami masalah usus. Rawatan yang sepatutnya hanya dapat dilakukan di hospital dan penentuan bahawa sama ada mereka mendapat penyakit ini atau tidak adalah melalui ujian terhadap sampel najis mereka.³⁸

³⁷ Medical Conference: Report of Proceedings of the Second Annual, 12.4.1901, SUK.SEL. 2156/1901.

³⁸ *Annual Report of the Agent of the Government of India in British Malaya for the Year 1916*, hlm. 76.

Penyakit ini sangat merbahaya kepada wanita yang mengandung. Ini kerana cacing *ancylostoma duodenale* dan boleh merosakkan embrio akan menyebabkan kematian bayi dalam kandungan. Penyakit ini juga turut melemahkan daya fizikal badan pesakit. Toksin yang dirembaskan oleh cacing *ancylostoma duodenale* ke dalam badan menjadi faktor kepada perkara ini. Mereka tidak mampu berkerja dan ketiadaan imuniti badan akan menyebabkan mereka mudah diserang penyakit lain terutamanya malaria.³⁹ Kes malaria turut meningkat dalam kalangan buruh India Selangor disebabkan jangkitan penyakit *ankylostomiasis* dan laporan yang ada menyebutkan bahawa 75% daripada kes Malaria adalah disebabkan kes *ankylostomiasis*. Mengurangkan dan menghapuskan penyakit *ankylostomis* akan juga bermakna berkurangnya kes-kes kematian akibat malaria.⁴⁰

Jika diteliti, terdapat pelbagai faktor yang boleh menyebabkan seseorang dihidapi penyakit ini. Antaranya ialah berjalan di atas tanah yang tercemar tanpa memakai kasut boleh menyebabkan cacing memasuki anggota badan melalui kaki. Walau bagaimanapun, diperingkat awal, tiada sebarang simpton ditunjukkan namun cacing tersebut sebenarnya telah memasuki saluran usus dan anggota badan yang lain. Mereka mudah terdedah kepada penyakit seperti malaria dan *anemia* (kekurangan sel darah merah). Malah laporan yang dikeluarkan pada tahun 1914 menunjukkan bahawa hasil daripada pemeriksaan yang dilakukan terhadap buruh-buruh ladang di Selangor, didapati 60% mempunyai penyakit *anemia*. Penyakit *anemia* turut dikaitkan dengan penyakit *ankylostomiasis*. Penyakit *anemia* turut didapati memberikan *stress* yang sangat tinggi kepada wanita-wanita yang hamil sehingga membawa kematian kepada ibu dan bayi. Oleh itu, penyakit *ankylostomiasis* boleh diungkapkan sebagai pembunuh senyap dan amat bahaya kepada golongan buruh India.⁴¹ Penyebaran *ankylostomiasis* turut berlaku dalam persekitaran yang kotor dengan sampah sarap dan sisa makanan serta najis haiwan peliharaan. Dan isu

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰Prevention of Ankylostomiasis in the Coolies affected by that disease, 4.2.1909, hlm. 3, SUK.SEL. 222/1909

⁴¹Proposed Ankylostomiasis Commission, 16.11.1914, SUK.SEL. 2027/1914.

kekotoran merupakan antara isu yang dilihat cukup signifikan dengan cara hidup kalangan buruh ladang. Keadaan ini menyebabkan tanah di sekeliling kawasan rumah/berek buruh-buruh ladang berada dalam keadaan tercemar. Hal ini disahkan oleh Dr. W. L. Braddon⁴² yang berkhidmat dengan Jabatan Kesihatan NNMB. Pencemaran inilah memungkinkan merebaknya penyakit *ankylostomiasis*.⁴³

Menyedari betapa seriusnya masalah kesihatan ini terutama kepada kalangan buruh ladang, maka sebuah jawatankuasa bagi mencari jalan untuk mengatasinya dilakukan. Jawatankuasa Pencegahan *Ankylostomiasis* (JPA) ini diketuai oleh Sir Patrick Manson, seorang pakar sains kesihatan yang telah menjalankan kajian dan mengemukakan beberapa cadangan bagi mengurangkan kes-kes penyakit ini kepada pihak kerajaan. Antara cadangan yang dikemukakan ialah agar pihak kerajaan mengenakan penalti kepada buruh-buruh India yang membuat pencemaran terutamanya membuang najis di kawasan yang tidak sepatutnya di kawasan ladang. Pembuangan najis merupakan punca utama pencemaran tanah yang menyebabkan risiko jangkitan *ankylostomiasis*. Bagi mengelakkan masalah pembuangan najis di kawasan terbuka, pihak kerajaan turut diberikan cadangan untuk membina tandas di kawasan ladang. Peruntukan untuk pembinaan tandas murah ini harus dilaksanakan bagi memastikan keselesaan dan kesihatan buruh-buruh India terjamin.⁴⁴

Selain itu, kempen mengenai isu penyakit ini akan didedahkan kepada kalangan pelajar sekolah di seluruh Selangor terutamanya di sekolah-sekolah ladang. Risalah-risalah yang menjelaskan maklumat ringkas tentang wabak ini diedarkan secara berkala kepada pihak sekolah. JPA juga menekankan penguatkuasaan peraturan kebersihan. Bagi menangani masalah ini, seorang Inspektor Kesihatan akan ditempatkan di setiap daerah yang akan

⁴² Dr. William Leonard Braddon memulakan perkhidmatan di NNMB pada tahun 1888 sebagai District Surgeon Kuala Lumpur sebelum kemudiannya memegang jawatan sebagai State Surgeon Negeri Sembilan pada tahun 1899. Beliau memegang jawatan ini sehingga 1908. Lihat Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, hlm. xxiii, nota rujukan 31.

⁴³ Prevention of Ankylostomiasis in the Coolies affected by that disease, 4.2.1909, hlm. 1, SUK.SEL. 222/1909

⁴⁴ Ibid.

bertanggungjawab menguatkuasakan peraturan yang berkaitan isu kebersihan di daerah tersebut. Selain penguatkuasaan undang-undang, beliau turut diberikan amanah untuk membantu pihak berkuasa tempatan, pegawai perubatan atau pihak-pihak lain yang melibatkan isu kebersihan di daerah masing-masing. Melalui usaha ini, penyebaran penyakit *ankylostomiasis* akan dapat dikawal secara berperingkat.

Terakhir adalah proses rawatan yang lebih sistematik termasuk mengedarkan ubat ke setiap hospital termasuk di hospital ladang. *Anthelmintics* merupakan ubat pencegahan *ankylostomiasis* boleh diedarkan dengan harga yang murah. Selain itu, *Beta-Naphthol* juga boleh digunakan untuk mencegah penyakit *ankylostomiasis* tetapi ia hanya boleh digunakan di bawah pengawasan pihak perubatan.⁴⁵ Kombinasi pelbagai usaha ini dilaksanakan bagi memastikan penyakit ini berada dalam kawalan dan seterusnya tidak menjejaskan aktiviti perladangan di Selangor.

5.3.3 Kolera

Penyakit kolera juga merupakan salah satu penyakit berjangkit yang mengancam kesihatan orang India di Selangor. Penyakit ini berpunca daripada bakteria *vibro cholera* dan merebak melalui pengambilan makanan atau air yang tercemar terutamanya dengan najis atau muntah orang yang dijangkiti dengan bakteria ini. Penyebaran penyakit kolera mudah berlaku di persekitaran yang kotor, bekalan air yang tidak bersih, sistem sanitasi yang tidak teratur serta tiada kemudahan tandas yang sempurna. Jika diperhatikan keadaan-keadaan yang membolehkan penyebaran kolera berlaku, maka jelas menunjukkan bahawa kawasan persekitaran di ladang sememangnya menyediakan suasana yang ideal untuk menjadi “sarang” kolera. Walau bagaimanapun, penyebaran penyakit kolera bukan sahaja berlaku di kawasan ladang yang sememangnya menyediakan kawasan perumahan yang tidak sempurna. Ini kerana penyakit ini turut

⁴⁵ Ibid., hlm.2.

boleh berlaku sebelum buruh-buruh ini mendarat di depoh pendaratan yang ditetapkan. Penyakit kolera boleh merebak sejak buruh di dalam kapal sewaktu dalam perjalanan ke Tanah Melayu lagi. Selain itu, sejak 1920-n, beberapa wilayah di India seperti Malabar, Madura, Trichinopoly, Ramnad, Canara Selatan, Chinglepot dan Daerah Cheour telah disahkan sebagai antara kawasan wabak kolera dan ramai yang telah meninggal dunia akibat wabak ini. Keadaan ini menyebabkan kawasan ini dilabel sebagai kawasan hitam dan penduduknya tidak dibenarkan untuk direkrut sebagai buruh dan datang ke Tanah Melayu buat seketika.

Keadaan bersesak dan tidak mempunyai sistem pengudaraan, makanan dan minuman yang sempurna merupakan antara faktor yang menyebabkan kolera mudah merebak di atas kapal yang membawa buruh-buruh India ke Tanah Melayu.⁴⁶ Kes pertama penyakit kolera yang melibatkan buruh India telah dilaporkan pada 4 Jun 1914 di kapal wap Tara. Buruh India yang terbabit dalam kes ini mengalami muntah dan cirit-birit secara berterusan. Oleh itu, beliau telah diasingkan dari buruh-buruh lain dan terus dihantar ke wad pengasingan.⁴⁷ Selepas itu, banyak lagi kes kolera dilaporkan. Misalnya sebanyak 26 kes penyakit kolera telah dilaporkan di Pelabuhan Swettenham pada 5 dan 8 Jun 1924. Mereka menaiki kapal S.S Teesta dan sebaik sahaja kapal bergerak menuju Tanah Melayu dari Nagapatnam, terdapat buruh India yang merasa tidak sihat, muntah dan mengalami cirit birit yang teruk. Pegawai kesihatan yang bertugas di atas kapal telah mengesahkan bahawa semua kes yang terbabit adalah kes penyakit kolera.⁴⁸ Meskipun jangkitan kolera boleh berlaku di atas kapal, namun yang lebih serius sebenarnya adalah jangkitan kolera di ladang-ladang di Selangor.

⁴⁶Outbreak of Cholera at the Quarantine Camp, Port Swettenham, 28.5.1924, SUK.SEL. 2175/ 1924.

⁴⁷Cholera in Port Swettenham, 30.5.1914, SUK.SEL. 2807/1914.

⁴⁸Outbreak of Cholera at the Quarantine Camp, Port Swettenham, 28.5.1924, SUK.SEL. 2175/ 1924.

Jadual 5. 2: Bilangan Kes Kolera di Kawasan Ladang, Selangor

Tarikh	Tempat	Bilangan Pesakit	Bilangan Kematian
24 Jun 1910	Estet Golden Hope	290	1
7 Julai 1910	Estet Ayer Kuning	2	2
18 Julai 1910	Estet Bukit Rajah	3	1
22 Julai 1910	Estet Sungai Kapar	13	5
28 Julai 1910	a) Estet Vallamorosa	1	-
	b) Estet Brafferton & Estet Golconda	3	-
	c) Estet Sungai Buloh	19	10
	d) Estet Teluk Gong	7	3
1 September 1910	Estet Batu Tiga	10	9
19 Ogos 1914	Estet Raja Hitam	33	29

Sumber: Cholera on Golden Hope Estate, Klang, 24.6.1910, SUK.SEL. 665/1910, Cholera at Ayer Kuning, Estate, Klang, 9.7.1910, SUK.SEL. 730/1910, Cholera at Bukit Rajah Estate, Klang, 18.7.1910, SUK.SEL. 959/1910. Cholera at Sungai Kapar, Brafferton, Golconda and Bukit Rajah and Quarantin Station, 22.7.1910, SUK.SEL. 3282/1910. Cholera at Vallamborosa, Sungai Kapar, Braffenton, Golconda, Sungai Buloh, Rantau Panjang and Teluk Gong Estates, 28.7.1910, SUK.SEL. 3367/1910. Cholera at Batu Tiga Estate Hospital, 1.9.1910, SUK.SEL. 3874/ 1910.

Jadual 5.2 menunjukkan kes kolera yang dilaporkan di ladang-ladang di Selangor. Ladang Golden Hope, Klang merekodkan jumlah pesakit kolera yang tinggi. Pada 14 Jun 1910, seorang buruh India yang tiba dari Pelabuhan Swettenham selepas dikurantin di Pulau Jerajak disyaki sebagai punca utama kepada penyebaran kolera di ladang ini. Beliau mula menunjukkan simptom-simptom kolera pada petang 22 Jun 1910, namun meninggal dunia pada 23 Jun 1910. Laporan *post-mortem* mengesahkan bahawa beliau dijangkiti kolera. Walau bagaimanapun, kolera telah merebak dan sehingga 24 Jun 1910, sebanyak 290 kes kolera telah dilaporkan dan seorang buruh telah meninggal dunia dalam kalangan buruh India di ladang ini.⁴⁹

Pada 7 Julai 1910, satu laporan mengenai kes kolera di Ladang Ayer Kuning telah di terima oleh Jabatan Kesihatan. Seorang wanita Tamil yang berusia 70 tahun telah meninggal dunia akibat kolera. Pemeriksaan lanjut yang dilakukan oleh Dr. Stanson terhadap wanita berkenaan turut mengesahkan jangkitan penyakit ini. Wanita ini

⁴⁹Cholera on Golden Hope Estate, Klang, 24.6.1910, SUK.SEL. 665/1910.

dijangkiti kolera daripada ayahnya yang telah meninggal dunia pada 4 Julai 1910. Keduanya baru sahaja dibenarkan keluar daripada Pusat Kuarantin Port Swettenham. Bagi mengelakkan penyakit ini merebak, kalangan buruh yang tinggal di perumahan yang sama telah diasingkan. Selain itu kawasan ladang telah di kawal oleh pihak polis agar pergerakan keluar-masuk dapat dipantau bagi mengelakkan penyakit tersebut merebak.⁵⁰ Satu lagi ladang yang menghadapi penularan wabak penyakit kolera ialah Ladang Bukit Rajah, Klang. Pada 16 Julai 1910, dua kes kolera dilaporkan terhadap sekumpulan buruh India yang baru sahaja tiba di ladang ini. Daripada dua kes ini, seorang telah meninggal dunia. Daripada pemeriksaan yang dilakukan didapati mereka merupakan sekumpulan buruh yang mengidap kolera di dalam Kapal Tesla iaitu kapal yang membawa mereka dari India ke Tanah Melayu. Meskipun telah dikuarantin, namun mereka dilepaskan selepas di tahan selama 7 hari. Bagi mengelakkan penularan penyakit ini, maka satu usaha bersepadu mengesan buruh-buruh lain yang ditempatkan di ladang-ladang lain telah dilakukan dan mereka kemudiannya diasingkan.⁵¹

Pada 22 Julai 1910, lima kes yang membabitkan jangkitan wabak kolera telah dilaporkan di Ladang Sungai Kapar dalam kumpulan buruh India yang baru tiba dari India. Malangnya, mereka semua telah meninggal dunia. Kemudian, tiga lagi kes kolera telah dilaporkan di ladang ini dan kes ini merupakan kes-kes lanjutan daripada lima kes sebelumnya. Keadaan menjadi semakin sukar di kawal apabila buruh-buruh lama di ladang ini turut dijangkiti penyakit ini. Dalam menghadapi keadaan ini, pihak polis telah dipanggil dan mengawal keadaan serta memastikan kalangan buruh tidak lari daripada ladang kerana ini akan menyebabkan merebaknya penyakit ini di luar kawasan ladang.⁵² Ladang-ladang lain di Selangor termasuk Ladang Vallamorosa, Brafferton dan Golconda juga tidak terlepas daripada menghadapi penularan wabak kolera. Ladang Vallamorosa

⁵⁰Cholera at Ayer Kuning, Estate, Klang, 9.7.1910, SUK.SEL. 730/1910.

⁵¹Cholera at Bukit Rajah Estate, Klang, 18.7.1910, SUK.SEL. 959/1910.

⁵²Cholera at Sungai Kapar, Brafferton, Golconda and Bukit Rajah and Quarantin Station, 22.7.1910, SUK.SEL. 3282/1910.

merekodkan satu kes, manakala Ladang Brafferton dan Ladang Golcondo telah merekodkan tiga kes secara keseluruhan. Meskipun begitu, tiada rekod kematian yang dilaporkan di ketiga-ketiga ladang ini. Di Ladang Sungai Buloh, sebanyak 17 kes kolera dilaporkan yang melibatkan kumpulan buruh baru. Daripada jumlah ini, sepuluh orang telah meninggal dunia. Lapan daripada sepuluh kes kematian ini telah disyaki tinggal di barisan rumah yang sama. Semua rekod jumlah pesakit dan kes kematian hanya dilaporkan sehingga 28 Julai 1910. Buruh-buruh lain yang dipercayai mempunyai kontak rapat dengan kes-kes kolera telah diasingkan. Selepas kejadian ini, pihak majikan telah membekalkan bekalan air bersih serta air panas kepada semua buruh-buruh India di ladang ini. Pada tarikh yang sama, Ladang Teluk Gong merekodkan tujuh kes kolera serta tiga kes kematian. Tujuh kes ini membabitkan buruh-buruh India yang terdiri daripada kumpulan lama dan baru.⁵³

Sebanyak 10 kes pula telah dilaporkan di Hospital Ladang Batu Tiga. 10 kes ini hanya melibatkan buruh-buruh India yang terdiri daripada kumpulan baru. Daripada 10 kes ini, seramai 9 orang telah meninggal dunia. Bagi mengawal keadaan, seramai empat hingga lima anggota polis telah ditempatkan di hospital ini untuk menghalang pergerakan pesakit-pesakit yang mempunyai kontak rapat dengan kes kolera. Hal ini turut didorong oleh satu insiden yang berlaku sebelumnya apabila dua orang pesakit yang dipercayai kontak rapat telah cuba melarikan diri dari hospital ini.⁵⁴ Penularan wabak kolera telah menjadi satu ancaman kesihatan di Ladang Raja Hitam, Kuala Selangor. Sebanyak 33 kes kolera telah dilaporkan dalam kalangan buruh India. Daripada 33 kes ini, hanya empat kes sahaja berjaya pulih seperti sedia kala sementara yang lain meninggal dunia. Pegawai Daerah Kuala Selangor telah melaporkan bahawa penyakit ini telah merabak melalui air sungai. Ini bermula apabila tindakan seorang buruh India yang dijangkiti kolera

⁵³Cholera at Vallamborosa, Sungai Kapar, Braffenton, Golconda, Sungai Buloh, Rantau Panjang and Teluk Gong Estates, 28.7.1910, SUK.SEL. 3367/1910.

⁵⁴Cholera at Batu Tiga Estate Hospital, 1.9.1910, SUK.SEL. 3874/ 1910.

menggunakan air sungai yang ada yang juga digunakan oleh buruh-buruh ladang untuk aktiviti harian mereka. Tindakan ini menyebabkan mereka dijangkiti kolera. Dalam memastikan kalangan buruh ladang ini dapat menggunakan air yang telah dimasak, maka usaha untuk memasak sejumlah 400 gelen air dilakukan bagi bekalan kepada kalangan buruh.⁵⁵

Jika diperhatikan, antara faktor penting yang menyebabkan berlakunya kolera ialah pengambilan air yang telah tercemar dengan virus kolera. Ketika buruh-buruh India masih berada di dalam kapal sewaktu perjalanan ke Tanah Melayu, mereka dijangkiti kolera kerana mengambil air yang disediakan di dek kapal yang telah tercemar.⁵⁶ Jumlah penumpang yang padat, sehingga mencapai 2,000 orang pada satu-satu masa di sesebuah kapal seperti yang berlaku pada kapal S.S. Teesta dan S.S. Ellenga menyebabkan penyakit kolera mudah merebak. Tiada kawalan kesihatan yang baik di atas kapal juga menyebabkan risiko seorang dijangkiti dengan kolera sangat tinggi.⁵⁷ Penelitian yang dilakukan oleh pihak berkuasa terhadap penyebaran penyakit kolera turut mendapati bahawa penyakit ini mampu tersebar melalui daun pisang. Di dalam kapal, daun pisang dijadikan sebagai “pinggan” sewaktu mereka makan dan didapati ia menyebabkan merebaknya kolera. Pada tahun 1921 and 1922, satu cadangan telah dikemukakan untuk membekalkan pinggan-mangkuk kepada buruh-buruh India. Mereka boleh menggantikan daun-daun pisang dengan pinggan untuk mengambil makanan dengan selamat. Cara ini akan membantu menghentikan jangkitan kolera dalam kalangan buruh India. Walau bagaimanapun, cadangan ini gagal dilaksanakan kerana adanya tentangan daripada pelbagai pihak terutamanya kerana alasan kasta, kesukaran pengangkutan dan kesukaran membekalkannya semasa makan.⁵⁸ Selain itu, kebersihan dek yang kurang memuaskan turut menjadi faktor yang menyebabkan merebaknya kolera di atas kapal. Tiadanya

⁵⁵Report on Cholera Outbreak Sabak Bernam, 28.8.1914, SUK.SEL. 4384/ 1914.

⁵⁶Outbreak of Cholera at The Quarantine Camp, Port Swettenham, 28.5.1924, SUK.SEL. 2175/ 1924.

⁵⁷Ibid.

⁵⁸Ibid.

tempat pembuangan najis yang baik menyebabkan ada kalangan penumpang yang membuang najis di atas dek kapal. Hal ini terdapat dalam Laporan Wabak Penyakit Kolera yang menjelaskan;

One carriers would easily infect other persons for every morning the deck of the ship and scuppers are a mass of faeces and even in the day time required frequent washing.⁵⁹

Sementara ketika mereka berada di ladang, mereka turut mengambil air yang telah tercemar serta tidak memasak air tersebut. Malah, terdapat penggunaan air sungai yang tercemar dengan najis manusia sebagaimana yang dilaporkan di ladang di Sabak Bernam. Malah bakteria *vibro cholerae* mampu berhidup di persekitaran sungai, paya dan perairan pantai.⁶⁰

Menyedari bahawa kolera membawa ancaman kesihatan yang serius kepada kalangan buruh ladang, maka usaha dilakukan bagi mengawalinya. Pihak berkuasa telah meningkatkan ujian pemeriksaan kesihatan. Buruh-buruh India yang baru tiba dari India akan ditempatkan di pusat kuarantin di Pelabuhan Swettenham. Mereka diwajibkan menjalani ujian pemeriksaan kesihatan di pusat tersebut sebelum dihantar ke kawasan pekerjaan mereka. Ujian ini dijalankan dengan lebih teliti bagi setiap orang kerana adanya kes wabak kolera di sekitar Pelabuhan Swettenham. Sekiranya, buruh-buruh India didapati bebas kolera serta penyakit lain, maka barulah mereka dibenarkan untuk pergi ke destinasi mereka. Mereka yang dijangkiti kolera akan dihantar ke hospital pusat kuarantin untuk mendapat rawatan yang selanjutnya.⁶¹

Selain itu, kawalan rapi dilakukan di pusat kuarantin serta kawasan ladang yang telah berlakunya wabak kolera ini termasuk oleh pihak polis. Tindakan ini dilakukan kerana adanya kes segelintir buruh India sanggup melarikan diri daripada pusat kuarantin

⁵⁹ Ibid.,

⁶⁰ Report on Cholera Outbreak Sabak Bernam, 28.8.1914, SUK.SEL. 4384/ 1914.

⁶¹ Cholera in the Immigration Depot at Port Swettenham, 19.7.1910, SUK.SEL. 3189/1910,

walaupun mereka dijangkiti dengan penyakit kolera. Pihak berkuasa akan menghentikan pergerakan buruh-buruh India yang tidak menjalani ujian pemeriksaan serta dijangkiti dengan penyakit ini. Kuarters-kuarter pekerja juga turut diberikan kawalan yang ketat supaya penularan penyakit kolera tidak berlaku dalam kalangan kakitangan kerajaan. Pintu-pintu utama kawasan ladang turut dikawal secara rapi.⁶²

5.3.4 Disentri

Disentri merupakan salah satu penyakit yang paling banyak menyebabkan kematian dalam kalangan buruh India di Selangor. Penyakit ini dikenali sebagai satu jangkitan bakteria yang terdapat pada usus manusia. Jangkitan ini akan membawa cirit-birit yang teruk sehingga mengandungi darah atau lendir dalam najis manusia. Simptom-simptom utama penyakit disentri adalah kekejangan perut yang amat menyakitkan, berasa sakit dan muntah serta suhu badan yang tinggi. Disentri dikategorikan kepada dua jenis iaitu *bacillary* disentri dan *amoebic* disentri. *Bacillary* disentri merupakan disentri yang berpunca daripada bakteria yang dikenali sebagai *shigellosis* manakala *amoebic* disentri berpunca daripada organism *amoeba*. Berbanding keduanya, *bacillary* disentri lebih berbahaya serta ia mampu merebak secara pantas dalam kalangan manusia.⁶³

Jadual 5.3: Bilangan Kes Disentri di Selangor, 1930, 1933 dan 1935

Tahun	Cina		Melayu		India	
	Jumlah Kes	Jumlah Kematian	Jumlah Kes	Jumlah Kematian	Jumlah Kes	Jumlah Kematian
1930	230	78	19	2	540	152
1933	555	146	151	9	1,247	185
1935	180	65	64	7	612	132

Sumber: Annual Report of Medical Department, Selangor

⁶² Resolution re-placaing Police at Kapar while Cholera continues, 30.7.1910, SUK.SEL. 278/1910,

⁶³ Annual Report of Medical Department Selangor For The Year 1928, 4.2. 1928, SUK.SEL. 274/1929.

Mengikut Jadual 5.3, bilangan kes disentri dalam kalangan buruh India adalah tinggi berbanding buruh-buruh lain. Pada tahun 1930, jumlah kes disentri yang telah dilaporkan adalah seramai 540 kes dan jumlah kematian adalah seramai 152 orang. Bagi buruh Cina pula, kes disentri adalah sebanyak 230 kes. Jumlah kematian akibat penyakit disentri adalah seramai 78 orang. Buruh Melayu merupakan golongan yang paling rendah dijangkiti dengan kes disentri. Jumlah kes yang direkodkan dalam kalangan mereka pada tahun yang sama adalah sebanyak 19 kes dan 3 kes kematian.⁶⁴ Selepas tiga tahun, angka bilangan kes disentri turut meningkat dalam semua golongan buruh dan sekali lagi kes disentri paling banyak direkodkan dalam kalangan buruh India. Pada tahun 1933, jumlah bilangan kes disentri yang direkodkan dalam kalangan buruh India adalah sebanyak 1,247 kes serta 185 kes kematian di Selangor. Buruh-buruh Cina pula merekodkan sebanyak 555 kes serta 146 kes kematian manakala golongan buruh Melayu merekodkan kes disentri yang sangat rendah iaitu 151 kes serta 19 kes kematian.⁶⁵ Kemudian, kes-kes disentri mula menunjukkan penurunan pada tahun 1935. Walaupun kes disentri secara keseluruhannya telah menjadi rendah tetapi kes-kes disentri yang dilaporkan dalam kalangan buruh India masih tinggi jika berbanding dengan golongan buruh yang lain. Golongan buruh India merekodkan sebanyak 612 kes serta 132 kes kematian manakala buruh Cina merekodkan sebanyak 180 kes serta 65 kes kematian. Kes-kes disentri masih rendah dalam buruh Melayu. Jumlah kes yang dilaporkan dalam kalangan mereka adalah sebanyak 64 kes serta 7 kes kematian.⁶⁶

Faktor utama penularan wabak disentri adalah penjagaan kebersihan yang tidak sempurna. Ini kerana, disentri boleh menjangkiti seorang individu dan orang lain secara pantas jika seseorang telah dijangkiti dengan penyakit ini. Penyakit ini turut merebak

⁶⁴ Annual Report of Medical Department Selangor for the Year 1930, 25.2.1931, SUK. SEL. 507/1931.

⁶⁵ Annual Report of the Medical Department Federated Malay States For 1933, hlm. 29.

⁶⁶ Annual Report of the Medical Department State of Selangor For The Year 1935, hlm. 32. Lihat juga Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, hlm. 96 untuk mendapatkan gambaran jelas mengenai jumlah penyakit ini di NNMB.

melalui sentuhan terhadap makanan atau minuman. Penyediaan makanan dengan tangan yang kotor juga meningkatkan penularan wabak ini. Buruh-buruh India amat terdedah kepada penyakit ini. Keadaan ini jelas berlaku di Ladang Sendayan, Jemima Khartoum dan Kirby. Ladang ini mempunyai perkhidmatan menyediakan makanan untuk buruh-buruh mereka. Namun penyediaan makanan yang tidak bersih menyebabkan makanan tercemar dan buruh yang mengambil makanan tersebut telah mengalami muntah dan cirit-birit yang teruk. Setelah pemeriksaan kesihatan dijalankan, mereka didapati menghadapi masalah keracunan makanan dan disentri. Kes-kes lain yang dilaporkan turut mengaitkan penyediaan makanan yang tidak bersih yang diberikan kepada pekerja ladang.⁶⁷

Menyedari bahawa penyakit ini mengancam keselamatan kalangan buruh India maka usaha dilakukan bagi mengatasinya. Antara tindakan yang dilakukan adalah mengasingkan mereka yang dikenal pasti menghadapi masalah ini dan diberikan rawatan. Lazimnya, kes-kes disentri berlaku terhadap kumpulan buruh India yang baru tiba dari India. Walaupun mereka telah dikuarantin selama dua minggu sebelum dibenarkan menuju ke tempat kerja masing-masing, namun ini tidak menghalang berlakunya masalah disentri dalam kalangan mereka. Sehingga wabak disentri dapat ditangani sepenuhnya, pihak majikan disyaratkan untuk memberi bekalan makanan dan minuman kepada kalangan buruh di ladang mereka. Pengawasan rapi dan teliti dilakukan terhadap penyediaan makanan tersebut agar tidak tercemar dan terakhir, pihak majikan diwajibkan untuk menjaga kebersihan persekitaran ladang terutama di kawasan tempat tinggal buruh.⁶⁸

⁶⁷Annual Report on Medical Department for 1912, 14.4.1913, hlm, 1, SUK.SEL. 2117/1913.

⁶⁸ Ibid., hlm, 18.

5.4 KES BUNUH DIRI

Perbincangan yang dilakukan sebelum ini iaitu perkaitan antara orang India dengan pelbagai jenis penyakit berjangkit merupakan aspek kesihatan fizikal. Namun kalangan orang India yang berada di Selangor bukan sahaja menghadapi masalah ini, tetapi yang lebih kronik adalah masalah kesihatan mental, gila, kurang waras serta turut terkait dengan tindakan membunuh diri. Kehidupan ladang merupakan satu kehidupan yang “keras, lasak” dan perlukan kekuatan fizikal dan mental. Setiap buruh perlu mematuhi arahan yang dikenakan oleh pihak majikan. Kawalan ketat majikan terhadap mereka juga sedikit sebanyak memberi tekanan. Ini dilakukan bagi mengelakkan mereka “dicuri” oleh ladang yang lain. Jika ini berlaku, mereka akan menghadapi masalah kekurangan buruh yang akan menjejaskan operasi ladang.

Gaji yang rendah, tempoh kontrak yang panjang serta tekanan yang besar telah memberikan impak negatif kepada buruh India. Pada masa yang sama, pengeksploitasian buruh turut berlaku dan keadaan ini memberi tekanan. Bagi buruh yang tidak lagi mampu menahan tekanan ini, sebahagian mereka akan mengambil jalan membunuh diri.⁶⁹ Kehidupan di ladang turut mendedahkan mereka kepada “alatan” yang boleh digunakan untuk membunuh diri sama ada senjata tajam, racun rumpai dan perosak, terjun ke sungai atau menggantung diri di pokok. Racun *biosid* serta *paraquat* mudah diperolehi dan digunakan dalam kehidupan seharian di kawasan ladang. Apabila racun-racun perosak ini diminum dalam dos yang tinggi, ia akan memberi kesan kepada fizikal peminumnya dan jika tidak ditolong segera, biasanya peminum racun akan meninggal dunia. Di samping itu, orang India juga menggunakan sungai atau laut berhampiran ladang untuk membunuh diri. Mereka terus terjun ke dalam sungai apabila tekanan mental mereka menjadi buruk dan tidak terkawal. Selain itu, ada juga beberapa kes bunuh diri telah melibatkan

⁶⁹ George Netto, *Indians in Malaya: Historical Facts and Figures*, Singapore: George Netto, 1961, hlm. 37.

penggunaan senjata tajam seperti cangkul, parang dan sebagainya. Mereka turut menyimpan senjata-senjata ini di dalam stor atau bangsal kecil. Oleh itu, perkara ini telah memudahkan masyarakat India yang ingin membunuh diri untuk memotong, menikam atau mencederakan anggota badan mereka dengan menggunakan senjata-senjata tajam ini.⁷⁰

Antara faktor utama yang menyebabkan kes bunuh diri berlaku dalam kalangan masyarakat India ialah sikap cemburu.⁷¹ Perbezaan jumlah bilangan jantina yang ketara antara lelaki dan wanita menyebabkan “perebutan” berlaku dalam kalangan buruh. Jumlah buruh lelaki adalah tinggi berbanding buruh wanita. Insitisi keluarga yang lemah telah mendorong isu ini. Pegawai Jabatan Buruh sering kali dipanggil untuk menyiasat dan menyelesaikan isu ini. Masalah godaan wanita yang sudah berkahwin, atau perselingkuhan perkahwinan turut menyumbang kepada kes-kes jenayah termasuk bunuh diri.

Selain itu, kehidupan berkelompok juga menjadi salah satu punca utama kepada sikap cemburu. Buruh-buruh India tinggal di berek-berek secara berkelompok dimana pembahagian bilik di dalamnya adalah terhad. Sebagai contohnya, enam orang buruh India akan dimasukkan dalam satu bilik oleh pihak majikan tanpa memperdulikan campuran jantina. Keadaan ini meningkatkan sikap cemburu dalam hubungan pasangan suami isteri yang tinggal di barisan berek. Kebanyakan suami merasa kurang senang melihat isterinya bercakap atau bergaul dengan lelaki lain di sekitar berek.⁷² Seterusnya, pengambilan todi turut memburukkan keadaan ini. Walaupun, seorang lelaki India yang mempunyai tanggungjawab keluarga yang berat, dia tetap menghabiskan sebahagian besar pendapatannya dalam mengambil todi. Dia tidak memikirkan keperluan keluarga.

⁷⁰ A. Hamidin & Maniam Thambu, “A Case Control Study On Personality Traits and Disorders in Deliberate Self-Harm in a Malaysian Hospital”, *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, Vol. 4, No. 2, 2008, hlm. 67-78.

⁷¹ Return of death by suicide of Indians in F.M.S: 1915-1923, 30.09.1924, SUK.SEL. 2962/ 1924.

⁷² Federated Malay States, Report of the Commission Appointed to Enquire into Certain Matters Affecting The Health of Estates in the Federated Malay States, 1923.

Pengambilan todi yang melampau menyebabkan pertelingkahan dan pergaduhan antara golongan buruh di kawasan ladang. Pada masa yang sama, kebanyakan pergaduhan ini berpunca rasa cemburu pasangan suami dan isteri. Sebagai contoh, jika seorang isteri dilihat bercakap dengan lelaki lain, suami yang cemburu boleh menjadikan itu sebagai alasan untuk memulakan pergaduhan khususnya ketika berada dalam keadaan mabuk.⁷³ Hal ini telah merengangkan hubungan mereka secara mendalam. Apabila, mereka tidak dapat bertahan dengan situasi ini, maka mereka terus memutuskan untuk menamatkan kehidupan mereka dan ada diantara mereka mengambil keputusan untuk membunuh diri bagi mengelakkan daripada rasa malu dengan jiran sekeliling.

Kemiskinan juga menjadi salah satu faktor yang mendorong kepada masalah bunuh diri dalam kalangan masyarakat India. Pada era ini, majoriti orang India iaitu kelas buruh dan dikategorikan sebagai golongan miskin. Mereka hanya bergantung kepada gaji seharian untuk menjalankan kehidupan mereka. Pihak majikan akan memotong atau tidak membayar gaji mereka sekiranya mereka gagal melaksanakan tugas yang ditetapkan. Mereka harus bekerja dalam tempoh yang panjang untuk gaji yang sangat rendah. Kebanyakan buruh India yang bekerja di ladang telah mempunyai ramai anak. Dengan gaji yang rendah, mereka terpaksa menampung keperluan harian mereka termasuk makanan, pakaian dan sebagainya. Kadangkala, mereka juga terpaksa meminjam daripada golongan Chettiar, kerani dan pihak pengurus ladang demi menyara keluarga besar mereka. Maka disinilah, mereka akan menghadapi tekanan apabila dipaksa untuk membayar pinjaman balik termasuk faedahnya.⁷⁴ Tekanan ini telah berubah menjadi tekanan mental sehingga mendorong kepada aspek bunuh diri.

⁷³ Parameswari Krishnan, J. Hinduja Jayer Raman and Said Darkasi, "Between Life and Death: Suicide amongst the Indian Labour in Colonial Malaya, 1900-1941", *International Journal of Social Science and Economics Invention*, Vol. 6, No.9, 2020, hlm. 351-362.

⁷⁴ Ibid.,

Faktor seterusnya adalah ketakutan kepada penyakit. Ancaman penyakit bukanlah satu isu yang baharu dihadapi oleh masyarakat India terutamanya orang India yang tinggal di kawasan ladang. Malaria dan kolera dilihat sebagai penyakit bahaya yang sering melumpuhkan kesihatan mereka.⁷⁵ Kemudahan-kemudahan kesihatan seperti hospital kerajaan dan hospital ladang turut disediakan oleh pihak kerajaan mahupun pihak majikan demi menjamin kesihatan masyarakat India tetapi ini tidak mencukupi. Kadang kala, hospital-hospital ladang tidak mempunyai kemudahan perubatan yang lengkap untuk mengubati penyakit-penyakit ini. Sebagai langkah alternatif, orang India terpaksa pergi ke hospital kerajaan di bandar yang agak jauh dari kawasan ladang untuk menerima rawatan selanjutnya. Kos rawatan minimum yang perlu dibelanjakan di hospital kerajaan adalah sebanyak \$1. Walaupun ia dilihat sebagai kos yang rendah, ada juga beberapa buruh India yang tidak mampu membayar kos ini. Bukan itu sahaja, orang India yang dihidapi dengan penyakit-penyakit telah mengalami tekanan mental. Mereka sentiasa berasa takut atas penyakit mereka. Mereka juga bimbang atas ahli keluarga mereka kerana mereka tidak mampu berkerja dan menerima gaji untuk menjaga ahli keluarga. Lama-kelamaan, kebimbangan ini telah bertambah sehingga ia membawa tekanan mental yang sangat tinggi kepada mereka.⁷⁶ Maka, disinilah mereka telah memutuskan untuk menamatkan kehidupan mereka secara serta merta. Dengan ini, majoriti kes bunuh diri yang dilaporkan dalam kalangan masyarakat India di Selangor adalah disebabkan ketakutan penyakit.

⁷⁵Return of death by suicide of Indians in F.M.S: 1915-1923, 30.09.1924, SUK.SEL. 2962/ 1924.

⁷⁶ Amarjit Kaur, "Indian Labour, Labour Standards and Workers, Health in Burma and Malaya, 1900-1940", *Modern Asian Studies*, Vol. 40, No. 2, 2006, hlm. 425-475

Jadual 5.4: Kes Bunuh Diri dalam Kalangan Masyarakat India di Selangor

Tahun	Bilangan
1915	11
1916	17
1917	15
1918	5
1919	8
1920	4
1921	6
1922	8
1923	3

Sumber: Return of death by suicide of Indians in FMS, 1915-1923, 30.09.1924, SUK.SEL. 2962/1924

5.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan aspek kesihatan dalam kalangan buruh India di Selangor. Perbincangan dalam bab ini membuktikan bahawa kemudahan kesihatan iaitu pusat kuarantin dan hospital ladang telah menyumbang kepada kelangsungan kesihatan orang India khususnya golongan buruh yang tinggal di kawasan ladang. Pusat Kuarantin Pelabuhan Swettenham (PKPS) dapat mengawal penyebaran penyakit daripada golongan imigran yang baharu sampai dari India ke negeri Selangor. Pada masa yang sama, ujian saringan dan suntikan vaksinasi telah menjamin kesihatan buruh-buruh India. Hospital ladang turut memainkan peranan yang cukup penting dalam kehidupan mereka. Enakmen Imigresen 1884 yang mewajibkan pihak majikan untuk membina hospital ladang dapat membantu mereka memperoleh rawatan dengan cepat dan mudah. Walau bagaimanapun, penularan beberapa wabak penyakit turut memberikan impak yang serius kepada mereka. Perbincangan ini telah meneliti pelbagai jenis penyakit berjangkit yang bahaya yang sering kali terpaksa dihadapi oleh buruh-buruh India ini.

Antaranya ialah penyakit malaria yang telah dikenal pasti sebagai penyakit yang paling banyak menjangkiti golongan buruh India khususnya yang tinggal di kawasan ladang. Penyebaran penyakit ini juga agak pantas dalam golongan buruh India jika dibandingkan dengan penyakit lain. Kes kematian dalam kalangan buruh India juga

didapati agak tinggi akibat penyebaran malaria ini. Selain itu, penyakit *ankylostomiasis* yang terbentuk daripada cacing *Ancylostoma Duodenale* turut memudaratkan kesihatan golongan buruh India khususnya golongan wanita yang hamil. Hal ini turut memberikan kesan yang negatif dalam kadar kelahiran masyarakat India di negeri Selangor. Selain *ankylostomiasis*, golongan buruh turut menderita akibat penularan wabak kolera. Wabak ini lazimnya merebak dalam kumpulan buruh India yang baru tiba dari India. Wabak ini turut menjadi salah satu punca dalam meningkatkan kadar kematian dalam golongan buruh India. Bersama wabak kolera, disentri turut menjadi ancaman penting kepada mereka. Isu kebersihan diri dan persekitaran tempat kediaman, daya tahanan imun yang rendah serta kealpaan mengikut undang-undang telah dikenal pasti sebagai punca-punca yang penting dalam meningkatkan penyebaran semua penyakit di atas. Langkah-langkah yang proaktif seperti menjaga kebersihan, meningkatkan kawalan di pusat kuarantin dan kawasan ladang serta mengadakan kempen penyakit telah memberikan kelegaan kepada pihak kerajaan mahupun golongan buruh India dalam mengawal penularan penyakit. Isu bunuh diri juga menjadi satu ancaman kepada masyarakat India. Sikap cemburu antara suami isteri, kehidupan berkelompok yang membolehkan pergaulan lelaki dan perempuan secara terbuka, kemiskinan yang melampau sehingga upah kerja tidak dapat mencukupi untuk menampung keperluan keluarga serta ketakutan pada penyakit telah menjadi faktor-faktor penting yang membawa tekanan mental yang serius sehingga individu tersebut mengambil keputusan membunuh diri. Selain itu, perbincangan bab ini berfokus kepada ubat-ubat tradisional yang digunakan oleh masyarakat India di negeri Selangor. *Ayurveda* dan perubatan *Siddha* adalah dua sistem perubatan tradisional yang lama diamalkan oleh mereka. *Kasahyam*, *thailam*, *choornam* dan *lehyam* merupakan antara ubatan tradisional yang kerap dihasilkan oleh masyarakat India. Keunikan serta manfaat ubat-ubat tradisional ini menyebabkan masyarakat India untuk menggunakannya pada setiap masa demi mendapat perlindungan awal daripada penyakit. Apabila, ia tidak

mampu mengubati penyakit barulah mereka akan pergi ke hospital untuk memperoleh rawatan dan ubat-ubat barat. Jadi secara keseluruhannya, kemudahan perubatan dan ubat-ubat tradisional memainkan peranan yang cukup penting pada masa tersebut dalam mengekalkan kesihatan golongan buruh India.

Universiti Malaya

BAB 6: KESIMPULAN

Kesimpulannya, masyarakat India telah terlibat dalam pelbagai jenis kegiatan sosioekonomi di negeri Selangor. Masyarakat India bukan sahaja terlibat dengan pekerjaan di ladang, bahkan ada dalam kalangan masyarakat India di Selangor bekerja dalam sektor kerajaan seperti menjadi seorang pendidik dan bekerja di hospital. Tidak kurang juga yang terlibat sebagai pemberi pinjaman wang dan sebagai peniaga di Selangor. Hal ini seterusnya dapat menepis tanggapan yang menyatakan bahawa masyarakat India hanya berkecimpung dalam sektor perladangan sahaja. Ini kerana buruh India yang dibawa masuk ke Tanah Melayu juga terdiri daripada mereka yang berkecayaan untuk bekerja dalam jawatan-jawatan penting dalam sektor kerajaan seperti menjadi seorang guru.

Sikap masyarakat India yang taat dan patuh kepada pihak atasan serta bersedia untuk menjalankan kerja walaupun mereka dibayar dengan gaji yang rendah telah dimanfaatkan oleh pihak majikan terutamanya masyarakat Eropah. Dengan ini, golongan majikan dapat memperoleh keuntungan yang tinggi daripada hasil perladangan mereka atas penglibatan dan sumbangan masyarakat India. Pada tahap awal, masyarakat India khususnya golongan Tamil dan golongan Telugu telah mendominasi sektor perladangan dengan menjalankan pekerjaan sebagai buruh. Ramai daripada kalangan mereka bekerja sebagai penoreh getah, penjaga stor dan sebagainya. Kesanggupan mereka menerima gaji yang rendah dengan pekerjaan di ladang yang jelas merupakan suatu pekerjaan yang “lasak dan keras” ini menjadikan pekerjaan di ladang amat sesuai dengan masyarakat India.

Gaji yang diberikan kepada buruh India juga ada ketikanya akan berbeza dalam satu tempoh tertentu. Hal ini kerana, harga pasaran juga mempengaruhi jumlah upah. Misalnya apabila, harga getah meningkat di pasaran dunia, maka jumlah upah kepada

buruh turut meningkat. Begitu juga sebaliknya jika harga getah menurun. Kejatuhan harga getah dalam pasaran menyebabkan pihak majikan mengalami masalah kewangan kerana menerima pulangan yang sedikit. Oleh itu, mereka yang mempunyai bilangan buruh yang ramai akan berusaha untuk mengekalkan kadar upah yang munasabah. Namun sekiranya keadaan semakin serius dan tidak terkawal, maka pihak majikan terpaksa mengurangkan jumlah pekerja atau mengurangkan kadar upah yang ditetapkan. Walaupun begitu, dalam kebanyakan kes lain, upah yang jauh melebihi daripada kadar upah yang ditetapkan telah diberikan kepada golongan buruh yang bekerja di kawasan ladang. Bukan itu sahaja, buruh-buruh juga diberikan peluang untuk menambahkan upah mereka dengan melakukan kerja-kerja lebih masa.

Ekoran peningkatan buruh India di negeri Selangor, skim ujian bahasa telah dilaksanakan demi memudahkan komunikasi bersama buruh India serta mengurangkan isu perselisihan faham antara golongan buruh dengan pihak majikan ladang. Ini kerana pada tahap awal, beberapa ladang di Kuala Lumpur telah menerima kalangan buruh Tamil dan Telugu sebagai pekerja. Kebanyakan majikan yang menguruskan ladang-ladang ini yang terdiri daripada kalangan orang Eropah tidak memahami bahasa Tamil mahupun Telugu. Keadaan ini sedikit sebanyak menimbulkan masalah dan dalam kes di Kuala Lumpur, hampir 200 buruh Telugu telah berhenti daripada bekerja hingga menimbulkan masalah kepada pihak pengurusan. Skim ini menyebut keperluan kepada kalangan majikan untuk memahami bahasa Tamil atau Telugu bagi membolehkan pihak pengurus berkomunikasi dengan pekerja mereka.

Selain itu, penglibatan masyarakat India dalam sektor kerajaan awam. Mereka telah menjadi buruh dalam jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Kebersihan (*Sanitary Board*), Kereta Api dan Kerja Raya. Penglibatan orang India dalam Jabatan Keretapi agak signifikan sehingga menjadi titik tolak penting kepada peningkatan kemasukan buruh India dalam sektor kerajaan negeri Selangor. Selain Jabatan Keretapi, kalangan orang

India turut mengisi pekerjaan dengan Jabatan Kerja Raya. Mereka terlibat dalam kerja-kerja membina jalan raya di Selangor. Jalan kereta api dan jalan raya Sebagai antara negeri paling awal yang membangunkan sistem perhubungan termasuk sistem kereta api dan jalan raya, negeri Selangor jelas sekali mempunyai keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan buruh sangat tinggi. Buruh-buruh India diperlukan untuk membersihkan kawasan, menebang hutan, membuat jalan raya dan jalan kereta api serta tugas-tugas penyelenggaraan.

Dalam sektor perladangan dan kerajaan, terdapat tiga isu yang menjadi kemelut serius dalam kalangan masyarakat India iaitu kelewatan pembayaran upah, layanan buruk serta perselisihan faham antara komuniti sendiri. Terdapat pelbagai kes yang melibatkan pergaduhan dan perselisihan melibatkan masyarakat India yang bekerja dalam sektor perladangan dan kerajaan. Misalnya pergaduhan yang berlaku antara masyarakat Jaffna Tamil dan kalangan India Tamil. Walaupun kedua-dua etnik ini berkongsi tradisi dan budaya yang hampir sama tetapi perpisahan mengikut pekerjaan telah merenggangkan hubungan kedua-dua pihak. Dalam keadaan di Selangor, kalangan orang India Tamil lazimnya bekerja sebagai buruh dalam sektor perladangan getah mahupun kerajaan.

Dalam sektor perubatan, masyarakat India telah menduduki jawatan *Dresser* dan *Apothecary*. Pelantikan kedua-dua jawatan dilakukan mengikut gred. Pihak British amat berminat untuk merekrut masyarakat India dalam kedua-dua jawatan ini kerana mereka telah mempunyai kelayakan dan pengalaman yang begitu luas dalam skop pekerjaan serta mempunyai sikap bekerja melebihi had untuk menyelamatkan nyawa. Dari segi sektor pendidikan, ramai daripada kalangan masyarakat India telah menjadi guru di sekolah Tamil. Kehadiran masyarakat India yang semakin ramai telah menjadikan pembinaan sekolah suatu keperluan terutamanya di Selangor. Banyak sekolah-sekolah Tamil yang dibina bagi memenuhi keperluan anak-anak masyarakat India pada awal kurun ke-20, keperluan tenaga pengajar amat diperlukan oleh kerajaan British. Oleh

sebab itu, masyarakat India yang mempunyai kelayakan pendidikan yang sesuai telah diberikan peluang untuk memasuki profesion perguruan walaupun gaji guru masih rendah pada masa tersebut. Selain itu, apabila sekolah-sekolah Inggeris ditubuhkan, keperluan guru amat diperlukan bagi menjadi guru di sekolah-sekolah tersebut. Pihak British mendapati terdapat kalangan Tamil yang mempunyai kelulusan serta kebolehan dalam bidang ini dan mereka diambil untuk mengisi ruang-ruang kosong yang ada.

Selain perkhidmatan awam, masyarakat India khususnya golongan Chettiar pula berkecimpung dalam sektor permodalan dan perbankan. Mereka menawarkan pinjaman wang kepada semua golongan yang ingin memulakan atau membangunkan aktiviti ekonomi mereka. Kadang kala, mereka juga membantu pihak-pihak yang mengalami masalah kewangan. Antara tokoh-tokoh pengusaha Cina yang meminjam wang daripada Chettiar termasuklah Yah Ah Loy. Bukan itu sahaja, segelintir masyarakat India juga berjaya muncul sebagai kalangan peniaga dan pengusaha yang berjaya. Penglibatan masyarakat India dalam perniagaan walaupun jumlah serta penglibatan mereka tidak sebesar masyarakat Cina, namun sebilangan orang India sememangnya terlibat dalam aktiviti ini.

Perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat India di negeri Selangor akan lebih terjurus kepada perkembangan sekolah-sekolah Tamil. Ini menjadi medium penting dalam memulakan serta meningkatkan perkembangan pendidikan dalam kalangan kanak-kanak masyarakat India. Perkembangan pendidikan Tamil di negeri Selangor telah bermula pada tahun 1886 dengan penubuhan sekolah Ladang Lunderston, Klang yang merupakan sekolah Tamil yang pertama ditubuhkan di negeri ini. Pada masa tersebut, sekolah ini telah mempunyai bilangan pelajar seramai 20 orang. Mereka telah dibimbing oleh seorang guru yang boleh mengajar dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan Tamil. Pada tahun 1912, pembukaan ladang getah dan peningkatan kemasukan buruh India ke Tanah Melayu telah meningkatkan jumlah anak-anak buruh India. Oleh itu,

menjadi keperluan bagi pihak British untuk menyediakan keperluan dari segi pendidikan kepada anak-anak buruh India di ladang.

Ekoran pelaksanaan kod Buruh 1912 di NNMB, pihak majikan wajib membina sebuah sekolah Tamil di kawasan ladang mereka jika ladang mereka mempunyai sepuluh orang kanak-kanak yang berumur antara 7 hingga 14 tahun. Maka disinilah bermulanya perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat India di negeri Selangor. Pada masa yang sama, sekolah Tamil turut didirikan di bandar ketika ia meningkat di kawasan ladang. Empat jenis sekolah Tamil telah ditubuhkan di negeri Selangor iaitu Sekolah Ladang, Sekolah Kerajaan, Sekolah Jabatan dan Sekolah Mubaligh. Secara keseluruhannya, taburan penubuhan sekolah-sekolah Tamil adalah tidak seimbang kerana ia sangat dipengaruhi oleh kepadatan buruh-buruh India di sebuah daerah. Daerah yang paling banyak mempunyai sekolah-sekolah Tamil ialah daerah Kuala Selangor dan Klang, diikuti dengan Kuala Lumpur dan Kuala Langat. Majoriti daripada sekolah Tamil di Selangor adalah Sekolah Ladang. Pada masa itu, Sekolah Ladang telah menjadi pilihan utama bagi mereka kerana sekolah-sekolah lain seperti Sekolah Kerajaan dan Sekolah Mubaligh telah dibina di kawasan bandar.

Pihak majikan ladang telah bertanggungjawab mendirikan bangunan sekolah serta menyediakan kemudahan pendidikan kepada kanak-kanak di ladang. Pada awalnya, kebanyakan pihak majikan tidak bersetuju dengan kod ini kerana mereka perlu membelanjakan wang yang tinggi dalam menyediakan tempat kediaman untuk buruh-buruh India. Walau bagaimanapun, mereka melihat kewajipan ini boleh dijadikan sebagai propaganda untuk memudahkan aliran masuk buruh ladang mereka.

Daripada kajian ini, pemberian geran merupakan satu perkara yang penting untuk pembangunan dan kewangan sekolah-sekolah Tamil di Selangor. Geran bagi setiap sekolah akan ditentukan berdasarkan gred. Gred yang diberikan berdasarkan beberapa

kategori termasuk berkaitan dengan kakitangan, bangunan sekolah, peralatan dan lain-lain. Selain aspek ini, keputusan peperiksaan adalah antara aspek yang diambil kira dan diberikan perhatian dalam proses pemberian gred bagi setiap sekolah. Satu lagi isu yang menentukan sama ada sesebuah sekolah memenuhi kriteria untuk diberikan geran ialah isu kedatangan pelajar ke sekolah. Bagi Sekolah Kerajaan, hal ini bukanlah isu yang besar kerana kehadiran pelajar dipantau dengan baik oleh pihak sekolah. Namun hal ini menjadi isu kritikal bagi Sekolah Ladang dan menjejaskan peluang permohonan geran mereka kepada pihak kerajaan.

Dari segi kurikulum, Kod Pendidikan 1874 sememangnya menyediakan satu rujukan sukatan kepada sekolah-sekolah Melayu dan Tamil di Tanah Melayu tetapi pendidikan Tamil tidak diberikan perhatian secukupnya. Dalam usaha menyediakan sukatan pelajaran, pihak British telah menjalankan satu kajian tentang pendidikan di sekolah-sekolah Tamil. Sebagai hasilnya, mereka berjaya menyediakan satu sukatan pelajaran yang baharu pada tahun 1908 dikenali sebagai *Education Code for The Straits Settlements and Federated Malay States*. Sukatan ini memberikan panduan yang penting bagi sekolah-sekolah vernakular Tamil di Tanah Melayu mahupun Selangor. Walau bagaimanapun, sukatan ini tidak boleh disimpulkan sebagai sukatan yang lengkap malah ia masih kurang dalam memberikan penekanan dalam beberapa aspek pendidikan terutamanya kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Oleh sebab itu, pihak British telah melaksanakan lagi satu sukatan pelajaran yang baru pada tahun 1936. Dalam sukatan pelajaran 1936, sekolah-sekolah Tamil menawarkan pendidikan dari kelas tadika hingga Darjah 5 kepada pelajar-pelajar India. Kebanyakan buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah Tamil Selangor adalah berasal dari India atau Ceylon. Sebelum tahun 1937, tidak ada sebarang insiatif atau persediaan awal yang dilakukan oleh mana-mana pihak untuk melatih guru-guru tempatan sekolah vernakular Tamil. Lazimnya, mereka akan diimport dari negara India atau Ceylon. Pada tahun 1937, negeri Selangor telah

mengadakan kelas latihan guru yang teratur di Klang. Melalui kelas ini, ramai guru Tamil yang terlatih dapat dilahirkan di dalam negeri ini.

Melihat kepada aspek kesihatan masyarakat India di Selangor pula, penyakit malaria dan kolera merupakan dua penyakit yang paling banyak menjangkiti golongan buruh India khususnya yang tinggal di kawasan ladang. Penyebaran kedua-kedua penyakit ini agak pantas dalam kalangan buruh India jika dibandingkan dengan penyakit lain. Kes kematian dalam kalangan buruh India juga didapati agak tinggi akibat penyebaran malaria dan kolera dan dianggarkan kira-kira 50% daripada kadar kematian masyarakat India adalah disebabkan oleh penyakit malaria. Selain itu, penyakit *Ankylostomiasis* yang terbentuk daripada cacing *Ancylostoma Duodenale* turut memudaratkan kesihatan golongan buruh India khususnya golongan wanita yang hamil. Hal ini turut memberikan kesan yang negatif dalam kadar kelahiran masyarakat India di negeri Selangor. Selain *Ankylostomiasis*, golongan buruh turut menderita akibat penularan wabak disentri.

Daripada pengamatan dan pemerhatian yang dibuat ke atas punca-punca penyakit ini, penyakit-penyakit ini adalah bersangkut-paut dengan masalah kebersihan. Faktor persekitaran yang kotor dan dipenuhi sampah termasuk bekas-bekas makanan, botol dan tin-tin lama termasuk yang dibuang di longkang menyebabkan longkang bertakung dan ini menjadi tarikan kepada pembiakan nyamuk. Bukan itu sahaja, najis-najis dari haiwan ternakan mereka khususnya ayam dan kambing juga tidak dibersihkan dengan teratur. Penyakit-penyakit seperti penyakit kolera mudah berlaku di persekitaran yang kotor, bekalan air yang tidak bersih, sistem sanitasi yang tidak teratur serta tiada kemudahan tandas yang sempurna. Selain isu kebersihan diri dan persekitaran tempat kediaman, daya tahan imum yang rendah juga telah dikenal pasti sebagai punca-punca yang penting dalam meningkatkan penyebaran semua penyakit di atas. Masyarakat India yang kebanyakannya berpendapatan rendah kurang mementingkan nutrisi dan vitamin dalam diet harian

mereka menyebabkan daya tahan imun mereka rendah dan keadaan ini memudahkan seseorang itu menghadapi penyakit. Di samping itu, keadaan ladang yang kotor dan tidak diselenggara dengan baik menjadi tempat yang ideal untuk menjadi “sarang” penyakit seperti penyakit kolera. Kawasan ladang juga merupakan kawasan “*hot spot*” bagi serangan nyamuk yang menjadi punca penyakit malaria.

Peningkatan kepada masyarakat India yang menghadapi pelbagai jenis penyakit yang kebanyakannya disebabkan oleh kebersihan ini telah menjadikan kewujudan hospital sangat signifikan. Kemudahan-kemudahan kesihatan seperti hospital kerajaan dan hospital ladang turut disediakan oleh pihak kerajaan mahupun pihak majikan untuk menjamin kesihatan masyarakat India. Kajian ini turut membuktikan bahawa kemudahan kesihatan seperti pusat kuarantin dan hospital ladang telah memberi manfaat kepada masyarakat India khususnya golongan buruh yang tinggal di kawasan ladang. Pada masa yang sama, ujian saringan dan suntikan vaksinasi yang dilakukan di sana telah membantu dalam menjaga kesihatan buruh-buruh India. Hospital ladang turut memainkan peranan yang cukup penting dalam kehidupan mereka. Enakmen Imigresen 1884 yang mewajibkan pihak majikan untuk membina hospital ladang dapat menolong mereka mendapat rawatan dengan cepat.

Walaupun bagaimanapun, hospital ladang yang dibina masih tidak mencukupi. Walaupun hospital-hospital ladang seharusnya memberi rawatan kepada mereka yang menghadapi penyakit, namun dalam banyak keadaan, hospital-hospital ladang ini tidak mempunyai kaki tangan yang mencukupi. Selain itu, terdapat juga kaki tangan yang kurang berpengalaman dalam menangani masalah serius seperti malaria. Mereka hanya mampu mengendalikan masalah kecederaan ringan dan tidak serius. Doktor pula hanya akan melawat hospital-hospital ladang ini secara berkala. Kadang kala, hospital-hospital ladang tidak mempunyai kemudahan perubatan yang lengkap untuk mengubati penyakit-

penyakit ini. Sebagai langkah alternatif, orang India terpaksa pergi ke hospital kerajaan di bandar yang agak jauh dari kawasan ladang untuk menerima rawatan selanjutnya.

Dalam pada itu, langkah-langkah yang proaktif seperti menjaga kebersihan, meningkatkan kawalan di pusat kuarantin dan kawasan ladang serta mengadakan kempen penyakit telah menjadi antara usaha dijalankan pihak kerajaan dan golongan buruh India dalam mengawal penularan penyakit. Ini kerana, terdapat masyarakat India yang menghadapi penyakit-penyakit ini telah mengalami tekanan mental. Selain penyebaran penyakit, isu bunuh diri turut memburukkan keadaan mereka di kawasan ladang. Sikap cemburu antara suami isteri, kehidupan berkelompok yang mendorong pergaulan lelaki dan perempuan secara terbuka, kemiskinan yang melampau sehingga upah kerja tidak dapat mencukupi untuk menampung keperluan keluarga serta ketakutan pada penyakit telah menjadi punca-punca penting yang membawa tekanan mental yang serius sehingga mengundang kepada keputusan membunuh diri.

Keadaan ini, telah membuatkan ubat-ubat tradisional mendapat tempat yang istimewa dalam kalangan masyarakat India. *Ayurveda* dan perubatan *Siddha* adalah dua sistem perubatan tradisional yang lama diamalkan oleh mereka. Daripada kedua-dua sistem perubatan tradisional ini, masyarakat India telah mencipta dan menggunakan beberapa ubat tradisional. Keunikan serta manfaat ubat-ubat tradisional ini menyebabkan masyarakat India untuk terus menggunakannya pada setiap masa demi mendapat perlindungan awal daripada penyakit. Apabila, ubat-ubat ini tidak mampu mengurangkan risiko penyakit barulah mereka akan melawat ke hospital untuk mendapat rawatan selanjutnya.

Pertama, kajian ini berjaya menunjukkan beberapa dapatan penting dalam sejarah perkembangan masyarakat India dalam aspek sosioekonomi di Selangor. Kajian ini membuktikan bahawa masyarakat India di negeri Selangor tidak hanya bekerja sebagai

buruh di sektor perladangan atau sektor kerajaan tetapi mereka turut menjalankan tanggungjawab sebagai kakitangan kerajaan dengan bilangan yang kecil dalam bidang perubatan dan pendidikan. Penglibatan mereka dalam sektor perladangan khususnya tanaman getah turut membuka ruang kepada peningkatan ekonomi Selangor. Pada masa yang sama, ia turut mengisi keperluan buruh dalam sektor kerajaan di mana mereka berkerja keras untuk membangunkan infrastruktur negeri.

Kedua, kajian ini juga berjaya menonjolkan sumbangan golongan Chettiar dalam pemulihan ekonomi Selangor. Mereka memodenkan aktiviti pinjaman kewangan dengan membuka sebuah bank pada tahun 1930 walaupun keadaan ekonomi termasuk Tanah Melayu dan Selangor merundum pada waktu itu. Pada masa yang sama, mereka menolong golongan kapitan Cina dengan memberikan pinjaman wang secukupnya kepada mereka. Hal ini kerana, kebanyakan kapitan Cina telah memiliki lombong-lombong bijih timah, namun menghadapi kerugian besar akibat ketidakstabilan harga bijih timah di pasaran dunia. Pinjaman wang daripada golongan Chettiar ini telah membolehkan golongan Kapitan Cina untuk menanggung kerugian serta memulihkan sektor perlombongan mereka. Secara tidak langsung, hal ini telah memberikan impak dalam mengekalkan kestabilan ekonomi Selangor.

Ketiga, kajian ini juga berjaya membuktikan bahawa kemunculan sekolah-sekolah Tamil telah berlaku secara pesat selepas kedatangan masyarakat India di Selangor. Ia turut menyumbang kepada perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat India serta melahirkan kanak-kanak yang celik huruf. Pencapaian kanak-kanak dalam peperiksaan tahunan turut mendorong pihak kerajaan untuk menyediakan geran bantuan yang lebih tinggi untuk menaiktarafkan bangunan serta kemudahan sekolah. Setelah perkara ini berjaya dilakukan maka ramai ibu bapa telah menghantar kanak-kanak mereka ke sekolah Tamil untuk menimba ilmu dengan mudah dan selesa.

Keempat, kajian ini juga menunjukkan keistimewaan ubat-ubat tradisional dalam masyarakat India di Selangor. Mereka lebih mempercayai serta mementingkan penggunaan ubat-ubat tradisional seperti *kashyam*, *thailam* dan lain-lain sebagai perlindungan awal. Hal ini kerana, mereka tidak perlu berbelanja tinggi untuk memperoleh ubat-ubat ini berbanding kos rawatan di hospital. Mereka hanya perlu membeli bahan-bahan pembuatannya di kedai runcit. Ada juga beberapa kedai runcit telah memaparkan remedi ubat-ubat tradisional sebagai panduan kepada pelanggan. Oleh itu, masyarakat India kurang melawat hospital dan mereka hanya pergi ke sana sekiranya ubat-ubat tradisional tidak dapat mengubati penyakit atau kecederaan mereka.

Kelima, kajian ini berjaya menjelaskan kepentingan pusat kuarantin Pelabuhan Swettenham. Pusat ini memainkan peranan yang cukup penting dalam mengidentifikasi penyakit-penyakit baharu daripada golongan imigran serta mengawal penyebaran penyakit tersebut di Selangor. Hal ini dibuktikan apabila penyakit berjangkit seperti kolera dapat dikawal melalui bantuan pusat kuarantin ini. Pada masa yang sama, pusat ini juga berfungsi sebagai tempat pencegahan utama bagi golongan imigran yang baru pulang dari negara asal mereka. Mereka akan diberikan vaksinasi dan sentiasa diawasi sehingga mereka dikenal pasti sebagai buruh yang sihat.

Akhir sekali, kajian ini berjaya mengisi pensejarahan masyarakat India di Selangor dalam aspek sosioekonomi. Kajian mengenai sejarah masyarakat India di Selangor sebelum dan selepas kemerdekaan khususnya aspek sosioekonomi kelihatannya tidak banyak dilakukan oleh kalangan pengkaji sebelum ini. Keadaan ini telah berjaya diisi melalui hasil kajian ini dimana aspek ekonomi, pendidikan dan Kesihatan turut dibincangkan secara kritis. Maka jelaslah bahawa hasil kajian mampu membuka minda rakyat Malaysia termasuk masyarakat India sendiri tentang perkembangan sosioekonomi masyarakat India di Selangor dari tahun 1884 hingga 1941 serta mengukuhkan sejarah lokal masyarakat India di Selangor.

BIBLIOGRAFI

SUMBER PERTAMA

Sumber Yang Tidak Diterbitkan

a) Rekod Pejabat Tanah Jajahan

C.O. 273/177, Memorial from United Plantation Association, Selangor for Hospital Accommodation for Estate Coolies, 15.4.1907.

C.O.273/300, Surat drpd. Governor Anderson to Lyttleton, 17.08.1904.

C.O. 273/7758, Indian Immigration into Malaya, 3.10.1929.

b) Fail Pejabat Pesuruhjaya Tinggi

H.C.O 422/ 1904, Minutes of Conference of Residents.

H.C.O 1070/1913, Proposed Scheme for Training and The Salaries of Vernacular School Teacher, 5.7.1913.

MF103, Federated Malay States Proceedings of The Federal Council

c) Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

SUK SEL 416/1877, States that the transfer of Indian. Coolies out of the Straits Settlements is prohibited, 27.12.1876.

SUK SEL 1783/1884, Transmits Copy of a Draft Memorandum of The Principal Alterations in The Law Regulating Indian Immigration, 14.11.1884.

SUK SEL 2616/ 1886, Surat dari Engineer Selangor Government Railway kepada Residen Selangor, 1.1.1886

SUK SEL 7284/1900, Indian Immigration Law, 13.12.1900.

SUK SEL 2156/1901, Medical Conference: Report of Proceedings of the Second Annual, 12.4.1901.

SUK SEL 2580/1901, Report on Indian Immigration Department for 1900, 25.4.1901.

SUK SEL 7020/1901. Application of Messers. Cumming, Loke Yew and Tamboosamy Pillai for mining rights at Serendah, 4.12.1901.

SUK SEL 4495/ 1902, Indian Labourers in Selangor. Inspection Report, 13.8.1902.

SUK SEL 3875/ 1903, Tamil School at Klang, 1903.

SUK SEL 3493/ 1903, Tamil Vernacular Education, 23.6.1903

SUK SEL 4536/1904, Scheme for Assistant Surgeon, Apothecaries and Dressers, 18.7.1904.

SUK SEL 1031/ 1905. Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1904.

SUK SEL 1254/ 1906, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1905, 19.1.1906.

SUK SEL 5559/1906, Proposed Experiment by Dr. Watson for Prevention of Estate Coolies from Malaria, 25.9.1906.

SUK SEL 1161/ 1907, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1906.

SUK SEL 6471/ 1907, Gazetting of Port Swettenham as a port for the landing of Indian Immigrants, 11.12. 1907

SUK SEL 1158/ 1908, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1907.

SUK SEL 222/1909, Prevention of Ankylostomiasis in the Coolies affected by that disease, 4.2.1909.

SUK SEL 278/1910, Resolution re-placaing Police at Kapar while Cholera continues, 30.7.1910.

SUK SEL 665/1910, Cholera on Golden Hope Estate, Klang, 24.6.1910.

SUK SEL 730/1910, Cholera at Ayer Kuning, Estate, Klang, 9.7.1910.

SUK SEL 959/1910, Cholera at Bukit Rajah Estate, Klang, 18.7.1910.

SUK SEL 3189/1910, Cholera in the Immigration Depot at Port Swettenham, 19.7.1910.

SUK SEL 3282/1910, Cholera at Sungai Kapar, Brafferton, Golconda and Bukit Rajah and Quarantin Station, 22.7.1910.

SUK SEL 3367/1910, Cholera at Vallamborosa, Sungai Kapar, Braffenton, Golconda, Sungai Buloh, Rantau Panjang and Teluk Gong Estates, 28.7.1910.

SUK SEL 3874/ 1910, Cholera at Batu Tiga Estate Hospital, 1.9.1910.

SUK SEL 747/ 1911, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1910.

SUK SEL 3543/1911, Quarantine Camp at Port Swettenham, 19.07.1911.

SUK SEL 5577/1911, Minutes of Meeting of The Malaria Advisory Board, 5.12.1911.

SUK SEL 1505/ 1912, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1911.

SUK SEL 1549/1912, Annual Report on The Health Department for 1911, 23.3.1912.

SUK SEL 2117/1913, Annual Report on Medical Department for 1912, 14.4.1913.

SUK.SEL. 2807/1914, Cholera in Port Swettenham, 30.5.1914.

SUK SEL 2027/1914, Proposed Ankylostomiasis Commission, 16.11.1914.

SUK SEL 4384/ 1914, Report on Cholera Outbreak Sabak Bernam, 28.8.1914.

SUK SEL 0995/ 1915, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1914, 17.2.1915.

SUK SEL 2625/ 1915, Hours of Study of Tamil Schools in Estates, 1915.

SUK SEL 886/ 1918, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1917.

SUK SEL 1099/1918, Renewal of Mining Rights of MS. 367 Ulu Klang Execution of the Estate of Loke Tew and K. Tamboosamy Pillai, 6.3.1918.

SUK SEL 2087/1918, Strike between Indians and Jaffna Tamils at Central Workshops, 15.5.18.

SUK SEL 1569/ 1919, Annual Report on Education in Federated Malay States for the Year 1918, 30.7.1919.

SUK SEL 2410/1919, Proposed Residential Settlement at Batu Caves for Tamil Labourers working in the Quarry and on the Rawang Road, 21 May 1919.

SUK SEL 897/ 1920, Grants in Aided Tamil Schools In Selangor for the Year 1919.

SUK SEL. 642/ 1922, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1921, 7.2.1922.

SUK SEL 748/1922, Annual Report of The Labour Department Coast District Selangor for The Year 1921, 14.02.1922.

SUK SEL 1040/1922, Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for the Year 1921, 03.03.1922.

SUK SEL. 1179/ 1923, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1922, 28.2.1923.

SUK SEL 951/ 1924, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1923.

SUK SEL. 2175/ 1924, Outbreak of Cholera at the Quarantine Camp, Port Swettenham, 28.5.1924.

SUK SEL. 2962/ 1924, Return of death by suicide of Indians in F.M.S: 1915-1923, 30.09.1924.

SUK SEL 790/1925, Annual Report of The Labour Department Coast District Selangor for The Year 1924, 11.02.1925.

SUK SEL 1031/1925, Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1924, 24.02.1925.

SUK SEL 914/ 1926, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1925, 12.2.1926.

SUK SEL 4615/1926, Report of The Malaria Advisory Board for The Year 1925, 15.9.1926.

SUK SEL 490/1927, Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1927, 27.02.1928.

SUK SEL 239/ 1928, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1927, 30.1.1928.

SUK. SEL 292/ 1928, Grants to Aid Tamil School of Selangor 1927.

SUK SEL 496/1928, Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1927, 25.02.1928.

SUK SEL 274/1929, Annual Report of Medical Department Selangor For The Year 1928, 4.2.1928.

SUK SEL 440/1929, Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1928, 23.02.1929.

SUK SEL 554/1929, Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1928, 15.03.1929.

SUK SEL 434/ 1930, Annual Report of Education Department of Selangor for the Year 1929, 20.2.1930.

SUK SEL 515/1930, Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1929, 05.03.1930.

SUK SEL 713/1930, Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1929, 08.04.1930.

SUK SEL 1230/1930, Enquires What Stamp Duty Is Payable on Certain Transfers to Be Executed By Raja Sir Annamalai Chettiar, 17.06.1930.

SUK SEL 2549/1930, Resolution Passed At A General Meeting At Nattukkottai Chettiars, 5.5.1930.

SUK SEL 507/1931, Annual Report of Medical Department Selangor for the Year 1930, 25.2.1931.

SUK SEL 610/1931, Annual Report of The Labour Department, Klang Labour Office for The Year 1930, 09.03.1931.

SUK SEL 633/1931, Annual Report of The Labour Department Inland District Selangor for The Year 1930, 12.03.1931.

SUK SEL 2362/ 1932, Presentation of Imperial Service Medal to Mr. R. Thambipillay, 11.10.1932.

SUK SEL 621/1937, Bill for The Registration of Dresser and Hospital Assistants, 11.6.1937.

SUK SEL 260/1938, Placing of English School Teachers on the Pensionable Establishment, 24.1.1938.

d) Fail Jabatan Kebersihan Klang

S.B.K. 20/45, Report on Sanitary Board Tamil School Klang, 30.11.1940.

e) Fail *Chinese Miscellaneous*

Chinese MISC 2642/1897, Letter from a group of businessmen and clan business owners to the British Resident of Selangor, 14.5.1897.

Chinese MISC 478/1897, A letter from Alagappa Chitty to the Selangor Government, 20.1.1892.

f) Fail Sekretariat Cina

Chinese Secretariat 3616/93. Recommend an Application from LokeYew, Thamboosamy Pillai, Wong Chi Sew dan Kiong Oh Joo for 100 acres mining rights in Kuala Lumpur, 19.6.1893.

Sumber Yang Diterbitkan

a) Dokumen Kerajaan Yang Diterbitkan

A Report on the 1931 Census And On Certain Problems of Vital Statistics.

Annual Report on Administration of Federated Malay States for The Year of 1935

Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States For The Year 1931, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1932.

Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States For The Year 1932, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1933.

Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States For The Year 1933, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1934.

Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States For The Year 1934, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1935.

Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States For The Year 1935, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1936.

Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States For The Year 1937, Singapore: Government Printing Office, 1938.

Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States For The Year 1938, Singapore: Government Printing Office, 1939.

Annual Report of Federated Malay States, 1901.

Annual Report of The Agent of the Government of India in British Malaya for the Year 1916.

Annual Report of The Labour Department, 1931, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1932.

Annual Report of The Labour Department, 1932, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1933.

Annual Report of The Labour Department, 1935, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1934.

Annual Report of The Labour Department, 1936, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1937.

Annual Report of The Labour Department, 1937, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1938.

Annual Report of The Labour Department, 1938, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1939.

Annual Report of The Medical Department Federated Malay States For 1933, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1934.

Annual Report of The Medical Department State of Selangor For The Year 1935.

Annual Report of Selangor, 1906.

Annual Report of Selangor, 1948.

Annual Report of Selangor State Administration, 1896.

Annual Report of the South Indian Labour Fund Board, 1958.

Education Code for The Straits Settlements and Federated Malay States, Singapore: Government Printing Office, 1908.

Federated Malay States Annual Report on Education in The Federated Malay States For the Year 1915, Kuala Lumpur: Federated Malay State Government Printing Office, 1916.

Federated Malay States, Report of the Commission Appointed to Enquire into Certain Matters Affecting The Health of Estates in the Federated Malay States, 1923.

General Regulations for Indian Vernacular Schools in The Straits Settlement and Federated Malay States, Singapore: Government Printing Office, 1936.

Malayan Statistics 1929, London: The Malayan Information Agency, 1930.

Selangor Government Gazette, 1890.

Selangor Government Gazette, 1894.

SUMBER KEDUA

a) Buku

Abdullah Sani bin Yahaya, *Mengurus Sekolah*, Batu Caves: PTS Professional, 2003.

Abdullah Zakaria Ghazali (ed.), *Sejarah Negeri Selangor: Dari Zaman Prasejarah hingga Kemerdekaan*, Kajang: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005.

Adnan Hj, Nawang & Mohd Fadzil Othman (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah. 1992.

Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, *'Sanitary Board' Kuala Lumpur: Peranan dan Pentadbiran, 1890-1914*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2001.

Ande, Max, Ayurveda. *An Ancient Medical System*, Munich: GRIN Verlag, 2015.

Arasaratnam, Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, London: Oxford University Press, 1970.

Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd, 2001.

Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2012.

Eatwell, John, Milgate, Murray, Newman, Peter, *Social Economics: The New Palgrave*, New York: W.W. Norton, 1989.

Gullick, J.M., *A History of Selangor (1766-1939)*, Petaling Jaya: Falcon Press Sdn Bhd, 1998.

Gullick, J.M., (ed.), *J.H.M. Robson, Records and Recollections 1889-1934*, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2001, hlm. 78-79.
Haji Buyong Bin Adil, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.

Hall, D.G.E., *Sejarah Awal Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

Janekey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Dilemma*, Selangor: Nationwide Human Development and Research Centre, 2009.

Janekey Raman Manickam, *The Malaysian Indian Forgotten History of the Colonial Era: Sweat, Blood and Tears*, Klang: Nationwide Human Development and Research Centre, 2022 (2nd Edition).

Jackson, R.N., *Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786-1920: A Historical Monograph*, Kuala Lumpur: Government Press, 1961.

Joginder Singh Jersey, *Malaysia, Singapore and Brunei: 1400-1965*, Petaling Jaya: Longman Malaysia, 1974.

Kernial Singh Sandhu, *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement, 1786-1957*, New York: Cambridge University Press, 1969.

Khoo Kay Kim, *The Western Malay States, 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972.

Khoo Kay Kim & Paiman bin Keromo (ed.), *Selangor Darul Ehsan: Satu Persepsi Sejarah*, Selangor: Muzium Negeri Selangor Darul Ehsan, 1989.

Lim Teck Ghee, *Peasants and their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977.

Mohamed Roselan Abdul Malek, *Kesan Sejarah dan Tempat-tempat Menarik di Selangor*, Selangor: Oscar Book, 1998.

V. Nadarajan, *Bujang Valley: The Wonder that was Ancient Kedah*, Selangor: Kuan Press Sdn Bhd, 2013.

Neagley, Ross Linn & Evans, Norman Dean, *Handbook for Effective Curriculum Development*, Englewood Cliffs: Prentice Hall, 1967.

Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008.

Netto, George, *Indians in Malaya: Historical Facts and Figures*, Singapore: George Netto, 1961.

Paul D. Wiebe & Mariappen, S, *Indian Malaysians: The View from the Plantation*, Durhan: Carolina Academic Press, 1979.

Rajakrishnan Ramasamy, *Sojourners to Citizens: Sri Lankan Tamils in Malaysia, 1885-1965*, Michigan: The University of Michigan, 2008.

Rajeswary Ampalavanar Brown, *Capital dan Entrepreneurship in South East Asia*, London: Palgrave Macmillan, 1994.

Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945-1957*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1981.

Ravindra K. Jain, *South Indians on The Plantation Frontier in Malaya*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1970.

Sadka, Emily, *The Protected Malay States, 1874-1895*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016.

Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co, 1994.

Sejarah dan Warisan Klang Bandar Diraja, Klang: Majlis Perbandaran Klang, 2013.

Swift, D.F., *The Sociology of Education: Introductory Analytical Perspectives*, London: Routledge & Kegan Paul, 1969.

Syed Omar Syed Agil dan Alwi Mohd Yunus, *Budaya Ilmu dan Kecemerlangan Bangsa Melayu: Ke Arah Negeri Selangor Sebagai Destinasi Ilmu*, Kuala Lumpur: INMIND, 1997.

Thillaiapalam Selvaratnam and Sinnapoo Apputhurai, *Legacy of the Pioneers: 125 Years of the Jaffna Tamils in Malaysia*.

Ummadevi Suppiah dan Sivachandralingam Sundara Raja, *The Chettiar Role in Malaysia's Economic History*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016.

Usha Mahajani, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, New York: Vora and Co., 1957.

Waldau, Paul & Patton, Kimberley, *A Communion of Subjects: Animal in Religion, Science, and Ethics*, New York: Columbia University Press.

Yussof Hasan, *Jugra Dalam Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Trata, 1983.

b) Bab dalam Buku

Amarjit Kaur, "Perkembangan Ekonomi Selangor: Suatu Tinjauan Sejarah" dalam Adnan Haji, Nawang dan Mohd Fadzil Othman (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah. 1992

Khoo Kay Kim, "Riwayat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan" dalam. Adnan Haji Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (ed.), *Sejarah: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah Selangor Darul Ehsan, 1992.

Mavis Puthucheary, "Indians in the Public Sector in Malaysia" dalam Kernial Sindhu Sandhu and A.Mani (ed.), *Indian Communities In Southeast Asia*, Singapore, ISEAS, 1993.

Parameswari Krishnan, "Perkembangan Masyarakat India", dlm. Azharudin Mohamed Dali (et al.) (eds.), *Sejarah dan Warisan Klang Bandar Diraja*, Klang: Majlis Perbandaran Klang, 2013.

Ramasamy Palanisamy, "Socio-Economic Transformation of Malaysian Indian Plantation Workers" dalam. Kernial Singh Sandhu & A. Mani (edt), *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapore, ISEAS, 1993.

Zulkanain Abdul Rahman, "Ekonomi" dalam Abdullah Zakaria Ghazali (ed.) *Sejarah Negeri Selangor: Dari Zaman Prasejarah hingga Kemerdekaan*, Shah Alam: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005.

c) Artikel Jurnal

Amarjit Kaur, "Indian Labour, Labour Standards and Workers, Health in Burma and Malaya, 1900-1940", *Modern Asian Studies*, Vol. 40, No. 2, 2006.

A. Hamidin & Maniam Thambu, "A Case Control Study on Personality Traits and Disorders in Deliberate Self-Harm in a Malaysian Hospital", *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, Vol. 4, No. 2, 2008.

Ayurvedic Medicine: An Ancient System", *The Malayan Medical Journal*, Vol. 2, No.3, 1927.

Colley, Frederick C, "Traditional Indian Medicine in Malaysia", *Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society*, Vol. 51, No.1, 1978.

Parameswari Krishnan, Hinduja Jayer Raman J and Said Darkasi, "Between Life and Death: Suicide amongst the Indian Labour in Colonial Malaya, 1900-1941", *International Journal of Social Science and Economics Invention*, Vol. 6, No.9, 2020.

M. Rajantheran, Sarjit S.Gill, Balakrishnan Muniapan, Silllalee K and Manimaran M, "A Critical Analysis of Siddha Tradition in the Context of Malaysian Hindu Culture", *Life Science Journal*, Vol. 11, No.7, 2014.

d) Surat Khabar Terpilih

Malay Mail, 28 March 1923.

The Straits Time Singapore, 15 April 1924.

The Times of Malaya, 14 February 1925.

The Indian Pioneer, 8 August 1930.

e) Kertas Kerja

Roslina Yunus, Azlizan Mat Enh, Zubaidah VP Hamzah, Mohamad Rodzi Razak, "Pengaruh Ekonomi British di Tanah Melayu: Penglibatan Imigran India Dalam Sektor Buruh di Malaya (1900-1957)" dlm. Proceedings The 6th International Conference on Social Sciences and Humanities, Dewan Perdana Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 4-6 April 2017.

f) Tesis dan Disertasi

Danapaul Saveri Dass, Tamil Education in West Malaysia and Singapore 1860-1970, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972.

Harbans Kour, Jagar Singh, Sejarah Kedatangan Buruh-buruh India ke Selangor 1900-1941: Satu Perbandingan Antara Buruh Swasta Dengan Buruh Kerajaan, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988/1989.

Nadaraja Kannan, Kemelesetan Ekonomi Dunia, 1929-1933: Kesan Sosioekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Mei 2002.

Noor Syazwani Binti Ishak, Samsu di Selangor: Kajian Terhadap Pembuatan, Pengambilan dan Kawalan, 1900-1941, Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018.

Nur Anisa Binti Mohd Fauzi, Perbezaan Produktiviti Di Antara Buruh Langsung Dan Buruh Tidak Langsung Terhadap Kerja-Kerja Jubin, Laporan Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 2018,

Saraswathi Chilliah, Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka, Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003/2004.

Ramesh Kandasamy, Sejarah Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor dari 1906 hingga 1950an, Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2001/2002.

g) Laman Web

Dr Sudha Seshayyan, *Truth & Legend of the Madras Medical College*,
<https://www.timesofindia.com> (Diakses pada 1 Julai 2023)

Lynelle Tham, *Doraisamy Pillay, Underrated Indian Community Leader*,
<https://www.freemalaysiatoday.com/category/top-lifestyle/2022/10/25/doraisamy-pillay-underrated-indian-community-leader>
(Diakses pada 17 Ogos 2023)

Universiti Malaya